



# BUKU TEKS PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL

---

*Edisi 2018*

---

# Penghargaan

Buku Teks Peperiksaan Asas Takaful - Edisi 2018 merupakan bahan rujukan utama untuk calon-calon yang bakal menduduki Peperiksaan Asas Takaful. Penyemakan buku teks ini tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa penyertaan dan bantuan ramai pihak. Oleh yang demikian, kami dengan setulus hati menghargai sumbangan yang telah diberikan dalam menyiapkan hasil kerja ini. Namun begitu, IBFIM dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada individu-individu berikut di atas usaha dan sumbangan mereka yang tidak terhingga dalam menjayakan inisiatif murni ini:

Ustaz Wan Mohd Nazman Wan Mahmud, Encik Mas Akmar Rizal Bin Mansor, Encik Hisham Hamzah, Encik Zulfakar Abdul Rahim, Encik Mohd Sidek Ahmad, Encik Maheswaran Periasamy, Puan Najwa Niza Abdul Aziz, Encik Muhamad Yusof Bin Sulaiman, Dr Paul Rajan, Encik Ahmad Akhir Abdul Majid, Puan Norsalwana Mohd Safian, Encik Aminudin Daud, Encik Abbas Mohd Suhaimi, Encik Johan Mohamad Yunus, Puan Norhasima Binti Baharudin, Encik Hamiriza Shah Bin Hamim and Puan Grace Yeoh.



**BUKU TEKS**

**PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL (TBE)**

**Bahagian A: Asas Takaful dan Takaful Perubatan  
& Kesihatan**

**Edisi  
2018**

## BAB A1 : PENGENALAN KEPADA *SHARĪ'AH* DAN *MU'ĀMALĀT*

### Objektif Pembelajaran

Untuk berkomunikasi dengan berkesan prinsip-prinsip *Sharī'ah* dalam *Mu'āmalāt*

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan dengan lebih berkesan mengenai prinsip-prinsip *Sharī'ah* dalam *Mu'āmalāt*

### A1.1 PENGENALAN

Perkataan '*Islām*' dalam bahasa Arab bermaksud 'penyerahan', dan berasal daripada perkataan yang membawa maksud 'keamanan'. Dalam konteks agama, Islam bermakna penyerahan sepenuhnya kepada kehendak *Allāh SWT*. *Islām* bukanlah agama semata-mata tetapi suatu '*ad-dīn*', yang bermaksud 'cara hidup'. Ia merangkumi dimensi jasmani dan rohani dalam kewujudan manusia.

*Allāh SWT* telah menegaskan kesempurnaan Islam dalam ayat *Al-Quran* yang berikut:

***Allāh SWT* berfirman:**

*"Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan ni'mat Ku kepada kamu dan Aku redhai Islam menjadi agama untuk kamu"*

*(al-Maidah: 3)*

#### 1.1.1 Konsep *Islām*


Pada asasnya, *Islām* merangkumi '*Aqīdah* (kepercayaan), *Sharī'ah* (undang-undang) dan *Akhlāq* (kod moral/adab).

Konsep *Sharī'ah* bukan sahaja mentadbir manusia dalam menjalankan hidupnya bagi merealisasikan kehendak Ilahi, tetapi meliputi semua tingkah laku; spiritual, mental serta

fizikal. Oleh itu, prinsip-prinsip *Sharī'ah* bukan saja mengenai undang-undang tetapi meliputi keseluruhan cara hidup yang merangkumi kepercayaan, amalan, tingkah laku peribadi, undang-undang dan sosial.

Oleh itu, *Islām* merangkumi cara hidup sebagaimana yang telah ditentukan oleh *Allāh SWT*.

*Islām* boleh dibahagikan seperti berikut:



Rajah 1 : Komponen Utama *Islām*

Komponen	Deskripsi
<i>'Aqīdah</i>	<i>'Aqīdah</i> secara literalnya bermaksud simpulan. Manakala secara amnya <i>'Aqīdah</i> merujuk kepada keyakinan dan kepercayaan kukuh dalam asas <i>Islām</i> yang merupakan pusat kepada tiang <i>Imān</i> . Ia adalah sistem kepercayaan yang memerlukan tahap kepercayaan yang tertinggi dan tidak boleh menafikan apa pun. Iman ini ( <i>'Aqīdah</i> ) didasarkan pada kepercayaan Keesaan <i>Allāh SWT</i> , Malaikat-Nya, Rasul-Nya, Kitab-kitab-Nya, Akhirat dan Ketetapan Ilahi-Nya. Dari asas utama ini, berpunca dari keseluruhan konsep <i>Islām</i> , peraturan dan perundangan seperti yang dijelaskan dalam Al-Qur'an dan tradisi Nabi.
<i>Akhḷāq</i>	Amalan kebaikan, moral, dan adab dalam teknologi dan falsafah Islam. Ia merangkumi hubungan antara manusia dan <i>Allāh SWT</i> , antara manusia dan manusia dan antara manusia dan makhluk lain.

<i>Sharī'ah</i>	<i>Sharī'ah</i> ialah satu set peraturan yang diperolehi daripada <i>Qur'ān</i> dan hadith-hadith <i>sahih (sunnah)</i> Nabi Muhammad SAW dan pendapat ilmiah ( <i>Ijtihād</i> ) berdasarkan <i>Qur'ān</i> dan Sunnah. <i>Sharī'ah</i> mengandungi kategori dan perkara-perkara mengenai undang-undang Islam yang dikenali sebagai cabang <i>fiqh</i> (perundangan Islam).
<i>Fiqh 'Ibādāt</i>	Peraturan mengenai hubungan antara manusia dan <i>Allāh SWT</i> seperti sembahyang ( <i>ṣalāh</i> ), puasa ( <i>ṣaum</i> ), mengeluarkan zakat ( <i>zakāh</i> ) dan mengerjakan haji.
<i>Fiqh Munākahāt</i>	Peraturan berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan seperti perkahwinan, perceraian, harta pusaka, penjagaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan.
<i>Fiqh Jināyat</i>	Peraturan berkaitan undang-undang jenayah dalam Islam, merangkumi kesalahan besar seperti persetubuhan haram ( <i>zina</i> ), kecurian ( <i>sariqah</i> ), pembunuhan ( <i>qatl</i> ) lain-lain.
<i>Fiqh Mu'āmalāt</i>	Peraturan yang mengawal transaksi perdagangan antara pihak-pihak yang terlibat.

Jadual 1 : Deskripsi Komponen-Komponen dalam Islam

### 1.1.2 Objektif *Sharī'ah (Maqāsid al Sharī'ah)*

*Maqāsid* ialah perkataan Arab yang bermaksud matlamat atau tujuan. Dalam konteks Islam, ia boleh dirujuk kepada tujuan kepercayaan di dalam Islam.

Menurut Imam al-Ghazali “objektif *Sharī'ah* adalah untuk menggalakkan kesejahteraan seluruh manusia, dengan menjaga iman mereka (*ad-dīn*), diri mereka (*nafs*), akal (*'aql*), keturunan mereka (*nasl*) dan harta benda mereka (*māl*). Apa sahaja yang boleh memastikan perlindungan daripada lima prinsip ini demi kepentingan awam, ia adalah sewajarnya.

Terdapat lima *Maqāsid* (objektif) seperti berikut: -

Pemeliharaan	Keterangan / Catatan
Kepercayaan	Pemeliharaan dan perlindungan kepercayaan atau agama ( <i>ad-dīn</i> ) di dalam semua keadaan.  <b>Contoh:</b> Mempertahankan kepercayaan agama Islam terutamanya jika ia diserang oleh musuh-musuh Islam.

Nyawa	<p>Pemeliharaan dan perlindungan keselamatan nyawa manusia didalam semua keadaan.</p> <p><b>Contoh:</b> Dalam usaha untuk melindungi nyawa manusia, hukuman yang berat dikenakan ke atas mereka yang membunuh orang.</p>
Keturunan	<p>Pemeliharaan dan perlindungan keturunan dan kehormatan didalam semua keadaan.</p> <p><b>Contoh:</b> Islam melarang pengikutnya berzina atau berkelakuan tidak bermoral.</p>
Akal	<p>Pemeliharaan dan perlindungan intelek dan minda di dalam semua keadaan. Pemeliharaan akal ialah melindunginya dari perkara-perkara yang boleh merosakkan dan menjejaskan fungsi serta keupayaan berfikir.</p> <p><b>Contoh:</b> Pengambilan minuman keras atau seumpamanya akan memberi kesan negatif kepada fungsi otak.</p>
Harta	<p>Pemeliharaan dan perlindungan harta didalam semua keadaan iaitu harta benda, bukan harta benda, tunai, stok dan sebagainya.</p> <p><b>Contoh:</b> Inisiatif dan perancangan pro-aktif dalam melindungi harta benda terhadap musibah atau bencana.</p>

Jadual 2 : Deskripsi Objektif-Objektif *Sharī'ah*

### 1.1.3 Sumber *Sharī'ah*

Terdapat empat sumber undang-undang yang dipersetujui oleh majoriti ulama seperti berikut:

Sumber	Keterangan / Catatan
<i>Qur'ān</i>	<i>Qur'ān</i> secara tersurat bermaksud 'membaca' atau 'bacaan' yang berasal dari kata dasar <i>qara'a</i> yang bermakna 'membaca'. Secara teknikalnya, ia didefinisikan sebagai kata-kata <i>Allāh SWT</i> yang diwahyukan kepada Nabi <i>Muhammad SAW</i> dalam bahasa Arab sebagai sumber rujukan.

<i>Sunnah</i>	<p><i>Sunnah</i> secara tersurat bermaksud perilaku atau amalan kebiasaan, sama ada amalan ini baik atau buruk. Di dalam istilah <i>Uṣūl al-Fiqh</i> atau prinsip-prinsip perundangan, <i>Sunnah</i> adalah kata-kata (<i>qawl</i>), perbuatan (<i>fi'l</i>) atau pengakuan (<i>taqrîr</i>) yang bersumber daripada Nabi <i>Muhammad SAW</i> atau yang dikeluarkan daripada baginda selain dari yang terdapat di dalam <i>Qur'ân</i>.</p> <p>ia boleh dibahagikan kepada tiga kategori:</p> <p>a. <i>Sunnah</i> melalui Perkataan (<i>Sunnah Qawliyyah</i>) Merujuk kepada ucapan Nabi Muhammad <i>SAW</i> atau mesej-mesej yang disampaikan secara lisan</p> <p>Contoh: “<i>Berpuasalah setelah melihat anak bulan dan berbukalah (berhari raya) setelah melihat anak bulan</i>” (<i>Sahîh Muslim, Hadith No. 2378</i>)</p> <p>b. <i>Sunnah</i> melalui Perbuatan (<i>Sunnah Fi'liyyah</i>) Jenis <i>sunnah</i> ini merujuk kepada perbuatan dan arahan sebenar Nabi Muhammad <i>SAW</i>.</p> <p>Contoh : Cara Nabi Muhammad <i>SAW</i> mengerjakan sembahyang (<i>ṣalâh</i>).</p> <p>c. <i>Sunnah</i> melalui Persetujuan (<i>Sunnah Taqiriyyah</i>)</p> <p><i>Sunnah</i> ini terdiri daripada perbuatan dan kata-kata para sahabat di hadapan Nabi atau yang sampai kepada pengetahuannya tetapi beliau diam sahaja.</p> <p>Sebagai contoh, selepas panggilan untuk sembahyang (<i>adhân</i>) dibuat untuk <i>Maghrib</i>, beberapa sahabat yang kebiasaannya melakukan sembahyang sunat tambahan (terpuji) sebanyak dua rakaat sebelum sembahyang wajib <i>Maghrib</i>. Nabi <i>SAW</i> sendiri tidak melakukan perkara yang sama, tetapi tidak pernah menghalang para sahabat dari melakukan sembahyang tersebut.</p>
---------------	--



<i>Ijmā'</i>	<p><i>Ijmā'</i> merupakan sumber hukum Islam yang diperolehi dari wahyu <i>Ilahi</i> melalui proses penalaran manusia. <i>Ijmā'</i> mempunyai kesan ikatan pada seluruh masyarakat Islam. Ia ditakrifkan sebagai perjanjian <i>mujtahidūn</i> (ahli hukum) dari kalangan masyarakat <i>Nabi Muhammad SAW</i> selepas kewafatannya dalam suatu masa tertentu atas suatu hukum Islam.</p> <p>Contoh: Dbolehkan penggunaan kontrak <i>Muḍārabah</i>, <i>Ijarah</i> dan sebagainya yang digunakan dalam kewangan Islam.</p>
<i>Qiyās</i>	<p><i>Qiyās</i> secara literal bermakna mengukur atau menentukan panjang, berat, atau kualiti sesuatu, dengan menggunakan sesuatu yang lain. Secara teknikalnya, <i>Qiyās</i> adalah lanjutan dari undang-undang <i>Sharī'ah</i> dari kes asal (<i>aṣl</i>) ke kes baru, kerana yang kedua itu mempunyai sebab yang sama seperti yang dahulu. Ia mungkin diterjemahkan secara tidak berapa tepat dalam bahasa Inggeris sebagai analogi.</p> <p>Contoh: Penggunaan mata wang moden / wang fiat.</p>

Jadual 3 : Deskripsi Sumber-Sumber *Sharī'ah*

## A1.2 MU'ĀMALĀT

### 1.2.1 Prinsip-Prinsip Asas *Mu'āmalāt*

Secara literal maksud "*mu'āmalāt*" (jamak dari perkataan *mu'āmalah*) ialah "urus niaga, manakala dari segi teknikalnya ia merupakan sebarang bentuk peraturan perhubungan dan persetujuan bersama antara manusia untuk menyelesaikan keperluan harian mereka, terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan perdagangan dan perniagaan. *Mu'āmalāt* merupakan hubungan sosial yang terdiri daripada pelbagai aktiviti ekonomi dan bukan ekonomi.

Prinsip-prinsip asas yang memainkan peranan dalam membentuk peraturan *Sharī'ah* dalam *mu'āmalāt* ialah :

Prinsip-prinsip Asas	Penerangan
Keharusan sebagai Peraturan Umum	Status semua perkara selain daripada ritual adalah dibenarkan sehingga bukti dikemukakan bahawa perkara tertentu dilarang.
Kesimpulan Kontrak dengan Persetujuan Bersama	Persetujuan bersama bermakna bahawa kontrak yang dimeterai oleh kedua-dua pihak hendaklah bebas daripada sebarang unsur-unsur paksaan, penipuan, salah nyata atau cara lain yang menyalahi undang-undang.

Pematuhan Kontrak dengan <i>Maqāṣid al Sharī'ah</i>	Transaksi atau kontrak yang dibuat oleh individu-individu hendaklah selaras dengan <i>Maqāṣid al Sharī'ah</i> .
Prinsip Edaran Kekayaan secara Meluas	Kekayaan dan harta harus diedarkan di kalangan orang ramai dan dipindahkan secara aktif dari satu tangan ke satu tangan yang lain dalam bentuk perbelanjaan dan pelaburan.
Prinsip Ketelusan dalam Urus niaga Perdagangan	Semua urus niaga kewangan perlu dijalankan dengan telus supaya semua pihak jelas mengenai semua fakta penting termasuk terma-terma dan syarat-syarat urusan mereka.
Adil dan Saksama dalam Urus Niaga	Keadilan adalah prinsip umum <i>Sharī'ah</i> yang perlu diamalkan dalam semua transaksi dan kontrak Islam.
Adat adalah sumber hukum	Dalam kebanyakan kontrak komersil <i>Sharī'ah</i> , banyak perkara yang dibenarkan mengikut adat.  Contoh: Penerimaan kelewatan dua hari perniagaan (t+2) sebagai transaksi spot dalam pertukaran mata wang.
Kebebasan Kontrak	Semua manusia bebas untuk meletakkan syarat dalam perjanjian mereka kecuali yang melarang sesuatu yang dibenarkan atau membenarkan sesuatu yang dilarang.  Contoh: Struktur harga untuk produk-produk.

Jadual 4 : Prinsip-Prinsip Asas *Mu'āmalāt*

### 1.2.2 Larangan-larangan Am dalam *Mu'āmalāt*

Semua aktiviti ekonomi dibenarkan selagi aktiviti-aktiviti tersebut tidak melanggar sebarang prinsip-prinsip *Sharī'ah*. Pendapat ini disepakati dengan sebulat suara oleh kesemua empat mazhab utama (*Hanafi*, *Mālikī*, *Shāfi'ī* dan *Hanbalī*) bahawa semua bentuk urusan perniagaan yang melanggar sebarang prinsip-prinsip *Sharī'ah* dianggap tidak sah.

#### Unsur-Unsur Yang Dilarang

##### 1. Bunga atau Faedah (*Ribā*)

*Ribā* di dalam Bahasa Arab secara tersuratnya bermaksud peningkatan, pengembangan atau pertumbuhan. Di dalam perundangan Islam, ia merujuk kepada satu peningkatan yang tidak mempunyai pertimbangan yang wajar menurut pandangan *Sharī'ah* tetapi bukan semua peningkatan tidak dibenarkan. *Ribā* tidak terhad kepada premium yang mesti dibayar oleh peminjam kepada pemberi pinjaman, sebaliknya ia merujuk kepada sebarang manfaat yang timbul daripada kontrak atau transaksi pinjaman yang melibatkan bunga atau faedah barangan (*ribawi*).

Ini boleh diringkaskan seperti di bawah :



Gambarajah 2 : Jenis-Jenis *Ribā*

a. *Ribā Buyū* (*Ribā* berdasarkan Jual Beli)

Berlaku di dalam urus niaga perdagangan dan pertukaran, di mana berlaku pertukaran yang tidak sama ke atas barangan *Ribāwi* dari jenis dan asas yang sama.

Jenis	Penerangan
<i>Ribā Fadhl</i>	Disebabkan jumlah/kuantiti yang tidak sama rata
<i>Ribā Nasī'ah</i>	Disebabkan pertukaran yang dibuat secara tangguh untuk barangan (item <i>ribawi</i> ) yang dimiliki oleh: 1. Asas/jenis ( <i>jins</i> ) yang sama dan bentuk ( <i>nau'</i> ) yang sama. <b>Contoh:</b> emas dan emas; atau 2. Asas/jenis ( <i>jins</i> ) yang sama dan bentuk ( <i>nau'</i> ) yang berbeza. <b>Contoh:</b> emas dan perak

Jadual 5: Deskripsi *Ribā Buyū'*

b. *Ribā Duyūn* (*Ribā* berdasarkan Hutang)

Kenaikan yang tidak wajar ke atas wang yang dipinjamkan sama ada dalam bentuk barangan atau wang tunai melebihi jumlah pokok.

Jenis	Penerangan
<i>Ribā Qard</i>	Merujuk kepada apa-apa manfaat atau faedah yang dikenakan di awal kontrak pinjaman tanpa mengira sama ada peminjam akan gagal membayar pada masa depan atau tidak.
<i>Ribā Jāhiliyyah</i>	Faedah tambahan dikenakan ke atas peminjam bagi pembayaran lewat atau kegagalan untuk membayar balik pinjaman di dalam masa yang ditetapkan.

Jadual 6 : Deskripsi *Ribā Duyūn***Nabi Muhammad SAW bersabda:**

*'Emas akan dibayar dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, dan garam dengan garam – sama jenis untuk sama jenis, seimbang untuk seimbang, pembayaran yang dibuat dengan serta-merta. Jika jenis berbeza, ikut kehendak anda menjualnya dengan syarat pembayaran dibuat dengan serta-merta.*

*(Sahih Muslim :3853)*

Dari hadis di atas, emas dan perak mewakili wang. Gandum, barli, tamar dan garam mewakili barang makanan asasi. Barang tersebut dikenali sebagai barang *ribawi*.

Peraturan pertukaran barangan berikut digunakan dalam menentukan sama ada transaksi berkenaan *riba fadhl* atau *riba nasi'ah*.

**Peraturan 1:**

Pertukaran antara bahan *ribawi* dari jenis yang sama (dan asas yang sama) hendaklah menggunakan kadar yang sama berat, sukatan atau jumlah dan penghantaran dan pembayaran mestilah dibuat pada waktu yang sama.

1. Jika pembayaran dan penghantaran barangan dibuat pada waktu yang sama tetapi kadar berat, sukatan atau jumlah bahan yang ditukar tidak seimbang, maka berlaku *riba fadhl*.
2. Jika pembayaran dan penghantaran barangan tidak dibuat pada waktu yang sama

tetapi kadar berat, sukatan atau jumlah bahan yang ditukar adalah seimbang, maka berlaku *riba nasi'ah*.

### **Peraturan 2:**

Pembayaran dan penghantaran di antara bahan *ribawi* dari jenis yang berbeza dan asas yang sama perlu dibuat pada waktu yang sama, walaupun mungkin dengan harga yang berbeza. Keseimbangan kadar berat, sukatan atau jumlah barangan yang ditukar tidak penting.

1. Jika bayaran dan penghantaran tidak dibuat pada waktu yang sama, maka berlaku *riba nasi'ah*.

### **Unsur-unsur *Ribā* Dalam Insurans**

#### **1. *Ribā Fadhl***

1. Pertukaran dua barangan *ribāwi* (pampasan kewangan dan premium insurans) dengan nilai yang berbeza.

#### **2. *Ribā Nasī'ah***

1. Pertukaran premium insurans dan pampasan kewangan pada masa yang berbeza.

#### **3. *Ribā Duyūn***

1. Faedah dikenakan ke atas pembayaran lewat premium;
2. Faedah dikenakan ke atas pinjaman polisi;
3. Syarikat insurans melabur premium yang dikumpul ke dalam pelaburan berasaskan faedah (*ribā*);
4. Syarikat insurans membayar faedah ke atas produk insurans hayat mereka; dan
5. Syarikat insurans mengambil kira faktor faedah pada masa hadapan dalam pengiraan premium.

## **2. *Gharar* (Ketidakpastian)**


*Gharar* atau ketidakpastian membuatkan transaksi tidak sah dalam Islam kerana ia akan menyebabkan berlaku ketidakadilan kepada pihak-pihak yang terlibat. Ini adalah disebabkan kuantiti dan kualiti yang dinyatakan dalam transaksi berkenaan tidak ditetapkan dan tidak diketahui yang boleh menjadikan kontrak tidak sah atau terbatal.

Sesuatu kontrak dianggap sebagai *gharār* bila mana:

1. Pihak terlibat tidak pasti samada kejadian akan berlaku atau tidak.
2. Subjek di luar pengetahuan pihak terlibat.
3. Tiada kepastian tentang kewujudan subjek.
4. Pengambilalihan yang diragui.
5. Nilai yang tidak diketahui.

Contoh *gharār* adalah menjual ikan di laut, burung di angkasa, jual beli anak lembu yang belum lahir dan masih dalam rahim ibunya, jual beli buah yang belum masak dan jual beli haiwan yang melarikan diri.

*Gharār* dikategorikan kepada **dua** jenis seperti berikut:



Gambarajah 3 : Jenis-Jenis *Gharār*

#### Unsur-unsur *Gharār* dalam Insurans

1. Pihak yang berkontrak dalam insurans tidak mengetahui secara jelas obligasi dan tanggungjawab masing-masing ke atas satu sama lain; penanggung insurans dan pihak yang diinsuranskan keduanya tidak mengetahui pencapaian hasil daripada kontrak.
2. Dalam konteks insurans am, pihak diinsuranskan tidak mengetahui jumlah pampasan yang bakal diterima dalam kes kemalangan atau peril.
3. Penanggung insurans tidak mengetahui bilakah peril akan berlaku.

4. Tiada kesamaan dalam insurans di mana premium dibayar, tetapi sekiranya peril yang dinsuranskan tidak berlaku, pihak yang dinsuranskan tidak dibayar apa-apa.
5. Insurans adalah suatu obligasi ke atas syarikat insurans untuk membayar pampasan yang kadangkala dipenuhi dan kadangkala tidak. Ketidakpastian ke atas hasil pertukaran semasa kontrak dimeterai, hasil pertukaran masih juga tidak pasti.

### 3. *Maisir* (Perjudian)

*Maisir* bermakna mendapatkan sesuatu dengan terlalu mudah atau memperolehi keuntungan tanpa berusaha. Islam melarang segala bentuk perniagaan di mana keuntungan kewangan diperolehi daripada mencuba nasib semata-mata atau spekulasi dan bukan dari pekerjaan. Tidak seperti *gharar* yang boleh diterima pada tahap tertentu, *maisir* tidak boleh diterima sama sekali.

#### Unsur-unsur *Maisir* Dalam Insurans


1. Orang yang diinsuranskan boleh menerima sejumlah wang yang besar tanpa bayaran yang setimpal (premium).
2. Terdapat keberangkalan premium dibayar tanpa mendapat apa-apa amaun sebagai balasan.
3. Penanggung insurans kerugian sekiranya terdapat banyak tuntutan.
4. Bila premium yang dikutip melebihi jumlah tuntutan, penanggung insurans boleh membuat untung yang besar.

#### 1.2.3 Konsep Kontrak dalam Muamalat

"*Aqad*" dari sudut bahasa bermaksud "ikatan" atau "simpulan". Ia boleh diterjemahkan sebagai "kontrak".

Al-Barbati dalam kitabnya "*Inayah 'ala Fath al-Qadri*" mentakrifkan *aqad* sebagai: "Hubungan yang sah di sisi undang-undang tercipta melalui gabungan dua pengisytiharan dan wujud kesan perundangan ke atas perkara pokok yang dimaksudkan".

Unsur-unsur penting dalam *aqad* :



Gambarajah 4 : Unsur-unsur Penting dalam 'Aqad

Unsur-Unsur Penting	Penerangan
<i>Sighah</i> (Tawaran dan Penerimaan)	<p>a. <i>Ijab</i> (tawaran)</p> <p>Dalam <i>Majallah al Ahkam al Adliyyah</i> dalam artikel 101, <i>ijab</i> ditakrifkan sebagai ikrar - untuk membuat penjualan harta dan mengesahkan penjualan tersebut.</p> <p>b. <i>Qabul</i> (penerimaan)</p> <p>Dalam <i>Majallah al Ahkam al Adliyyah</i> dalam artikel 102, <i>qabul</i> ditakrifkan sebagai ikrar yang disebut oleh pihak kedua apabila menerima penjualan harta dan dengan itu, perjanjian itu menjadi sempurna.</p>
' <i>Aqidan</i> (pihak-pihak yang terikat dalam kontrak)	Ia adalah syarat untuk kontrak yang sah bahawa pihak-pihak berkaitan mempunyai keupayaan. Keupayaan adalah kualiti yang menjadikan seseorang layak untuk mendapatkan hak-hak dan menjalankan tugas dan tanggungjawab.
<i>Ma'auud Alaih</i> (Subjek)	Subjek merujuk kepada barangan/perkhidmatan dan harga/pertimbangan dalam kontrak.

Jadual 7 : Unsur-unsur Penting dan Syarat-syarat Yang Perlu Dipenuhi dalam 'Aqad



## BAB A2 : KONSEP RISIKO

### Objektif Pembelajaran

Memahami pengurusan risiko dari perspektif Islam

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan dengan berkesan konsep pengurusan risiko di dalam Takaful

### A2.1 PENGENALAN

Risiko adalah keadaan ketidakpastian yang boleh mengakibatkan kemungkinan berlakunya kehilangan atau hasil yang tidak diinginkan.

Menurut ISO 31000 (2009) / Panduan ISO 73:2002 risiko ditakrifkan sebagai 'kesan ketidakpastian terhadap objektif'.

Ketidakpastian mungkin dirujuk sebagai "kekurangan kepastian yang lengkap disebabkan kewujudan lebih dari satu kebarangkalian di mana "betul" hasil/keadaan/keputusan/nilai adalah tidak diketahui". Secara umumnya, ketidakpastian mungkin merujuk kepada yang berikut:

1. Andaian terhadap kejadian yang bakal berlaku.
2. Margin kesalahan dalam penilaian fizikal yang dibuat.
3. Sesuatu yang tidak diketahui disebabkan kekurangan atau pengetahuan yang terhad terhadap beberapa fakta yang diperolehi.

Di dalam Takaful, perkataan "risiko" merujuk kepada kemungkinan berlakunya sesuatu peristiwa dan tahap keterukan kesan-kesan negatif daripada peristiwa tersebut yang mengakibatkan kerugian kewangan. Kerugian kewangan boleh ditakrifkan sebagai penurunan atau kehilangan nilai disebabkan oleh sesuatu kejadian yang tidak dijangkakan.

### A2.2 KONSEP RISIKO

Memandangkan wujudnya kaitan antara risiko dengan Takaful, tumpuan akan diberikan pada risiko yang melibatkan kemungkinan berlakunya kerugian dari segi kewangan. Kerugian kewangan boleh ditakrifkan sebagai penurunan atau kehilangan nilai disebabkan oleh sesuatu kontingensi.

Di dalam menilai risiko, terdapat dua (2) faktor yang perlu dipertimbangkan:

1. Kebarangkalian risiko berulang (kekerapan kerugian); dan
2. Akibat kejadian (tahap keterukan kerugian).

Secara umumnya, terdapat kekerapan yang tinggi bagi kadar insiden yang rendah dan kekerapan yang rendah bagi kadar insiden yang tinggi.

Contoh :

Kemalangan Kereta	Kemalangan Kapalterbang
Keterukan Rendah	Keterukan Tinggi
Kekerapan Tinggi	Kekerapan Rendah

### 2.2.1 Pengkelasan Risiko

Risiko boleh dikelaskan kepada beberapa kategori yang berbeza. Kategori yang paling penting adalah seperti yang berikut:

1. Risiko Tulen berbanding Risiko Spekulatif

Risiko	Huraian	Contoh
Tulen	Risiko dengan kemungkinan yang boleh menyebabkan hanya kerugian (contoh: rumah musnah akibat kebakaran) atau tiada kerugian (contoh: rumah tidak musnah akibat kebakaran yang berlaku pada tahun itu).	Kebakaran, kilat, banjir, ribut, kematian awal, kemalangan, kecurian dan lain-lain
Spekulatif	Risiko dengan kemungkinan yang boleh menyebabkan kerugian, tiada kerugian atau keuntungan (perolehan). Risiko spekulatif amnya tidak boleh dilindungi.	Pelaburan dalam pasaran saham dan turun naik matawang asing.

Jadual 8 : Risiko Tulen berbanding Risiko Spekulatif

## 2. Risiko Asas berbanding Risiko Khusus

Risiko	Penerangan	Contoh
Asas	Risiko yang akan memberikan kesan kepada semua lapisan masyarakat atau sejumlah besar orang dalam masyarakat. Risiko ini bukan dalam kawalan individu.	Kerosakan kepada harta benda akibat gempa bumi, peperangan, dan lain-lain
Khusus	Risiko yang akan memberi kesan kepada individu sahaja dan dalam kawalan individu.	Kerosakan kepada harta benda akibat kemalangan, kecurian dan rompakan.

Jadual 9 : Risiko Asas berbanding Risiko Khusus

**Jenis Risiko Tulen**

Risiko tulen secara umumnya boleh diinsuranskan dan topik insurans dan Takaful akan menekankan mengenai risiko-risiko ini.

Risiko tulen boleh dikategorikan kepada tiga (3) jenis yang akan menjejaskan jaminan kewangan, iaitu:

## 1. Risiko peribadi

Risiko ini ditakrifkan sebagai risiko yang secara langsung memberikan kesan terhadap individu.

Risiko peribadi seterusnya boleh dibahagikan kepada empat (4) jenis seperti yang berikut:

Bil.	Jenis risiko	Huraian
1	Kematian Awal	Kematian ketua isi rumah atau pencari nafkah boleh menyebabkan kesukaran kewangan kepada tanggungan.
2	Pendapatan yang tidak mencukupi semasa Persaraan	Kemungkinan pesara hilang pendapatan yang diperoleh mereka jika mereka tidak mempunyai aset kewangan yang mencukupi atau sumber pendapatan persaraan lain.

3	Kesihatan tidak memuaskan	Kemungkinan untuk membayar bil-bil perubatan yang terlalu besar dan kehilangan pendapatan.
4	Pengangguran	Ancaman utama terhadap jaminan kewangan akibat daripada kitaran menurun perniagaan, perubahan teknologi dan ekonomi dan lain-lain

Jadual 10 : Jenis-Jenis Risiko Peribadi

## 2. Risiko Harta Benda

Risiko harta benda merujuk kepada kemungkinan kerugian disebabkan oleh kerosakan harta benda yang berpunca daripada pelbagai sebab, seperti kebakaran, banjir, gempa bumi dan bencana alam yang lain.

Terdapat **dua** (2) jenis risiko yang berkaitan dengan harta benda:

Bil.	Jenis risiko	Huraian	Contoh
1	Kerugian Langsung	Kerugian kewangan akibat dari kerosakan fizikal, kemusnahan atau kecurian harta.	Sebuah kilang musnah oleh kebakaran (kerosakan fizikal kilang ialah satu kerugian langsung).
2	Kerugian tidak langsung atau kerugian turutan	Kerugian kewangan akibat tidak langsung daripada berlakunya kerosakan fizikal secara langsung atau kerugian kecurian harta.	Tambahan kepada kerosakan fizikal kilang, pemilik akan kehilangan pendapatan (kerugian turutan) disebabkan oleh pengurangan dalam pengeluaran sementara kilang itu sedang dibaik pulih.

Jadual 11 : Jenis-Jenis Risiko Harta Benda

## 3. Risiko Liabiliti

Risiko liabiliti merujuk kepada kecederaan tubuh badan pihak ketiga atau kerosakan harta benda. Di dalam kes ini, mahkamah boleh memerintahkan orang yang menyebabkan kemalangan untuk membayar ganti rugi yang besar kepada orang yang mengalami kecederaan.

Contoh:

Firma perniagaan boleh dipertanggungjawabkan dari segi undang-undang bagi produk yang rosak yang boleh menyebabkan kecederaan atau kerosakan harta benda kepada pengguna yang menggunakan produk ini.

### 2.2.3 Ciri-Ciri Risiko yang Boleh Dilindungi di bawah Takaful

Bil.	Ciri	Huraian
1	Nilai kewangan	Risiko ini mesti melibatkan kerugian yang boleh diukur dari segi kewangan (contoh: kebakaran rumah, kereta yang dicuri).
2	Pendedahan homogen (sama jenis)	Perlu ada sejumlah besar risiko yang serupa, dan homogen (sama jenis) sebelum mana-mana risiko daripada jumlah yang besar tersebut boleh diinsuranskan (contoh: kemalangan jalanraya).
3	Risiko Tulen	Kemungkinan yang boleh mengakibatkan kerugian (contoh: rumah musnah disebabkan kebakaran) atau tiada kerugian (contoh: tiada rumah yang musnah dalam kebakaran pada tahun itu).
4	Risiko Khusus	Risiko yang hanya menjejaskan individu dan berada di dalam kawalan individu itu sendiri (contoh: kemalangan kereta).
5	Kebetulan	Kekerapan dan keterukan apa-apa risiko mesti sepenuhnya di luar kawalan orang yang dilindungi atau tidak diduga (contoh: kemalangan).

Jadual 12 : Ciri-Ciri Risiko yang Boleh Dilindungi di Bawah Takaful

### 2.2.4 Sumber Risiko

Selain risiko, penting juga untuk memahami faktor-faktor yang boleh menyebabkan atau menyumbang kepada berlakunya kerugian iaitu "**Peril**" dan "**Bahaya**".

#### 1. Peril

Peril adalah sebab utama/punca berlakunya sesuatu kerugian secara langsung. Ia adalah suatu peristiwa yang berlaku di luar jangkauan/kawalan kita. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

##### a) Peril Semula Jadi:

Kategori ini termasuk peril seperti kecederaan dan kerosakan yang disebabkan oleh unsur-unsur alam semula jadi seperti hujan, ais, salji, taufan, hurikan, gunung berapi, ombak besar, angin, gempa bumi, atau banjir.

##### b) Peril Disebabkan Manusia:

Peril disebabkan manusia termasuk sebab-sebab kerugian yang di dalam kawalan

individu itu sendiri, termasuklah bunuh diri, rusuhan, peperangan, rompakan, produk-produk yang rosak, pencemaran alam sekitar, kemusnahan infrastruktur kompleks dan pelanggaran sistem keselamatan elektronik.

c) Peril Ekonomi:

Kategori peril ketiga adalah keadaan ekonomi, seperti kemelesetan, inflasi, turun naik ekonomi tempatan dan ketidakstabilan firma perindustrian.

2. Bahaya

Sementara bencana adalah punca langsung kerugian, bahaya merupakan faktor asas, yang meningkatkan kemungkinan berlakunya kerugian. Terdapat syarat-syarat yang lebih berbahaya daripada yang lain.

Contohnya, pekerjaan sebagai juruelektrik adalah pekerjaan yang lebih berbahaya berbanding dengan jurubank kerana juruelektrik lebih mudah terdedah kepada kemalangan.

Bil.	Jenis Bahaya	Huraian
1	Bahaya Fizikal	Keadaan fizikal sesuatu perkara yang meningkatkan kemungkinan kerugian.  Contoh: Kerosakan pendawaian di bangunan yang meningkatkan peluang kebakaran.
2	Bahaya Moral	Sikap individu yang meningkatkan kemungkinan kebakaran.  Contoh: Seorang yang cuai membuang rokok merata-rata dan tidak ambil peduli tindakannya melemparkan rokok itu boleh menyebabkan kemungkinan berlakunya kebakaran.
3	Bahaya Moral (Morale)	Suatu sikap yang kurang prihatin mengenai akibat tindakannya disebabkan wujudnya perlindungan Takaful.  Contoh: Seseorang memandu dengan cuai kerana menganggap dirinya dilindungi sepenuhnya oleh Takaful Motor.

Jadual 13 : Jenis-Jenis Bahaya

### A2.3 PENGURUSAN RISIKO

Menurut Institut Insurans Bertauliah UK (Chartered Insurance Institute UK), pengurusan risiko boleh ditakrifkan sebagai "pengenalpastian, analisis dan kawalan ekonomi bagi semua risiko yang memberikan kesan kepada aset dan keupayaan pendapatan perusahaan".

Sementara itu, Institut Insurans Malaysia (Malaysian Insurance Institute, MII) mentakrifkan pengurusan risiko sebagai "pendekatan sistematik dalam menangani risiko yang mengancam aset dan pendapatan daripada perniagaan atau perusahaan".

#### 2.3.1 Proses Pengurusan Risiko



Gambarajah 5 : Proses Pengurusan Risiko

##### 1. Mengenalpasti Risiko

Mengenalpasti risiko merujuk kepada proses mengenalpasti, menganalisis, mengkaji dan menjangkakan kemungkinan risiko. Objektif mengenalpasti risiko adalah untuk mengenal pasti dan mengkategorikan risiko yang boleh menjejaskan projek dan mendokumentasikan risiko-risiko ini. Hasil daripada mengenalpasti risiko ialah penyenaian risiko-risiko.

## 2. Menilai Risiko

Menilai risiko ialah proses menentukan kesan risiko atau potensi kerugian supaya tindakan sewajarnya dapat diambil, dengan mengambil kira sumber yang ada. Dalam usaha menilai atau menentukan impak risiko, berikut perlu dipertimbangkan:

### a. Kekerapan Risiko

Kekerapan risiko merujuk kepada bilangan berapa kali peristiwa yang menyebabkan kerugian akan berlaku dalam tempoh masa yang diberikan (kebarangkalian kejadiannya).

### b. Keterukan Risiko

Keterukan risiko merujuk kepada kos atau jumlah kerugian, dari segi nilai wang, yang timbul daripada peristiwa yang menyebabkan kerugian.

## 3. Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko

Setelah risiko dinilai sepenuhnya, maka perlu pula untuk membangunkan pelan pengurusan risiko dengan memilih kaedah pengendalian risiko yang bersesuaian. Pemilihan perlu mengambil kira kos dan keberkesanan.

Berikut ialah kaedah pengendalian risiko:

Kaedah	Penerangan
Penghindaran Risiko	Merupakan teknik yang diusahakan untuk menghapus atau mencegah risiko melalui pemberhentian aktiviti-aktiviti atau perniagaan yang mencetuskan risiko.  Contoh: Seorang perokok berhenti merokok untuk mengelak risiko kanser paru-paru.
Pengawalan Risiko	Merupakan satu teknik untuk mengurangkan risiko bagi mencapai tahap yang diterima dan standard yang wajar. Ia melibatkan kaedah yang mengurangkan tahap kerugian yang teruk atau kemungkinan berlaku lagi kerugian.  Contoh: Pemasangan perenjis air untuk memadamkan api bagi mengurangkan tahap kerugian yang teruk.



Pengekalan Risiko	<p>Ini melibatkan penerimaan risiko jika tahap semasa risiko sudah berada pada tahap yang boleh diterima. Pengekalan risiko ialah satu strategi yang berdaya maju bagi risiko kecil apabila kos menginsuranskan risiko akan lebih besar dari masa ke masa berbanding dengan jumlah kerugian yang dialami.</p> <p>Contoh: Menerima risiko tayar pancit memang dijangkakan.</p>
Pemindahan Risiko	<p>Ini melibatkan pemindahan risiko kepada organisasi atau individu. Apabila risiko dipindahkan, kerugian akan dibayar oleh organisasi atau individu yang mana risiko tersebut dipindahkan.</p> <p>Contoh: Seorang pemilik rumah boleh memindahkan risiko kerugian yang ditanggung apabila rumahnya musnah oleh kebakaran dengan menandatangani kontrak Takaful Kebakaran.</p>
Perkongsian Risiko	<p>Proses perkongsian risiko dengan orang lain yang mempunyai ciri risiko yang sama. Amalan ini dikenali sebagai Takaful atau saling melindungi.</p> <p>Contoh: Empunya kenderaan motor boleh berkongsi risiko kerugian sekiranya kenderaan mengalami kemalangan dengan mengambil perlindungan Takaful Motor.</p>

Jadual 14 : Kaedah Pengendalian Risiko

#### 4. Melaksana Pelan Pengurusan Risiko

Setelah melakukan pemilihan terhadap kaedah yang sesuai, pelan tersebut sedia untuk dilaksanakan. Bagi melaksanakan langkah ini, risiko tersebut perlu diberikan keutamaan dan diselaraskan dengan tindakan-tindakan yang diambil. Salah satu tindakan sudah tentunya adalah untuk menginsuranskan/melindungi risiko.

#### 5. Mengkaji dan memantau Pelan Pengurusan Risiko

Aktiviti ini melibatkan kajian secara berkala, pemantauan ke atas proses pelaksanaan serta semakan secara progresif ke atas pelan berdasarkan apa-apa perubahan dalam persekitaran perniagaan dan ekonomi.

Kajian secara berkala boleh membantu untuk mengenal pasti apa-apa kekurangan atau pelarasan dan juga memastikan objektif pelan itu dicapai. Kajian perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun.

#### A2.4 KONSEP RISIKO DALAM ISLAM

*Islām* mengakui bahawa *Allāh SWT* memegang kunci dan pengetahuan fizikal dan metafizik, yang dilihat dan yang tidak kelihatan di alam semesta. Risiko dan ketidakpastian adalah tidak diketahui, yang hanya *Allāh SWT* mempunyai pengetahuan sebagaimana dijelaskan dalam ayat berikut:

***Allāh SWT* berfirman:**

*“Dan pada sisi Allah-lah kunci-kunci semua yang ghaib; tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri, dan Dia mengetahui apa yang di daratan dan di lautan, dan tiada sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya (pula), dan tidak jatuh sebutir biji-pun dalam kegelapan bumi, dan tidak sesuatu yang basah atau yang kering, melainkan tertulis dalam kitab yang nyata”*

*(An-An’aam :59)*

Manusia menghadapi risiko di dalam setiap aspek kehidupan. Manusia akan diuji secara berterusan dengan kemalangan dan bencana seperti kematian awal, kecacatan, kemalangan dan lain-lain.

Ini bersesuaian dengan ayat *Quran* yang berikut:

***Allāh SWT* berfirman:**

*“Dan sungguh akan Kami berikan cobaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”*

*(Al-Baqarah : 155)*

#### A2.5 TAKAFUL SEBAGAI ALAT PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah penting di dalam Islam, dan Takaful menyediakan cara untuk menguruskan risiko dalam perniagaan mengikut prinsip *Sharī’ah*. Ia membantu di dalam mengurangkan kebimbangan dan ketakutan, ganti rugi dan kerosakan dan memberikan perlindungan kepada peserta, keturunannya dan hartanya atau kekayaannya mengikut landasan

*Shari'ah.*

Idea utama kontrak Takaful adalah merupakan transaksi kewangan kerjasama antara peserta untuk perlindungan bersama dari risiko material masa depan yang tidak dijangka. Di dalam transaksi Takaful, peserta skim Takaful saling bersetuju untuk membantu satu sama lain dari segi kewangan di dalam keperluan tertentu (seperti yang ditentukan di dalam kontrak Takaful) dengan menyumbangkan kepada dana Takaful Bersama.

Selaras dengan *Shari'ah* mengenai Takaful (yang bermaksud tanggungjawab bersama dan jaminan berkongsi), para peserta saling bersetuju untuk memberikan pampasan sekiranya berlaku kemalangan.

Peserta skim Takaful juga bersetuju untuk saling bertanggungjawab atau bersama-sama memikul tanggungjawab.

Oleh itu, Takaful boleh menjadi kaedah pengurusan risiko yang sangat berkesan untuk merancang sesuatu yang tidak diingini seperti penyakit, hilang upaya kekal atau penyakit.

## BAB A3 : PENGENALAN TAKAFUL

### Objektif Pembelajaran

Memahami ciri-ciri utama konsep, amalan dan manfaat Takaful

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan dengan berkesan konsep asas Takaful

### A3.1 PENGENALAN

Industri Takaful Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan yang pesat sejak awal penubuhannya pada tahun 1984. Industri ini telah berkembang daripada industri yang terdiri dari Pengendali Takaful tunggal untuk menjadi industri yang berdaya maju. Hari ini, Takaful merupakan industri yang penting dalam sistem kewangan Islam.

#### 3.1.1 Definisi

Perkataan "Takaful" berasal daripada kata kerja bahasa Arab "*kafala*" yang bermaksud saling menjamin. Oleh itu, pakatan yang melibatkan sekurang-kurangnya antara dua pihak yang sama-sama bersetuju untuk menjamin satu sama lain sekiranya berlaku kehilangan atau kerugian, sebagai akibat daripada ditimpa bencana mentakrifkan istilah "*Takaful*".

Menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) Takaful bermaksud:

"Suatu pengaturan yang berdasarkan saling membantu di mana peserta Takaful bersetuju untuk menyumbang kepada kumpulan wang bersama yang memberi manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada peserta Takaful atau waris mereka apabila berlaku keadaan-keadaan yang telah dipersetujui terlebih dahulu".

### A3.2 PERKEMBANGAN TAKAFUL

#### 1. Amalan *Al-Aqilah*

Ini adalah amalan yang menjadi adat puak Arab purba, yang diperkenalkan untuk menggantikan sistem barbarik "darah untuk darah". Di bawah sistem ini, sekiranya salah seorang dari puak dibunuh oleh puak yang lain, saudara-saudara dekat pembunuh yang

dikenali sebagai '*Aqilah*' atau '*Ma'aqil*' dalam istilah Arab dikehendaki membayar sejumlah "wang darah" sebagai pampasan kepada ahli waris mangsa. Mereka akan mengumpulkan dan memberi sumbangan bagi pihak pembunuh.

Pembayaran "wang darah" seolah-olah menjadi satu bentuk perlindungan kewangan untuk ahli waris si mati terhadap kematian mangsa yang tidak dijangka.

## 2. Amalan Nabi Muhammad SAW

Amalan ini telah disahkan oleh Nabi Muhammad SAW dan dinyatakan di dalam Perlembagaan Madinah yang pertama (*Mithaq al-Madina*). Perlembagaan Madinah yang diisytiharkan sejurus selepas penghijrahan ke Madinah pada 622 A.D adalah contoh paling besar tentang bagaimana Nabi Muhammad SAW telah membenarkan konsep insurans. Perlembagaan yang telah digubal untuk rakyat Madinah adalah skim Takaful pertama yang diumumkan oleh negara Islam yang pertama.

### 1. *Diyat* (Wang Darah)

Perlembagaan Madinah menyatakan bahawa:

"Pendatang di kalangan orang *Quraish* akan bertanggungjawab atas perkataan mereka dan akan membayar wang darah mereka dengan saling berkerjasama".

Ini adalah sejajar dengan doktrin '*Aqilah*'.

### 2. *Fidyah* (Tebusan)

Kewajipan membayar *fidyah* untuk pembebasan tahanan telah dikenakan pada para pendatang *Quraish*. Ini untuk menanam sikap saling bekerjasama di kalangan pengikut nabi sesuai dengan prinsip kebaikan dan keadilan. Begitu juga, semua puak lain wajib mematuhi peraturan ini.


### 3. Sedekah dan Amal Kebajikan

Nabi Muhammad SAW mengisytiharkan bahawa masyarakat perlu bertanggungjawab menubuhkan *Bayt al-Mal* (Rumah Harta) dengan persefahaman bersama untuk menyediakan bantuan kepada golongan yang memerlukan, sakit dan miskin.

## 3. Amalan Para Sahabat

Sistem *Aqilah* seterusnya telah dibangunkan semasa Khalifah Islam yang kedua, Saidina Umar al-Khattab r.a. Beliau telah menubuhkan *Diwan of Mujahidin* di setiap daerah bertujuan memperluaskan kerjasama untuk menyumbang wang diyat akibat pembunuhan di kalangan puak mereka sendiri yang dilakukan oleh orang lain dari suku yang sama.

### A3.3 FALSAFAH DAN KONSEP TAKAFUL



Gambarajah 6 : Falsafah dan Konsep Takaful

Takaful adalah skim perlindungan di mana sekumpulan peserta saling bersetuju di antara mereka dengan menyumbang sebagai *tabarru'* atau derma ke dalam dana Takaful untuk menjamin satu sama lain terhadap kerugian atau kerosakan tertentu yang mungkin berlaku kepada mana-mana pihak. Ia menekankan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta.

Konsep *tabarru'* menghapuskan unsur ketidakpastian di dalam kontrak Takaful.

### A3.4 MANFAAT-MANFAAT TAKAFUL

Takaful menawarkan kedua-dua keuntungan kewangan melalui skim perlindungan dan "keuntungan" dari segi kerohanian. Beberapa manfaat adalah seperti berikut:

1. Takaful membolehkan peserta untuk menunaikan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan keluarga.
2. Takaful juga membolehkan bantuan kewangan bagi yang kurang bernasib baik dan mereka yang memerlukan melalui konsep *tabarru'* di mana sebahagian daripada sumbangan itu akan diagihkan kepada kumpulan wang berisiko. *Tabarru'* juga membolehkan peserta untuk menyucikan diri mereka serta mencapai ketenangan fikiran.
3. Menggalakkan nilai-nilai moral dan etika berurusan dalam semua aktiviti perniagaan dan operasi kerana ianya bebas daripada unsur-unsur yang dilarang seperti *Ribā*, *Gharār* dan *Maysir* serta lain-lain unsur yang dilarang dalam urusan kewangan.
4. Memberi perlindungan dan keselamatan untuk keluarga dan kumpulan daripada sebarang musibah.

5. Zakat pendapatan serta cukai korporat yang dikeluarkan oleh syarikat pengendali Takaful boleh digunakan untuk pembangunan masyarakat serta negara.

### A3.5 PENAMAAN TAKAFUL

#### 3.5.1 Definisi Penamaan

Penamaan di dalam Takaful adalah suatu tindakan menamakan seseorang untuk menerima manfaat sijil yang dibayar sekiranya berlaku kematian ke atas pemilik sijil.

#### 3.5.2 Jenis-Jenis Penamaan

Penama boleh menerima manfaat Takaful yang dibayar di bawah sijil Takaful sama ada sebagai pentadbir (wasi) atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat, mengikut mana yang berkenaan, seperti yang dinyatakan dalam borang penamaan oleh peserta Takaful.

Sekiranya penama dinamakan sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat, penama akan menerima hasil tuntutan sebagai benefisiari dan berhak mendapat faedah sepenuhnya mengikut bahagian/peraturan yang dinyatakan dalam borang penamaan.

Jika seseorang penama dinamakan sebagai seorang pentadbir (wasi), penama hendaklah bertindak sebagai pentadbir untuk menerima manfaat sijil dan bertanggungjawab untuk mengagihkan kepada waris yang sah mengikut undang-undang yang sedia ada mengenai pentadbiran, pengagihan dan pelupusan harta. Bagi umat Islam, pengagihan harta pusaka mestilah mengikut undang-undang *Faraid* manakala untuk peserta bukan Islam, pengagihan perlu mengikut Akta Pengagihan.

Di dalam Seksyen 142 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013) menyatakan:

Jadual 10 menyatakan peruntukan bagi pembayaran manfaat takaful apabila kematian peserta takaful di bawah sijil takaful keluarga dan sijil takaful kemalangan diri, yang dikeluarkan berkenaan dengan suatu kontrak takaful yang dibuat oleh peserta takaful atas hayatnya.

Oleh itu, rujukan hendaklah dibuat kepada Jadual 10 dari IFSA 2013, yang membincangkan proses dan kesan kepada penamaan.

## BAB A4 : PERBANDINGAN ANTARA TAKAFUL DAN INSURANS

### Objektif Pembelajaran

Memahami struktur asas konsep Insurans dan Takaful

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan perbandingan di antara Insurans dan Takaful

### A4.1 PENGENALAN

Insurans telah wujud sejak beberapa abad. Sesetengah ahli sejarah menjejaki asal usul insurans dari 215 Masihi /CE, apabila kerajaan Romawi diperlukan oleh pembekal tentera untuk menanggung semua risiko yang timbul akibat daripada serangan musuh, ribut, dan lain-lain bencana alam terhadap bekalan yang dibawa di atas kapal mereka. (Omar Fisher, 2009). Bukti terawal kontrak insurans bermula dari tahun sekitar 2,800 Sebelum Masihi di mana kod perundangan Babylon menunjukkan peraturan mengenai insurans. Pada asasnya konsep insurans telah dibangunkan untuk menangani bahaya yang dihadapi oleh saudagar-saudagar dan pedagang-pedagang di laut. Ini berbeza daripada perlindungan kargo dan barangan yang dibawa oleh kapal-kapal bagi perlindungan terhadap kehilangan nyawa para pelayar dan pegawai.

Dalam erti kata lain, terdapat keperluan untuk manusia bersedia terhadap kerugian. Dan insurans moden boleh dijejaki bermula pada abad 1600 Masihi, apabila saudagar- saudagar British dan pemilik kapal mula bertemu di kedai kopi berhampiran Lombard Street di London. Kedai kopi ini dinamakan Lloyd, di mana mereka membuat perjanjian untuk saling berkongsi dalam keuntungan dan kerugian pelayaran di laut (Omar Fisher, 2009).

Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa amalan tersebut juga tersebar luas di kalangan orang Cina, Yunani dan Eropah. Kes pertama insurans hayat bermula pada tahun 1583 di England di mana kontrak jangka tertentu dikeluarkan untuk hayat William Gybbon.

Satu perkembangan yang penting dalam industri insurans hayat ialah pembangunan jadual kemortalan oleh Edmund Halley dalam tahun 1693. Walau bagaimanapun, kira-kira satu abad kemudiannya barulah tahap ketepatannya telah dicapai dalam meramal kadar kemortalan.

Insurans telah diperkenalkan di Malaysia bermula sejak abad ke-18 dan ke-19 di mana firma-firma perdagangan dan rumah-rumah agensi bertindak sebagai ejen bagi syarikat- syarikat



insurans dari United Kingdom.

Setelah mencapai kemerdekaan, terdapat usaha untuk menubuhkan syarikat insurans tempatan. Awal 1960-an menyaksikan pertumbuhan banyak syarikat-syarikat insurans hayat dan am. Sesetengah syarikat dikendalikan secara kurang sihat dengan garis panduan pengunderaitan yang tidak wajar.

Kerajaan kemudiannya campur tangan dan Akta Insurans 1963 telah diperkenalkan. Di bawah Akta tersebut, pengendalian dan pengawasan industri insurans secara am adalah dalam bidang kuasa Ketua Pengarah Insurans di bawah Kementerian Kewangan. Baru-baru ini, Kerajaan telah memperkenalkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 bagi menggantikan akta yang lama.

#### 4.1.1 Definisi Insurans

Insurans boleh ditakrifkan sebagai kontrak di mana satu pihak dinamakan penanggung insurans, berjanji sebagai balasan terhadap pertimbangan yang dipersetujui, dipanggil premium bagi membayar kepada pihak lain, yang dinamakan pihak diinsuranskan, sejumlah wang, apabila berlakunya keadaan tertentu sepanjang tempoh tertentu.

Oleh itu, dalam kata-kata yang mudah, kontrak insurans adalah kontrak di antara dua pihak, Penanggung Insurans dan Orang Yang Diinsuranskan, yang sebelumnya menjanjikan untuk memberi ganti rugi sekiranya berlaku kejadian yang tidak diinigini sebagai balasan dari premium insurans yang dibayar.

#### 4.1.2 Asas Insurans

Insurans adalah satu proses di mana kerugian yang dialami oleh beberapa pihak disebar luas kepada dan ditanggung oleh pihak yang ramai. Dalam amalan moden, insurans adalah satu bentuk di mana beban kewangan musibah dipindahkan daripada Penanggung Insurans kepada Pihak yang Diinsuranskan. Konsep di sebalik insurans adalah sekumpulan orang terdedah kepada risiko yang sama berkumpul bersama-sama dan memberi sumbangan ke arah pembentukan satu kumpulan wang terkumpul. Seandainya ada pihak yang benar-benar mengalami kerugian daripada risiko tersebut, ia dibayar pampasan daripada kumpulan wang terkumpul yang sama. Sumbangan kepada pengumpulan tersebut dilakukan oleh sekumpulan orang yang berkongsi risiko umum dan dikutip oleh syarikat insurans dalam bentuk premium.

Kontrak insurans adalah kontrak indemniti/ganti rugi (tidak termasuk Insurans Hayat dan Kemalangan Diri) dan prinsip ini menempatkan Pihak Diinsuranskan pada kedudukan kewangan yang sama seperti mana dia berada sebelum berlakunya musibah. Jumlah pihak diinsuranskan mestilah ditetapkan pada tahap, yang akan memberikan pampasan yang mencukupi pada masa kerugian. Bagi insurans hartanah, susut nilai mestilah diambil kira. Kos insurans bergantung kepada skop perlindungan di mana tambahan perlindungan memerlukan tambahan premium.

Secara umumnya, hanya kerugian yang tidak diduga dan tidak dijangka boleh diinsuranskan. Oleh itu, musibah atau kerugian yang dijangka secara amnya tidak boleh insurans (kecuali dalam Insurans Hayat).

#### 4.1.3 Jenis-jenis Insurans

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) memperuntukkan bahawa:

1. Bagi maksud Akta ini, perniagaan insurans hendaklah dibahagikan kepada dua kelas:
  - a. Perniagaan hayat, yang mana tambahan pada semua perniagaan yang insurans berkenaan dengan polisi hayat termasuk sebarang jenis perniagaan insurans yang dijalankan hanya berkaitan dengan perniagaan penanggung insurans hayat, dan
  - b. Perniagaan am, yang bererti semua perniagaan insurans yang bukan perniagaan insurans hayat.
2. Bagi maksud Akta ini, insurans semula liabiliti di bawah polisi dikira sebagai perniagaan insurans dari kelas dan perihalan di mana polisi tersebut akan tergolong jika ianya dikeluarkan oleh penanggung insurans semula.

#### A4.2 RESOLUSI *SHARĪAH* TERHADAP INSURANS

Konsep insurans tidak mendapat persetujuan menyeluruh dari para ulama sama ada dibenarkan (*halāl*) atau dilarang (*harām*). Oleh kerana insurans sebagaimana yang diamalkan sekarang, tidak wujud semasa zaman Nabi Muhammad SAW, '*Ijtihād*' telah digunakan untuk menentukan sama ada insurans dibenarkan atau sebaliknya.

##### 4.2.1 Fatwa mengenai Larangan Insurans

1. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, pada mesyuarat yang diadakan pada 15 Jun 1972 membincangkan dan memutuskan mengenai isu-isu Insurans Hayat.

Keputusan:

Insurans Hayat yang disediakan oleh syarikat-syarikat insurans hari ini adalah transaksi perniagaan yang tidak sah kerana ia bercanggah dengan prinsip-prinsip perniagaan Islam memandangkan kontrak mengandungi unsur-unsur *gharār*, *maysir* dan *ribā*. Oleh yang demikian dari sudut pandangan *Shari'ah*, insurans adalah *harām*.

## 2. Akademi *Fiqh* OIC

Akademi *Fiqh* Islam, yang terbentuk daripada Pertubuhan Persidangan Islam, bermesyuarat dalam Sesi Kedua di Jeddah, Arab Saudi, dari 10 hingga 16 *Rabiulawal*, 1406 H (bersamaan dengan 22-28 Disember 1985).

Dan selepas mengkaji semula pembentangan dari para ulama yang mengambil bahagian dalam sesi berkenaan "Insurans dan insurans semula", dan setelah berbincang perkara yang sama, dan selepas memeriksa secara dekat kesemua jenis-jenis dan bentuk-bentuk insurans dan mengkaji secara mendalam prinsip-prinsip asas yang telah mereka asaskan dan matlamat serta objektif, dan meneliti secara mendalam apa yang telah dikeluarkan oleh Akademi *Fiqh* dan lain-lain institusi dalam perkara ini;

Keputusan:

Kontrak Insurans Komersil, dengan premium berkala yang tetap, biasanya diamalkan oleh syarikat-syarikat insurans komersial, adalah kontrak yang mengandungi unsur-unsur utama risiko, yang akan membatalkan kontrak dan oleh yang demikian adalah dilarang (*harām*) mengikut *Shari'ah*.

Kontrak alternatif yang sesuai dengan prinsip-prinsip Islam adalah urusan kontrak insurans koperatif, yang diasaskan atas dasar kebajikan dan kerjasama.

Akademi *Fiqh* OIC menjemput negara-negara umat Islam untuk menubuhkan institusi insurans koperatif dan entiti koperatif bagi insurans semula, dalam membebaskan ekonomi Islam daripada eksploitasi dan pelanggaran sistem *Allāh SWT* yang telah disediakan untuk *ummah*.

### A4.3 PERBEZAAN ANTARA TAKAFUL DAN INSURANS

Bil.	Isu-isu berkaitan	Takaful	Insurans
1	Intipati Niat	Niat adalah untuk mewujudkan kedua-dua perhubungan rohani dan undang-undang.	Niat adalah untuk mewujudkan hubungan undang-undang sahaja.
2	Isi kandungan	Isi kandungan mestilah dibenarkan <i>Shari'ah</i> .	Isi kandungan mestilah dibenarkan oleh <i>Common Law</i> .

3	Jaminan	Pengendali Takaful hanya Pengurus Kumpulan Wang atau Dana. Peserta saling menjamin antara satu sama lain.	Syarikat yang menyediakan Jaminan.
4	Kumpulan Wang atau Dana	Kumpulan Wang atau Dana adalah milik Peserta dan diuruskan oleh Pengendali Takaful bagi pertimbangan yang sah terhadap perkhidmatan yang diberikan.	Kumpulan Wang adalah milik Syarikat walaupun aset diasingkan dan dikekalkan di antara pemegang saham dengan pemegang polisi.
5	Bayaran sumbangan / premium	Sumbangan dianggap sebagai derma ( <i>tabarru'</i> ).	Premium yang dibayar mewujudkan suatu kewajipan terhadap penanggung insurans ke atas kontrak jual beli.
6	Unsur-unsur Larangan	Model Islam adalah berdasarkan prinsip-prinsip Islam dan bebas daripada sebarang unsur-unsur yang dilarang.	Polisi insurans berkisar unsur-unsur <i>Gharār</i> , <i>Ribā</i> dan <i>Maysir</i> .
7	Keuntungan	Keuntungan dikongsi antara peserta dengan Pengendali.	Dalam insurans keuntungan adalah mengikut budi bicara Syarikat.
8	Kontrak	Gabungan kontrak <i>tabarru'</i> (derma) dan agensi ( <i>Wakālah</i> ) atau kontrak perkongsian keuntungan ( <i>Muḍārabah</i> ).	Kontrak pertukaran (jual dan beli) antara Penanggung Insurans dengan pihak diinsuranskan.
9	Pendekatan Risiko	Konsep perkongsian risiko dalam kalangan peserta.	Konsep pemindahan risiko daripada pihak diinsuranskan kepada syarikat insurans.
10	Manfaat	Dibayar daripada kumpulan wang atau dana bersama yang ditakrifkan di bawah indemniti/ganti rugi yang ditanggung oleh peserta.	Dibayar daripada kumpulan wang atau dana yang dimiliki secara sah oleh syarikat.

11	Keuntungan /Bonus	Menyatakan dari awal lagi bagaimana keuntungan yang akan dikongsi di antara peserta dengan pengendali.	Boleh menawarkan bonus atau keuntungan secara umum sahaja terutamanya dengan polisi keuntungan penyertaan.
12	Pelaburan Kumpulan Wang atau dana	Aset kumpulan wang atau dana takaful dilaburkan dalam instrumen yang patuh <i>Sharī'ah</i> .	Tiada sekatan selain daripada alasan-alasan yang disebabkan oleh peraturan kehematan.

Rajah 16 : Perbandingan antara Takaful dan Insurans

## BAB A5 : PRINSIP DAN MODEL PERNIAGAAN TAKAFUL

### Objektif Pembelajaran

Memahami pelbagai model perniagaan Takaful yang dibenarkan

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan struktur asas dan elemen-elemen fungsi transaksi dan kontrak Takaful

### A5.1 PENGENALAN

Kontrak Takaful bukan sahaja tertakluk kepada prinsip-prinsip umum undang-undang kontrak, tetapi juga prinsip-prinsip khusus undang-undang yang termaktub dalam kontrak Takaful. Berdasarkan kaedah-kaedah undang-undang yang telah ditetapkan dalam konsep *fiqh* semua perkara adalah dibenarkan melainkan jika ditetapkan sebaliknya (*al-asl fi al-ashya' al-ibahah*), kontrak Takaful menyepadukan prinsip-prinsip normal insurans ke dalam amalan Takaful yang merangkumi konsep keadilan dalam berurusan seperti yang dihuraikan dengan terperinci oleh *Sharī'ah*.

### A5.2 PRINSIP-PRINSIP ASAS TAKAFUL

#### 5.2.1 Kepentingan Boleh Takaful (Lindung)

Istilah "Kepentingan Boleh Takaful" merujuk kepada manfaat (atau faedah) seseorang yang ada pada sesuatu objek atau orang yang dilindungi. Manfaat ini boleh dirujuk kepada, antara lain, manfaat kewangan. Seseorang yang memiliki kepentingan yang dibolehkan pada suatu benda yang apabila dia mengalami kerugian (kewangan atau sebaliknya) sekiranya benda tersebut dirosakkan atau hilang.

Kepentingan Boleh Takaful wujud apabila terdapat hubungan antara peserta dengan sesuatu benda, kebiasaannya timbul daripada beberapa situasi seperti berikut:

Hubungan	Huraian
Pemilikan Harta benda	Pemilik harta benda akan rugi daripada segi kewangan jika harta benda mereka rosak atau musnah.
Potensi Liabiliti Undang-Undang	Kepentingan Boleh Takaful boleh wujud sekiranya ada potensi kerugian kewangan yang berlaku daripada liabiliti undang-undang.
Hak Perundangan	Kepentingan Boleh Takaful diwujudkan sekiranya terdapat peruntukan dalam kontrak bahawa satu pihak bertanggungjawab sepenuhnya bagi sebarang kerugian atau kerosakan pada harta benda dan liabiliti pihak ketiga.

Jadual 17 : Jenis-Jenis Situasi Kepentingan Boleh Takaful Wujud

Sijil Takaful Keluarga yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful perlu mematuhi Kepentingan Boleh Takaful antara seorang peserta dan orang yang dilindungi. Peserta dan orang yang dilindungi hendaklah mempunyai Kepentingan Boleh Takaful pada masa permulaan dan faedah yang perlu dibayar.

Sekiranya peserta tidak mempunyai Kepentingan Boleh Takaful dengan orang yang dilindungi pada permulaan dan pada masa berlaku kerugian, kontrak itu tidak sah.

Sekiranya peserta tidak mempunyai Kepentingan Boleh Takaful dengan orang yang dilindungi atas manfaat yang perlu dibayar, kontrak itu sah tetapi Pengendali Takaful tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Pengendali Takaful hendaklah membayar kepada peserta suatu jumlah yang ditentukan oleh BNM; dan
2. Setelah pembayaran dibuat dengan jumlah tertentu, kontrak tersebut akan ditamatkan oleh Pengendali Takaful.

Seseorang dianggap mempunyai Kepentingan Boleh Takaful ke atas orang yang dilindungi sekiranya orang itu ialah :

1. Pasangannya atau anaknya;
2. Jagaannya yang masih di bawah umur majoriti ketika kontrak Takaful dikuatkuasakan;
3. Pekerjaanya; dan
4. Seseorang yang ia bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya perbelanjaan sara hidup, perbelanjaan pendidikan dan sebagainya ketika kontrak Takaful dikuatkuasakan.

Peserta hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada orang yang

dilindungi melainkan dia adalah seseorang yang di bawah umur. Orang yang dilindungi mempunyai hak untuk membatalkan persetujuannya dengan memaklumkan kepada Pengendali Takaful secara bertulis. Selanjutnya, Kepentingan Boleh Takaful secara automatik tidak sah. Kepentingan Boleh Takaful tidak boleh dibatalkan kerana pembubaran perkahwinan antara seseorang dan pasangannya.

Sijil Takaful Berkumpulan tidak boleh dibatalkan jika peserta Takaful Berkumpulan tidak mempunyai Kepentingan Boleh Takaful, pada permulaan kontrak dan pada masa manfaat Takaful dibayar. Pengendali Takaful hendaklah mendapatkan perisytiharan bertulis daripada peserta bahawa dia mempunyai Kepentingan Boleh Takaful ke atas orang yang dilindungi. Pengendali Takaful hendaklah bertanggungjawab kepada seseorang yang dilindungi yang telah membayar sumbangannya di bawah perakuan Takaful Berkumpulan jika peserta Takaful Berkumpulan tidak mempunyai Kepentingan Boleh Takaful ke atas orang yang dilindungi walaupun Pengendali Takaful masih belum menerima sumbangannya.

### 5.2.2 Kewajipan Penuh Percaya Mutlak

Kewajipan Penuh Percaya Mutlak boleh ditakrifkan sebagai kewajipan yang positif secara sukarela untuk menzahirkan, dengan tepat dan sepenuhnya semua fakta penting mengenai risiko yang dicadangkan, sama ada diminta atau tidak. Kegagalan berbuat demikian boleh memberi pihak yang menanggung hak untuk menganggap kontrak sebagai tidak sah. Kedua-dua pihak, iaitu peserta dan Pengendali Takaful mesti mendedahkan semua fakta material secara penuh dan jujur.

Oleh itu, sepatutnya tidak ada penyembunyian, salah nyataan atau niat penipuan mengenai fakta-fakta material. Kewajipan ini akan berterusan sepanjang tempoh Takaful di mana peserta dikehendaki memaklumkan dan mendedahkan kepada Pengendali Takaful mengenai apa-apa perubahan yang mungkin meningkatkan risiko secara material.

Contoh ialah perubahan fungsi/kegunaan sesebuah bangunan daripada sebuah kedai runcit kepada stor penyimpanan bahan bunga api.

Di dalam kontrak Takaful, bagi penguatkuasaan sijil, pihak-pihak yang terlibat di dalamnya perlu mempunyai niat yang baik. Oleh itu, tiadanya pendedahan tentang fakta-fakta penting, penglibatan dalam perbuatan menipu, salah pernyataan atau pernyataan palsu adalah semua unsur yang boleh membatalkan sijil Takaful.

Pelanggaran Penuh Percaya Mutlak berlaku apabila pencadang tahu atau menjangkakan secara munasabah untuk mengetahui sesuatu fakta penting:

1. Gagal menzahirkan fakta penting, atau
2. Salah nyata fakta penting.

Sekiranya dia salah nyata sesuatu fakta penting, pelanggaran itu ditakrifkan sebagai salah nyata tanpa niat atau penipuan kerana salah nyata.



Contoh, peserta Takaful Keluarga mempunyai penyakit yang sedia ada tetapi gagal memaklukkannya kepada Pengendali Takaful.

#### Fakta Penting (Material Facts)

Fakta penting (material facts) ditakrifkan sebagai sebarang fakta munasabah yang akan mempengaruhi keputusan pengunderaitan Pengendali Takaful terhadap sijil, di mana selepas mengenal pasti dan menilai bahaya yang berkaitan dengan risiko, pengunderait akan memutuskan sama ada untuk menerima, menerima dengan bersyarat, menolak atau menangguhkan cadangan itu.

Apabila pelanggaran penuh percaya mutlak berlaku, kontrak Takaful terbatal tanpa mengira sama ada pelanggaran itu telah dilakukan secara jujur atau menipu.

Menurut Seksyen 141 (4) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, sebelum kontrak Takaful selain daripada kontrak Takaful pengguna dimeterai, diubah atau diperbaharui, pencadang hendaklah mendedahkan kepada Pengendali Takaful berlesen sesuatu perkara bahawa:

1. dia tahu akan relevannya keputusan Pengendali Takaful berlesen sama ada untuk menerima atau tidak risiko tersebut, dan kadar dan terma-terma yang digunakan, atau
2. seseorang dalam keadaan yang munasabah yang boleh dijangkakan yang dia mengetahui bahawa sesuatu itu adalah relevan.

Bagaimanapun, menurut Bahagian 2 Jadual 9 Perenggan 4 akta tersebut, kewajipan pendedahan itu tidak memerlukan pendedahan perkara yang berikut:

1. mengurangkan risiko kepada Pengendali Takaful berlesen,
2. perkara yang menjadi pengetahuan umum,
3. Pengendali Takaful berlesen tahu atau mengikut kebiasaan perniagaannya patut tahu, dan
4. berhubung di mana Pengendali Takaful berlesen menyetepikan sebarang keperluan bagi penzahiran.

### **5.2.3 Prinsip Indemniti**

Indemniti boleh ditakrifkan sebagai satu mekanisme yang digunakan oleh Pengendali Takaful untuk menyediakan pampasan dalam usaha untuk mengembalikan peserta kepada kedudukan kewangan yang sama selepas kerugian sepertimana yang dinikmati sebelum kerugian.

Contoh :

Peserta A mengambil perlindungan keretanya dengan harga pasaran RM80,000 dan beberapa bulan kemudian, keretanya dicuri dan pada masa kehilangan, nilai pasaran kereta hanya

RM60,000. Pengendali Takaful akan memberi pampasan kepada Peserta A dengan RM60,000 kerana dia boleh mendapatkan kenderaan yang sama dengan harga RM60,000.

#### 5.2.4 Prinsip Subrogasi

Subrogasi bermaksud, dari segi undang-undang, adalah dimana satu pihak mempunyai hak untuk mengambil tempat pihak lain untuk tujuan membuat ganti rugi.. Ia adalah berdasarkan kepada Prinsip Indemniti untuk memastikan bahawa peserta tidak mendapat keuntungan daripada kerugian sebenarnya. Ia boleh digunakan sebelum pembayaran kepada peserta. Di dalam kes di mana peserta telah ditanggung sebahagian kerugiannya oleh pihak ketiga, Pengendali Takaful hanya akan membayar baki, sehingga jumlah pembayaran yang dibuat kepada peserta.

Sekiranya Pengendali Takaful mendapat penyelesaian ganti rugi dari pihak ketiga melebihi nilai yang telah dibayar kepada peserta, lebihan tersebut mesti dipulangkan kepada peserta. Ia tidak terpakai bagi Takaful Keluarga dan Takaful Kemalangan Diri kerana kedua-duanya bukan kontrak indemniti.

Contoh :

Rumah Peserta A telah musnah oleh kebakaran akibat letupan kilang berdekatan. Tuntutan dikemukakan oleh Peserta A kepada Pengendali Takafulnya untuk RM500,000. Setelah pembayaran tuntutan itu, Pengendali Takaful menggunakan hak subrogasi untuk menuntut jumlah yang diselesaikan dengan peserta A dari pemilik kilang yang bertanggungjawab ke atas kerugian tersebut. Jika kilang mempunyai perlindungan Takaful, Pengendali Takaful mereka akan mengendalikan pampasan itu.

#### 5.2.5 Prinsip Sumbangan

Prinsip di mana dua atau lebih Pengendali Takaful yang memberikan perlindungan kepada sesuatu harta yang sama dan masing-masing akan berkongsi membayar pampasan untuk kerosakan ke atas harta tersebut. Setelah pembayaran bahagiannya dilakukan, Pengendali Takaful berhak mendapat sumbangan yang saksama - hak yang sah untuk mendapatkan sebahagian daripada pembayaran dari Pengendali Takaful yang lain di mana sijilnya juga terlibat.

Contoh :

En. A mengambil perlindungan kepada hartanya bernilai RM100,000 dengan dua Pengendali Takaful: Pengendali Takaful A untuk RM90,000 dan Pengendali Takaful B untuk RM60,000. Harta sebenar milik En. A yang musnah adalah bernilai RM60,000, maka Encik A boleh menuntut kerugian penuh sebanyak RM60,000 sama ada dari Pengendali Takaful A atau Pengendali Takaful B atau dia boleh menuntut RM36,000 daripada Pengendali Takaful A dan RM24,000 daripada Pengendali Takaful B.

### 5.2.6 Prinsip Sebab Terhampir

Prinsip Sebab Terhampir ditakrifkan sebagai punca yang terdekat dan terkuat serta aktif yang ditetapkan yang membawa kepada akibat, tanpa gangguan daripada mana-mana tindakan yang bermula dan bergerak secara aktif daripada sumber baharu dan bebas.

Kerugian mungkin disebabkan oleh lebih daripada satu kejadian. Ia mungkin sebab-sebab yang serentak atau sebab-sebab berturutan yang mungkin berlaku dalam turutan atau dalam turutan yang terputus. Oleh itu, punca kerugian perlu ada kerana hanya risiko khusus yang dilindungi (tidak termasuk risiko seperti yang dinyatakan dalam sijil Takaful) boleh diberi pampasan.

Contoh :

Pengendali Takaful telah menolak tuntutan peserta mengenai kerosakan komputer ribanya. Komputer riba itu dicuri dan dijumpai oleh polis, tetapi pencuri telah memecahkannya. Walaupun peserta mempunyai perlindungan semua risiko untuk komputer riba tetapi tidak termasuk perlindungan kecurian. Pengendali Takaful telah menolak tuntutan atas alasan kecurian adalah sebab terhampir kerugian dan ianya merupakan bahaya/peril yang tidak termasuk di dalam kontrak.

## A5.3 KONTRAK-KONTRAK KOMERSIAL DIGUNAKAN DI DALAM TAKAFUL

Prinsip jaminan, yang berasal dari perkataan "*Kafala*", adalah asas Takaful. Di bawah Takaful, majoriti peserta memberi jaminan kepada pihak minoriti dengan sama-samaberkongsi beban yang dihadapi pihak minoriti melalui pengumpulan dana.

Takaful menggabungkan beberapa kontrak yang patuh *Shari'ah* seperti *tabarru'* (derma), *wakālah* (agensi) dan *muḍārabah* (perkongsian keuntungan). Kombinasi mungkin berbeza mengikut model perniagaan yang digunakan oleh setiap Pengendali Takaful.

### 5.3.1 *Tabarru'* (Derma/Sumbangan)

*Tabarru'* adalah kontrak utama dalam mana-mana model Takaful. *Tabarru'* adalah perkataan Arab yang bermaksud sumbangan atau hadiah, di mana peserta bersetuju untuk melepaskannya sebagai sumbangan samada semua atau bahagian tertentu sumbangannya sehingga membolehkannya memenuhi kewajiban membantu dan menjamin antara satu sama lain.

Konsep *tabarru'* digunakan dalam kontrak Takaful untuk menghapuskan unsur *gharār* (ketidakpastian). Bahagian *tabarru'* akan dikreditkan ke Dana Risiko Peserta untuk membolehkan peserta memenuhi kewajipannya untuk saling membantu dan jaminan bersama sekiranya mana-mana peserta yang terlibat mengalami kerugian.

### 5.3.2 *Muḍārabah*

*Muḍārabah* ialah kontrak antara pemberi modal (*rabbul māl*) dan usahawan (*muḍārib*), di mana pemberi modal menyediakan modal untuk diuruskan oleh usahawan.

Di bawah sistem Takaful, peserta Takaful memasuki kontrak *muḍārabah* dengan Pengendali Takaful di mana pengendali, sebagai usahawan, diamanahkan untuk menguruskan perniagaan Takaful manakala peserta, sebagai pemberi modal, wajib membayar sumbangan Takaful. Kontrak ini akan menentukan keuntungan perniagaan Takaful dan nisbah yang akan dikongsi antara kedua-dua pihak.

### 5.3.3 *Wakālah*

*Wakālah* merujuk kepada kontrak agensi, yang bermaksud melakukan apa-apa kerja atau menyediakan apa-apa perkhidmatan bagi pihak orang lain.

Tindakan yang dilakukan oleh ejen bagi pihak prinsipal akan dianggap sebagai tindakan oleh prinsipalnya. Sebagai balasan untuk perkhidmatannya, seorang ejen boleh mendapatkan upah tertentu dalam struktur insentif prinsipalnya.

Di dalam konteks Takaful, Pengendali Takaful akan bertindak sebagai ejen atau "wakil" kepada peserta sebagai prinsipal untuk menguruskan penyertaan di dalam pelbagai produk Takaful yang disediakan oleh pengendali. Sebagai balasan, Pengendali Takaful dibenarkan mengenakan bayaran untuk perkhidmatan yang diberikan.

## A5.4 JENIS-JENIS MODEL OPERASI TAKAFUL DAN APLIKASINYA

Terdapat dua model utama digunakan oleh Pengendali Takaful iaitu *muḍārabah* (perkongsian keuntungan) dan *wakālah* (agensi). Di awal penubuhan Takaful, model *muḍārabah* tulen telah digunakan di Malaysia oleh Syarikat Takaful Malaysia.

Model *muḍārabah* tulen hanya membenarkan perkongsian pulangan pelaburan. Model ini kemudiannya diubahsuai untuk membolehkan perkongsian pulangan pelaburan ke atas pengumpulan sumbangan dan juga dalam mana-mana lebihan pengunderaitan. Pada tahun-tahun kemudiannya, majoriti Pengendali Takaful menggunakan sama ada model *wakālah* atau model *wakālah* yang telah diubahsuai. Model ini menjadi model operasi paling popular di seluruh dunia.

### 5.4.1 Model *Wakālah*

Di bawah sistem Takaful, model ini menggambarkan perjanjian agensi antara Pengendali Takaful yang bertindak sebagai ejen atau "*wakil*" dan peserta sebagai prinsipal. Sebagai *wakil*, Pengendali Takaful akan melaksanakan perkara berikut:

1. Menguruskan penyertaan para peserta dalam pelbagai produk Takaful yang disediakan oleh

- pengendali;
- 2. Pengurusan dana; dan
- 3. Operasi, dsb.


Sebagai balasan untuk perkhidmatan agensi, Pengendali Takaful dibenarkan untuk mengenakan bayaran di bawah perjanjian dari sumbangan Takaful yang dibayar oleh peserta.

Di bawah model ini, Pengendali Takaful akan memperoleh pendapatannya daripada:

1. Fi *Wakālah* yang dijelaskan dalam perkara tersebut; dan
2. Hasil pelaburan dana pemegang sahamnya

Terdapat juga pengendali yang mengamalkan model di atas yang mengenakan yuran prestasi ke atas peranan dan perkhidmatan menguruskan pelaburan dana Takaful.

### Model *Wakālah* untuk Takaful Am



Gambarajah 7 : Model *Wakālah* untuk Takaful Am


Penerangan :

1. Peserta membayar sumbangan Takaful.
2.
  - a. Fi *Wakālah* akan ditolak dari wang sumbangan.
  - b. Wang sumbangan peserta akan dimasukkan ke dalam Dana Risiko Peserta berdasarkan konsep *tabarru'*.
3. Fi *Wakālah* yang mengandungi komisen agensi dan perbelanjaan pengurusan akan disalurkan kepada Pengendali Takaful.
4. Dana ini akan dilaburkan di dalam pelaburan patuh *Sharī'ah* seperti Instrumen Islam Kerajaan, *sukuk*, ekuiti, aset tetap dan Akaun Pelaburan Am.
5. Keuntungan pelaburan (jika ada) akan dibahagikan seperti berikut:
  - a. Bayaran fi prestasi kepada Pengendali Takaful.

- b. Untung bersih selepas ditolak yuran prestasi akan disalurkan ke Dana Risiko Peserta.
6. Dana Risiko Peserta akan digunakan untuk membayar tuntutan, Retakaful dan rizab.
7. Pada tahun akhir, lebihan (jika ada) akan dibahagikan seperti berikut:
  - a. Bayaran fi prestasi kepada Pengendali Takaful.
  - b. Untung bersih selepas ditolak fi prestasi akan disalurkan kepada peserta.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku defisit, para pemegang saham Pengendali Takaful akan menyediakan pinjaman secara *qard*.

### Model *Wakālah* untuk Takaful Keluarga



Gambarajah 8 : Model *Wakālah* untuk Takaful Keluarga

Penerangan :

1. Peserta membayar sumbangan Takaful.
2. a. Fi *Wakālah* akan ditolak dari wang sumbangan.  
b. Wang sumbangan peserta akan dibahagikan kepada :
  - i. Dana Pelaburan Peserta adalah untuk simpanan.
  - ii. Dana Risiko Peserta berdasarkan konsep *tabarru'*.
3. Fi *Wakālah* yang mengandungi komisen agensi dan perbelanjaan pengurusan akan disalurkan kepada Pengendali Takaful.
4. Dana ini akan dilaburkan di dalam pelaburan patuh *Shari'ah* seperti Instrumen Islam Kerajaan, *sukuk*, ekuiti, aset tetap dan Akaun Pelaburan Am.
5. Keuntungan pelaburan (jika ada) akan dibahagikan seperti berikut:
  - a. Bayaran fi prestasi kepada Pengendali Takaful.
  - b. Untung bersih selepas ditolak yuran prestasi akan disalurkan ke Dana Risiko Peserta.
6. Dana Risiko Peserta akan digunakan untuk membayar tuntutan, Retakaful dan rizab.
7. Pada tahun akhir, lebihan (jika ada) akan dibahagikan seperti berikut:
  - a. Bayaran fi prestasi kepada Pengendali Takaful.

- b. Untung bersih selepas ditolak fi prestasi akan disalurkan kepada peserta.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku defisit, para pemegang saham Pengendali Takaful akan menyediakan pinjaman secara *qard*.

#### 5.4.2 Model *Muḍārabah*


Model ini adalah model perkongsian di mana kontrak ditandatangani di antara Pengendali Takaful (usahawan) yang akan menyediakan kepakaran di dalam pengurusan perniagaan Takaful dan peserta (sebagai penyedia modal) yang bersetuju untuk membayar sumbangan Takaful (sebagai modal).

Kontrak ini akan menentukan keuntungan perniagaan Takaful dan nisbah untuk dikongsi bersama antara kedua-dua pihak.

Pada dasarnya, keuntungan dalam Takaful ditakrifkan sebagai pulangan ke atas pelaburan dan lebih pengunderaitan berkenaan dengan dana Takaful sahaja. Oleh itu, ini tidak termasuk keuntungan yang diperoleh daripada Dana Pemegang Saham.

Di bawah perniagaan Takaful Keluarga, ia termasuk lebih dari mortaliti yang diperuntukkan kepada peserta yang layak seperti yang diisytiharkan oleh penilaian aktuari pada akhir setiap tahun kewangan.

#### Model *Muḍārabah* Model untuk Takaful Am



Gambarajah 9 : Model *Muḍārabah* Model untuk Takaful Am


Penerangan :

1. Peserta membayar sumbangan Takaful ke dalam Dana Risiko Peserta.
2. Dana ini akan dilaburkan di dalam pelaburan patuh *Sharī'ah* seperti Instrumen Islam

- Kerajaan, *sukuk*, ekuiti, aset tetap dan Akaun Pelaburan Am.
- Keuntungan pelaburan, jika ada, akan dikongsi bersama dengan peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.
  - Pada tahun akhir, lebihan (jika ada) akan dibahagikan antara peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku defisit, para pemegang saham Pengendali Takaful akan menyediakan pinjaman secara *qard*.

### Model *Muḍārabah* untuk Takaful Keluarga



Gambarajah 10 : Model *Muḍārabah* untuk Takaful Keluarga

Penerangan :

- Peserta membayar sumbangan Takaful.
- Wang sumbangan peserta akan dibahagikan kepada :
  - Dana Pelaburan Peserta adalah untuk simpanan; dan
  - Dana Risiko Peserta berdasarkan konsep *tabarru'*.
- Dana ini akan dilaburkan di dalam pelaburan patuh *Shari'ah* seperti Instrumen Islam Kerajaan, *sukuk*, ekuiti, aset tetap dan Akaun Pelaburan Am.
- Keuntungan pelaburan, jika ada, akan dikongsi antara peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.
- Dana Risiko Peserta akan digunakan untuk membayar tuntutan, Retakaful dan rizab.
- Pada tahun akhir, lebihan akan dibahagikan kepada peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku defisit, para pemegang saham Pengendali Takaful akan menyediakan pinjaman secara *qard*.




### 5.4.3 Model *Muḍārabah* + *Wakālah* (Model Hibrid)

Model Takaful Hibrid adalah gabungan model *muḍārabah* dan *wakālah*. Di bawah model ini, Pengendali Takaful dianggap berperanan sebagai usahawan (*muḍārib*) serta ejen (*wakil*) kepada peserta, dan bertindak sebagai penyedia modal (*rabbul māil*) dan prinsipal kepada ejen. Dengan pengaturan ini di pihak pengendali, fi agensi boleh dibayar sebagai caj pendahuluan dari dana Takaful, sementara pada masa yang sama pengendali berhak untuk berkongsi keuntungan di atas pulangan pelaburan dana Takaful mengikut kontrak *muḍārabah*.

Sehubungan itu, kontrak *muḍārabah* digunakan hanya untuk aktiviti pelaburan. Keuntungan dari dana dalam contoh ini, terdiri daripada lebih daripada pengunderaitan serta pulangan pelaburan secara keseluruhannya. Sebagai tambahan kepada fi *wakālah*, model ini memberikan budi bicara kepada pengendali untuk mengenakan yuran prestasi daripada lebih dana Takaful sebagai pertimbangan menguruskan perniagaan Takaful secara keseluruhan. Oleh itu, pengendali mempunyai tiga sumber pendapatan: fi *wakālah*, perkongsian keuntungan daripada pulangan pelaburan dana Takaful dan pulangan atas pelaburan dana pemegang sahamnya. Bagi peserta, mereka mempunyai hak untuk berkongsi lebih bersih pengunderaitan serta perkongsian keuntungan pelaburan dana Takaful.

#### Model Hibrid untuk Takaful Am



Gambarajah 11 : Model Hibrid untuk Takaful Am


Penerangan :

1. Peserta membayar sumbangan Takaful.
2.
  - a. Fi *Wakālah* akan ditolak dari wang sumbangan.
  - b. Wang sumbangan peserta akan dibahagikan kepada Dana Risiko Peserta berdasarkan konsep *tabarru'*.
3. Dana ini akan dilaburkan di dalam pelaburan patuh *Sharī'ah* seperti Instrumen Islam. Kerajaan, *sukuk*, ekuiti, aset tetap dan Akaun Pelaburan Am.

4. Keuntungan pelaburan, jika ada, akan dikongsi antara peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.
5. Dana Risiko Peserta akan digunakan untuk membayar tuntutan, Retakaful dan rizab.
6. Pada tahun akhir, lebihan (jika ada) akan dibahagikan seperti berikut :
  - i. Bayaran fi prestasi kepada Pengendali Takaful.
  - ii. Lebihan bersih setelah ditolak fi prestasi akan diagihkan kepada peserta.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku defisit, para pemegang saham Pengendali Takaful akan menyediakan pinjaman secara *qard*.

### Model Hibrid untuk Takaful Keluarga



Gambarajah 12 : Model Hibrid untuk Takaful Keluarga

Penerangan :

1. Peserta membayar sumbangan Takaful.
2. Fi *Wakālah* akan ditolak dari wang sumbangan.
3. Wang sumbangan peserta akan dibahagikan kepada :
  - a) Dana Pelaburan Peserta untuk maksud simpanan.
  - b) Dana Risiko Peserta berdasarkan konsep *tabarru'*.
4. Dana ini akan dilaburkan di dalam pelaburan patuh *Shari'ah* seperti Instrumen Islam Kerajaan, *sukuk*, ekuiti, aset tetap dan Akaun Pelaburan Am.
5. Keuntungan pelaburan, jika ada, akan dikongsi antara peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.
6. Dana Risiko Peserta akan digunakan untuk membayar tuntutan, Retakaful dan rizab.
7. Pada tahun akhir, lebihan (jika ada) akan dibahagikan seperti berikut :
  - a) Bayaran fi prestasi kepada Pengendali Takaful.
  - b) Lebihan bersih setelah ditolak fi prestasi akan diagihkan kepada peserta.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku defisit, para pemegang saham Pengendali Takaful akan menyediakan pinjaman secara *qard*.

## BAB A6 : PEMBANGUNAN DAN PENGAWALSELIAAN INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

### Objektif Pembelajaran

Memahami fungsi pengawalseliaan dan badan sokongan lain di dalam industri Takaful

### Hasil Pembelajaran

Boleh menjelaskan fungsi badan pengawalseliaan dan badan sokongan lain dalam industri Takaful

### A6.1 SEKILAS PANDANG INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

Pembangunan industri Takaful di Malaysia bermula apabila Akta Takaful diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1984. Akta ini (Akta Takaful 1984) memperuntukkan peraturan urus niaga Takaful di Malaysia.

#### 6.1.1 Peristiwa-Peristiwa Utama Dalam Industri Takaful Di Malaysia

##### 1. Fasa I (1982 – 1992)

<b>1982</b>	Pasukan Petugas Khas ditubuhkan untuk mengkaji penubuhan sebuah syarikat insurans Islam.
<b>1984</b>	Akta Takaful 1984 telah diwartakan. Syarikat Takaful Malaysia Bhd. (STMB) diperbadankan.
<b>1988</b>	BNM memulakan pengawasan industri Insurans dan Takaful.

##### 2. Fasa 2 (1993 – 2000)

<b>1993</b>	MNI-Takaful Sdn. Bhd. mula beroperasi.
<b>1995</b>	Penubuhan Kumpulan Takaful ASEAN.
<b>1997</b>	Penubuhan ASEAN Retakaful Antarabangsa (L) Ltd. berpusat di International Offshore Financial Centre, Labuan. Perlantikan ahli-ahli – Majlis Penasihat <i>Sharī'ah</i> Kebangsaan untuk

	Perbankan Islam dan Takaful.
<b>1998</b>	MNI-Takaful ditukar nama kepada Takaful Nasional Sdn. Bhd.
<b>2000</b>	STMB dan Takaful Nasional (dikenali sekarang sebagai Etiqa Takaful) bersama-sama membangunkan Kod Etika bagi industri.

### 3. Fasa III (2001 – 2010)

<b>2001</b>	Penubuhan IBFIM.  BNM melancarkan Pelan Induk Sektor Kewangan.
<b>2002</b>	Mayban Takaful Bhd. mula beroperasi.  Penubuhan Malaysian Takaful Association.  Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ( <i>Islamic Financial Services Board -IFSB</i> ) telah dirasmikan.
<b>2003</b>	Takaful Ikhlas Bhd. mula beroperasi.
<b>2004</b>	Kelulusan prinsipal telah diberikan kepada Commerce Asset Holdings Bhd. untuk menjalankan perniagaan Takaful.
<b>2005-2007</b>	Sun Life Malaysia Takaful, HSBC Amanah Takaful, MAA Takaful, Hong Leong MSIG Takaful, Prudential BSN Takaful mula beroperasi.
<b>2006</b>	Penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Malaysia.
<b>2008-2010</b>	Penubuhan empat Pengendali Takaful Semula : ACR Retakaful Bhd, MNRB Retakaful Bhd, Munich Re Retakaful Bhd, Swiss Re Retakaful Bhd.  Perjanjian Pengendali Inter-Takaful (ITA) ditandatangani secara rasmi.
<b>2009</b>	IFSB-8 mengeluarkan tadbir urus Takaful dan IFSB-10 mengeluarkan prinsip tadbir urus <i>Shari'ah</i> .  Penubuhan AIA International Takaful Bhd.
<b>2010</b>	IFSB-11 mengeluarkan kesolvenan untuk Takaful.  Pengumuman empat lesen baru Takaful Keluarga.  Penubuhan Great Eastern Takaful Bhd.

## 4. Fasa IV (2011 – 2020)

<b>2011</b>	BNM melancarkan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020.  AIA AFG Takaful, ING PUBLIC Takaful Ehsan dan AmMetLife Takaful memulakan operasi.  Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Act 2011 digazetkan.
<b>2012</b>	Penguatkuasaan Rangka Kerja Operasi Takaful dan semak semula Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah.
<b>2013</b>	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang baru digubal.  Penggabungan AIA AFG Takaful Bhd dan ING PUBLIC Takaful Ehsan Bhd (dulu dikenali sebagai AIA PUBLIC Takaful Bhd.)
<b>2014</b>	Penguatkuasaan Modal Berasaskan Risiko Takaful.
<b>2015</b>	Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP) untuk Pengendali Takaful.  Aktuari yang dilantik dan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST).
<b>2016</b>	Laporan Kewangan Laporan & Operasi Skim Ombudsman Kewangan diperkenalkan
<b>2017</b>	Rangka Kerja LIFE & Fasa Liberalisasi Motor dan Tarif Kebakaran diperkenalkan.
<b>2018</b>	Penukaran kepada perniagaan Takaful tunggal.

## **A6.2 PERUNDANGAN, RANGKA KERJA PENGAWALSELIAAN DAN PERLINDUNGAN PENGGUNA DI MALAYSIA**

### **6.2.1 Peranan Bank Negara Malaysia (BNM)**

Bank Negara Malaysia (BNM) ditubuhkan pada 26 Januari 1959 di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Tujuan utamanya ialah mengeluarkan mata wang, bertindak sebagai jurubank dan penasihat kepada Kerajaan Malaysia dan mengawal selia institusi kewangan negara, sistem kredit dan dasar kewangan.

Akta Bank Negara Malaysia 1958 telah digantikan dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA), yang mula berkuatkuasa pada 25 November 2009.

Akta ini menyediakan mandat yang lebih jelas untuk mempromosikan kestabilan kewangan dan kewangan, dan menjalankan pengawasan terhadap sistem pembayaran.

Sistem kewangan Islam di Malaysia diberi pengiktirafan sewajarnya oleh akta ini melalui peruntukan asas undang-undang untuk pembangunannya dalam sistem kewangan Malaysia secara keseluruhan.

Di bawah bidang kuasa ini, BNM akan menyelia Pengendali Takaful, Pengendali Takaful Semula serta Pengendali Takaful antarabangsa.

#### **Objektif Pengawalseliaan**

BNM berperanan sebagai penyelia untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Memelihara kestabilan industri Takaful;
2. Memupuk keyakinan orang ramai terhadap industri Takaful;
3. Menggalakkan piawaian tadbir urus yang kuat dalam pengurusan Pengendali Takaful;
4. Memastikan pengguna dimaklumkan dengan baik dalam membuat keputusan;
5. Mengintegrasikan pengawasan merentasi sempadan dan sektor.

### **6.1.3 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013**

Akta ini telah diluluskan oleh Parlimen pada 30 Jun 2013, menggantikan Akta Takaful 1984 dan Akta Perbankan Islam 1983.

Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 adalah untuk menyediakan rejim pengawalseliaan dan undang-undang yang kukuh untuk memenuhi cabaran dan perkembangan industri kewangan Islam yang semakin canggih, bersifat serantau dan antarabangsa.

Objektif-objektif utama Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 adalah :

1. Menggalakkan kestabilan kewangan;
2. Memperkukuhkan pematuhan kepada *Sharī'ah*; dan
3. Memperkukuhkan rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan Islam.

Hukuman penalti dan penjara ke atas mereka yang bersalah melanggar Akta ini dikenakan had yang lebih tinggi. Ini adalah untuk mengelakkan ketidakpatuhan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dan memberikan perhatian serius terhadap mereka yang terlibat dalam industri ini.

### 6.2.3 Rangka Kerja Tadbir Urus *Sharī'ah*

Rangka Tadbir Urus *Sharī'ah* telah diperkenalkan oleh BNM pada tahun 2010 dengan objektif berikut:

1. menggariskan pengharapan ke atas sesebuah institusi kewangan Islam berhubung dengan struktur, proses dan pengaturan tadbir urus *Sharī'ah* dengan matlamat untuk memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaannya sentiasa selaras dengan prinsip *Sharī'ah*;
2. menyediakan panduan menyeluruh kepada lembaga pengarah, jawatankuasa *Sharī'ah* dan pihak pengurusan institusi kewangan Islam dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan hal ehwal *Sharī'ah*; dan
3. memastikan pematuhan *Sharī'ah* yang betul menerusi fungsi penilaian *Sharī'ah* dan fungsi audit *Sharī'ah* yang berkesan.

Rangka kerja tersebut telah menggariskan struktur model peranan, fungsi dan laporan hubungan orang-orang utama dalam rangka kerja tadbir urus *Sharī'ah* Institusi Kewangan Islam bagi memastikan bahawa laporan mengenai urusan *Sharī'ah* dilaksanakan secara efektif dan tepat pada masanya.

Rangka kerja tadbir urus *Sharī'ah* menggambarkan keberkesanan dan tanggungjawab lembaga dan pengurusan, sebuah Jawatankuasa *Sharī'ah* bebas yang cekap dan bertanggungjawab, disokong oleh kapasiti penyelidikan dalaman *Sharī'ah* yang kuat, dan dipantau melalui pemeriksaan aktif oleh penilaian *Sharī'ah*, audit *Sharī'ah* dan pengurusan risiko *Sharī'ah*.

Bagi Institusi Kewangan Islam, mekanisma pengawasan biasanya dilakukan oleh jabatan *Sharī'ah* mereka.

### 6.2.4 Rangka Kerja Operasi Takaful

Rangka Kerja Operasi Takaful dikeluarkan oleh BNM pada bulan Disember 2010 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

Pengeluaran Rangka Kerja Operasi Takaful adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk

menggalakkan pertumbuhan perniagaan Takaful yang teratur. Ia menggariskan parameter dalam mengawal proses operasi Pengendali Takaful. Ia juga menggariskan pelbagai peraturan dan keperluan bagi Pengendali Takaful tanpa menghadkan Pengendali Takaful daripada menggunakan mana-mana kontrak tertentu untuk operasi mereka.

Antara objektif Rangka Kerja Operasi Takaful ialah:

1. untuk meningkatkan kecekapan operasi perniagaan Takaful;
2. membina dana Takaful yang sihat yang mampan;
3. melindungi kepentingan peserta; dan
4. mempromosikan keseragaman dalam amalan perniagaan Takaful.

Rangkuman Rangka Kerja Operasi Takaful termasuk proses operasi yang berkaitan dengan Dana Takaful dan Dana Pemegang Saham, ia juga termasuk keperluan berkaitan dengan penubuhan dana, pengurusan operasi Takaful, pengurusan kos operasi dan pendapatan Pengendali Takaful, pengurusan aset, liabiliti dan lebihan, dan pembetulan defisiensi dana Takaful.

#### 6.2.5 Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga pada 23 November 2015 yang menetapkan pelan perancangan untuk menyokong pembangunan jangka panjang insurans hayat dan industri Takaful Keluarga.

Objektif utama rangka kerja ini adalah untuk meliberalisasikan pasaran insurans dan Takaful untuk memberi manfaat kepada pengguna.

Rangka kerja ini bertujuan untuk :

1. Menggalakkan inovasi dan pasaran yang lebih kompetitif

Meningkatkan cadangan nilai produk dan perkhidmatan untuk melindungi daripada keadaan yang tidak dijangka. Contohnya, industri mesti memperkenalkan produk perlindungan tulen bebas komisen berkaitan dengan perlindungan jangka, penyakit kritikal dan perubatan. Ini akan membawa kepada kos yang lebih rendah untuk pengguna.

2. Menggalakkan tahap profesionalisma yang lebih tinggi

Memperkuhkan ketelusan, profesionalisma dan amalan pasaran dengan memperkenalkan kad skor seimbang (*balanced scorecard*) untuk perantara. Pada masa ini, imbuhan perantara adalah berdasarkan jualan mereka. Dengan adanya kad skor, imbuhan akan mengambil kira faktor bukan sahaja jualan tetapi mengambil kira faktor seperti kesesuaian nasihat, kualiti perkhidmatan dan kelakuan etika yang tinggi dan tingkah laku profesional.



3. Meningkatkan ketelusan dalam produk dan perkhidmatan Takaful

Meningkatkan pendedahan produk dalam ilustrasi jualan/manfaat. Juga meningkatkan akses kepada lebih banyak produk dan mempelbagaikan saluran pengagihan terutamanya saluran langsung (jualan langsung ke premis pejabat/cawangan atau melalui laman sesawang).

### 6.2.6 Rangka Kerja Kad Skor Seimbang (*Balanced Score Card Framework*)

Kad Skor Seimbang untuk pengantara Insurans Hayat dan Takaful Keluarga dikeluarkan pada Disember 2017 diperkenalkan sebagai alat untuk meneruskan layanan yang adil kepada pengguna.

Tarikh-tarikh kuatkuasa untuk pelaksanaan Rangka Kerja Kad Skor Seimbang adalah seperti di bawah :



Pemansuhan had komisen untuk produk perlindungan bertempoh tulen yang ditawarkan melalui semua pengantara, tertakluk kepada mematuhi keperluan khusus untuk produk perlindungan bertempoh tulen yang ditawarkan melalui saluran pengagihan langsung.

Pelaksanaan Rangka kerja Kad Skor Seimbang untuk ejen, penasihat kewangan dan broker.



Pemansuhan had komisen untuk perlindungan penyakit kritikal tulen dan produk perubatan dan kesihatan tulen yang ditawarkan melalui semua pengantara, tertakluk kepada mematuhi keperluan khusus untuk produk perlindungan penyakit kritikal tulen dan produk perlindungan perubatan dan kesihatan tulen yang ditawarkan melalui saluran pengagihan langsung.

Pelaksanaan Rangka Kerja Kad Skor Seimbang bagi orang yang berlesen :

- 1) akan mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di dalam Rangka Kerja Kad Skor Seimbang:
  - a. bilangan sijil yang dipasarkan atau sumbangan tahunan tahun pertama;
  - b. borang penyelesaian Borang Fakta Pelanggan (CFF);
  - c. kadar konsistensi;
  - d. bilangan aduan yang berasas; dan
  - e. Jam kredit Pembangunan Profesional Berterusan (CPD).
- 2) akan mengukur peratusan tertentu komisen dibayar kepada perantara terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Rangka Kerja Kad Skor Seimbang.

### 6.2.7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Malaysia Deposit Insurance Corporation) untuk mentadbir sistem insurans deposit kebangsaan bertujuan melindungi pendeposit di bank-bank perdagangan dan perbankan Islam.

Mandat PIDM dengan matlamatnya adalah untuk:

- a) Mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- b) Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit dalam bank ahli dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan manfaat takaful dan insurans bagi ahli penginsurans;
- c) Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- d) Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Akta berkenaan kemudiannya diperluaskan oleh Parlimen untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) yang berkuatkuasa mulai 31 Disember 2010.

TIPS adalah sistem yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk melindungi pemilik sijil Takaful dan polisi insurans daripada kehilangan manfaat Takaful atau insurans mereka yang layak sekiranya ahli penginsurans gagal dan tidak dapat memberi manfaat Takaful atau insurans. Manfaat Takaful yang dilindungi di bawah TIPS dan had berkaitan dinyatakan dalam jadual di bawah.

Manfaat Dilindungi	Had Perlindungan Maksimum (Pelan Individu atau Kumpulan)
Kematian dan manfaat yang berkaitan	RM500,000
Hilang Upaya Kekal	RM500,000
Penyakit Kritikal	RM500,000
Nilai Matang (tidak termasuk bahagian unit sijil berkaitan pelaburan)	RM500,000
Nilai Serahan	RM500,000
Dividen tunai terkumpul	RM100,000
Pendapatan Hilang Upaya	RM10,000 sebulan
Pendapatan Anuiti	RM10,000 sebulan
Perbelanjaan perubatan	100% perbelanjaan ditanggung

Sumbangan prabayar boleh bayar balik	100% of amaun prabayar
--------------------------------------	------------------------

Jadual 19: Manfaat Dilindungi untuk Takaful Keluarga

Manfaat Dilindungi	Had Perlindungan Maksimum (Pelan)
Kehilangan atau kerosakan harta berkaitan dengan: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. harta tidak alih bertempat di Malaysia</li> <li>2. kenderaan motor berdaftar di Malaysia atau kenderaan berdaftar asing yang diinsuranskan untuk dipandu di Malaysia</li> <li>3. kapal, pesawat udara atau harta alih lain yang diinsuranskan oleh warganegara atau orang yang layak</li> </ol>	RM500,000 bagi setiap harta
Kematian dan manfaat berkaitan	RM500,000
Hilang Upaya Kekal	RM500,000
Penyakit Kritikal	RM500,000
Pendapatan Hilang Upaya	RM10,000 sebulan
Perbelanjaan Perubatan	100% perbelanjaan ditanggung
Berkaitan dengan indemniti terhadap tuntutan pihak ketiga: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. kehilangan atau kerosakan harta alih dan tidak alih pihak ketiga yang layak</li> <li>2. kematian dan manfaat berkaitan</li> <li>3. hilang upaya kekal</li> <li>4. penyakit atau kecederaan tubuh badan</li> <li>5. pendapatan hilang upaya</li> <li>6. perbelanjaan perubatan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. RM500,000 bagi setiap harta</li> <li>2. RM500,000</li> <li>3. RM500,000</li> <li>4. RM500,000</li> <li>5. RM10,000 sebulan</li> <li>6. 100% perbelanjaan ditanggung</li> </ol>
Sumbangan prabayar boleh bayar balik	100% amaun prabayar

Jadual 20: Manfaat Dilindungi untuk Takaful Am

#### Manfaat kepada Peserta Takaful

1. Melindungi pemilik sijil Takaful dan polisi Insurans terhadap kehilangan manfaat Takaful atau Insurans yang layak, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

2. Perlindungan disediakan oleh PIDM secara automatik dan tiada permohonan diperlukan.
3. Tiada caj dikenakan kepada pemilik sijil Takaful untuk perlindungan ini.

### 6.2.8 Aduan dan Pertikaian Kewangan Pengguna

#### 1. Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK)

OPK (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) telah dilantik oleh Bank Negara Malaysia sebagai pengendali Skim Ombudsman Kewangan (OPK) pada April 2016 menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). OPK adalah badan bebas yang ditubuhkan sebagai badan penyelesaian aduan/pertikaian alternatif untuk membantu pengguna kewangan menyelesaikan aduan/pertikaian mereka dengan Penyedia Perkhidmatan Kewangan yang mejadi Anggota OPK.

Mandat OPK:

1. Menyediakan saluran penyelesaian yang efektif, cekap dan percuma kepada pengguna kewangan untuk menyelesaikan pertikaian yang tercetus daripada penggunaan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh Anggota.
2. Menyelesaikan aduan/pertikaian secara bebas, adil dan saksama.
3. Bekerjasama secara konstruktif dengan Anggota dalam menyelesaikan pertikaian.
4. Mewujudkan kesedaran mengenai perkara-perkara kepentingan bersama kepada pengguna kewangan dan industri kewangan.

Bidang kuasa OPK :

Bil	Jenis Aduan/Pertikaian	Had Monetari
1.	<p>Pertikaian yang melibatkan perkhidmatan atau produk kewangan dan perkhidmatan atau produk kewangan Islam yang dibangunkan, ditawarkan atau dipasarkan oleh anggota, atau oleh anggota bagi atau bagi pihak orang lain, selain pertikaian di bawah perenggan 2 dan 3.</p> <p>Jenis pertikaian termasuk :</p> <p>Insurans/Takaful :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuntutan Insurans Hayat.</li> <li>2. Tuntutan Insurans Am.</li> </ol>	RM 250,000.00

Bil	Jenis Aduan/Pertikaian	Had Monetari
	3. Tuntutan Takaful Keluarga. 4. Tuntutan Takaful Am.  Perbankan Konvensional/Perbankan Islam :  1. Bankassurans/Bankatakaful/Insurans Berkaitan Pelaburan/Takaful Berkaitan Pelaburan.	
2.	Pertikaian mengenai kerosakan harta benda pihak ketiga bagi motor	RM 10,000.00
3.	Suatu pertikaian mengenai: (a) transaksi tanpa kebenaran melalui penggunaan suatu instrumen pembayaran yang ditetapkan atau instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan, atau saluran pembayaran seperti perbankan melalui internet, perbankan bergerak, perbankan melalui telefon atau mesin juruwang automatik (ATM); atau (b) penggunaan tanpa kebenaran suatu cek sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 73 Akta Bil Pertukaran 1949 [Akta 204].	RM 25,000.00          RM 25,000.00

Pengguna dikehendaki mengemukakan aduan mereka kepada OPK dalam masa enam bulan dari tarikh keputusan muktamad oleh Anggota berkaitan atau selepas enam puluh (60) hari kalendar dari tarikh aduan/pertikaian itu mula-mula dirujuk kepada Anggota berkenaan dengan mana tiada tindakbalas diterima daripada pihak Anggota.

OPK **tidak** mempertimbangkan aduan-aduan/pertikaian-pertikaian seperti berikut:

1. Aduan/pertikaian yang melebihi had monetari;
2. Aduan/pertikaian berhubung penentuan harga umum, ciri-ciri produk, keputusan kredit atau pengunderaitan;
3. Aduan/pertikaian mengenai keputusan pengunderaitan, piawaian, jadual dan prinsip aktuari yang digunakan oleh Anggota bagi perniagaan insurans/Takaful jangka panjang berikutan suatu tuntutan insurans atau Takaful, melainkan pertikaian berhubung bayaran yang telah dijamin dan disebut secara jelas dalam terma-terma dan syarat-syarat polisi insurans/sijil Takaful;
4. Aduan/pertikaian yang tertakluk kepada prosiding di mahkamah atau penimbang tara atau pertikaian yang telah diputuskan oleh mahkamah atau penimbang tara;

5. Aduan/pertikaian hanya dirujuk kepada OPK selepas enam bulan dari tarikh surat keputusan muktamad Anggota.

Cadangan oleh Pengurus Kes tidak mengikat kedua-dua pihak. Jika pihak menuntut atau Anggota tidak menerima cadangan Pengurus Kes itu, aduan/pertikaian itu boleh dirujuk kepada Ombudsman untuk Pengadilan dalam masa 30 hari dari tarikh cadangan atau tarikh yang ditetapkan dalam cadangan (yang mana kemudian).

Keputusan Ombudsman adalah muktamad dan hanya mengikat Anggota jika pengadu menerima keputusan itu. Walaubagaimanapun, jika pengadu memilih untuk tidak menerima keputusan muktamad Ombudsman, pengadu bebas membuat tuntutan melalui apa-apa cara yang lain, termasuk memulakan prosiding undang-undang atau timbang tara.

## 2. Bank Negara Malaysia LINK

BNMLINK mewakili salah satu titik penting hubungan Bank Negara Malaysia dengan orang awam. Ia bertindak sebagai pusat perhubungan untuk memudahkan penyampaian maklumbalas yang cepat dan berkesan kepada orang ramai dan pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam hal-hal yang berkaitan dengan sektor kewangan.

BNMLINK menerusi pameran, kiosk layan diri dan buku kecil juga menyediakan pendidikan serta kesedaran kewangan pengguna mengenai peranan Bank Negara Malaysia kepada orang ramai.

Kakitangan BNMLINK disediakan untuk membantu dan menetengahkan dengan berkesan mengenai perkara-perkara perbankan, insurans, Takaful, pembiayaan PKS, mata wang serta perkara-perkara yang di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia.

### 6.2.9 Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010

Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 berkuatkuasa mulai **November 2013** untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi perniagaan.

PDPA meliputi :

1. Mana-mana individu yang memproses atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial;
2. Data peribadi yang diproses di Malaysia;
3. Penggunaan peralatan di Malaysia bagi tujuan pemprosesan data peribadi.

Tujuan PDPA ialah untuk :

1. melindungi data peribadi orang ramai dari disalahgunakan melalui transaksi perdagangan;
2. melindungi data sensitif dari disalahgunakan;
3. menyediakan kemudahan perdagangan antarabangsa;
4. melindungi hak pengguna.

#### **6.2.10 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001)**

**AMLATFPUAA** bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pengubahan wang haram, langkah-langkah yang hendaklah diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan dan untuk mengadakan peruntukan bagi pelucuthakan harta yang terlibat dalam atau yang diperoleh daripada kesalahan pengubahan wang haram dan membiayai keganasan, serta harta pegganas, hasil daripada aktiviti haram dan peralatan kesalahan, dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

AMLATFPUAA menggalakkan pendekatan kolaboratif dan pelbagai agensi dengan menetapkan kuasa dan fungsi :

- a) pihak berkuasa berwibawa bertanggungjawab untuk mengawasi pelaksanaan kewajipan oleh institusi pelapor, memudahkan penguatkuasaan AMLATFPUAA dan bekerjasama dengan unit risikan kewangan asing;
- b) agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab menyiasat kesalahan di bawah AMLATFPUAA; dan
- c) pihak berkuasa penyeliaan dan kawal selia bertanggungjawab untuk memudahkan di dalam pelaksanaan AMLATFPUAA.

#### **A6.3 MAJLIS PENASIHAT *SHARĪ'AH* DAN JAWATANKUASA *SHARĪ'AH***

Majlis Penasihat *Sharī'ah* untuk Perbankan Islam dan Takaful telah ditubuhkan oleh BNM pada Mei 1997. Matlamat utamanya adalah untuk melihat kepada keputusan *Sharī'ah* dan mengharmonikan tafsiran *Sharī'ah* Perbankan Islam dan Takaful di bawah seliaannya.

##### **6.3.1 Majlis Penasihat *Sharī'ah* (MPS) Bank Negara Malaysia**

Untuk rekod, Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan Akta Takaful 1984 telah dipinda pada tahun 2003 untuk mengukuhkan lagi peranan Majlis Penasihat *Sharī'ah*. Pindaan ini memberi pengiktirafan kepada majlis sebagai sebuah badan yang berwibawa yang mempunyai hak ke atas

perkara-perkara *Shari'ah* yang berkaitan dengan Takaful.

Status Majlis telah dinaikkan taraf sebagai badan rujukan oleh mahkamah di Malaysia berhubung isu-isu *Shari'ah* yang berkaitan dengan kes-kes Takaful.

Untuk memainkan peranannya dengan lebih berkesan lagi MPS beroperasi sebagai sebuah badan bebas yang berintegriti tinggi. Terdapat perbezaan antara MPS dengan badan-badan *Shari'ah* yang bertindak sebagai penasihat dalam industri Takaful. Badan *Shari'ah* dalam industri Takaful dikenali sebagai Jawatankuasa *Shari'ah* (JS) dan memainkan peranan sebagai pelengkap kepada MPS Bank Negara Malaysia.

### 6.3.2 Jawatankuasa *Shari'ah* (JS) Pengendali Takaful

Di bawah IFSA 2013, adalah keperluan undang-undang bahawa Jawatankuasa *Shari'ah* harus ditubuhkan di setiap institusi yang dilesenkan di bawah undang-undang ini, yang akan mempunyai peranan untuk memastikan bahawa tadbir urus, perniagaan dan operasi institusi adalah konsisten dengan *Shari'ah*.

Objektif garis panduan:

1. menetapkan kaedah, peraturan dan prosedur penubuhan Jawatankuasa *Shari'ah* menentukan peranan, skop tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa *Shari'ah*.
2. menentukan hubungan dan pengaturan kerja antara Jawatankuasa *Shari'ah* dengan MPS Bank Negara Malaysia.

Garis panduan ini memerlukan setiap Pengendali Takaful untuk menubuhkan Jawatankuasa *Shari'ah* (JS). Ini juga selaras dengan Seksyen 30 pada IFSA 2013.

Garis panduan terperinci mengenai tadbir urus Jawatankuasa *Shari'ah*; peranan, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa *Shari'ah* dan ahli-ahlinya dan hubungan dan pengaturan kerja antara Jawatankuasa *Shari'ah* di institusi individu dan peringkat kebangsaan telah diperincikan dalam Rangka Tadbir Urus *Shari'ah* (SGF).

## A6.4 PERSATUAN-PERSATUAN INDUSTRI

Persatuan-persatuan industri merupakan persatuan mandatori dinyatakan secara khusus dalam kedua-dua Akta Takaful dan Insurans. Pengendali Takaful dan Syarikat Insurans hendaklah menyertai atau menyumbang kepada persatuan sebelum mereka boleh memulakan perniagaan. Tujuan utama persatuan industri adalah untuk menyediakan "Peraturan Kendiri" (self-regulation) di kalangan peserta industri. Ini juga membolehkan pengantaraan antara pihak berkuasa dengan industri, sekali gus membentuk satu platform umum untuk ditangani oleh pihak berkuasa.



#### 6.4.1 Persatuan Takaful Malaysia (MTA)

Persatuan Takaful Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2003 dengan objektif untuk menggalakkan penubuhan struktur kukuh Takaful (insurans Islam) di Malaysia melalui kerjasama dan rundingan dengan Ketua Pengarah Takaful.

1. Mempromosi dan mewakili kepentingan syarikat-syarikat anggota dan industri Takaful.
2. Memberi nasihat dan bantuan yang sepatutnya kepada syarikat-syarikat anggota sebagaimana yang diperlukan.
3. Mengedar maklumat yang mungkin menarik minat syarikat-syarikat anggota, dan mengumpul, menghimpun dan menerbitkan perangkaan dan maklumat lain yang berkaitan dengan Takaful.
4. Bekerjasama dengan persatuan-persatuan lain, baik tempatan mahu pun global untuk kepentingan bersama.

Bagi meneruskan persekitaran perniagaan yang sihat dan berwibawa bagi Takaful, MTA telah memperkenalkan satu set peraturan bagi kegunaan ejen Pengendali Takaful. Kod Etika bagi ejen Takaful adalah garis panduan asas bagi Ejen Takaful untuk mematuhi amalan mereka, yang bertujuan untuk memperkuatkan nilai moral sejagat dan menegakkan kepentingan dan kebajikan syarikat, para pemegang saham, peserta Takaful, masyarakat umum dan ejen itu sendiri.

#### 6.4.2 Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM)

Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) telah ditubuhkan pada tahun 1974 sebagai persatuan perdagangan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

LIAM mempunyai seramai 17 anggota yang terdiri daripada 15 syarikat insurans hayat dan 2 syarikat insurans semula hayat.

Objektif LIAM adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan persefahaman dan penerimaan orang awam terhadap insurans hayat.
2. Mengukuhkan amalan pasaran industri insurans hayat melalui peraturan sendiri (self-regulation).
3. Menyokong pihak berkuasa dalam membangunkan satu industri kukuh dan sihat.
4. Meningkatkan profesionalisme kakitangan dan ejen melalui latihan dan Pendidikan berterusan.
5. Menghubungi dan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan insurans tempatan dan luar negara ke arah mencapai objektif dan manfaat bersama.

### 6.4.3 Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)

Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah ditubuhkan pada Mei 1979 selaras dengan Seksyen 3 (2) Akta Insurans, 1963. (Peruntukan ini telah digantikan dengan Seksyen 22 Akta Insurans, 1996).

PIAM merupakan persatuan berkanun yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi semua syarikat insurans berdaftar yang menjalankan perniagaan insurans am di negara ini.

Objektif PIAM adalah seperti berikut :

1. Mewujudkan struktur insurans yang kukuh di Malaysia.
2. Mengumpul dan mengedarkan maklumat dan perangkaan berkaitan dengan perniagaan insurans am.
3. Membuat kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, tarif dan undang-undang kecil melalui perundingan dengan Ketua Pengarah Insurans (KPI) untuk dilaksanakan oleh anggota.
4. Mengurus Kumpulan Motor Tidak berinsurans (Unplaced Motor Pool) dan Persatuan Perlindungan Kebakaran.
5. Membantu dalam apa jua cara sekali pun yang termampu untuk mengurangkan kerugian dan/atau kemalangan, dan mencegah jenayah.
6. Bekerjasama dengan Persatuan Takaful dalam menggalakkan pembangunan industri insurans dan Takaful yang sihat.

### 6.4.4 Persatuan Broker-Broker Insurans dan Takaful (MITBA)

Pada 3 Disember 1974, Persatuan Broker Insurans Malaysia atau Insurance Brokers Association of Malaysia (IBAM) ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan. Objektif awal adalah untuk menyediakan cara membincangkan masalah kepentingan bersama anggota dan rundingan dengan persatuan Insurans lain, badan-badan pengawal selia dan pihak berkuasa.

Bagi mencerminkan kemasukan Broker Takaful sebagai anggota persatuan, pada 1 Ogos 2006, IBAM dinamakan sebagai Persatuan Broker Insurans dan Takaful (The Malaysian Insurance and Takaful Brokers Association) atau MITBA. Keanggotaan semasa terdiri daripada 38 badan & Takaful di mana 29 komposit dan 5 konvensional.

Objektif MITBA adalah seperti berikut :

1. Mempromosi dan menubuhkan perniagaan broker yang kukuh di Malaysia melalui

kerjasama dan rundingan dengan KPI.

2. Menggalakkan dan mewakili kepentingan anggota.
3. Memberi perhatian terhadap acara, pernyataan dan penyiaran pandangan yang melibatkan anggota, menasihati mereka dan mewakili kepentingan mereka melalui pernyataan pandangan bagi pihak mereka sebagaimana yang difikirkan wajar dan perlu.
4. Bekerjasama dengan lain-lain persatuan yang seumpamanya di tempat lain di dunia.
5. Bekerja bersama-sama dengan mana-mana badan atau persatuan undang-undang atau mana-mana badan serupa yang dilantik untuk pertimbangan, latihan, pindaan atau perubahan mana-mana undang-undang berkaitan dengan insurans.

## **A6.5 ORGANISASI SOKONGAN INDUSTRI TAKAFUL**

### **6.5.1 Badan Penggubal Piawaian (Standard Setting Bodies)**

#### **1. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB)**

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB), yang berpusat di Kuala Lumpur, dilancarkan secara rasmi pada 3 November 2002 dan memulakan operasi pada 10 Mac 2003.

Ia bertindak sebagai badan pengawalseliaan piawaian antarabangsa dan agensi-agensi pengawalseliaan yang mempunyai kepentingan untuk memastikan kesejahteraan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam, yang ditakrifkan secara meluas termasuk perbankan, pasaran modal dan insurans.

Dalam memajukan misi ini, IFSB menggalakkan pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam yang berhemah dan telus melalui memperkenalkan baru atau penyesuaian piawaian antarabangsa sedia ada yang selaras dengan prinsip *Shari'ah* dan mencadangkan untuk digunapakai.

#### **2. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)**

Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) ditubuhkan di bawah Akta Laporan Kewangan 1997 sebagai pihak berkuasa tersendiri untuk memaju dan menerbitkan piawaian perakaunan dan laporan kewangan di Malaysia.

MASB, bersama dengan Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF) membentuk rangka kerja laporan kewangan di Malaysia. Rangka kerja ini terdiri daripada struktur penetapan standard bebas dengan perwakilan dari semua pihak yang berkaitan dalam proses penetapan standard, termasuk penyedia, pengguna, pengawal selia dan profesion perakaunan.

Fungsi dan kuasa MASB seperti di bawah akta antara lain adalah :

1. Menerbitkan piawaian perakaunan baru menepati piawaian perakaunan yang diluluskan;
2. Menyemak, membaiki atau mengadaptasi menepati piawaian perakaunan yang diluluskan, piawaian perakaunan yang sedia ada;
3. Mengubah, mengganti, menggantung, menangguhkan, menarik balik atau membatalkan mana-mana piawaian perakaunan yang diluluskan secara keseluruhan atau sebahagian;
4. Menerbitkan, meluluskan, mengkaji, menyemak, meminda, mengganti, menangguhkan, menarik balik atau membatalkan sebarang pernyataan prinsip, sebarang teknikal dan lain-lain dan apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan laporan kewangan oleh apa-apa nama dipanggil secara keseluruhan atau sebahagian;
5. Bekerjasama dengan penasihat standard perakaunan kebangsaan dan antarabangsa yang lain dan memantau pembangunan piawaian perakaunan kebangsaan dan antarabangsa yang lain;
6. Melakukan perundingan umum apabila diperlukan bagi menentukan kandungan konsep perakaunan, prinsip dan standard;
7. Membangunkan rangka kerja konseptual untuk tujuan menilai standard perakaunan yang dicadangkan.

## 6.5.2 Institusi Pembangunan dan Pembelajaran

### 1. IBFIM

IBFIM ialah sebuah institut milik industri yang mempunyai objektif untuk memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan dalam industri kewangan Islam untuk pembangunan tenaga mahir dan perniagaan. Semenjak tahun 2001, IBFIM telah menjalankan program-program latihan serta memperluaskan perniagaan dan khidmat nasihat *Sharī'ah*. Slogan IBFIM "*Rakan Perniagaan Kewangan Islam Anda*" menyatakan hubungannya dengan industri dan bidang perkhidmatannya yang meluas.

Sebagai peneraju pasaran, program pensijilan IBFIM dibangunkan, disesuaikan dan diiktiraf oleh industri. Program-program terdiri daripada empat disiplin: Perbankan, Takaful, Pasaran Modal dan Pengurusan Kekayaan. Kelayakan Kewangan Islam oleh IBFIM telah disusun dalam Laluan Kemajuan Kerjaya yang inovatif, untuk memberi motivasi kepada kakitangan industri meningkatkan kecekapan mereka untuk mendaki struktur kerjaya korporat.

### 2. Institut Insurans Malaysia (MII)

Institut Insurans Malaysia (MII) adalah sebuah badan profesional dan institusi pendidikan

terkemuka bagi industri insurans Malaysia.

MII menyediakan kelayakan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam insurans, pengurusan risiko dan perancangan kewangan. Ia amat dihormati sebagai pusat serantau yang menawarkan pelbagai program pendidikan berkualiti dan kursus latihan untuk profesional dalam industri insurans dan kewangan.

Komitmen MII adalah menyediakan kelayakan profesional dan berkualiti tinggi yang relevan dan menawarkan latihan yang didorong oleh peranannya dalam menggabungkan industri dan ahli-ahlinya dalam usaha mencapai kecemerlangan profesional dan kejayaan perniagaan.

### 6.5.3 Persatuan-Persatuan Sokongan

#### 1. Persatuan Pelaras Kerugian Malaysia

Persatuan Pelaras Kerugian Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1981 adalah persatuan pelaras kerugian yang diluluskan oleh Menteri dan didaftarkan sebagai sebuah persatuan di bawah Seksyen II Akta Pertubuhan 1966 yang baru.

Keahlian persatuan adalah berdasarkan korporat, iaitu ia terhad kepada syarikat-syarikat yang menjalankan urusan perniagaan penyalaraan kerugian di Malaysia. Seksyen 20C (1) Akta Insurans 1963 menghendaki supaya tidak ada orang yang bertindak atau menahan diri sebagai pelaksana kecuali dia adalah pemegang lesen yang diberikan oleh DGI dan merupakan ahli persatuan pelaras yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Objektif utama persatuan adalah seperti berikut :

1. Mempromosikan penubuhan struktur pelarasan kerugian yang berwibawa di Malaysia dalam kerjasama dan perundingan dengan DGI;
2. Mempromosikan dan menjadi wakil antara kepentingan ahli atau berkaitan Malaysia dengan segala cara dan kaedah yang selaras dengan undang-undang dan Perlembagaan Malaysia;
3. Berkerjasama dengan persatuan lain yang memainkan peranan yang sama di peringkat dunia;
4. Penedaran maklumat yang mungkin menarik minat para ahli dan menyusun dan menerbitkan statistik dan maklumat lain yang berkaitan dengan pelarasan kerugian; dan
5. Bekerjasama dengan mana-mana badan atau persatuan undang-undang atau persatuan atau mana-mana badan yang serupa yang dilantik atau bakal dilantik untuk mempertimbangkan, merangka, meminda atau mengubah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pelarasan kerugian.

#### 2. Persatuan Kebangsaan Penasihat-Penasihat Insurans Hayat dan Takaful Keluarga Malaysia [National Association of Malaysian Life Insurance and Family Takaful Advisers (NAMLIFA)]

NAMLIFA adalah organisasi premier untuk profesional insurans hayat dan

perancang/pengamal kewangan.

NAMLIFA adalah badan profesional yang melindungi, mempromosikan dan menguatkan peranan utama industri insurans hayat melalui perkhidmatan kewangan yang kukuh dan peranan penting pasukan agensi.

### 3. Biro Insurans Motor (Motor Insurance Bureau (MIB))

MIB telah diperbadankan pada 24 Oktober 1967 sebagai sebuah syarikat berhad yang dijamin di bawah Akta Syarikat 1965.

Objektif MIB adalah seperti berikut :

1. Memastikan sejauh mana Bahagian IV RTO 1958 atau apa-apa pindaan adalah adil dan saksama dan matlamat dicapai dengan secukupnya;
2. Untuk mentadbir bersama dengan kerajaan melalui Dana Skim Jaminan Insurans berkenaan insolvensi Penanggung insurans;
3. Untuk membuat pembayaran belas kasihan atau elaun kepada orang yang cedera atau tanggungan orang yang terbunuh melalui penggunaan kenderaan bermotor; dan
4. Untuk membuat panggilan atau mengenakan levi ke atas anggota ahlinya bagi membolehkan biro itu melaksanakan kewajibannya.

### 4. Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Planning Council (MFPC))

Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) terdiri daripada pemegang jawatan yang dipilih oleh anggotanya untuk memberi kepimpinan dan hala tuju. MFPC adalah badan kawal selia sendiri untuk menggalakkan celik kewangan dan meningkatkan profesion Perancang Kewangan melalui pendidikan dan latihan.

Program Perancang Kewangan Berdaftar (RFP) yang diperkenalkan oleh MFPC telah dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada bulan November 2002. Kelayakan RFP menandakan haluan profesionalisma dalam perancangan kewangan - Kecemerlangan Pendidikan dan Amalan Profesional. RFP dan program RFP *Shari'ah* diiktiraf oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti sebagai pra-syarat untuk Lesen Penasihat Kewangan dan Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal masing-masing.

Di samping itu, MFPC juga telah menubuhkan Piawaian Amalan Terbaik dan Kod Etika untuk Perancang Kewangan, yang sentiasa dikaji semula dan dikemas kini sejajar dengan perubahan dalam rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan.

Objektif utama MFPC adalah:

- Mengesahkan Perancang Kewangan dan menaikkan profesionalisma mereka;
- Untuk meningkatkan imej profesion perancangan kewangan;

- Untuk menetapkan amalan standard; dan
- Untuk menyediakan peraturan sendiri dalam industri perancangan kewangan.

## BAB A7 : PERANTARA TAKAFUL

### Objektif Pembelajaran

Memahami peranan dan tanggungjawab perantara di dalam industri Takaful

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan peranan dan tanggungjawab perantara di dalam industri Takaful

### A7.1 PENGENALAN

Perantara Takaful ialah seorang profesional yang menjalankan urusan niaga Takaful atau mencari pelanggan berpotensi bagi menyertai kontrak takaful bersama pengendali.

Perantara biasanya dibayar komisen (atau fi pembrokeran untuk broker) bagi setiap pelan yang dipromosikan berdasarkan peratusan caruman yang dibuat oleh pelanggan yang juga dikenali sebagai "peserta".

### A7.2 JENIS-JENIS PERANTARA TAKAFUL

#### 1. Ejen Takaful

Ejen Takaful mewakili Pengendali Takaful dan peranan utamanya mempromosikan pelan Takaful yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful.

Menurut IFSA 2013, ejen Takaful bermaksud seseorang yang melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- a) Mempromosikan atau memberi cadangan untuk sijil Takaful bagi pihak Pengendali Takaful.
- b) Menawarkan atau berunding mengenai pelan Takaful bagi pihak Pengendali Takaful.
- c) Menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengeluaran, pembaharuan atau penerusan mana-mana sijil Takaful.



## 2. Broker Takaful

Menurut Akta IFSA 2013, Broker Takaful ditakrifkan sebagai orang yang, sebagai kontraktor bebas, menjalankan perniagaan pembrokeran Takaful dan/atau Retakaful. Broker Takaful adalah bebas daripada mana-mana Pengendali Takaful, dan mewakili kepentingan peserta di dalam mencari perlindungan Takaful pada kos terendah yang memberikan manfaat paling komprehensif kepada bakal peserta. Tugas-tugas utama Broker Takaful adalah seperti berikut:

- a) Membantu pelanggan dalam mendapatkan dan memperbaharui perlindungan Takaful dari Pengendali Takaful
- b) Mencadangkan dan menasihati pelanggan akan pelan perlindungan Takaful yang paling sesuai dan syarat-syarat yang ditawarkan Pengendali Takaful

## 3. Penasihat Kewangan

Penasihat kewangan adalah pihak bebas yang menyediakan perkhidmatan nasihat kewangan. Perniagaan penasihat kewangan ditakrifkan sebagai:

- a) menganalisa keperluan perancangan kewangan seseorang yang berkaitan dengan produk Takaful;
- b) mengesyorkan produk Takaful yang sesuai kepada seseorang;
- c) mendapatkan produk Takaful daripada Pengendali Takaful berlesen;
- d) mengatur kontrak dengan produk Takaful; atau
- e) lain-lain perniagaan, perkhidmatan atau aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan.

Perbezaan antara perantara digambarkan seperti berikut:

Jenis-Jenis Perantara	Mewakili	Lesen/Berdaftar dengan:
<b>Ejen</b>	Pengendali Takaful	<b>Persatuan Takaful Malaysia (MTA)</b>
<b>Broker</b>	Pelanggan	Bank Negara Malaysia
<b>Penasihat Kewangan</b>	Pelanggan	Bank Negara Malaysia

Jadual 21 : Perbezaan antara Perantara dalam Industri Takaful

### A7.3 KEWAJIPAN EJEN TAKAFUL

Kontrak agensi antara prinsipal dan ejen biasanya dibuat secara bertulis. Walaubagaimanapun, kontrak ini mungkin juga secara lisan. Ia mengandungi terma-terma dan syarat-syarat berkaitan dengan tingkah laku ejen dan upah/bayaran yang perlu dibayar kepada ejen.

Sebahagian daripada tugas-tugas utama ejen Takaful adalah seperti berikut:

1. Mempromosikan produk dan perkhidmatan Takaful.
2. Memberi khidmat nasihat (yang berkaitan dengan produk Takaful) dan sokongan kepada pelanggan.
3. Mengemukakan cadangan kepada prinsipal seperti yang dikehendaki.
4. Memberi kesedaran umum mengenai produk dan perkhidmatan Takaful.
5. Mengekalkan hubungan yang baik dengan pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan.
6. Mengetahui tentang keadaan pasaran untuk membimbing pelanggan mereka dengan sewajarnya.

### A7.4 EJEN TAKAFUL DALAM AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 (IFSA 2013)

IFSA 2013 memberi penekanan yang lebih pada tingkah laku ejen sebagai pengantara Takaful.

1. Keperluan Penzahiran

Seksyen 140 (Perenggan 10) IFSA 2013 mengehendaki semua ejen yang memasarkan produk-produk Takaful untuk Pengendali Takaful memaklumkan bakal pelanggan bahawa dia merupakan ejen dan bertindak bagi pihak Pengendali Takaful.

2. Ejen Takaful Mewakili Pengendali Takaful Berlesen

Seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 26 IFSA 2013 tiada seorang pun boleh memasarkan atau mempromosikan produk Takaful atau mengurus niaga sebagai ejen atau broker bagi seseorang atau pengendali selain daripada Pengendali Takaful berlesen. Sesiapa yang didapati bersalah di bawah peruntukan ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun, atau kedua-duanya.

3. Tidak Patuh IFSA 2013

Seksyen 136 (4) IFSA 2013 menyatakan bahawa jika mana-mana ejen yang didapati tidak mematuhi peruntukan Akta ini dan jika didapati bersalah, boleh didenda tidak melebihi RM10 juta atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**A7.5 HAK-HAK EJEN TAKAFUL**

Ejen adalah berhak untuk menerima bayaran dan bayaran balik.

1. Hak ejen yang paling penting ialah hak untuk menerima pembayaran bagi perkhidmatan beliau, biasanya dalam bentuk komisen atau fi.
2. Ejen juga berhak terhadap bayaran balik wang yang telah dibelanjakan dengan kuasa yang jelas oleh prinsipalnya di dalam had yang dibenarkan.
3. Ejen mempunyai hak melaksanakan tugasnya dengan cara yang difikirkan sesuai. Ejen boleh menolak mana-mana cubaan prinsipalnya yang mengawal tindak-tanduk ejen itu bekerja.

**A7.6 KEWAJIPAN PRINSIPAL**

Prinsipal mempunyai kewajipan yang berikut terhadap ejennya:

1. Membayar gaji dan perbelanjaan seperti yang dipersetujui, atau, jika tiada persetujuan, seperti kebiasaan, atau, jika gagal, membayar secara munasabah.
2. Membayar ganti rugi ejen terhadap apa-apa kesan perbuatan yang dilakukan mengikut undang-undang, di dalam bidang kuasanya, bagi pihak prinsipal.

**A8.7 PENAMATAN AGENSI**

Hubungan prinsipal dan ejen boleh ditamatkan melalui tindakan pihak-pihak yang terlibat atau operasi undang-undang seperti berikut:

1. Melalui notis pembatalan yang diberikan oleh prinsipal kepada ejen.
2. Melalui notis penolakan yang diberikan kepada prinsipal oleh ejen.
3. Melalui selesainya urusan niaga di mana kuasa diberikan hanya untuk urusan niaga tersebut sahaja.
4. Melalui tamatnya tempoh yang ditetapkan dalam kontrak agensi.
5. Melalui persetujuan bersama.
6. Secara umumnya, disebabkan oleh kematian, gila atau kebangkrutan prinsipal atau ejen.
7. Melalui operasi dari mana-mana undang-undang yang menyebabkan kontrak ejen tidak sah.

**BAB A8 : PENGENALAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN.****Objektif Pembelajaran**

Memahami konsep pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan

**Hasil Pembelajaran**

Boleh menerangkan kategori dan ciri-ciri pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan

**A8.1 PENGENALAN**

Perkara 4 Garis Panduan Perniagaan Takaful Perubatan dan Kesihatan mentakrifkan sijil Takaful Perubatan dan Kesihatan sebagai sijil Takaful yang menyediakan manfaat secara khusus terhadap risiko yang menyebabkan seseorang menjadi hilang upaya separa atau sepenuhnya akibat daripada penyakit atau keuzuran. Manfaat boleh diperolehi dalam bentuk pembayaran balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh peserta sama ada dalam bentuk pembayaran sekali gus jumlah daripada jumlah yang disertai, atau pembayaran elaun atau aliran pendapatan secara tetap untuk tempoh tertentu sekiranya peserta hilang upaya dan / atau dirawat di hospital.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sejumlah besar rakyat Malaysia telah beralih kepada penjagaan kesihatan swasta untuk memastikan dan mendapatkan perkhidmatan yang lebih cepat dan pilihan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Sudah tentu pilihan ini tidak murah. Semakin baik perkhidmatan semakin tinggi kos pengendalian. Dengan kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat, semakin ramai rakyat Malaysia beralih kepada pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan penjagaan kesihatan mereka.

Seperti kebanyakan negara membangun, corak penyakit di Malaysia berada dalam peralihan epidemiologi. Masalah kesihatan utama telah berubah daripada penyakit berjangkit akut kepada gangguan gaya hidup yang kronik seperti penyakit kardiovaskular, kencing manis, kanser dan penyakit berkaitan usia. Kadar obesiti dan diabetes semakin meningkat apabila orang mengambil lebih banyak makanan yang tidak sihat dan tidak mematuhi amalan gaya hidup yang sihat.

Semua faktor ini menunjukkan keperluan untuk sokongan penjagaan kesihatan jangka panjang dan mahal, yang membawa kepada permintaan yang lebih tinggi untuk Takaful Perubatan dan Kesihatan untuk membiayai kos perbelanjaan perubatan.

## A8.2 KATEGORI TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

Terdapat dua kategori Takaful Perubatan dan Kesihatan, iaitu :

### 1. Sijil Indemniti (Ganti rugi)

Sijil ini merupakan sejenis pelan perubatan yang membayar balik kepada peserta/pesakit perbelanjaan perubatan yang berkaitan. Contoh indemniti ialah Takaful Penghospitalan dan Pembedahan di mana peserta akan dibayar bagi kos rawatan perubatan dan perkhidmatan yang telah dikenakan.

### 2. Sijil Manfaat

Sijil manfaat membayar sejumlah wang yang telah ditetapkan sekiranya kejadian yang dilindungi berlaku sepanjang tempoh sijil. Contoh sijil manfaat ialah pelan Faedah Tunai Penghospitalan dan Takaful Penyakit Kritikal.

## A8.3 CIRI-CIRI TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

Ciri-ciri utama Takaful Perubatan dan Kesihatan adalah seperti berikut :

### 1. Perlindungan Bukan Penamatan Bersama Tuntutan Pembayaran

Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan biasanya menyediakan pembayaran tuntutan hingga had yang dinyatakan dalam sijil Takaful. Had boleh hanya satu atau gabungan yang berikut:

Had	Penerangan
<b>Had setiap hilang upaya</b>	Jumlah maksimum manfaat yang disediakan kepada peserta untuk setiap hilang upaya, iaitu setiap kemasukan ke hospital.
<b>Had setiap hilang upaya</b>	Jumlah maksimum manfaat yang sedia ada untuk peserta dalam mana-mana sijil untuk setahun.
<b>Had seumur hidup</b>	Jumlah maksimum manfaat yang disediakan kepada peserta sepanjang hayatnya.

Jadual 22 : Had Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan

Pembayaran tuntutan tidak menyebabkan penamatan sijil melainkan sekiranya berlaku tuntutan kematian.

### 2. Peningkatan Risiko dengan Masa dalam Takaful Perubatan dan Kesihatan

Takaful Perubatan dan Kesihatan juga terlibat dalam morbiditi peserta (kebarangkalian

hilang upaya yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit). Secara umumnya, risiko jenis ini, meningkat dengan usia.

#### A8.4 LANGKAH PEMBENDUNGAN KOS

Kos penjagaan kesihatan terus meningkat menjadikan Takaful Perubatan dan Kesihatan menjadi kurang menguntungkan. Untuk mengawal kos dan penyelewengan yang timbul daripada tuntutan yang melambung, pelbagai kaedah digunakan oleh Pengendali Takaful, yang meliputi perkara-perkara berikut :

1. Had Dalaman

Had dalaman ialah had di dalam had. Sebagai contoh, jika had dalaman pembedahan peserta ialah RM20,000, maka itulah jumlah maksimum yang dia boleh tuntutan walau pun had tahunan beliau mungkin lebih tinggi daripada itu.

2. Jadual Prosedur Pembedahan

Senarai prosedur pembedahan yang dilindungi dalam sijil.

3. Tempoh Maksimum Pampasan

Tempoh maksimum sijil akan melindungi peserta untuk sebarang perkhidmatan/rawatan. Sebagai contoh, sijil ini merangkumi bilik dan penginapan untuk maksimum 30 hari kemasukan.

4. Takaful Bersama (Co-Takaful)

Jumlah perlindungan yang peserta perlu bayar daripada poketnya sendiri sebelum sijil itu membayar bagi kemasukan hospital, lawatan atau perkhidmatan tertentu. Biasanya ia akan menjadi peratusan tetap atau jumlah yang jelas seperti tertera di dalam sijil. Oleh itu, Pengendali Takaful telah menetapkan pembayaran Takaful Bersama pada kadar 10% daripada tuntutan keseluruhan. Takaful Bersama mesti dibayar setiap kali perkhidmatan tertentu diperoleh oleh orang yang dilindungi. Peratusan Takaful Bersama mungkin berbeza dari satu pengendali ke pengendali lain tetapi Bank Negara Malaysia telah meletakkan had peratusan Takaful Bersama yang boleh dikenakan oleh pengendali.

Contoh :

En Ahmad telah dimasukkan ke hospital selama 12 hari dan jumlah tuntutannya mencecah sehingga RM12,000. Apabila discaj dari hospital, En. Ahmad perlu membayar RM1,200 (10%) dan baki RM 10,800 akan diselesaikan oleh Pengendali Takaful.

#### 5. Bayaran Bersama (Co-Payment)

Menaikkan kadar Bilik & Penginapan (R&B) lebih tinggi daripada apa yang dilindungi oleh sijil Takaful Perubatan dan Kesihatan boleh mewujudkan klausa pembayaran tertentu “bayaran bersama” dalam kontrak Takaful. Selain membayar perbezaan kadar R&B, peserta mungkin perlu berkongsi peratusan tertentu dari jumlah bil perubatan dengan Pengendali Takaful.

#### 6. Deduktibel

Deduktibel adalah jumlah tetap yang peserta mesti bayar terlebih dahulu tanpa mengira jumlah kos manfaat yang peserta itu layak.

Sekiranya deduktibel yang dipilih ialah RM1,000, peserta perlu membayar RM1,000 pertama dari jumlah kos manfaat yang layak (tidak termasuk kos harian bilik dan penginapan) dan bakinya akan dibayar oleh Pengendali Takaful sehingga had tahunan.

#### 7. Hospital-Hospital Panel

Senarai hospital yang dilindungi oleh sijil.

### A8.5 KEMASUKAN HOSPITAL "TANPA TUNAI"

Kemasukan Hospital Tanpa Tunai ialah apabila peserta Takaful Perubatan dan Kesihatan dimasukkan ke hospital, kemasukan ke hospital panel menerusi pengeluaran surat jaminan dan deposit hospital boleh diketepikan. Apabila discaj dari hospital, peserta tidak perlu menyelesaikan bil hospital. Semua manfaat yang layak akan diselesaikan oleh Pengendali Takaful. Pengendali Takaful diwakili oleh pentadbir pihak ketiga, berurusan dengan pihak hospital dan melangsaikan bil. Pihak yang menuntut hanya perlu membayar caj yang tidak boleh dituntut.

Adalah penting untuk diambil perhatian bahawa urusan "tanpa tunai" kemasukan hospital biasanya ialah bukan kontrak melainkan dinyatakan secara khusus dalam kontrak Takaful. Biasanya, ini adalah hanya perkhidmatan nilai tambah yang disediakan oleh Pengendali Takaful kepada pemilik sijil yang layak.

#### **Pentadbir Pihak Ketiga**

Pentadbir Pihak Ketiga merupakan wakil Pengendali Takaful yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan kedua-dua pembayaran balik tuntutan serta tuntutan tanpa tunai.

Pihak Pentadbir Pihak Ketiga juga bertanggungjawab untuk memproses permintaan pihak menuntut untuk perkhidmatan tanpa tunai.

Fungsi Pentadbir Pihak Ketiga adalah seperti berikut:

Fungsi	Pangkalan Data
Perkhidmatan Tanpa Tunai	Perkhidmatan Tanpa Tunai merupakan satu fungsi yang penting untuk Pentadbir Pihak Ketiga, yang bermaksud sekiranya peserta dimasukkan ke hospital yang disenaraikan oleh Pengendali Takaful, bil-bil dibayar secara langsung oleh Pengendali Takaful dan peserta tidak perlu membuat pembayaran terlebih dahulu.
Pembayaran Tuntutan	Pentadbir Pihak Ketiga ialah pihak yang berkenaan dengan urusan Tuntutan - lengkap dengan pemberitahuan tuntutan, menasihati pelanggan mengenai rangkaian hospital, meluluskan tuntutan dan pembayaran tanpa tunai, dan akhirnya membayar tuntutan kepada pelanggan.
Mengurus Pangkalan Data	Setelah sijil dikeluarkan, semua rekod dipanjangkan kepada pentadbir pihak ketiga dan semua komunikasi peserta selanjutnya adalah dengan pentadbir pihak ketiga dan bukan dengan Pengendali Takaful. Menjadi tanggungjawab Pentadbir Pihak Ketiga untuk mengurus pangkalan data peserta dan mengeluarkan kad identiti kepada mereka berserta dengan nombor pengenalan yang unik.

Jadual 23 : Fungsi Pentadbir Pihak Ketiga

#### A8.6 PIAWAIAN MINIMUM PENZAHIRAN PRODUK DAN KETELUSAN DALAM PEMASARAN PELAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

Takaful Perubatan dan Kesihatan merupakan pelan yang rumit, oleh itu adalah sangat penting bagi pengguna untuk mendapat kefahaman yang sewajarnya sebelum mereka membuat keputusan untuk menyertai mana-mana pelan Takaful. Pengendali Takaful berkewajipan menzahirkan maklumat yang mencukupi dan penting kepada bakal peserta dalam membantu mereka untuk mempunyai kefahaman yang lebih baik terhadap pelan dan mengurangkan kemungkinan kes luput disebabkan tidak membayar sumbangan.

Piawaian minimum menetapkan keperluan penzahiran bahawa semua pengunderaitan pemasaran Takaful Perubatan dan Kesihatan perlu dipatuhi Pengendali Takaful. Ini turut menyediakan kepada bakal peserta perspektif bagi maklumat yang perlu didedahkan oleh Pengendali Takaful sebelum mereka membuat komitmen menyertai pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan.



Ciri-ciri penting dalam piawaian ini adalah seperti berikut:

1. Piawaian ini terpakai kepada semua jenis pelan Perubatan dan Kesihatan Takaful individu termasuk "rider" yang dilampirkan pada pelan keluarga individu.
2. Bagi pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan berkumpulan, Pengendali Takaful perlu memastikan bahawa penzahiran dibuat kepada pemilik sijil induk.
3. Piawaian ini hendaklah terpakai pada semua saluran di mana pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan diedarkan.
4. Keperluan Penzahiran Khusus

Perkara 8 piawaian tersebut menyatakan bahawa terdapat aspek tertentu ciri-ciri pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan dan sijil Takaful yang memerlukan penjelasan yang berhati-hati. Pengendali Takaful dan pengantara mereka hendaklah menyediakan butir-butir yang mencukupi mengenai ciri-ciri penting pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan kepada bakal peserta.

1. Maklumat Pengendali Takaful termasuk nama dan alamat.
2. Penerangan produk yang menjelaskan pelan dan objektif utama dan tujuan.
3. Maklumat tertentu yang perlu didedahkan mengenai manfaat pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan tertentu termasuk : -
  1. Bentuk dan jumlah manfaat yang dibayar oleh sijil.
  2. Butir-butir kejadian, keadaan atau kontingensi yang mana manfaat boleh dibayar.
  3. Pengecualian dan had manfaat, syarat-syarat yang sedia ada, penyakit yang ditetapkan dan tempoh kelayakan.
  4. Caruman.
4. Penzahiran penting yang lain mengenai pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan adalah seperti berikut : -
  1. Peserta akan diberikan "tempoh membuat keputusan/tempoh tenggang" selama 15 hari daripada tarikh penghantaran sijil untuk mengkaji semula kesesuaian pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan yang baru disertai. Perlu ditekankan bahawa peserta boleh memulangkan sijil dan pemotongan perbelanjaan yang dikenakan untuk pemeriksaan perubatan akan dibuat kepada caruman sekiranya

sijil tersebut dikembalikan kepada Pengendali Takaful di dalam tempoh itu.

2. Implikasi kemungkinan berlaku pertukaran daripada satu jenis pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan kepada yang lain atau daripada satu pengendali kepada pengendali yang lain.
3. Senarai semak yang menunjukkan pengesahan bahawa pengantara memberitahu dengan jelas aspek-aspek penting produk kepada pencadang.

## BAB A9 : JENIS-JENIS PELAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

### Objektif Pembelajaran

Memahami jenis-jenis pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan

### Hasil Pembelajaran

Mampu mengenal pasti ciri-ciri dan manfaat Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan mengikut keperluan pelanggan

### A9.1 JENIS-JENIS PERLINDUNGAN

#### 1. Pelan Takaful Hospital dan Pembedahan

Pelan ini meliputi perbelanjaan yang berkaitan dengan kos rawatan penghospitalan. Pelan ini tujuan utamanya ialah menampung perbelanjaan bagi pembedahan dan kemasukan ke hospital.

Secara umumnya manfaat yang disediakan oleh Pelan Takaful Hospital dan Pembedahan termasuk yang berikut:

1. Bilik dan Penginapan Hospital.
2. Unit Rawatan Rapi.
3. Bekalan dan Perkhidmatan Hospital.
4. Fi Bius.
5. Fi Pakar Bedah.
6. Fi Dewan Pembedahan.
7. Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital.
8. Ujian Diagnostik Sebelum Penghospitalan.
9. Rundingan Pakar Sebelum Penghospitalan.
10. Rawatan Selepas Penghospitalan.
11. Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan.
12. Fi Ambulan.

Sesetengah pelan boleh diperluaskan untuk meliputi yang berikut:

1. Elaun Tunai Hospital.
2. Rawatan Kanser Pesakit Luar.
3. Dialisis Buah Pinggang.

## 4. Pemindahan Organ.

## 2. Manfaat-Manfaat Penghospitalan

Pelan ini menyediakan peserta bersama manfaat tunai harian, seandainya peserta dimasukkan ke hospital disebabkan semua punca, tertakluk terma dan syarat sijil / rider. Pelan ini boleh ditawarkan sebagai sijil tersendiri atau sebagai rider pelan Takaful Keluarga atau Perubatan dan Takaful Kesihatan.

## 3. Penyakit Kritikal

Pelan Takaful Penyakit Kritikal ialah pelan yang memberi manfaat sekaligus jika orang yang dilindungi disahkan mengidap salah satu penyakit kritikal yang tersenarai dan ditetapkan di dalam sijil.

1. Penyakit Alzheimer / Gangguan Degeneratif Organik Otak Tidak boleh Ubah	19. HIV Disebabkan Pemindahan Darah
2. Meningitis Bakteria	20. Kehilangan Kewujudan Bebas
3. Tumor Otak Benigna	21. Kehilangan Pertuturan
4. Buta / Hilang Penglihatan Keseluruhan	22. Kelecuran Api yang Teruk
5. Pembedahan Otak	23. Trauma yang Teruk
6. Kanser	24. Pemindahan Organ / Tulang Sumsum Utama
7. Anemia Aplastik Kronik	25. Penyakit Medullari Fibrosis
8. Koma	26. Penyakit Motor Nueron
9. Pembedahan Pintas Arteri Koronari	27. Sklerosis Berbilang
10. Pekak / Hilang Pendengaran Keseluruhan	28. Kelemahan Otot
11. Ensefalitis	29. Lain-lain Penyakit Arteri Koronari yang serius
12. Kegagalan Buah Pinggang Peringkat Akhir	30. Lumpuh / Paraplegia
13. Kegagalan Hati Peringkat Akhir	31. Penyakit Parkinson
14. Kegagalan Paru-Paru Peringkat Akhir	32. Hipertensi Arteri Pulmonari Utama
15. AIDS Teruk Sepenuhnya	33. Kardiomiopati yang teruk
16. Hepatitis Viral Fulminan	34. Strok
17. Serangan Jantung	35. Pembedahan Aorta
18. Pembedahan Injap Jantung	36. Eritematos Lupus Sistemik dengan Nefritis Lupus

Gambarajah 14: Senarai Penyakit Spesifik di bawah Penyakit Kritikal Takaful

## A9.2 PELAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN BERKUMPULAN

Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan Berkumpulan adalah sama dengan pelan perlindungan perubatan dan kesihatan individu. Biasanya pelan perlindungan ini ditaja oleh majikan untuk pemilik perniagaan, pekerja dan juga tanggungan.

Caruman untuk pelan perubatan dan kesihatan berkumpulan dikira berdasarkan yang berikut:

1. Purata umur kumpulan tersebut.
2. Tahap bahaya pekerjaan seperti tahap risiko yang khusus pada jenis pekerjaan tertentu.

## A9.3 PENGECUALIAN AM

Takaful Perubatan dan Kesihatan kebiasaannya tidak melindungi yang berikut:

1. Penyakit sedia ada pada masa permohonan.
2. Tuntutan untuk penyakit atau kecederaan disebabkan perbuatan haram atau menyalahi undang-undang.
3. Mengandung atau bersalin.
4. Penyakit kelamin, jangkitan atau parasit.
5. Pembunuhan atau serangan fizikal.
6. Pembedahan kosmetik atau plastik.

## A9.4 TERMA DAN SYARAT-SYARAT UTAMA

Sebahagian terma yang lebih penting adalah:

Terma	Keterangan
Syarat-syarat yang tersedia	Ketidakupayaan yang wujud sebelum tarikh pelan berkuat kuasa, yang mana anda menerima rawatan atau menunjukkan simptom. Jika anda sudah berjumpa doktor perubatan untuk sebarang penyakit atau ketidakselesaan, ini akan dianggap sebagai tanda-tanda ketidakupayaan.
Salah Nyata Umur	Umur merupakan faktor penting dalam Takaful Perubatan dan Kesihatan kerana ini akan memberi kesan pada kadar caruman. Oleh itu, dalam kes salahnyataan umur yang membawa kepada caruman yang terendah, sebarang tuntutan dari sijil tersebut akan dikira secara pro rata, berdasarkan caruman yang sebenar dibayar dengan caruman yang sepatutnya dikenakan.
Tempoh Kelayakan	Kelayakan manfaat di bawah pelan Takaful hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh sijil berkuat kuasa.

Takaful Bersama	Satu bentuk perkongsian kos perubatan di dalam pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan yang memerlukan mereka yang dilindungi membayar peratusan tertentu perbelanjaan perubatan selepas ditolak amaun yang telah dibayar, sekiranya bayaran telah dibuat.
-----------------	--

## BAB A10 : PENGUNDERAITAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

### Objektif Pembelajaran

Mengenalpasti proses asas pengunderaitan Takaful Perubatan dan Kesihatan

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan dan berkomunikasi dengan berkesan mengenai proses asas pengunderaitan Takaful Perubatan dan Kesihatan kepada pelanggan

### A10.1 PENGENALAN PENGUNDERAITAN

#### 10.1.1 Definisi

Pengunderaitan adalah proses pemilihan risiko untuk Takaful dan mengklasifikasikannya mengikut profil risiko mereka supaya kadar dan terma yang sesuai dapat diberikan. Proses ini juga termasuk penolakan terhadap risiko-risiko yang tidak layak. Proses ini biasanya berdasarkan kepada garis panduan atau prosedur yang ditetapkan.

Pada dasarnya, proses pengunderaitan menentukan bahaya fizikal, moral, alam sekitar, pasaran, kewangan dan undang-undang mengenai perkara yang akan dilindungi, termasuk pengalaman kerugian.

Ia adalah proses membawa kepada keputusan muktamad yang boleh dibuat oleh pengendali sama ada untuk menerima atau menolak penyertaan, dan jika diterima, ia akan menjadi kadar sumbangan yang akan dibayar oleh pencadang atau jumlah *tabarru'* akan dikreditkan ke dalam dana akaun khas atau dana risiko Takaful, serta terma dan syarat lain yang akan dikenakan.

#### 10.1.2 Tujuan Pengunderaitan

Pengunderaitan ialah fungsi yang sangat penting dan dilakukan setiap kali permohonan Takaful diperoleh.

Tujuan utama pengunderaitan adalah untuk melindungi dana Takaful daripada ketegangan atau pendedahan kewangan yang tidak wajar, secara saintifiknya adalah cara mengelakkan risiko yang dijangkakan daripada berulang, dan sekiranya tidak dapat dielakkan mungkin kesannya boleh dikurangkan dengan ketara.

Anggapan asas pengunderaitan adalah untuk memastikan bahawa dana Takaful mencukupi

untuk membayar tuntutan, sementara pada masa yang sama dapat memberikan margin keuntungan untuk Pengendali Takaful.

### 10.1.3 Faktor-Faktor Pengunderaitan

Faktor yang digunakan semasa proses pengunderaitan adalah berbeza-beza berdasarkan jenis Takaful yang diunderait. Di dalam produk Takaful Perubatan dan Kesihatan, faktor utama yang digunakan dalam proses pengunderaitan termasuk:

1. Umur;
2. Jantina;
3. Tahap kesihatan dan sejarah kesihatan;
4. Pekerjaan dan sejarah pekerjaan;
5. Gaya hidup/hobi;
6. Jumlah dilindungi;
7. Takaful/insurans yang berkuatkuasa; dan
8. Keadaan kewangan.

## A10.2 ANTI-PEMILIHAN

Anti-pemilihan berlaku apabila banyaknya risiko sub-standard yang diterima untuk perlindungan, menyebabkan kurangnya hasil pengunderaitan yang diharapkan. Biasanya, kadar caruman berdasarkan sampel yang mewakili keseluruhan profil pasaran risiko. Apabila anti-pemilihan berlaku, ini merupakan petunjuk bahawa pengendali kurang mengawal pengunderaitan dengan baik, dan lambat laun ia berakhir dengan portfolio yang berisiko tinggi dan kurang memberangsangkan.

Untuk mengelakkan anti-pemilihan, pihak pengunderait perlu berhati-hati menilai semua permohonan dan caj sumbangan yang sesuai dan sepadan dengan risiko serta mengenakan pengecualian, sekiranya perlu. Di dalam usaha untuk berlaku adil kepada semua peserta, cadangan yang dianggap substandard berhak untuk ditolak atau dikenakan kadar sumbangan yang lebih tinggi berbanding dengan risiko standard. Ini membawa pengagihan risiko yang saksama di kalangan semua peserta dalam skim.

Contoh :

Kru penerbangan mempunyai pelan perlindungan khas dengan sumbangan yang lebih tinggi kerana sifat kerja mereka adalah lebih berisiko berbanding dengan orang yang bekerja di bawah/lapangan.

## A10.3 KECUKUPAN SUMBANGAN

Pengendali Takaful dikehendaki menjalankan operasi mereka dengan cara yang adil dan



saksama terhadap semua peserta. Ini bagi memastikan sumbangan yang dikenakan adalah berpatutan, mencukupi, adil dan saksama dalam kalangan peserta. Dalam hal ini, pihak pengunderait memainkan peranan penting dalam memastikan hanya risiko yang sesuai sahaja yang dipilih dan kadar yang dikenakan setimpal dengan risiko yang diterima. Ini bermakna lebih tinggi purata risiko boleh menarik caj sumbangan yang lebih tinggi.

#### A10.4 PROSES PENGUNDERAITAN

##### 1. Pengenalpastian dan Penilaian Risiko

Pengendali Takaful perlu mengenalpasti dan menilai bahaya fizikal dan moral yang berkaitan dengan risiko yang dicadangkan.

Untuk menilai risiko seseorang, pengunderait bergantung kepada maklumat dari pelbagai sumber.

Sumber	Keterangan
Borang Cadangan	Borang ini ialah keperluan paling asas untuk menjalankan kontrak Takaful Keluarga antara peserta dengan Pengendali Takaful. Borang ini perlu dipenuhi oleh pencadang dengan mendapatkan bantuan daripada ejen Takaful Keluarga untuk mengisikannya. Tanggungjawab ejen Takaful dalam proses permohonan termasuklah: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memastikan permohonan lengkap diisi.</li> <li>2. Memastikan semua soalan dijawab dengan tepat.</li> <li>3. Memastikan sumbangan dikendalikan dengan baik.</li> </ol>
Pernyataan Ejen	Penyataan adalah sebahagian daripada permohonan, dan memerlukan ejen Takaful menyediakan maklumat tertentu mengenai pencadang seperti maklumat mengenai hubungan ejen dengan pencadang, data tentang status kewangan pencadang, tabiat, peribadi umum, lain-lain maklumat yang mungkin berhubung rapat dengan risiko yang bakal ditanggung oleh Pengendali Takaful.

Laporan Perubatan	<p>Jika pihak pengunderait memutuskan bahawa cadangan perlukan pengunderaitan perubatan, mereka akan meminta pencadang untuk menjalani pemeriksaan perubatan. Pemeriksaan perubatan termasuklah soalan mengenai sejarah perubatan pencadang, ketinggian, berat, nadi, dan tekanan darah.</p> <p>Keperluan tambahan mungkin diperlukan oleh Pengendali Takaful sebagai tambahan kepada pemeriksaan perubatan meliputi yang berikut: -</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemeriksaan oleh doctor.</li> <li>2. Kerehatan EKG.</li> <li>3. Ujian tekanan <i>Treadmill</i>.</li> <li>4. X-ray dada.</li> </ol>
Pernyataan Rawatan Doktor	<p>Pernyataan rawatan doktor disediakan oleh doktor yang merawat individu yang mahu menyertai pelan Takaful. Keterangan yang diberikan dalam pernyataan rawatan doktor ialah bukti risiko kemortalan pencadang.</p>
Laporan Perubatan Hospital	<p>Dengan menandatangani dan mengemukakan permohonan, pencadang memberi Pengendali Takaful hak untuk mendapat dan menyemak laporan perubatan; kedua-duanya sebelum dan selepas diterima menjadi seorang ahli pelan perubatan dan kesihatan.</p>

Jadual 16 : Sumber Pengenalpastian dan Penilaian Risiko

## 2. Pemilihan Risiko

Selepas mengenal pasti dan menilai bahaya yang dikaitkan dengan risiko, pengunderait akan menentukan sama ada untuk menerima, menerima dengan syarat, menolak atau menanggungkan cadangan itu.

Di dalam kes Takaful Perubatan dan Kesihatan, pengunderait akan mempertimbangkan perkara-perkara berikut dalam pemilihan risiko:

### 1. Faktor Kesihatan Lalu dan Semasa

Pengunderait akan menyiasat dengan teliti kesihatan lalu dan semasa pemohon, di dalam terma-terma yang terpakai.

## 2. Faktor Kewangan

Pihak underait juga akan melihat kepada keadaan kewangan keseluruhan pencadang.

Ini adalah untuk menjaga dana daripada risiko tuntutan pendapatan terhadap ketidakupayaan yang sangat tinggi disebabkan kecenderungan sesetengah pemegang sijil untuk membuat keuntungan dari pampasan Takaful dengan melanjutkan tempoh ketidakupayaan (berpura- pura sakit).

## 3. Faktor Pekerjaan

Pengunderait perlu melihat faktor pekerjaan kerana pekerjaan yang berlainan mempunyai tahap bahaya yang berbeza. Kelas pekerjaan dikategorikan kepada empat kelas berikut:

- Kelas 1 iaitu peserta yang terlibat dalam kerja dalam bangunan yang kurang berisiko. Contohnya guru dan pegawai pentadbiran;
- Kelas 2 iaitu peserta yang terlibat dengan kerja di luar pejabat atau yang lebih berisiko dari Kelas 1. Contohnya jururawat, suri rumah dan orang yang selalu ke luar daerah (outstation);
- Kelas 3 iaitu peserta yang terlibat dengan penggunaan mesin ringan yang berisiko. Contohnya pekerja kilang, juruteknik, petani dan pekerja restoran makanan segera; dan
- Kelas 4 iaitu peserta yang terlibat dengan kerja dan mesin berat yang merbahaya. Contohnya kontraktor binaan dan pekerja pelantar minyak.

Lebih tinggi risiko bermakna kemungkinan lebih tinggi tuntutan perbelanjaan perubatan. Pekerjaan yang berisiko lebih tinggi seperti Kelas 3 (pekerja kilang) biasanya mempunyai nisbah tuntutan yang lebih tinggi berbanding dengan Kelas 1 dan 2 (pekerja pejabat).

## 4. Umur dan Jantina

<b>Umur</b>	Apabila seseorang bertambah usianya, dia lebih cenderung untuk mengalami masalah perubatan.
<b>Jantina</b>	Untuk Takaful perubatan dan kesihatan, kadar sumbangan wanita adalah lebih tinggi disebabkan kadar morbiditi (penyakit) mereka adalah lebih tinggi daripada lelaki.

Jadual 17 : Faktor Umur dan Jantina untuk Pemilihan Risiko

Beberapa klasifikasi sementara biasanya diberikan sebelum keputusan muktamad ke atas klasifikasi risiko dicapai. Tujuan pengklasifikasian adalah untuk mengasingkan risiko kepada kumpulan-kumpulan yang seragam yang mana kadar boleh diberikan.

- a) Standard - sekiranya risiko dianggap risiko biasa.
- b) Berkadar - sekiranya risiko dianggap lebih berisiko tinggi daripada biasa.

#### 5. Pengunderaitan Perubatan

Pengunderaitan perubatan ialah proses menyemak rekod Takaful perubatan dan kesihatan pencadang dan menentukan tahap risiko. Sebagai sebahagian daripada proses pengunderaitan, maklumat kesihatan yang boleh digunakan dalam membuat dua keputusan yang berkaitan :

- a) Sama ada untuk menawar atau menolak perlindungan, dan
- b) Apakah kadar sumbangan yang ditetapkan bagi sijil.

Bagi menjalankan pengunderaitan perubatan, Pengendali Takaful akan mendapatkan keadaan perubatan yang sedia ada. Pengendali Takaful dibenarkan untuk bertanyakan soalan tentang sejarah perubatan seseorang untuk memutuskan samaada untuk menawarkan perlindungan atau tidak dan samaada untuk mengenakan caj tambahan.

##### 1. Keadaan Fizikal Semasa

Pengendali Takaful memerlukan pemohon untuk mengisi borang permohonan yang memperincikan sejarah penuh perubatan dan keadaan fizikal semasa setiap pemohon. Pernyataan pemohon pada borang permohonan dan keputusan pemeriksaan perubatan (sekiranya berkenaan) sebagai petunjuk pertama keadaan fizikal terkini.

##### 2. Sejarah Perubatan

Proses penilaian bermula dengan semakan pernyataan pencadang dalam borang cadangan. Jika sejarah perubatan mengandungi data berkaitan tentang sakit atau penyakit, ia membuatkan Pengendali Takaful percaya bahawa pencadang ialah risiko yang meningkat. Kos pelan Takaful akan diselaraskan dengan sewajarnya untuk mengimbangi liabiliti kewangan yang tinggi.

Pengendali Takaful mungkin menjalankan siasatan lanjut sekiranya terdapat sejarah perubatan yang disenaraikan dalam borang cadangan. Sebagai contoh, jika pemohon mengakui menerima rawatan bagi tekanan darah tinggi, pernyataan doktor yang merawat biasanya diperlukan. Walau bagaimanapun, seandainya pernyataan pada borang permohonan menunjukkan rawatan dan pemulihan sepenuhnya daripada lengan yang patah, mungkin tiada maklumat tambahan diperlukan.

Pengendali Takaful menyemak sejarah keadaan terdahulu untuk menentukan:

1. Kemungkinan berulang. Seseorang penyakit mempunyai kecenderungan untuk berulang.
2. Kesan sejarah perubatan pada kesihatan keseluruhan pemohon.
3. Komplikasi yang mungkin berlaku pada masa akan datang.
4. Perkembangan normal pada sebarang kerosakan yang boleh dianggap sebagai petunjuk insiden masa hadapan yang lebih tinggi. Sebagai contoh, obesiti dan tekanan darah tinggi.

### 3. Sejarah Keluarga

Satu bahagian dalam borang cadangan Takaful terdapat beberapa soalan tentang sejarah perubatan ahli keluarga. Hubungan yang jelas dilakukan antara keadaan tertentu pada masa ini yang mengancam hayat dengan perkembangan genetik, dan Pengendali Takaful akan mempertimbangkan isu hubung kait pencadang sebagai petunjuk risiko daripada peserta itu sendiri.

### 6. Keputusan Pengunderaitan

Setelah analisis maklumat yang diberikan lengkap, pihak underait pada asasnya mempunyai tiga pilihan:

Jenis-jenis	Keputusan
<b>Standard</b>	Menerima permohonan. Jika pencadang dianggap berisiko sederhana atau biasa, dia akan dikenakan kadar standard tanpa sebarang pengecualian khusus atau pengurangan faedah.

<b>Substandard/ Diubahsuai</b>	<p>Meluluskan permohonan dengan syarat yang dikenakan Jika pencadang mempunyai risiko melebihi kebiasaan, pencadang boleh dikelaskan sebagai risiko yang meningkat. Pihak underait masih boleh menawarkan perlindungan berserta pengubahsuaian seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengecualian Pengesahan pengecualian digunakan oleh Pengendali Takaful sebagai satu cara untuk memberikan perlindungan kepada orang-orang yang sepatutnya perlu ditolak. Dalam beberapa kes seperti tekanan darah tinggi atau tiroid, Pengendali Takaful masih boleh menawarkan perlindungan dengan pengecualian pada penyakit-penyakit tersebut.</li> <li>2. Bebanan (loading) (caruman tambahan) Bebanan (loading) adalah di mana Pengendali Takaful menambah jumlah caruman asas bagi menampung perbelanjaan untuk mendapatkan dan mengekalkan perniagaan.</li> <li>3. Manfaat Diubahsuai Pengendali takaful boleh menawarkan manfaat yang diubahsuai kepada pemohon seperti had tahunan yang lebih rendah, ditolak perbelanjaan perubatan yang lebih besar atau kadang-kala bersama-sama dengan caruman tambahan atau pengecualian <i>rider</i>.</li> <li>4. Beberapa gabungan daripada pendekatan di atas.</li> </ol>
<b>Ditolak</b>	<p>Pihak underait boleh menolak permohonan sekiranya insurans yang dicadangkan dinilai sebagai tidak menguntungkan (mungkin disebabkan oleh penyakit yang serius atau terlibat dalam pekerjaan atau hobi yang sangat berbahaya).</p>

Jadual 18 : Keputusan Pengunderaitan

**A10.7 PEMBAHARUAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN**

Terdapat empat pilihan Pembaharuan yang berlainan yang boleh diamalkan dalam Takaful Perubatan dan Kesihatan:

Pembaharuan Pilihan	Keterangan
<b>Tidak Boleh Dibatalkan dan Boleh Diperbaharui Terjamin</b>	Pelan Takaful perubatan dan kesihatan Tidak Boleh dibatalkan dan Boleh Diperbaharui Terjamin bermakna sijil tidak boleh dibatalkan dan peruntukan kontrak tidak boleh diubah tanpa kebenaran peserta. Ditambah pula, wang sumbangan tidak boleh diubah selagi peserta meneruskan pembayaran wang sumbangannya.
<b>Boleh Diperbaharui Terjamin</b>	<p>Selagi sumbangan dibayar ke atas sijil, Pengendali Takaful diwajibkan memperbaharui sijil (jika had seumur hidup tidak melebihi). Walaubagaimanapun, Pengendali Takaful boleh menaikkan sumbangan selagi perubahan itu memberi kesan kepada keseluruhan kelas peserta dan tidak satu pun yang tertinggal.</p> <p>Dalam jangka panjang, sijil boleh diperbaharui terjamin walaupun lebih mahal adalah pilihan yang lebih selamat.</p>
<b>Boleh Diperbaharui Bersyarat</b>	Kontrak yang menyatakan bahawa sijil boleh diperbaharui mengikut syarat-syarat tertentu seperti yang ditakrifkan dalam kontrak.
<b>Boleh Diperbaharui Dengan Pilihan</b>	<p>Jenis keempat dan terakhir peruntukan pilihan pembaharuan menawarkan hanya sedikit perlindungan kepada peserta dan mempunyai aplikasi yang sedikit dalam perlindungan perubatan dan kesihatan moden. Ia dikenali sebagai perlindungan boleh diperbaharui dengan pilihan. Di bawah peruntukan boleh diperbaharui dengan pilihan, sumbangan mungkin boleh meningkat dan manfaat diubahsuai secara berkelas.</p> <p>Pengendali Takaful mempunyai hak untuk memperbaharui sijil atau tidak atas pilihannya samada pada tarikh ulang tahun sijil; pembatalan pertengahan tahun adalah dilarang.</p>

Jadual 19 : Jenis-Jenis Pembaharuan untuk Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan

**A10.8 PEMBAYARAN CARUMAN**

Pembayaran caruman bergantung kepada jenis-jenis sijil. Sesetengah sijil dikeluarkan atas dasar "tunai-sebelum-perlindungan", manakala sijil yang lain mungkin tertakluk pada tempoh 60 hari waranti wang sumbangan.

Tempoh tangguh mungkin dibenarkan dalam kes sijil boleh diperbaharui terjamin, sijil boleh dibaharui bersyarat dan sijil tidak boleh dibatalkan untuk menyediakan kemudahan kepada pemilik sijil untuk membuat pembayaran. Walaubagaimanapun, sebarang tuntutan yang berlaku semasa tempoh tangguh tidak akan dibayar walaupun Pengendali Takaful tidak akan menganggap sijil sebagai luput. Sijil hanya akan dianggap luput jika tiada bayaran sumbangan dibuat sebelum berakhirnya tempoh tangguh.

**A10.9 PENAMATAN SIJIL**

Apabila berlaku perkara-perkara berikut, secara automatik akan menamatkan Takaful perubatan dan kesihatan.

1. Kematian peserta;
2. Tarikh ulang tahun sijil berlaku serta-merta berikutan kelayakan umur maksimum peserta;
3. Jumlah manfaat yang dibayar di bawah sijil melebihi had maksimum yang dinyatakan dalam jadual manfaat.

**A10.8 PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN PERIBADI**

Peraturan cukai terkini membenarkan potongan cukai individu bagi pemastautin di Malaysia terhadap pendapatan boleh dicukai seperti yang berikut:

1. Potongan daripada pendapatan boleh dicukai sehingga maksimum RM3,000 untuk caruman Takaful pendidikan dan/atau perubatan.
2. Potongan daripada pendapatan boleh dicukai sehingga maksimum RM6,000 dibenarkan bagi caruman sijil Takaful Keluarga dan caruman skim persaraan yang diluluskan.

Pelan perlindungan Takaful Perubatan dan Kesihatan hendaklah bertempoh 12 bulan atau lebih. Perbelanjaan perlu berkaitan dengan rawatan perubatan yang berpunca daripada penyakit atau kemalangan atau kecacatan. Pelan boleh menjadi sijil tersendiri atau sebagai *rider* pada Takaful Keluarga. Jika pelan itu adalah *rider*, hanya caruman *rider* yang layak untuk potongan. Lembaga Hasil Dalam Negeri memerlukan bukti pembayaran caruman tersebut untuk mendapat kelayakan potongan cukai. Peserta dinasihatkan untuk memfailkan segala dokumen bagi tujuan audit cukai dan pengesahan pada masa hadapan.



## BAB A11 : PENTADBIRAN SIJIL TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

### Objektif Pembelajaran

Mengenalpasti proses asas pentadbiran sijil Takaful Perubatan dan Kesihatan

### Hasil Pembelajaran

Boleh menasihati dan berkomunikasi dengan berkesan ciri-ciri dan manfaat di dalam proses pentadbiran sijil Takaful Perubatan dan Kesihatan kepada pelanggan

### A11.1 TINJAUAN KESELURUHAN TENTANG PENTADBIRAN SIJIL TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

Pentadbiran sijil melibatkan pertukaran dan pengeluaran dokumen-dokumen sebagai bukti wujudnya kontrak Takaful yang sah. Dokumen-dokumen tersebut termasuk yang berikut:

1. Borang Cadangan.
2. Sijil.
3. Endosmen.
4. Notis Pembaharuan.
5. Bukti pembayaran sumbangan Takaful Perubatan dan Kesihatan untuk pelepasan cukai.

### A11.2 BORANG CADANGAN

Borang Cadangan Takaful adalah sebahagian daripada kontrak Takaful. Tujuan boring cadangan adalah untuk membantu Pengendali Takaful mengumpul maklumat yang diperlukan untuk pengunderaitan. Ini akan membolehkan pengunderait menilai cadangan dengan cepat dan tepat dan mengeluarkan sijil perakuan berdasarkan maklumat tersebut.

Secara amnya borang cadangan mengandungi perkara-perkara berikut:

1. Pernyataan penzahiran sebagaimana dikehendaki di bawah Seksyen 141 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013:

“Anda perlu memberitahu di dalam borang cadangan, sepenuhnya dan sejujurnya semua fakta yang anda tahu atau patut tahu, jika tidak Sijil yang dikeluarkan

boleh menjadi tidak sah."

2. Soalan asas mengenai pencadang seperti nama, alamat surat-menyurat, alamat risiko, pekerjaan, dan lain-lain.
3. Maklumat insurans/Takaful dahulu dan sekarang.
4. Soalan-soalan khusus berkaitan dengan perubatan dan kesihatan seperti sejarah keluarga dan perubatan, tabiat merokok, hobi berbahaya dan soalan-soalan yang berkaitan dengan penyakit AIDS.
5. Di bawah Seksyen 13 dalam garis panduan yang sama, borang cadangan hendaklah mengandungi pernyataan, pengisytiharan yang menggabungkan maklumat minimum seperti berikut: -
  1. *Aqad* (kontrak) yang mengikat peserta Takaful.
  2. *Aqad* (kontrak) yang mengikat peserta dan Pengendali Takaful.
  3. Peruntukan keuntungan pelaburan dan lebih kepada peserta.
  4. Peruntukan keuntungan pelaburan, lebih atau fi kepada Pengendali Takaful.
6. Di bawah klausa perisytiharan ini, terdapat bahagian untuk tandatangan pencadang serta tarikh.

### A11.3 SIJIL

Draf sijil Takaful daripada pengendali Takaful merupakan bukti bertulis kontrak Takaful. Untuk diterima sebagai bukti dalam mahkamah perundangan, sijil hendaklah disetem selaras dengan peruntukan Akta Setem. Sijil ini dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti yang berikut:

1. Tajuk yang terdiri daripada nama penuh dan alamat berdaftar Pengendali Takaful diletakkan pada bahagian atas muka hadapan.
2. Mukadimah atau Klausa Huraian

Klausa ini memperkenalkan atau menghuraikan pihak-pihak dalam kontrak - Pengendali Takaful dan peserta.

3. Klausa Operatif

Klausa ini menggariskan inti pati kontrak dengan mengkhususkan peril yang dilindungi di bawah sijil dan keadaan yang mana Pengendali Takaful bertanggungjawab untuk membuat bayaran atau yang setara dengannya kepada peserta.

#### 4. Pengecualian

Pengecualian adalah sekatan ke atas skop perlindungan Takaful. Pengecualian dimasukkan dalam perakuan kerana peril dan kerugian tertentu tidak boleh dilindungi di bawah sijil.

#### 5. Jadual Manfaat

Jadual manfaat menyediakan maklumat berikut:

1. nama dan alamat peserta.
2. caruman.
3. nombor sijil.
4. tarikh dikeluarkan.
5. agensi.
6. tarikh lahir peserta.
7. tempoh Takaful.
8. pekerjaan peserta.
9. klausa khusus pengecualian.
10. pelbagai jenis dan amaun manfaat.

#### 6. Klausa Pengakusaksian atau Tandatangan

Klausa ini dipanggil klausa pengakuansaksian kerana ia menyediakan peruntukan untuk Pengendali Takaful membuktikan aku janji. Perakuan itu ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pengendali Takaful.

#### 7. Syarat-syarat

Dalam satu kontrak Takaful syarat-syarat boleh dibuat secara jelas atau tersirat. Pengendali Takaful mencetak syarat-syarat yang jelas pada perakuan dan menguatkuasakan kontrak Takaful. Dalam ketiadaan syarat-syarat yang jelas, kontrak Takaful hanya tertakluk kepada syarat-syarat tersirat. Syarat-syarat tersirat berkaitan dengan yang berikut :

1. Kewajipan penuh percaya mutlak,
2. Kewujudan kepentingan boleh insurans,
3. Kewujudan produk Takaful, dan
4. Pengenalpastian kandungan utama Takaful.

### A11.4 ENDOSMEN

Pengendali Takaful akan mengeluarkan sijil standard yang melindungi peril tertentu yang

khusus dan lain-lain pengecualian. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk mengubahsuai terma-terma dan syarat-syarat sijil, Pengendali Takaful biasanya akan melampirkan satu atau lebih memorandum atau sokongan pada sijil. Sokongan menjadi sebahagian daripada sijil dan bukti kontrak.

Perubahan yang dibuat boleh dikaitkan dengan mana-mana yang berikut :

1. perbezaan dalam amaun manfaat.
2. perubahan dalam mana-mana tempoh manfaat maksimum.
3. pelanjutan perlindungan Takaful bagi melindungi ahli keluarga tambahan.
4. perubahan dalam risiko pekerjaan.
5. pembatalan Takaful.
6. perubahan nama dan alamat.

#### **A11.5 NOTIS PEMBAHARUAN**

Bagi memperbaharui pelan tahunan Takaful Perubatan dan Kesihatan, Pengendali Takaful biasanya mengeluarkan notis pembaharuan satu atau dua bulan lebih awal daripada tarikh tamat tempoh, untuk mengingatkan peserta bahawa sijil tersebut tamat pada tarikh yang tertentu.

Notis pembaharuan akan merangkumi semua butir-butir berkaitan sijil tersebut termasuk :

1. Nama Peserta.
2. Nombor Sijil.
3. Sijil tamat tempoh.
4. Caruman tahunan.
5. Semakan terma-terma sijil (sekiranya ada).
6. Nota memohon peserta untuk menzahirkan sebarang perubahan risiko material sejak bermulanya sijil (atau tarikh terakhir pembaharuan).

**BAB A12 : TUNTUTAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN.****Objektif Pembelajaran**

Mengenalpasti proses asas Takaful Perubatan dan Kesihatan

**Hasil Pembelajaran**

Boleh menasihati dan berkomunikasi dengan berkesan mengenai proses asas Takaful Perubatan dan Kesihatan kepada pelanggan

**A12.1 PEMBERITAHUAN NOTIS TUNTUTAN**

Apabila keadaan yang memungkinkan berlakunya tuntutan, Pengendali Takaful tidak memulakan proses tuntutan dan membayar ganti rugi kepada pemilik sijil melainkan jika dan sehingga pemberitahuan tuntutan itu dibuat. Oleh itu, pemberitahuan notis tuntutan merupakan asas perjanjian kepada kontrak Takaful.

Dua sebab utama mengapa pemberitahuan tuntutan adalah penting:

1. Pengendali Takaful perlu diberi peluang menyiasat tuntutan itu.
2. Pengendali Takaful perlu membuat peruntukan untuk kos yang bakal dituntut.

Sijil takaful memerlukan pemilik sijil memberitahu Pengendali Takaful secara bertulis sebarang tuntutan dalam tempoh yang munasabah, biasanya antara 14 hari hingga 30 hari.

Apabila pengesahan tuntutan tersebut, Pengendali Takaful mesti mengesahkan sama ada kerugian/penyakit itu dilindungi di bawah sijil.

**A12.2 BUKTI PENYAKIT/TUNTUTAN**

Pihak yang membuat tuntutan dikehendaki mengemukakan bukti bertulis kehilangan/kerugian, atau tuntutan di dalam jangka masa seperti mana yang telah ditetapkan dalam peruntukan kehilangan/kerugian. Dalam kes tuntutan manfaat hospital atau perbelanjaan perubatan, bukti kukuh/sahih daripada hospital (bil asal penghospitalan dan boring tuntutan) perlu dikemukakan dalam jangka tempoh yang ditetapkan dari tarikh kerugian.

Pembuat tuntutan mesti mendaftar terlebih dahulu tuntutan mereka dengan Pengendali Takaful dalam jangka tempoh yang ditetapkan dan mengemukakan semua dokumen bagi

memudahkan proses tuntutan. Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk membuat tuntutan adalah seperti berikut:

1. Bukti pengenalan,
2. Salinan dokumen sijil,
3. Bil-bil asal hospital di mana pihak diinsuranskan dimasukkan,
4. Sijil keluar dari hospital, dan
5. Laporan asal siasatan.

### **A12.3 BORANG TUNTUTAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN**

Borang Tuntutan Takaful Perubatan dan Kesihatan dirangka dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menentukan liabiliti Pengendali Takaful di bawah sijil. Umumnya borang ini terdiri daripada satu pernyataan menuntut dan pernyataan doktor yang merawat. Beberapa soalan yang relatifnya standard seperti:

1. Nama;
2. Alamat;
3. Tarikh lahir;
4. Nombor sijil dan nombor kumpulan Takaful;
5. Maklumat, mengenai sekiranya pemilik sijil dilindungi di bawah pelan kumpulan melalui majikan;
6. Penerangan kecederaan atau penyakit yang menyebabkan kerugian;
7. Tarikh rawatan perubatan atau lawatan doktor, dan lain-lain.

Pihak yang menuntut juga perlu memberikan kebenaran yang membenarkan mana-mana penyedia perubatan, doktor, atau majikan untuk memberikan rekod atau maklumat berkenaan sejarah perubatan atau status pekerjaan orang yang diinsuranskan.

### **A12.4 PROSES PEMERIKSAAN**

Sebaik sahaja Pengendali Takaful menerima notis tuntutan, Jabatan Tuntutan akan meneruskan dengan proses-proses yang berikut:

1. Menentukan sama ada atau tidak tuntutan itu adalah sah dengan memeriksa antara lain sama ada sijil itu berkuat kuasa, sumbangan telah dibayar, kerugian yang disebabkan oleh peril yang ditakafulkan, dan lain-lain.
2. Apabila jabatan tuntutan menyelesaikan pemeriksaan awal dan mendapati tuntutan itu adalah sah, borang tuntutan akan diberikan kepada pihak yang menuntut. Borang dikeluarkan tanpa prejudis, bermaksud bahawa pengeluaran borang tuntutan tidak bermaksud liabiliti dalam sijil telah diterima.

3. Semua tuntutan mestilah didaftarkan dalam daftar tuntutan apabila dimaklumkan kepada Pengendali Takaful. Daftar tuntutan mesti disimpan selama mana mereka masih bertanggungjawab ke atas tuntutan.

#### **A12.5 SIASATAN TUNTUTAN**

Langkah yang selanjutnya dalam proses tuntutan Takaful ialah siasatan untuk menentukan sama ada Pengendali Takaful sebagai syarikat Takaful yang bertanggungjawab terhadap kerugian. Siasatan lanjut bergantung pada kerumitan dan saiz tuntutan.

Proses siasatan tuntutan melibatkan yang berikut :

1. Siasatan untuk menentukan sama ada :
  - i. Wujud kerugian.
  - ii. Kerugian yang disebabkan oleh peril yang dilindungi oleh sijil.
  - iii. Kerugian tidak termasuk dalam skop pengecualian sijil.
  - iv. Pihak yang membuat tuntutan ialah pihak yang sah.
2. Semakan dokumentasi tuntutan seperti bentuk tuntutan, bil-bil, dan lain-lain.
3. Memohon dokumen tambahan seperti laporan perubatan, pernyataan menghadiri rawatan doktor dan lain-lain (sekiranya perlu).

#### **A12.6 PEMBAYARAN TUNTUTAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN**

Proses tuntutan Takaful berakhir dengan pembayaran. Apabila Pengendali Takaful menyelesaikan siasatan dan membuat keputusan untuk membayar tuntutan, jumlah yang perlu dibayar akan dikira dan pembayaran tuntutan kepada pihak yang menuntut akan dibuat.

#### **A12.7 PENOLAKAN LIABILITI OLEH PENGENDALI TAKAFUL**

Pengendali Takaful boleh menolak liabiliti atas beberapa alasan seperti :

1. Tidak wujud kerugian seperti yang dilaporkan.
2. Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh peril yang tidak dilindungi di bawah sijil.
3. Kehilangan atau kerosakan dalam skop pengecualian sijil.
4. Sijil tersebut telah diisytiharkan tidak sah akibat daripada pelanggaran syarat.

Apabila tuntutan ditolak, Pengendali Takaful akan memaklumkan kepada pihak yang menuntut dengan mengeluarkan surat kepada pemilik sijil dan memaklumkan keputusan tersebut.

**A13.8 PERTIKAIAN**

Sebahagian kecil daripada kebanyakan tuntutan yang diselesaikan setiap tahun oleh Pengendali Takaful biasanya berakhir dengan pertikaian. Pertikaian antara pihak menuntut dengan Pengendali Takaful biasanya melibatkan kes-kes seperti sama ada Pengendali Takaful bertanggungjawab, jumlah kerugian, dan lain-lain

Apabila timbul pertikaian, ia boleh diselesaikan melalui saluran berikut:

1. Penyelesaian Secara Rundingan dan Kompromi

Kebiasaannya, pihak yang menuntut boleh berjumpa dengan Pengendali Takaful untuk menyelesaikan pertikaian melalui perbincangan.

2. Pengantaraan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan telah diluluskan oleh Bank di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menyediakan jalan/cara yang adil dan cekap untuk pengguna kewangan untuk menyelesaikan pertikaian terhadap penyedia perkhidmatan kewangan.

3. Timbang Tara

Timbang tara merupakan satu cara yang terbaik dan digunakan secara meluas untuk menamatkan pertikaian. Ia menyediakan pihak yang berkontroversi dengan pilihan selain daripada tindakan undang-undang. Tidak seperti tindakan undang-undang/litigasi, timbang tara berlaku di luar mahkamah: kedua-dua pihak memilih pihak ketiga yang tidak berat sebelah, yang dikenali sebagai penimbang tara; bersetuju terlebih dahulu untuk mematuhi keputusan penimbang tara, dan kemudian mengambil bahagian dalam perbincangan yang mana kedua-dua pihak boleh mengemukakan bukti dan keterangan. Keputusan timbang tara biasanya muktamad, dan mahkamah jarang menelitinya semula.

4. Tindakan Litigasi

Pihak yang menuntut juga boleh membawa Pengendali Takaful ke mahkamah jika mereka tidak berpuas hati dengan hasil perbincangan/rundingan dengan jabatan tuntutan. Walaubagaimanapun, tindakan undang-undang dianggap sebagai pilihan terakhir kerana ia biasanya akan melibatkan kos yang tinggi.







**BUKU TEKS**

**PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL (TBE)**

**Bahagian B: Takaful Am**

**Edisi  
2018**

## BAB B1 : PENGENALAN TAKAFUL AM

### Objektif Pembelajaran

Memahami konsep dan ciri-ciri utama perniagaan Takaful Am.

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan dan berkomunikasi dengan berkesan ciri-ciri, pengkelasan dan keperluan asas produk-produk Takaful Am.

### B1.1 PENGENALAN

Konsep Takaful Am adalah untuk menyediakan satu bentuk pengurusan risiko yang mematuhi undang-undang *Sharī'ah* berdasarkan kepada prinsip perkongsian risiko untuk melindungi peserta-peserta daripada mengalami kerugian kewangan, liabiliti atau kecederaan akibat atau berikutan ditimpa musibah atau kemalangan kepada harta, aset atau orang.

Takaful Am adalah alat pengurusan risiko yang bertujuan untuk menguruskan pendedahan risiko kepada peserta, sebelum dan selepas kerugian:

Objektif Sebelum - Kerugian

- ✓ Menyediakan potensi kerugian dengan cara paling ekonomikal
- ✓ Mengurangkan ketakutan dan kerisauan
- ✓ Mematuhi undang-undang

Objektif Selepas - Kerugian

- ✓ Kesempurnaan dan pemulihan yang cepat
- ✓ Keupayaan organisasi untuk bertahan/kekal
- ✓ Kestabilan pendapatan
- ✓ Pengurangan impak kerugian

**B1.2 CIRI-CIRI PRODUK TAKAFUL AM**

Ciri-ciri produk-produk Takaful Am boleh dirumuskan seperti berikut:

Bil	Ciri-ciri	Penerangan
1	Kontrak Jangka Pendek/Tahunan	Kontrak Takaful Am biasanya mempunyai tempoh selama satu tahun atau kurang dan pada akhir tempoh tersebut, kontrak boleh diperbaharui dengan persetujuan bersama antara Pengendali Takaful dan peserta.
2	Sumbangan yang berbeza pada pembaharuan sijil	<p>Pada akhir tempoh kontrak, Pengendali Takaful akan menilai semula risiko. Berdasarkan penilaian semula, kadar caruman yang berbeza mungkin dikenakan.</p> <p>Perbezaan dalam kadar sumbangan mungkin disebabkan oleh dua perkara asas:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Perubahan dalam sifat risiko individu yang akan dilindungi dan/atau</li> <li>b. Perubahan keseluruhan dalam sijil / kadar sumbangan bagi kelas perniagaan tertentu, sebagai contoh, keseluruhan risiko yang akan dilindungi menjadi semakin berbahaya.</li> </ol>
3	Kontrak Indemniti	Tujuan Takaful Am ialah untuk meletakkan peserta dalam kedudukan kewangan yang sama seperti sebelum berlakunya kerugian, tertakluk kepada had maksimum jumlah yang dilindungi. Bagi kebanyakan kontrak Takaful Am, proses membayar pampasan tertakluk kepada amaun tuntutan bagi setiap unit sijil, di mana pertimbangannya berbeza walaupun dalam kelas perniagaan yang sama yang boleh dianggap agak homogen berkaitan dengan risiko yang dilindungi.
4	Bayaran Tuntutan Tidak Menamatkan Kontrak	Di bawah Takaful Am, bayaran tuntutan tidak akan menamatkan kontrak melainkan jika terdapat jumlah tuntutan menyeluruh (total loss) dibayar. Tuntutan seterusnya boleh dibuat dalam tempoh kontrak bagi baki jumlah yang dilindungi.
5	Risiko yang Dilindungi Tidak semestinya Meningkatkan dengan Masa	Tidak seperti kontrak Takaful Keluarga di mana risiko kadar kematian meningkat dengan usia, perlindungan di bawah Takaful Am mungkin tidak meningkat dengan jangka masa. Malah risiko boleh dikurangkan kerana langkah-langkah keselamatan yang lebih baik telah diambil oleh peserta (contohnya pemasangan perenjis air dalam bangunan).

**B1.3 PRINSIP ASAS TAKAFUL BERKAITAN TAKAFUL AM**

Kontrak Takaful Am merangkumkan enam prinsip utama insurans am dalam amalan- amalan yang merangkumi konsep keadilan seperti yang dikehendaki oleh *Sharī'ah*. Enam prinsip undang-undang Takaful Am yang diterima pakai ialah:

1. Prinsip Kepentingan Takaful Dibenarkan
2. Prinsip Penuh Percaya Mutlak
3. Prinsip Indemniti
4. Prinsip Subrogasi
5. Prinsip Perkongsian Sama Rata
6. Prinsip Sebab Terhampir

Prinsip-prinsip di atas telah dibincangkan secara umum di bawah Bab A5. Walau bagaimanapun, prinsip indemniti, subrogasi dan sumbangan adalah jelas mempunyai kaitan yang lebih penting dalam menjalankan perniagaan Takaful Am.

### **1.3.1 Prinsip Indemniti**

Kontrak Takaful Am ialah kontrak perlindungan di mana Kepentingan Takaful Dibenarkan boleh diukur, contohnya hartanah, kewangan dan liabiliti kontrak Takaful.

Prinsip indemniti terpakai dalam keadaan berikut:

- Peserta perlu membuktikan bahawa dia telah mengalami kerugian pada perkara yang dilindungi di bawah Takaful pada masa berlakunya kejadian dan kerugian adalah kerugian kewangan yang benar.
- Jumlah pampasan adalah jumlah yang dilindungi di bawah Takaful di mana jumlah ganti rugi tidak boleh melebihi daripada jumlah yang dilindungi.
- Jika peserta menerima jumlah terlebih daripada kerugian sebenar, Pengendali Takaful mempunyai hak untuk menuntut semula jumlah lebihan tersebut. Begitu juga jika peserta menerima jumlah terlebih daripada kerugian sebenar daripada pihak ketiga, selepas dibayar ganti rugi sepenuhnya oleh Pengendali Takaful, Pengendali Takaful mempunyai hak di bawah prinsip Subrogasi untuk menuntut sebarang lebihan yang telah dibayar oleh pihak ketiga.
- Perlu diingatkan bahawa jumlah yang dilindungi bukan ukuran sebenar indemniti tetapi ia menetapkan had maksimum jumlah yang boleh dibayar. Jumlah ganti rugi sebenar adalah berdasarkan prinsip "jumlah yang dilindungi atau nilai pasaran yang mana lebih rendah".

### **1.3.2 Prinsip Subrogasi**

Prinsip Subrogasi adalah berpunca daripada Prinsip Indemniti. Pada asasnya, Prinsip Subrogasi digunakan seperti berikut:

- Ia adalah turutan dari Prinsip Indemniti bagi memastikan bahawa peserta tidak mendapat keuntungan daripada kerugian sebenarnya.
- Ia boleh digunakan sebelum pembayaran kepada peserta itu dalam kes-kes di mana peserta telah mendapat sebahagian bayaran ganti rugi daripada pihak ketiga, Pengendali

Takaful hanya akan membayar bakinya sahaja.

- Jumlah tuntutan subrogasi tidak boleh melebihi jumlah tuntutan yang dibayar kepada peserta. Jika Pengendali Takaful menuntut jumlah yang lebih tinggi dari apa yang dibayar kepada peserta, jumlah lebihan tersebut perlu diberikan kepada peserta.
- Prinsip ini tidak boleh diterima pakai untuk Takaful Keluarga dan Takaful Kemalangan Diri kerana kedua-dua Takaful ini tidak berkaitan dengan kontrak indemniti.

**Contoh:**

Rumah peserta A telah dimusnahkan oleh kebakaran akibat daripada letupan di kilang yang berhampiran. Peserta A telah mengemukakan jumlah tuntutan sebanyak RM500,000 kepada Pengendali Takaful. Selepas pembayaran tuntutan, Pengendali Takaful diberi hak subrogasi untuk menuntut jumlah yang sama daripada pemilik kilang yang bertanggungjawab menyebabkan kebakaran dan kerugian berkenaan.

### 1.3.3 Prinsip Perkongsian Sama Rata

Prinsip Perkongsian Sama Rata digunakan di bawah kontrak Takaful Am untuk mengelakkan peserta daripada meraih keuntungan daripada tuntutan berganda bagi kerugian yang sama daripada Pengendali Takaful yang berbeza. Di bawah prinsip ini kerugian hendaklah dikongsi bersama di antara Pengendali Takaful berkenaan mengikut bahagian atau nisbah masing-masing.

**Contoh:**

Peserta B mendapat perlindungan Takaful untuk rumahnya bernilai RM1 juta dengan Pengendali Takaful X, Y dan Z dengan harapan untuk membuat keuntungan dengan membuat tuntutan daripada semua Pengendali Takaful bagi jumlah sebanyak RM3 juta (RM1 juta dari setiap Pengendali Takaful) sekiranya rumahnya musnah akibat kebakaran.

Apabila rumah tersebut musnah dijilat oleh api, peserta B mengemukakan tuntutan kepada semua Pengendali Takaful seperti yang dirancang. Walau bagaimanapun, apabila diketahui oleh tiga Pengendali Takaful tentang perlindungan berganda, setiap Pengendali Takaful akan hanya membayar bahagian masing-masing iaitu sebanyak RM333, 333 setiap satu untuk jumlah keseluruhan RM1 juta.

Pengendali Takaful yang terlibat mesti memberi perlindungan kepada:

- Kepentingan yang sama (iaitu terpakai hanya apabila orang yang sama melindungi kepentingan yang sama dengan lebih daripada satu pengendali Takaful).
- Subjek yang sama (iaitu, kedua-dua sijil Takaful yang dikeluarkan mestilah melindungi perkara yang sama berkenaan dengan tuntutan yang dibuat).
- Peril yang sama (iaitu sumbangan timbul hanya jika kedua-dua sijil Takaful termasuk perlindungan peril yang sama yang menyebabkan kerugian).

#### **B1.4 KEPERLUAN TAKAFUL AM**

Sebagai mekanisma perkongsian risiko, amalan Takaful bertujuan mencapai *Maqāṣid al-Sharī'ah* di dalam pelaksanaan untuk kepentingan individu dan orang awam secara umumnya.

Melalui Takaful, individual dan perusahaan perniagaan dapat mengelakkan daripada pembekuan modal dengan adanya perlindungan kewangan dan mencegah dari kerugian. Ia juga menjadi penstabil kos di dalam pengurusan risiko. Takaful membantu menangani ketakutan dan kerisauan kerugian di kalangan individu dan pemilik perniagaan. Dengan penyingkiran ketakutan dan kerisauan boleh membantu membina keyakinan dan aktiviti ekonomi yang lebih bermanfaat.

Ini adalah bersamaan dengan Maxim Undang-undang *Sharī'ah (Qawā'id al-Fiqhiyyah)*, '*al-Ḍararu Yuzāl*' – Bahaya Mesti Dihapuskan'. Oleh itu, Takaful memainkan peranan sangat penting dalam kebajikan sosio-ekonomi dan kepentingan individu dan masyarakat.

Sebagai contoh, Takaful kenderaan bermotor menyediakan pampasan kepada mangsa kemalangan jalanraya yang menyerupai dengan sistem *Diyāt* seperti yang diamalkan dalam tradisi Islam.

Di Malaysia sebagai contoh, Takaful kenderaan bermotor adalah wajib di bawah undang-undang. Ini adalah sama dengan individu dan perniagaan mendapat manfaat daripada pelbagai produk-produk Takaful bagi memastikan kelestarian keuntungan aset dan perniagaan mereka, terhadap risiko kerugian atau kerosakan aset-aset berkenaan.

Kebakaran kilang boleh menyebabkan kemusnahan syarikat, serta kehilangan pekerjaan di kalangan pekerja dan rakan perniagaan contohnya pembekal dan penjual. Adalah menjadi kebimbangan sesuatu perniagaan dan pemilik perniagaan perlulah memulihkan perniagaan secepat mungkin selepas kebakaran atau kerugian sebagai sebahagian daripada pelan kesinambungan perniagaan. Ini termasuk aktiviti-aktiviti yang membabitkan penjual, pembekal, pengedar dan pelanggan; pekerja-pekerja yang perlu dikekalkan; premis perniagaan sementara alternatif perlu dicari.

Oleh itu, penyertaan di dalam Takaful kebakaran dan Takaful hilang keuntungan adalah aspek penting untuk pelan kesinambungan perniagaan.

Di kebanyakan negara, kanak-kanak sekolah dan pelajar di dalam pendidikan tinggi dikehendaki mengambil perlindungan kemalangan diri berkumpulan dan Takaful perubatan untuk melindungi dari aspek kematian atau hilang upaya kekal dan juga berkaitan perbelanjaan perubatan.

Takaful Pampasan Pekerja (*Workmen's Compensation*) menyediakan perlindungan pekerjaan terhadap kematian atau kecederaan. Dengan peningkatan masyarakat yang cenderung membuat tuntutan, individu dan perniagaan perlu melindungi risiko liabiliti mereka secara berhemah dengan pelbagai produk Takaful liabiliti seperti liabiliti awam, liabiliti perlindungan produk, liabiliti untuk majikan dan indemniti profesional.

Di dalam situasi yang sama, institusi kewangan yang menyediakan kemudahan kewangan untuk peniaga-peniaga atau asset-aset akan menghadapi kemungkinan ketidakbayaran akibat kerugian atau kematian peminjam sebelum bayaran pinjaman dibayar sepenuhnya. Di dalam hal ini, produk Takaful yang menyediakan perlindungan bagi kerugian-kerugian tersebut sebagai contoh Takaful Kebakaran, Takaful Kejuruteraan, Takaful Kecurian dan berkaitan dengannya.

Di samping itu, produk Takaful sebagai contoh Takaful Marin Kargo dan Takaful Kredit Eksport akan membantu mengurangkan kesan kewangan atas risiko dalam perdagangan antarabangsa dan perniagaan. Sekali gus memudahkan aktiviti perdagangan global yang lebih terjamin dan cekap.

*Islām* menggalakkan asset-aset dilindungi seperti di dalam *Hadīth* di bawah:

Anas bin Malik meriwayatkan seseorang lelaki berkata:

*"Wahai Rasulullah! Adakah saya perlu mengikatnya dan bergantung kepada Allah, atau membiarkannya lepas dan bergantung (kepada Allah)? "Dia berkata:" Ikatlah dan bertawakkal (kepada Allah)."*

*(Jāmi' al-Tirmidzi : 2517)*

#### **B1.5 PERBEZAAN ANTARA TAKAFUL AM DAN TAKAFUL KELUARGA**

<b>Asas</b>	<b>Takaful Keluarga</b>	<b>Takaful Am</b>
Jenis	Bergantung kepada sesuatu yang tidak dijangka berlaku di mana jumlah amaun perlindungan akan dibayar.	Bergantung kepada ganti rugi di mana kerugian sebenar akan dibayar.
Jumlah Perlindungan	Secara amnya, nilai adalah dilindungi. Tiada had kepada jumlah yang dilindungi.	Berdasarkan kepada persetujuan di dalam kontrak sebagai contoh nilai pasaran, nilai penggantian, nilai yang dipersetujui atas sesuatu aset atau sebagainya.
Kepastian kejadian yang dilindungi	Kematian adalah pasti.	Kerugian adalah tidak pasti.
Perlindungan	Nyawa, anggota badan, perubatan, hutang.	Harta dan aset, liabiliti, kecederaan tubuh badan dan kematian disebabkan kemalangan.
Kerugian	Kebiasaanya jumlah perlindungan dibayar sepenuhnya	Membabitkan kerugian separa atau kerugian sepenuhnya.

Objektif	Perlindungan, di dalam bentuk simpanan dan pelaburan.	Perlindungan.
Jangka masa	Kebiasaannya berjangka masa panjang	Kebiasaannya berjangka masa pendek dan pembaharuan tahunan.
Sumbangan	Kebiasaannya tetap pada masa pengeluaran sijil dan sepanjang tempoh perlindungan.	Mungkin berbeza dari tahun ke tahun bergantung kepada profil risiko.
Tuntutan	Semua sijil mungkin berakhir dengan tuntutan atau bayaran manfaat.	Bukan semua sijil dengan tuntutan.
Prinsip Subrogasi dan Perkongsian Sama Rata	Tidak digunakan.	Digunakan.
Risiko moral	Lebih rendah - kerana umumnya seseorang tidak mahu untuk membunuh atau mencederakan diri sendiri.	Lebih tinggi – seseorang mungkin dengan sengaja menyebabkan kerosakan kepada sesuatu dalam perlindungan untuk mendapat pampasan.
Kos perolehan	Secara umumnya tinggi. Sebagai contoh, kos disebabkan komisen jualan yang tinggi.	Relatifnya rendah. Komisen jualan lebih rendah.

### B1.5 KELAS PERNIAGAAN TAKAFUL AM

Sebagai amalan biasa, perniagaan Takaful Am dikategorikan kepada dua kelas, iaitu sama ada perniagaan Motor atau perniagaan Bukan Motor.

Kelas	Produk Utama/Asas	Produk Sampingan
Motor	Takaful Motor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenderaan Persendirian</li> <li>• Kenderaan Perdagangan</li> <li>• Motosikal</li> <li>• Jenis Istimewa (special)</li> </ul>
Bukan Motor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Takaful Kebakaran</li> <li>• Takaful Marin dan Penerbangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Takaful Kebakaran Asas</li> <li>• Takaful Empunya Rumah</li> <li>• Takaful Isi Rumah</li> <li>• Perlindungan Perniagaan</li> <li>• Takaful Semua Risiko Industri (IAR)</li> <li>• Marin Rangka Kapal</li> <li>• Marin Kargo</li> <li>• Penerbangan</li> </ul>



	<ul style="list-style-type: none"><li>• Takaful Kejuruteraan</li> <li>• Takaful Pelbagai</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Takaful Semua Risiko Kontraktor (CAR)</li><li>• Takaful Semua Risiko Pembinaan (EAR)</li><li>• Dandang dan Kebuk Tekanan</li><li>• Kerosakan Mesin Jentera</li><li>• Peralatan Elektronik/Komputer</li> <li>• Takaful Kecurian/Pecah Masuk</li><li>• Takaful Liabiliti</li><li>• Pelbagai Takaful Kemalangan</li></ul>
--	--	--

## BAB B2 : KELAS-KELAS TAKAFUL AM – TAKAFUL MOTOR

### Objektif Pembelajaran

Memahami jenis-jenis dan manfaat Takaful Motor.

### Hasil Pembelajaran

Boleh memberi nasihat dan berkomunikasi dengan lebih berkesan mengenai jenis-jenis dan manfaat Takaful Motor bersesuaian dengan keperluan pelanggan.

### B2.1 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Insurans dan Takaful Motor di Malaysia secara umumnya dikawal di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA 2013) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013) masing-masing, dan khususnya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (RTA 1987) yang menentukan peranan dan fungsi insurans dan Takaful.

Dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, adalah suatu kesalahan bagi sesiapa sahaja untuk menggunakan, atau membenarkan orang lain menggunakan, kenderaan bermotor di atas jalan raya melainkan jika ada berkuat kuasa berhubung dengan penggunaan kenderaan berkenaan itu suatu perakuan pemeriksaan berkenaan dengan kematian atau kecederaan anggota kepada pihak ketiga.

‘Kenderaan bermotor’ diterangkan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 ertinya “kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisma yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, dan termasuklah treler”.

Akta Pengangkutan Jalan 1987 mentakrifkan lagi ‘kenderaan’ sebagai “suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak”.

‘Jalan’ ditakrif oleh Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai;

- (a) mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan

tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberi kesan sepenuh kepada penggunaannya; dan

- (b) bagi maksud seksyen 70 dan 85 yang berkaitan dengan kuasa Menteri untuk menyekat penggunaan kenderaan atas jalan tertentu dan juga termasuk sesuatu jalan yang sedang dalam pembinaan.

Walau bagaimanapun, di atas tidak termasuk mana-mana jalan persendirian, jambatan, terowong atau apa-apa yang berhubung dengan jalan itu yang disenggarakan dan dijaga oleh orang persendirian atau badan-badan persendirian.

'Pihak Ketiga' merujuk kepada benefisiari di dalam sijil yang merupakan seseorang selain daripada kedua-dua pihak yang terlibat di dalam kontrak (pemilik polisi/peserta Takaful dan Penanggung Insurans/Pengendali Takaful). Sijil asas yang dikehendaki oleh undang-undang tidak menyediakan sebarang manfaat kepada peserta. Walau bagaimanapun, ia melindungi liabiliti undang-undang peserta sekiranya berlaku kematian/hilang upaya terhadap kerugian pihak ketiga atau kerosakan kepada harta benda pihak ketiga.

## **B2.2 PENGKELASAN KENDERAAN BERMOTOR**

Takaful Motor menyediakan perlindungan kepada peserta terhadap:

- kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan milik peserta akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan.
- kecederaan atau kematian pihak ketiga serta kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga.

Bagi tujuan perlindungan Takaful, Tarif Motor mengklasifikasikan kenderaan seperti berikut:

<b>Jenis Kenderaan</b>	<b>Penerangan</b>
Kenderaan Persendirian	Ini termasuk kereta roda tiga dan "station-wagons" yang digunakan untuk tujuan sosial, domestik dan keseronokan dan juga untuk tujuan perniagaan atau kerjaya profesional peserta sahaja.  <i>Nota: Penggunaan untuk sewa atau upah, perlumbaan, ujian ketahanan dan kelajuan, dan lain-lain adalah dikecualikan.</i>

Kenderaan Perdagangan	Kenderaan yang digunakan untuk tujuan perdagangan, termasuk van, teksi, lori angkut, lori terbuka, trak, kenderaan bersambung-sambung dan sebagainya di mana bukan peserta di bawah sijil kenderaan persendirian tetapi di bawah sijil kenderaan perdagangan. Ini termasuk semua kenderaan (termasuk pembawa kereta roda tiga) yang tidak diperuntukkan di bawah klasifikasi kenderaan persendirian atau motosikal).
Motosikal	Ini termasuk motosikal berserta atau tanpa kereta sisi ( <i>side car</i> ), motor skuter, basikal automatik atau basikal yang dijalankan dengan bantuan mekanikal. Tarif motor seterusnya membahagikan kelas motosikal kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Motosikal persendirian</li> <li>• Motosikal perdagangan</li> <li>• Motosikal (berserta atau tanpa kereta sisi) yang digunakan untuk sewa</li> <li>• Perniagaan motosikal</li> </ul>
Jenis Khas	Ini termasuk trak forklift, kren mudah alih, jentolak dan jengkaut, kenderaan pertanian dan perhutanan, pembersihan tapak dan meratakan tanah, kilang mudah alih, trak penghantaran (kawalan pejalan kaki), pembuang sampah (tentera mekanikal), penyodok, rompi, troli dan traktor yang membawa barangan, kenderaan pemadam kebakaran, penggelek jalan, mesin pengerat, pendengaran, kedai dan kantin mudah alih, van penjara, penyembur tar, gerabak habuk, traktor dan enjin traksi.

### B2.3 JENIS-JENIS PERLINDUNGAN TAKAFUL MOTOR

Terdapat 4 jenis perlindungan disediakan untuk setiap kategori kenderaan bermotor: -

Jenis Perlindungan	Skop Perlindungan
Akta	<p>Bentuk perlindungan ini menyediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• liabiliti undang-undang peserta atas kematian atau kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga (tidak termasuk penumpang) yang berlaku disebabkan penggunaan kenderaan milik peserta diatas jalan raya. Ia meliputi perlindungan untuk perbelanjaan yang berpatutan bagi rawatan hospital untuk orang yang cedera.</li> </ul> <p><i>Nota: Ini merupakan bentuk perlindungan paling minimum yang dikehendaki di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.</i></p>
Perlindungan Pihak Ketiga	<p>Bentuk perlindungan ini sama seperti perlindungan Akta dan ditambah dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan liabiliti undang-undang atas kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga disebabkan oleh atau akibat daripada penggunaan kenderaan bermotor itu.</li> <li>• Liabiliti undang-undang merujuk kepada liabiliti tort, bukan liabiliti kontrak, contohnya berlaku kemalangan disebabkan peserta memandu dengan cuai atau sembarangan.</li> </ul>
Perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian	<p>Bentuk perlindungan ini sama seperti perlindungan Akta, dan ditambah dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan liabiliti undang-undang untuk pihak ketiga bagi kecederaan anggota badan dan kerosakan harta.</li> <li>• kerugian akibat kemalangan atau kerosakan kepada kenderaan akibat kebakaran atau kecurian</li> </ul>

<p>Perlindungan Komprehensif</p>	<p>Sijil perlindungan komprehensif terbahagi kepada 2 seksyen:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Seksyen A – Kerugian atau kerosakan kenderaan sendiri (Kerosakan sendiri).</li><li>• Seksyen B – liabiliti undang-undang kepada pihak ketiga (Pihak Ketiga).</li></ul> <p><b>Risiko Dilindungi di bawah Seksyen A</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Pelanggaran atau terbalik ketika kemalangan.</li><li>2. Pelanggaran atau terbalik disebabkan kerosakan mekanikal.</li><li>3. Pelanggaran atau terbalik disebabkan haus dan lusuh.</li><li>4. Kebakaran, letupan dan dipanah petir:<ul style="list-style-type: none"><li>- Disebabkan perbuatan khianat.</li><li>- Disebabkan rompakan, pecah rumah atau kecurian.</li></ul></li><li>5. Rosak akibat dihempap oleh objek yang jatuh, dengan syarat tidak disebabkan oleh banjir, taufan, ribut, gempa bumi, letusan gunung berapi, tanah runtuh, penenggelaman tanah/bumi atau bencana alam yang lain</li><li>6. Semasa dalam perjalanan (transit) - termasuk proses memuatkan dan memunggahkan barangan melalui:<ul style="list-style-type: none"><li>- jalan raya, rel, laluan air.</li><li>- laluan laut merentasi selat antara Pulau Pinang dengan tanah besar.</li></ul></li></ol>
----------------------------------	--

	<p><b>Risiko Dilindungi Di bawah Seksyen B</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Menyediakan perlindungan terhadap sebarang liabiliti undang-undang kepada pihak ketiga yang mungkin timbul akibat kecederaan / kematian mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada penggunaan kenderaan motor. Ini disebut sebagai Kecederaan Anggota Badan Pihak Ketiga (TPBI). Undang-undang ini membenarkan liabiliti tanpa had untuk TPBI.</li><li>2. Menyediakan perlindungan terhadap liabiliti undang-undang kepada pihak ketiga sekiranya berlaku kerosakan atau kemusnahan terhadap harta milik mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada penggunaan kenderaan bermotor. Ini dikenali sebagai Kerosakan Harta Pihak Ketiga (TPPD). Pada masa ini, undang-undang menghadkan gantirugi di bawah TPPD kepada RM3 juta.</li><li>3. Kos dan perbelanjaan undang-undang yang ditanggung oleh peserta yang perlu dibayar dengan kebenaran Pengendali Takaful.</li><li>4. Perbelanjaan perubatan yang munasabah disebabkan oleh kemalangan jalanraya kepada seseorang adalah terhad sehingga maksimum RM400 untuk pesakit dalam dan RM40 untuk pesakit luar.</li></ol> <p>Ini adalah bentuk perlindungan yang paling meluas dan menyeluruh meliputi istilah komprehensif seperti yang ditetapkan di bawah Tarif Motor Malaysia.</p>
--	---

#### **B2.4 KENDERAAN PERDAGANGAN**

Skop perlindungan adalah sama dengan Kenderaan Motor Persendirian kecuali dua tambahan **pengecualian**:

- Kerosakan disebabkan oleh lebih muatan atau ketegangan.
- Kerosakan disebabkan letupan mana-mana dandang yang membentuk bahagian atau melekat pada atau pada kenderaan yang dilindungi.

#### **B2.5 FAKTOR-FAKTOR PENGKADARAN**

Pengkadaran sumbangan Takaful Motor umumnya berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- Jenis perlindungan - Pihak Ketiga atau komprehensif.
- Jenis kenderaan - persendirian, kenderaan perdagangan, motosikal.
- Buatan dan model kenderaan – saloon, kereta lumba / laju (sports car), kereta tempatan atau import.
- Tahun dihasilkan/ umur kenderaan.
- Kapasiti kubik enjin.
- Penggunaan kenderaan.
- Nilai pasaran kenderaan.
- Pemandu/ pemilik kenderaan - umur, pekerjaan, pengalaman.
- Lebihan.
- Tuntutan terdahulu.

Di Malaysia, premium motor atau sumbangan Takaful untuk perniagaan insurans dan Takaful Motor adalah tertakluk kepada Tarif Motor Malaysia. Walaubagaimanapun, amalan de-tarifikasi atau liberalisasi tariff motor telah diperkenalkan pada tahun 2017.

## **B2.6 DISKAUN TANPA TUNTUTAN (NCD)**

Sekiranya tiada tuntutan dibuat atau wujud dari sijil peserta, dan dengan syarat Perkara/Objek Dilindungi adalah dilindungi untuk jangka masa yang berterusan selama tempoh dua belas (12) bulan di setiap kes, peserta berhak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) atas pembaharuan sijil seperti berikut:

Tahun	Diskaun Tanpa Tuntutan (%)	
	Kereta	Motosikal
Selepas Tahun Pertama	25	15
Selepas Tahun Kedua	30	20
Selepas Tahun Ketiga	38.33	25
Selepas Tahun Empat	45	25
Selepas Tahun Kelima	55	-

Table 2: Pemberian Diskaun Tanpa Tuntutan untuk kereta dan motosikal (%) di bawah Tarif Motor Malaysia

Ini boleh dianggap sebagai insentif kepada peserta untuk tidak menyebabkan sebarang kemalangan berlaku dalam tempoh perlindungan sebelum diperbaharui. Sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan pihak ketiga, peserta akan kehilangan kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) walaupun dia tidak membuat tuntutan. Pengendali Takaful perlu menyediakan rizab kewangan kerana menjangkakan tuntutan akan dibuat oleh pihak ketiga.

Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) boleh dipindahkan sekiranya ada perubahan kepada Pengendali Takaful lain atau kepada kenderaan lain yang dimiliki oleh peserta yang sama kerana insentif ini diberi kepada individu dan bukan kenderaan.



## **B2.7 LEBIHAN**

Lebihan ialah jumlah pertama yang mesti ditanggung oleh peserta sekiranya belaku tuntutan. Lebihan adalah jumlah kerugian peserta yang perlu dibayar dahulu sebelum Pengendali Takaful membayar baki tuntutan.

Dalam erti kata lain, jumlah lebihan akan ditolak sebelum pembayaran akhir tuntutan. Bagi perlindungan Takaful di bawah kelas Pihak Ketiga, tiada lebihan dikenakan.

Walaupun bagaimanapun, perlindungan ke atas kelas Komprehensif, lebihan adalah wajib untuk kedua-dua iaitu peserta dan pemandu yang dibenarkan – untuk kereta begitu juga dengan motosikal.

Kadar lebihan di bawah Tarif Motor Malaysia adalah seperti berikut:

<b>Jenis-Jenis Kenderaan</b>	<b>Kadar Lebihan</b>
Kenderaan Persendirian	1% dari Jumlah Perlindungan
Kenderaan Pacuan 4 Roda /MPVs	3% dari Jumlah Perlindungan
Kenderaan Perdagangan	3% dari Jumlah Perlindungan
Motosikal	5% dari Jumlah Perlindungan

Contoh:

Sekiranya jumlah lebihan ialah RM1,000 dan jumlah tuntutan untuk kerosakan disebabkan kemalangan ialah RM1,500, Pengendali Takaful hanya akan menanggung sebanyak RM500.

## **B2.8 PENGECUALIAN**

Takaful Motor tidak melindungi risiko-risiko berikut:

- Kematian atau kecederaan anggota badan peserta disebabkan oleh kemalangan.
- Kerosakan kepada tayar kecuali kenderaan juga rosak pada masa yang sama.
- Kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, berkarat dan penghakisan, kerosakan mekanikal atau elektronik, kegagalan atau kerosakan, peralatan atau komputer yang gagal berfungsi.
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku di luar kawasan geografi (Malaysia,

Singapura dan Brunei).

- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau kerana penipuan atau pecah amanah.
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan bencana alam dan akibat daripadanya berlaku banjir, taufan, hurikan, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi atau tanah runtuh dan seumpamanya.
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat rusuhan, mogok, peperangan dan/ atau operasi ketenteraan dan risiko nuklear.
- Jika peserta atau mana-mana orang dengan kebenaran peserta tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan tersebut.
- Jika peserta atau pemandu yang dibenarkan memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol atau dadah.
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan kenderaan digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.
- Jika kenderaan digunakan untuk mana-mana sukan bermotor atau pertandingan (selain acara mencari harta karun) atau lain-lain tujuan seperti yang dinyatakan dalam sijil.

## BAB B3 : KELAS-KELAS TAKAFUL AM – TAKAFUL KEBAKARAN

### Objektif Pembelajaran

Memahami jenis-jenis dan manfaat Takaful Kebakaran.

### Hasil Pembelajaran

Boleh memberi nasihat dan berkomunikasi mengenai jenis-jenis dan manfaat Takaful Kebakaran berdasarkan keperluan pelanggan.

### B3.1 PENGENALAN

Jenis-jenis utama pelan Takaful di bawah kelas ini termasuk:

- Takaful Kebakaran Asas.
- Takaful Empunya Rumah.
- Takaful Isi Rumah.
- Perlindungan Perniagaan.
- Takaful Semua Risiko Industri.

### B3.2 TAKAFUL KEBAKARAN ASAS

Perlindungan Asas	Kehilangan atau kerosakan kepada bangunan (kilang, kedai, pejabat, kediaman persendirian, dll), dan isi kandungan (contohnya, perabot, peralatan & kelengkapan, loji & mesin, peralatan pejabat, stok barangan dagangan, barang peribadi dan barang dalam kediaman) disebabkan oleh peril berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>• Api.</li><li>• Kilat.</li><li>• Letupan gas yang digunakan untuk tujuan mencerahkan dan tujuan domestik sahaja.</li></ul>
-------------------	--

<p>Skop Bahaya (peril) Diperluaskan</p> <p>Di samping Takaful Kebakaran asas, pelbagai lagi bahaya boleh diperluaskan di bawah perlindungan standard tetapi tertakluk kepada sumbangan tambahan.</p>	<p>Di bawah perluasan ini bahaya ( peril) berikut biasanya dilindungi:</p> <table border="1" data-bbox="639 249 1442 758"> <thead> <tr> <th>Peril Kering (Dry Perils)</th> <th>Peril Basah (Wet Perils)</th> <th>Peril Pelbagai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pesawat udara dan peranti</td> <td>Ribut dan taufan</td> <td>Kesan kerosakan</td> </tr> <tr> <td>Letupan</td> <td>Banjir</td> <td>Penenggelaman dan gelinciran tanah</td> </tr> <tr> <td>Rusuhan, mogok, perbuatan khianat dan rusuhan awam</td> <td>Kebocoran paip</td> <td>Kebakaran bawah tanah</td> </tr> <tr> <td>Kebakaran hutan dan lalang</td> <td>Limpahan tangki air</td> <td>Kebakaran secara spontan</td> </tr> <tr> <td>Gempa bumi dan letupan gunung berapi</td> <td>Kebocoran pemercik air</td> <td>Kehilang pendapatan sewaan</td> </tr> </tbody> </table>	Peril Kering (Dry Perils)	Peril Basah (Wet Perils)	Peril Pelbagai	Pesawat udara dan peranti	Ribut dan taufan	Kesan kerosakan	Letupan	Banjir	Penenggelaman dan gelinciran tanah	Rusuhan, mogok, perbuatan khianat dan rusuhan awam	Kebocoran paip	Kebakaran bawah tanah	Kebakaran hutan dan lalang	Limpahan tangki air	Kebakaran secara spontan	Gempa bumi dan letupan gunung berapi	Kebocoran pemercik air	Kehilang pendapatan sewaan
Peril Kering (Dry Perils)	Peril Basah (Wet Perils)	Peril Pelbagai																	
Pesawat udara dan peranti	Ribut dan taufan	Kesan kerosakan																	
Letupan	Banjir	Penenggelaman dan gelinciran tanah																	
Rusuhan, mogok, perbuatan khianat dan rusuhan awam	Kebocoran paip	Kebakaran bawah tanah																	
Kebakaran hutan dan lalang	Limpahan tangki air	Kebakaran secara spontan																	
Gempa bumi dan letupan gunung berapi	Kebocoran pemercik air	Kehilang pendapatan sewaan																	
<p>Harta / Aset Yang Boleh Dilindungi di bawah Takaful Kebakaran</p>	<p>Perkara-perkara berikut boleh dilindungi di bawah Takaful Kebakaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bangunan, termasuk di luar bangunan seperti dinding, pagar, garaj, dan lain-lain.</li> <li>• Loji dan mesin.</li> <li>• Stok barangan dan stok barangan dagangan.</li> <li>• Kehilangan pendapatan sewaan.</li> <li>• Perabot, peralatan dan kelengkapan.</li> <li>• Barangan dalam jagaan atau bertujuan mendapatkan upah/komisen.</li> <li>• Yuran khidmat profesional.</li> <li>• Pembersihan runtuh bangunan.</li> </ul>																		

<p>Kriteria Penilaian dan Pengunderaitan</p>	<p>Kriteria Penilaian dan Pengunderaitan Takaful Kebakaran biasanya dinilai dan diunderait (underwrite) berdasarkan kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan bangunan – batu-bata, kayu, besi, dan sebagainya.</li> <li>• Jenis bangunan - berkembar, bersambung, kompleks dan sebagainya.</li> <li>• Nilai bangunan - kos pembinaan semula; (tidak termasuk nilai tanah).</li> <li>• Penggunaan bangunan - rumah kediaman, rumah kedai, kilang, kompleks pejabat, kompleks perdagangan, dan sebagainya.</li> <li>• Lokasi bangunan - bandar-bandar, kampung, kawasan industri, kawasan perumahan, kawasan banjir.</li> <li>• Risiko tambahan yang dilindungi.</li> </ul>
<p>Pengecualian</p>	<p>Takaful Kebakaran tidak termasuk yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. kerugian atau kerosakan yang disebabkan bencana secara langsung atau tidak langsung seperti berikutan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• gempa bumi, letusan gunung berapi atau bencana alam seumpamanya.</li> <li>• taufan, hurikan, puting beliung dan seumpamanya.</li> <li>• risiko peperangan dan seumpamanya.</li> <li>• risiko nuklear.</li> </ul> </li> <li>b. kehilangan atau kerosakan yang disebabkan kerana berhampiran dengan kejadian berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• pembakaran harta dengan perintah pihak berkuasa awam.</li> <li>• kebakaran bawah tanah.</li> <li>• letupan selain daripada letupan gas yang digunakan untuk tujuan menerangi dan domestik.</li> <li>• pembakaran hutan, belukar, lalang, prairi, pampas atau hutan rimba dan pembersihan tanah secara pembakaran terbuka.</li> </ul> </li> <li>c. kerugian atau kerosakan kepada harta yang dinyatakan seperti berikut kecuali dinyatakan secara jelas dalam sijil: <ul style="list-style-type: none"> <li>• barang yang dipegang sebagai amanah atau untuk tujuan mendapatkan komisen.</li> <li>• jongkong emas atau batu permata yang belum berikat.</li> <li>• mana-mana keganjilan atau hasil seni melebihi RM500</li> <li>• manuskrip, pelan, lukisan atau reka bentuk, corak, model atau acuan.</li> <li>• sekuriti, obligasi atau sebarang bentuk dokumen,</li> </ul> </li> </ol>

	<p>setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain atau rekod sistem komputer.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerugian lombong arang batu akibat terbakar secara spontan.</li> <li>• letupan.</li> </ul> <p>d. kerugian tertentu yang dinyatakan dalam sijil:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerugian yang disebabkan berlaku kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.</li> <li>• kerugian atau kerosakan kepada harta akibat daripada pergolakan, pemanasan semula jadi atau terbakar secara spontan.</li> </ul>
--	--

### B3.3 TAKAFUL EMPUNYA RUMAH

Takaful Empunya rumah melindungi bangunan kediaman terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh bencana seperti kebakaran, banjir atau gempa bumi, dan lain-lain

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>a. Kerugian atau kerosakan kepada bangunan rumah kediaman (termasuk peralatan dan kelengkapan, garaj, bangunan luar, dinding, pintu pagar dan pagar) seperti bencana berikut dilindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kebakaran, kilat, petir dan kebakaran bawah tanah.</li> <li>• letupan.</li> <li>• pesawat dan peranti udara yang lain dan / atau benda yang gugur daripadanya.</li> <li>• kerosakan disebabkan kenderaan, kuda dan lembu.</li> <li>• tangki air, peralatan atau paip pecah dan melimpah, tidak termasuk RM50 pertama setiap kerugian dan kemusnahan atau kerosakan manakala bangunan yang dilindungi ditinggalkan kosong.</li> <li>• kecurian dengan pecah masuk atau keluar bangunan secara paksa dan ganas atau sebarang cubaan sepeertinya.</li> <li>• hurikan, siklon, taufan, ribut.</li> <li>• gempa bumi, letusan gunung berapi.</li> <li>• banjir (termasuk limpahan air laut).</li> </ul> <p>b. Kerugian pendapatan sewaan (tidak melebihi 10% daripada jumlah yang dilindungi) sekiranya bangunan rosak sehingga tidak boleh didiami.</p> <p>Liabiliti yang dilindungi kepada orang ramai sebagai pemilik premis (termasuk liabiliti yang timbul daripada</p>
--------------------------	--

	kecacatan dalam bangunan, peralatan dan kelengkapan atau pada dinding, pintu pagar, pagar dan pokok di sekitarnya) sehingga had RM10,000 termasuk kos guaman tertakluk kepada persetujuan Pengendali Takaful.
Pengecualian	<p>Perlindungan Takaful tidak termasuk perkara berikut:</p> <p>a. kehilangan atau kerosakan yang berbangkit daripada</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• peperangan, rusuhan dan risiko seumpamanya.</li> <li>• pencemaran radioaktif.</li> </ul> <p>b. kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mana-mana bangunan dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan.</li> <li>• cerobong asap logam, kajang, birai, papan tanda dan lain-lain peralatan dan kelengkapan di luar termasuk pintu pagar dan pagar.</li> </ul> <p>c. kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman tanah dan gelinciran tanah kecuali jika disebabkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi sekali sekala.</p>
Tambahan	<p>Perlindungan Takaful Empunya Rumah boleh diperluaskan kepada bahaya berikut dengan kos tambahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• rusuhan, mogok dan kerosakan kerana perbuatan khianat.</li> <li>• penenggelaman tanah dan gelinciran tanah.</li> <li>• plat kaca bernilai melebihi RM500 setiap satu.</li> </ul>

#### **B3.4 TAKAFUL ISI RUMAH**

Perlindungan Takaful Isi Rumah meliputi perkara berikut seperti perabot, kelengkapan perabot, peralatan dapur, televisyen dan radio, pakaian, barang peribadi dan barang-barang berharga, dan juga memberi perlindungan kepada peserta untuk kecederaan yang parah.

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>Kerugian atau kerosakan kepada barang-barang dalam rumah (termasuk perabot, kelengkapan perabot, barangan dalam rumah, barang peribadi dan barang-barang berharga) yang disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kebakaran, kilat, petir dan kebakaran bawah tanah.</li> <li>• letupan.</li> <li>• pesawat dan peranti udara yang lain dan/ atau benda yang gugur daripadanya.</li> <li>• kerosakan impak oleh kenderaan, kuda dan lembu.</li> <li>• tangki air, peralatan atau paip pecah dan melimpah, tidak termasuk RM50 pertama untuk setiap kerugian dan kemusnahan atau kerosakan manakala bangunan yang dilindungi ditinggalkan kosong.</li> <li>• kecurian dengan pecah masuk atau keluar bangunan secara paksa dan ganas atau sebarang cubaan sepertinya.</li> <li>• puting beliung, siklon, taufan, ribut.</li> <li>• gempa bumi, letusan gunung berapi.</li> <li>• banjir (termasuk limpahan air laut).</li> </ul> <p>Harta/barang yang dipindahkan sementara tetapi masih berada di Malaysia akan dilindungi terhadap bahaya seperti yang tersebut di atas. Harta/barang dalam perjalanan atau ada pada seseorang, tidak akan dilindungi terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh gempa bumi, letusan gunung berapi, hurikan, siklon, taufan, ribut dan banjir. Liabiliti di bawah perluasan ini adalah terhad kepada 15% daripada jumlah yang dilindungi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerugian sewaan (seperti Takaful Empunya Rumah).</li> <li>• cermin pecah (selain daripada cermin tangan) semasa berada di dalam kediaman persendirian sahaja.</li> <li>• kecederaan parah yang berlaku kepada peserta di dalam kediaman persendirian akibat keganasan yang berlaku disebabkan oleh pencuri atau kebakaran. Pengendali Takaful akan membayar RM10,000 atau separuh daripada jumlah yang dilindungi, yang mana lebih rendah.</li> <li>• kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana risiko yang dilindungi, kepada pakaian dan barang peribadi pembantu rumah.</li> <li>• liabiliti yang melindungi peserta terhadap orang ramai berkenaan dengan kejadian kemalangan yang berlaku di dalam atau pada sekitar premis peserta yang dilindungi sebagai kediaman persendirian dan menduduki dalamnya, sehingga had RM50,000 termasuk kos guaman tertakluk kepada persetujuan Pengendali Takaful.</li> </ul>
--------------------------	---



<p>Pengecualian</p>	<p>Perlindungan Takaful tidak termasuk perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• peperangan, rusuhan dan risiko seumpamanya.</li> <li>• pencemaran radioaktif.</li> </ul> </li> <li>b. kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin kepada perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• mana-mana bangunan dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan.</li> <li>• cerobong asap logam, kajang, birai, papan tanda dan lain peralatan dan kelengkapan luar termasuk pintu pagar dan pagar.</li> <li>• kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penanggalan tanah dan gelinciran tanah kecuali jika disebabkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi.</li> </ul> </li> </ol>
<p>Tambahan</p>	<p>Perlindungan Takaful Isi Rumah boleh diperluaskan kepada perkara berikut dengan kos tambahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kecurian penuh (tidak terhad kepada pecah masuk ke dalam dan keluar bangunan dengan paksa dan ganas).</li> <li>• rusuhan, mogok dan perbuatan khianat.</li> <li>• plat kaca melebihi RM500 setiap satu.</li> </ul>

### **B3.5 TAKAFUL GANGGUAN PERNIAGAAN (DIGABUNG BERSAMA TAKAFUL KEBAKARAN)**

Juga dikenali sebagai Takaful Kerugian Turutan menyediakan perlindungan kepada peserta ke atas kerugian untung kasar yang disebabkan oleh pengurangan dalam perolehan serta peningkatan kos operasi dalam tempoh indemniti akibat dari kerosakan yang berlaku yang dilindungi di bawah Takaful Kebakaran.

Takaful Gangguan Perniagaan sebenarnya bukanlah perniagaan di bawah Takaful Harta kerana biasanya ditaja jamin/diunderait di bawah jabatan harta komersil. Ia boleh dikenali sebagai kerugian turutan, kerugian dalam keuntungan, atau lebih dikenali sebagai Takaful Gangguan Perniagaan kerana pelan ini melindungi kerugian keuntungan disebabkan kerosakan harta milik peserta. Takaful Kebakaran hanya menyediakan perlindungan terhadap kerugian material atau kerugian modal iaitu berkaitan dengan kerugian nilai harta yang telah rosak atau musnah tetapi tidak dikaitkan dengan kerugian atau kos tambahan yang ditanggung oleh peserta sepanjang tempoh pembaikan dan selepas itu sehingga operasi perniagaan dapat dipulih sepenuhnya.

Tujuan Takaful Gangguan Perniagaan ialah untuk menyediakan perlindungan berikut:

- kos perbelanjaan tertentu dalam bentuk caj atau kos tetap seperti gaji, sewa, caj bank/faedah, dan lain-lain akan kekal pada tahap optimum walaupun jualan mungkin berkurangan.
- sekiranya stok barangan atau pengeluaran telah hilang, keuntungan yang akan diperoleh daripada stok itu mungkin hilang sekiranya mereka kehilangan pelanggan.
- mungkin terdapat kenaikan kos yang perlu ditanggung oleh peserta untuk memastikan perniagaan berjalan buat sementara waktu (contohnya tempat tinggal sementara) atau kos berkaitan yang lain yang meningkatkan kos operasi.

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>Takaful Gangguan Perniagaan menyediakan perlindungan bagi perkara-perkara berikut yang mungkin ditanggung oleh peserta akibat gangguan kepada perniagaannya berikutan kerosakan pada premis yang dilindungi disebabkan kebakaran, kilat atau letupan gas yang digunakan untuk menerangi dan tujuan domestik:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerugian keuntungan kasar yang disebabkan pengurangan dalam perolehan.</li> <li>• perbelanjaan tambahan yang ditanggung bagi mengurangkan kerugian perolehan.</li> </ul> <p>Sijil biasanya dikeluarkan bersama-sama Takaful Kebakaran atas premis perniagaan untuk memastikan dana yang mencukupi disediakan untuk membaiki kerosakan material dan perniagaan peserta akan pulih seperti biasa tanpa kelewatan. Dalam hal ini, Takaful Gangguan Perniagaan memperuntukkan jaminan kerosakan material yang memperuntukkan bahawa pada masa berlakunya kerosakan, peserta mesti mempunyai Takaful yang melindungi kepentingannya atas harta di premis yang dimaksudkan, terhadap sebarang kerosakan dan pembayaran telah dibuat atau liabiliti diterima di bawah perlindungan tersebut. Untuk menampung kerugian kehilangan keuntungan kasar, Pengendali Takaful memberi perlindungan pada caj/kos tetap perniagaan dan juga keuntungan bersih.</p> <p>Caj/kos tetap ialah perbelanjaan berterusan walaupun aktiviti pembuatan atau perdagangan telah terganggu, contoh, kadar, sewa, upah, gaji, faedah ke atas pinjaman, sumbangan dan yuran juruaudit.</p> <p>Takaful Gangguan Perniagaan biasanya melindungi kerugian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kebakaran dan bencana khusus.</li> <li>• risiko kerosakan kejuruteraan.</li> <li>• risiko kerosakan komputer dan kegagalan berfungsi.</li> </ul>
<p>Pengecualian</p>	<p>Pengecualian di bawah skim ini adalah sama seperti Takaful Kebakaran.</p>
<p>Tambahan</p>	<p>Sijil ini boleh diperluaskan untuk melindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bahaya khusus sama seperti yang ditawarkan di bawah Takaful</li> </ul>

	<p>Kebakaran.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>kehilangan keuntungan kasar disebabkan gangguan perniagaan di premis peniaga lain (contoh: premis pelanggan atau pembekal).</li> </ul>
--	---

### B3.6 TAKAFUL SEMUA RISIKO INDUSTRI (IAR)

Sijil Takaful Semua Risiko Industri (IAR) adalah satu bentuk “semua risiko” Takaful yang meliputi bukan sahaja semua “peril yang dinamakan” di bawah Takaful Kebakaran tetapi juga mencangkupi perlindungan “kerosakan disebabkan kemalangan” yang tidak dilindungi di bawah sijil Takaful Kebakaran yang standard, tertakluk kepada pengecualian khusus sijil. Kelas perniagaan ini biasanya ditawarkan kepada risiko komersil dan perindustrian yang besar. Ia meliputi:

Seksyen I – Kerosakan Bahan dan

Seksyen II – Gangguan Perniagaan

Secara umumnya, sijil Takaful Semua Risiko Industri menyediakan perlindungan terhadap harta benda dan/atau kepentingan milik peserta yang disebabkan oleh sebarang perkara yang tidak diduga seperti kehilangan, kemusnahan atau kerosakan yang timbul daripada peril sebagai contohnya api, kilat, letupan, pesawat jatuh, asap, banjir, pembakaran sendiri, litar pintas, rompakan dan risiko-risiko selain daripada yang dikecualikan secara khusus di dalam sijil, serta kehilangan keuntungan akibat kerosakan bahan terhadap harta benda yang dilindungi.

Perlindungan Asas	<p><b><u>Seksyen I – Kerosakan Bahan</u></b></p> <p>Memberi perlindungan bagi sebarang kerugian, kemusnahan atau kerosakan fizikal yang tidak diduga, tiba-tiba dan tidak sengaja selain daripada yang dikecualikan secara khusus dalam Pengecualian Umum atau Khas.</p> <p><b><u>Seksyen II – Gangguan Perniagaan</u></b></p> <p>Menyediakan perlindungan sekiranya perniagaan yang dijalankan oleh Peserta di premis yang dinyatakan dalam Jadual diganggu atau diganggu, mengakibatkan kerugian, kerosakan atau kerosakan yang boleh diabaikan di bawah Seksyen I.</p>
Pengecualian	<p>Pengendali Takaful tidak akan membayar ganti rugi kepada peserta berkaitan dengan kerugian (termasuk kerugian turutan), kemusnahan, kerosakan atau perbelanjaan walau apa pun secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau diburukkan lagi oleh:</p>

	<ul style="list-style-type: none"><li>• perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;</li><li>• rusuhan, mogok, pekerja terkunci, perbuatan berniat jahat, rompakan, pemberontakan, kekecohan awam, pemberontakan ketenteraan, pemberontakan, pemberontakan, revolusi, kekuasaan tentera atau rampasan, rampasan, permintaan atau nasionalisma atau tindakan keganasan;</li><li>• radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktif dari mana-mana bahan api nuklear atau dari mana-mana sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear;</li><li>• bahan radioaktif, bahan letupan atau lain-lain bahaya bahan letupan, pemasangan atau komponen nuklear;</li><li>• tindakan sengaja atau kecuaiian peserta atau wakilnya; atau</li><li>• pemberhentian kerja keseluruhan atau separa.</li></ul>
--	---

## **BAB B4 : KELAS-KELAS TAKAFUL AM – TAKAFUL MARIN DAN PENERBANGAN**

### **Objektif Pembelajaran**

Memahami jenis-jenis dan manfaat Takaful Marin dan Penerbangan.

### **Hasil Pembelajaran**

Boleh memberi nasihat dan berkomunikasi mengenai jenis-jenis dan manfaat Takaful Marin dan Penerbangan berdasarkan keperluan pelanggan.

### **B4.1 PENGENALAN**

Takaful Marin melindungi kerugian atau kerosakan kepada kapal, kargo, terminal, dan sebarang pengangkutan atau kargo di mana harta dipindahkan, diperolehi, atau dipegang antara tempat asal dan destinasi akhir. Marin juga termasuk harta yang terdedah di atas darat dan luar pesisir (terminal kontena, pelabuhan, pelantar minyak, saluran paip); badan kapal (hull); nahas di Laut; dan Liabiliti Marin.

Perlindungan Asas	<p>Kerugian atau kerosakan kepada harta dan kepentingan disebabkan bencana maritim yang termasuk: -</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• bahaya laut.</li><li>• cuaca buruk.</li><li>• terkandas atau pelanggaran.</li><li>• bahaya kebakaran dan sepeertinya.</li><li>• kecurian.</li></ul>
Subjek Takaful	<p>Berikut adalah subjek Takaful:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Badan kapal (Hull) dan jentera.</li><li>• Liabiliti undang-undang yang berbangkit daripada pelanggaran.</li><li>• Kargo dan tambang.</li></ul> <p>Dengan pengecualian liabiliti pelanggaran yang dilindungi di bawah marin kapal, sijil marin yang berbeza digunakan untuk melindungi subjek yang berbeza.</p>

Jenis-jenis Sijil	<b>Jenis</b>	<b>Perkara Pokok</b>
	Marin Badan Kapal	Kapal, jentera & liabiliti pelanggaran terhad.
	Marin Kargo	Barangan yang dibawa di atas kapal.
	Marin Tambang	<i>Freight</i> (Wang / Yuran yang dikenakan untuk pengangkutan barang-barang dengan kapal).
	Marin Risiko Pembinaan	Kapal dalam pembinaan /pembaikan.

#### **B4.2 TAKAFUL MARIN BADAN KAPAL**

Takaful Marin Badan Kapal menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan kepada badan kapal dan jenteranya. Badan kapal adalah struktur kapal manakala jenteranya adalah peralatan yang menjana kuasa untuk menggerakkan kapal dan mengawal sistem lampu dan sistem suhu seperti dandang, enjin, penyejuk dan penjana kuasa elektrik.

##### **Skop Perlindungan**

Di bawah Takaful Marin Kapal, skop perlindungan dikategorikan sebagai Fasal Masa. Biasanya ia dikeluarkan untuk tempoh tertentu selama 12 bulan. Keadaan dan tahap risiko yang ditanggung oleh Pengendali Takaful adalah berbeza mengikut jenis kapal dan dikategorikan seperti berikut:

- Fasal Masa Institut (Kapal) - perlindungan yang paling komprehensif.
- Fasal Masa Institut (FPA).
- Fasal Masa Institut (Kerugian menyeluruh sahaja).

Risiko yang dilindungi ialah peril laut, kebakaran dan peletupan, rompakan, lanun, bersentuhan dengan pesawat, gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat, kemalangan semasa memungkah, pecah dandang, kerosakan aci, kecacatan tersembunyi, kecuai kapten kapal, kecuai pembaik, kecuai tuan punya kapal, pemfitnahan.

Perniagaan Takaful Marin Badan Kapal memerlukan pendekatan pengunderaitan yang lebih teknikal daripada pakar pengunderait. Kebanyakan syarikat mempunyai kapasiti terhad untuk mengunderait kelas perniagaan ini dan amat bergantung sokongan daripada penyedia Takaful semula (*retakaful*).

#### **B4.3 TAKAFUL MARIN KARGO**

Penghantaran barang-barang melalui kapal dan laut ialah cara pengangkutan yang paling murah tetapi ia terdedah kepada banyak jenis risiko. Takaful Marin Kargo menyediakan perlindungan risiko yang diperlukan untuk menghantar barang-barang melalui laut.

Pelbagai jenis Takaful Kargo Marin ditawarkan oleh pasaran bergantung kepada pelbagai syarat-syarat jualan dan perlindungan yang diperlukan.

Contoh: -

“Percuma di atas kapal” (FOB - <i>Free on Board</i> )	Risiko kerugian atau kerosakan kepada barang-barang dipindahkan kepada pembeli apabila barang-barang telah melepasi laluan kapal.
“Kos & Pengangkutan” (C & F - <i>Cost &amp; Freight</i> )	Penjual membayar kos dan pengangkutan yang diperlukan untuk membawa barang-barang ke destinasi yang dinyatakan, tetapi risiko kerugian atau kerosakan ke atas barangan dipindahkan kepada pembeli apabila barangan melepasi laluan kapal di pelabuhan penghantaran.
“Kos, Insurans dan Pengangkutan” (CIF - <i>Cost, Insurance and Freight</i> )	Bermakna bahawa penjual menghantar barang-barang di atas kapal. Risiko kerugian atau kerosakan ke atas barang-barang akan dipindahkan kepada pembeli apabila barang-barang tersebut berada di atas kapal. Penjual perlu membayar kos dan pengangkutan untuk membawa barang-barang ke pelabuhan destinasi yang dinyatakan. Penjual juga mengambil perlindungan Takaful terhadap risiko pembeli terhadap risiko kehilangan dan kerosakan ke atas barangan semasa dalam pengangkutan. Apabila menggunakan CIF, penjual telah memenuhi kewajipannya apabila barang-barang tersebut sampai ke kapal pengangkut barangan dan bukannya barangan sampai di tempat atau destinasi terakhirnya.
“Ex Pelabuhan” (Ex Quay)	Penjual menghantar barang-barang kepada pembeli ke pelabuhan di destinasi yang dinyatakan dalam kontrak jualan. Penjual perlu menanggung kos sepenuhnya dan risiko yang terlibat semasa membawa barang-barang ke destinasi tersebut.

**a. Jenis Perlindungan Takaful Marin Kargo**

Terdapat pelbagai jenis perlindungan ditawarkan. Beberapa contoh biasanya dirujuk seperti berikut: -

- Kerugian Menyeluruh Sahaja (*TLO-Total Loss Only*)  
Melindungi kepentingan peserta ke atas jumlah kerugian menyeluruh sahaja disebabkan oleh peril laut.
- Dengan Purata + Kecurian, Mencuri & Tidak Sampai/Tidak Terima (*W.A. PLUS T.P.N.D. - with Average + Theft, Pilferage & Non Delivery*).
- Jumlah kerugian menyeluruh & kehilangan sebahagian daripada mana-mana bungkusan atau pakej yang berlaku semasa memunggah dan memindah muatan

atau semasa pelepasan.

- Kehilangan & kerugian sebahagian barangan yang disebabkan kapal yang membawa barangan terkandas, tenggelam atau terbakar; dan jika disebabkan oleh kebakaran, letupan, pelanggaran atau kapal tersebut berlanggar dengan mana-mana bahan-bahan luar (termasuk bongkah ais) & peril laut, di mana bahaya yang paling biasa ialah kerosakan disebabkan air laut.
- Termasuk risiko kecurian, mencuri dan tidak sampai/tidak terima barang.

**b. Klausu Kargo Institut (A) / (B) / (C)**

**i. Jenis Sijil Takaful Marin Kargo**

- Perlindungan Individu

Sijil Takaful tersebut dikeluarkan pada setiap penghantaran barangan apabila diminta oleh peserta.

- Perlindungan Terbuka

Perlindungan Terbuka adalah perlindungan berterusan yang dikeluarkan pada tarikh tertentu dan terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan. Ia memberikan perlindungan secara automatik untuk semua penghantaran seperti yang dinyatakan dalam sijil.

Bagi penghantaran barangan melalui kapal, sijil Takaful Marin Kargo mempunyai tiga bentuk perlindungan utama yang ditetapkan mengikut tiga set klausa kargo yang berbeza. Sijil yang dikeluarkan menerangkan tentang perlindungan yang mudah difahami yang tidak lagi melibatkan rujukan silang.

<b>Klausa Kargo Institut A</b>	<b>Klausa Kargo Institut B</b>	<b>Klausa Kargo Institut C</b>
Klausa ini memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan kepada kargo dengan semua risiko yang tertakluk kepada pengecualian tertentu.	Klausa ini memberi perlindungan terhadap bahaya tertentu. Perlindungan B adalah hampir sama dengan perlindungan A, namun ia tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh lanun dan pencuri, dan kerosakan dan kemusnahan yang disengajakan.	Klausa ini menyediakan senarai perlindungan terhadap bahaya tertentu yang terhad berbanding dengan klausa B. Ini bermakna perlindungan yang ditawarkan di bawah klausa C adalah yang paling terhad di kalangan ketiga-tiga bentuk perlindungan.

Kecuali risiko liabiliti pelanggaran yang dilindungi di bawah Takaful Marin Kapal, sijil marin yang berbeza digunakan untuk melindungi subjek Takaful yang berbeza



seperti berikut:

Dilindungi (√) dan dikecualikan (x) bahaya di bawah klausa ini:

Peril	Klausa		
	A	B	C
Tenggelam, terdampar, binasa, karam	√	√	√
Kebakaran, letupan	√	√	√
Perlanggaran	√	√	√
Terbalik, terbabas	√	√	√
Gempa bumi, letusan gunung berapi, kilat	√	√	x
Pengorbanan purata am	√	√	√
Jettison (buang muatan untuk meringankan kapal)	√	√	√
Pemungghahan kargo di pelabuhan kecemasan	√	√	√
Caj menyelamatkan ( <i>salvage</i> ) dan purata am	√	√	√
Dihanyut ke laut	√	√	x
Kemasukan air laut, air tasik, air sungai ke dalam kapal	√	√	x
Kehilangan menyeluruh bungkusan/pakej semasa memungghah	√	√	x
Lanun dan pencuri	√	x	x
Kerosakan atau kemusnahan yang disengajakan	√	x	x
Salah laku yang disengajakan oleh peserta	x	x	x
Kebocoran biasa, kekurangan berat atau kuantiti, haus & lusuh	x	x	x
Pembungkusan tidak sesuai atau tidak sempurna	x	x	x
Keadaan sedia ada atau sifat semulajadi perkara pokok	x	x	x
Kapal tidak layak & tidak sesuai belayar (peserta mengetahuinya)	x	x	x
Ketidakkampuan bayaran atau masalah kewangan pemilik kapal	x	x	x
Peperangan, mogok, rusuhan & kekacauan awam	x	x	x
Senjata atom & nuklear	x	x	x

#### **B4.4 TAKAFUL PENERBANGAN**

Industri penerbangan secara global telah berubah kepada perjalanan secara moden dan

perniagaan antarabangsa. Ia adalah aspek yang kritikal dalam memudahkan pergerakan seseorang dan barangan dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan rekod kelajuan dan kos yang berpatutan. Walaubagaimanapun, cara pengangkutan ini terdedah kepada risiko kerugian yang besar sekiranya berlaku sebarang musibah. Rekod telah menunjukkan bahawa beratus-ratus nyawa telah hilang dalam satu kemalangan udara. Terdapat juga kejadian di mana kemalangan tersebut melibatkan harta pihak ketiga.

Kebanyakan sijil penerbangan dikeluarkan atas dasar 'semua risiko' tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Peserta sijil ini adalah syarikat penerbangan komersial yang besar, pemilik pesawat korporat atau perniagaan, pemilik pesawat swasta dan kelab penerbangan.

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>Biasanya sijil komprehensif dikeluarkan untuk melindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pesawat udara (badan pesawat).</li> <li>• liabiliti kepada penumpang dan kepada pihak lain.</li> </ul> <p>Di samping itu, sijil berikut juga menyediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan Liabiliti Awam</li> </ul> <p>Perlindungan ini, sering dirujuk sebagai <i>liabiliti pihak ketiga</i>, melindungi pemilik pesawat dimana pesawat peserta telah menyebabkan kerosakan kepada harta benda pihak ketiga, seperti rumah, kereta, tanaman, kemudahan lapangan terbang dan pesawat lain dalam perlanggaran. Ia tidak menyediakan perlindungan kerosakan kepada pesawat peserta itu sendiri atau perlindungan untuk penumpang yang cedera di pesawat peserta. Selepas kemalangan syarikat Takaful akan membayar pampasan kepada mangsa bagi kerugian yang dialami, tetapi jika penyelesaian tidak dapat dipersetujui, kes tersebut biasanya dibawa ke mahkamah untuk menentukan liabiliti dan jumlah ganti rugi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan Liabiliti Penumpang</li> </ul> <p>Perlindungan ini melindungi penumpang yang menaiki pesawat yang mengalami kemalangan, yang cedera atau terbunuh. Di kebanyakan negara perlindungan ini adalah wajib hanya untuk pesawat komersial atau pesawat besar.</p> <p>Perlindungan sering dijual berdasarkan "setiap-kerusi", dengan had yang ditetapkan bagi setiap tempat duduk penumpang.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gabungan Had Tunggal (<i>CSL-Combined Single Limit</i>)</li> </ul>
--------------------------	---

	<p>Perlindungan ini menggabungkan perlindungan liabiliti awam dan perlindungan liabiliti penumpang ke dalam satu perlindungan dengan jumlah keseluruhan terhadap kepada setiap kemalangan. Jenis perlindungan ini menyediakan lebih fleksibiliti untuk membayar tuntutan liabiliti, terutamanya jika penumpang cedera, tetapi sedikit kerosakan berlaku kepada harta pihak ketiga di atas tanah.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Liabiliti Tambang</li></ul> <p>Takaful ini melindungi pengendali pesawat terhadap liabiliti undang-undang untuk membayar balik tambang kepada pemilik kargo.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kemalangan Diri</li></ul> <p>Takaful ini melindungi juruterbang dan anak kapal sekiranya berlaku kecederaan diri atau kematian akibat kemalangan.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kehilangan Lesen</li></ul> <p>Takaful ini melindungi juruterbang, juru pandu penerbangan, jurutera penerbangan terhadap kerugian kewangan akibat kehilangan lesen.</p>
Pengecualian	Secara umumnya, pengecualian jarang dikenakan kecuali seperti yang dinyatakan dalam sijil.

## BAB B5 : KELAS-KELAS TAKAFUL AM – TAKAFUL KEJURUTERAAN

### Objektif Pembelajaran

Memahami jenis-jenis dan manfaat Takaful Kejuruteraan.

### Hasil Pembelajaran

Boleh memberi nasihat dan berkomunikasi mengenai jenis-jenis dan manfaat Takaful Kejuruteraan berdasarkan keperluan pelanggan.

### B5.1 PENGENALAN

Takaful Kejuruteraan terdiri daripada kelas perniagaan yang khusus dan sijil yang boleh dikelaskan sebagai:

1. Sijil yang boleh diperbaharui; dan
2. Sijil yang tidak boleh diperbaharui.

Jenis-jenis Takaful Kejuruteraan biasanya di bawah sijil boleh diperbaharui seperti:

- Dandang dan Kebuk Tekanan.
- Kerosakan Mesin Jentera.
- Peralatan Elektronik/Komputer.

Manakala untuk sijil Takaful Kejuruteraan yang tidak boleh diperbaharui seperti:

- Takaful Semua Risiko Kontraktor.
- Takaful Semua Risiko Pembinaan.

### B5.2 TAKAFUL SEMUA RISIKO KONTRAKTOR

Perlindungan Asas	<p>Sijil ini memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan kepada kerja-kerja sementara, bahan-bahan, loji dan peralatan-peralatan lain yang dibawa ke tapak binaan oleh kontraktor yang berkaitan dengan bangunan atau projek kejuruteraan awam.</p> <p>Liabiliti Pihak Ketiga: Sebagai tambahan kepada perlindungan kerosakan material, sijil Semua Risiko Kontraktor menyediakan perlindungan terhadap liabiliti bagi kerosakan harta benda dan</p>
-------------------	--

	kecederaan tubuh badan kepada pihak ketiga yang berlaku berkaitan dengan kerja- kerja kontrak.
Pengecualian	<p>Pengecualian yang biasa adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerugian atau kerosakan yang disebabkan reka bentuk yang tidak sempurna/rosak.</li> <li>• Kos penggantian bahan yang rosak dan / atau mutu kerja yang tidak mengikut spesifikasi.</li> <li>• haus dan lusuh, karat, dan susut.</li> <li>• kerugian atau kerosakan loji pembinaan dan mesin disebabkan oleh kerosakan mekanikal dan/atau elektrik</li> <li>• kerugian atau kerosakan kepada kenderaan dilesenkan untuk kegunaan di darat atau air atau udara.</li> <li>• kerugian atau kerosakan kepada fail, lukisan, akaun, bil-bil, mata wang, nota, sekuriti dan cek.</li> <li>• Kehilangan disedari pada masa membuat semakan inventori.</li> <li>• lebihan yang perlu ditanggung oleh peserta</li> <li>• kerugian turutan berpunca dari sebarang sebab kerugian akibat perbuatan dengan sengaja oleh pengarah, pengurus atau pengurus tapak yang bekerja dengan peserta.</li> <li>• risiko nuklear.</li> <li>• kerugian yang disebabkan oleh peperangan dan operasi seumpamanya, mogok dan rusuhan awam.</li> </ul>

**B5.3 TAKAFUL SEMUA RISIKO PEMBINAAN**

Perlindungan Asas	Sijil ini menyediakan perlindungan terhadap kerosakan kepada kerja-kerja pemasangan dan sebarang kerja-kerja sementara yang dijalankan berkaitan dengan pembinaan, pengujian dan pentauliahan loji dan mesin. Liabiliti Pihak Ketiga - seperti sijil Semua Risiko Kontraktor, sijil ini mempunyai satu seksyen yang menyediakan perlindungan terhadap liability bagi kerosakan harta benda dan kecederaan tubuh badan kepada pihak ketiga.
Pengecualian	Pengecualian utama adalah sama seperti yang terdapat didalam sijil Semua Risiko Kontraktor. Mungkin perbezaan utama antara kedua-dua sijil ialah sijil Semua Risiko Pembinaan mempunyai peruntukan perlindungan semasa pengujian dan pentauliahan pemasangan, manakala sijil Semua Risiko Kontraktor hanya melindungi kerja-kerja dalam kejuteraan bangunan dan kejuteraan awam.

**B5.4 TAKAFUL DANDANG DAN KEBUK TEKANAN**

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>Sijil ini menggabungkan perkhidmatan pemeriksaan dan memberikan perlindungan terhadap kerosakan kepada loji:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerosakan harta disekeliling loji milik peserta.</li> <li>• kerosakan harta benda dan kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga, yang disebabkan oleh letupan dan keruntuhan dandang dan loji tekanan.</li> </ul>
<p>Pengecualian</p>	<p>Pengecualian yang biasa ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• haus dan lusuh tetapi letupan atau runtuh yang timbul daripada penghausan dandang dan loji tekanan dilindungi.</li> <li>• kegagalan bahagian mesin yang boleh diganti (iaitu bahagian-bahagian yang memerlukan penyelenggaraan rutin) melainkan jika kecacatan tersebut menghasilkan letupan atau runtuh.</li> <li>• kerosakan kepada harta peserta yang disebabkan oleh kebakaran.</li> <li>• kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh perbuatan dengan sengaja oleh peserta atau kecuaiannya.</li> <li>• kerugian akibat pemberhentian kerja loji.</li> <li>• kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ taufan, hurikan, letusan gunung berapi, gempa bumi dan seumpamanya.</li> <li>○ operasi perang dan seumpamanya, rusuhan awam dan mogok.</li> </ul> </li> <li>• kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berpunca daripada risiko nuklear.</li> </ul>

#### B5.5 TAKAFUL KEROSAKAN MESIN

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>Sijil ini melindungi kerosakan mesin yang berlaku secara tidak dijangka dan secara mengejut masa beroperasi atau pun masa tidak beroperasi. Perlindungan yang disediakan termasuk kerosakan disebabkan oleh barang yang rosak, reka bentuk, pembinaan dan pemasangan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kemalangan berpunca daripada keadaan tempat kerja.</li> <li>• penggunaan elektrik yang berlebihan.</li> <li>• kegagalan penebatan.</li> <li>• litar pintas, litar terbuka atau percikan elektrik.</li> <li>• kegagalan mesin yang berkaitan atau alat kawalan lain.</li> <li>• kekurangan kemahiran, kecuaiannya pekerja atau individu lain.</li> <li>• kerosakan berpunca dari sumber luar.</li> </ul>
--------------------------	---

Pengecualian	<p>Pengecualian yang utama termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• haus dan lusuh.</li> <li>• kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ kebakaran dan letupan.</li> <li>○ banjir, tanah tenggelam, tanah runtuh, gempa bumi dan seumpamanya.</li> <li>○ peperangan, rusuhan dan risiko seumpamanya.</li> <li>○ risiko nuklear.</li> </ul> </li> </ul>
--------------	---

**B5.6 TAKAFUL PERALATAN ELEKTORNIK/KOMPUTER**

Perlindungan Asas	<p>Sijil ini memberi perlindungan terhadap kehilangan fizikal atau kerosakan kepada peralatan elektrik berpunca dari sebarang sebab selain dari pengecualiaan yang dinyatakan secara khusus dalam sijil.</p>
Pengecualian	<p>Pengecualian yang utama ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• deduktibel.</li> <li>• kehilangan disebabkan kecurian.</li> <li>• kerugian yang berpunca daripada: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ gempa bumi, letusan gunung berapi, hurikan, siklon atau taufan.</li> <li>○ kesilapan atau kecacatan yang wujud pada hari pertama sijil berkuatkuasa dan dalam pengetahuan peserta.</li> <li>○ kegagalan atau gangguan sebarang bekalan gas, air atau elektrik.</li> <li>○ keadaan suasana persekitaran.</li> <li>○ kos penyelenggaraan.</li> <li>○ kerugian atau kerosakan yang mana pembekal atau pengilang bertanggungjawab dibawah undang-undang atau kontrak.</li> <li>○ kehilangan atau kerosakan kepada peralatan yang disewa dimana pemilik bertanggungjawab dibawah undang-undang atau kontrak.</li> <li>○ kerugian turutan atau liabiliti.</li> </ul> </li> </ul>

## BAB B6 : KELAS-KELAS TAKAFUL AM – TAKAFUL PELBAGAI

### Objektif Pembelajaran

Memahami jenis-jenis dan manfaat lain-lain kelas di dalam Takaful Am (Takaful Pelbagai).

### Hasil Pembelajaran

Boleh memberi nasihat dan berkomunikasi mengenai jenis-jenis dan manfaat lain-lain kelas yang terdapat di dalam Takaful Am (Takaful Pelbagai) berdasarkan keperluan pelanggan.

### B6.1 PENGENALAN

Kelas Takaful Am yang lain (Takaful Pelbagai) merujuk kepada jenis risiko yang tidak dilindungi oleh Takaful Motor, Kebakaran, Marin atau Kejuruteraan. Oleh itu, ruang lingkupnya adalah sangat luas dan termasuk pelbagai kontingensi yang mungkin tidak termasuk di bawah tafsiran istilah "Kemalangan".

Kelas Takaful Am yang lain (Takaful Pelbagai) melindungi banyak cabang, di mana dikumpulkan bersama-sama tetapi tidak semestinya berkait di antara satu sama lain (sebagai contoh, Takaful Pecah Masuk atau Takaful Pecah Gelas berbanding Takaful Kemalangan Diri). Walaubagaimanapun, secara amalan, risiko yang tidak berkaitan dikumpulkan bersama untuk keselesaan peserta. Kelas perniagaan ini secara keseluruhannya boleh dikategorikan kepada Takaful Harta Benda dan Takaful Wang masing-masing.

### B6.2 TAKAFUL KECURIAN

#### 1. Takaful Pecah Masuk

Perlindungan Asas	<p>Skim Takaful Pecah Masuk menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan kepada barang-barang di dalam premis perniagaan (seperti stok dan barang-barang perdagangan, perabot, peralatan pejabat, kilang dan jentera, barangan rumah dan barangan peribadi pekerja) disebabkan kecurian yang melibatkan pecah masuk ke dalam atau keluar premis yang dilindungi dengan cara paksa dan kekerasan.</p> <p>Selain kerugian kecurian, skim juga melindungi kerosakan kepada bangunan yang dilindungi termasuk barang-barang di dalamnya</p>
-------------------	--



	berikutan kecurian atau sebarang cubaan seumpamanya.
Pengecualian	<p>Pengecualian yang biasa ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerugian atau kerosakan disebabkan kebakaran tanpa mengambil kira bagaimana ia berlaku.</li> <li>• kerosakan kaca berwarna atau kaca plat atau sebarang hiasan atau tulisan di atasnya.</li> <li>• kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh seseorang yang secara sah berada di premis berkenaan atau disebabkan dengan kerjasama secara diam-diam oleh pekerja atau sebarang ahli yang berada dalam premis yang dilindungi.</li> <li>• kehilangan atau kerosakan kepada surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji, wang atau sekuriti wang, syiling, setem, batu permata, dokumen hakmilik harta, buku perniagaan, manuskrip, sistem komputer, rekod, barangan lama, ukiran, buku-buku lama, plan, corak, acuan, model atau rekaan kecuali ianya dilindungi secara khusus.</li> <li>• rusuhan, mogok, peperangan dan risiko seumpamanya atau perampasan atau pemusnahan yang diperintah oleh kerajaan atau pihak berkuasa awam.</li> <li>• kerugian yang disebabkan oleh kuasa alam semula jadi seperti letusan gunung berapi, kebakaran bawah tanah, gempa bumi dan sebagainya.</li> <li>• risiko nuklear.</li> </ul>

## 2. Takaful Semua Risiko

Perlindungan Asas	Sijil Takaful Semua Risiko biasanya dikeluarkan untuk menyediakan perlindungan untuk barangan berharga seperti barang kemas, jam tangan, kamera, lukisan dan karya seni. Skop perlindungan adalah sangat luas dan ia melindungi semua risiko (kebakaran, kecurian dan semua punca kemalangan) selain daripada yang dikecualikan dalam sijil.
Pengecualian	<p>Pengecualian yang biasa ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh rusuhan, mogok, rusuhan awam, gempa bumi atau letusan gunung berapi.</li> <li>• peperangan dan risiko seumpamanya.</li> <li>• kerugian atau kerosaka akibat haus dan lusuh, susut nilai, kemerosotan berterusan, gegat, serangga perosak atau dari sebarang proses pembersihan atau pemulihan sebarang artikel.</li> <li>• kanta, kaca atau bahan-bahan lain yang mudah pecah - tercalar dan pecah, kerosakan mekanikal atau elektrik atau tersilap pasang mana-mana peralatan mekanikal atau</li> </ul>

	<p>elektrikal.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>kerugian atau kerosakan yang disebabkan rampasan atau tahanan oleh pihak kastam atau lain-lain pihak berkuasa, dan risiko nuklear.</li> </ul>
--	---

### 3. Takaful Barangan dalam Transit

Perlindungan Asas	Sijil Takaful ini menyediakan perlindungan berdasarkan “semua risiko”, membayar ganti rugi kepada peserta bagi kerugian atau kerosakan barangan disebabkan oleh kebakaran, kemalangan, pencurian atau disamun ketika sedang memuat, membawa atau memunggah turun barang daripada kenderaan bermotor beserta treler, dan ketika disimpan sementara semasa transit di mana sahaja di Malaysia.
Pengecualian	<p>Pengecualian yang biasa ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>pencemaran radioaktif.</li> <li>peperangan, rusuhan dan kekecohan awam.</li> <li>gempa bumi dan kebakaran bawah tanah.</li> <li>rama-rama, kutu, serangga, kelembapan, berkulapuk atau karat.</li> <li>kelewatan, kehilangan pasaran, sebarang kerugian turutan.</li> <li>kemerosotan dan perubahan disebabkan faktor semula jadi.</li> <li>kecurian atau samun yang melibatkan pekerja peserta.</li> <li>barang-barang yang dibawa oleh pengembara komersil.</li> <li>harta yang tidak dilindungi, contohnya bahan letupan, asid, nota bank dan mata wang, sekuriti, barang kemas, dan buku-buku perniagaan.</li> </ul>

## B6.3 TAKAFUL LIABILITI

### 1. Takaful Pampasan Pekerja

Perlindungan Asas	<p>Melindungi majikan (peserta) untuk membayar pampasan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja kepada semua pekerja berkenaan dengan kematian atau kecederaan akibat kemalangan atau menghidap penyakit berpunca dari atau semasa melakukan pekerjaan.</p> <p>Ini meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>kematian, hilang keupayaan kekal atau hilang keupayaan</li> </ul>
-------------------	---

	<p>separa kekal akibat daripada apa-apa kecederaan yang timbul ketika melaksanakan atau berkaitan dengan pelaksanaan tugas.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• perbelanjaan hospital dan perubatan.</li> <li>• menghidap penyakit berpunca dari pekerjaan, misalnya kanser paru-paru yang disebabkan oleh asbestos.</li> <li>• perbelanjaan penghantaran pulang - pampasan dibayar untuk menghantar pulang mayat ke negara asal pekerja sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.</li> <li>• kemalangan diri (diluar waktu kerja).</li> </ul>
Pengecualian	<p>Pengecualian yang biasa ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mana-mana pekerja yang bukan “pekerja” dalam pengertian undang-undang.</li> <li>• Liabiliti peserta kepada pekerja kontraktor.</li> <li>• Peperangan dan risiko seumpamanya.</li> <li>• Sebarang liabiliti kontraktual.</li> <li>• Sebarang jumlah wang dimana peserta berhak untuk mendapatkan kembali daripada mana-mana pihak tetapi berdasarkan perjanjian di antara peserta dan pihak yang dimaksudkan.</li> <li>• Sebarang liabiliti yang disebabkan oleh atau dikaitkan dengan bahan senjata nuklear, mengion, radiasi atau pencemaran radioaktif.</li> </ul>

## 2. Skim Pampasan Pekerja Asing (FWCS)

Mulai 1 November 1996, semua pekerja asing yang sah (tidak termasuk ekspatriat) perlu dilindungi di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing yang berasingan. Skim Pampasan Pekerja Asing (Insurans) 1998 yang dikeluarkan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 mewajibkan setiap majikan yang menggaji pekerja asing melindungi pekerja dengan panel insurans atau Pengendali Takaful yang dilantik di bawah perintah berkenaan serta membuat bayaran pampasan bagi kecederaan yang dialami akibat kemalangan semasa atau selepas waktu kerja.

Perlindungan Asas	<p>Ini meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kematian, hilang upaya kekal atau hilang upaya separa kekal akibat daripada sebarang kecederaan yang timbul daripada pekerjaan yang dilakukan.</li> <li>• perbelanjaan hospital dan perubatan.</li> <li>• penyakit berpunca daripada pekerjaan, contohnya kanser paru-paru yang disebabkan oleh asbestos di tempat kerja.</li> <li>• perbelanjaan penghantaran pulang - pampasan yang dibayar untuk menghantar pulang mayat pekerja ke negara asal</li> </ul>
-------------------	---

	<p>sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kemalangan diri (diluar waktu kerja).</li> </ul>
Pengecualian	<p>Pengecualian yang biasa ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan pampasan dibawa ke dalam mahkamah undang-undang di luar Malaysia.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang bukan "pekerja" dalam pengertian undang-undang.</li> <li>• Liabiliti peserta kepada pekerja kontraktor.</li> <li>• Peperangan dan risiko seumpamanya.</li> <li>• Sebarang liabiliti kontraktual.</li> <li>• Sebarang jumlah wang dimana peserta berhak untuk mendapatkan kembali daripada mana-mana pihak tetapi berdasarkan perjanjian di antara peserta dan pihak yang dimaksudkan.</li> <li>• Sebarang liabiliti yang disebabkan oleh atau dikaitkan dengan bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif.</li> </ul>

### 3. Takaful Liabiliti Awam

Perlindungan Asas	<p>Takaful Liabiliti Awam direka untuk melindungi syarikat perniagaan dalam memenuhi liabiliti undang-undang untuk membayar pampasan bagi kematian atau kecederaan kepada pihak ketiga dan kerosakan kepada harta pihak ketiga yang disebabkan oleh atau melalui kecuaiian syarikat tersebut atau pekerjaanya atau kecacatan premis.</p> <p>Perlindungan termasuk kos guaman yang ditanggung oleh syarikat, dengan persetujuan terlebih dahulu daripada Pengendali Takaful.</p>
-------------------	---

Pengecualian	<p>Pengecualian yang biasa termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• liabiliti yang boleh dilindungi di bawah polisi Pampasan Pekerja, polisi Liabiliti Majikan dan skim PERKESO (yang ditubuhkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969).</li> <li>• kerugian atau kerosakan kepada harta kepunyaan peserta atau di bawah jagaannya atau kawalannya.</li> <li>• kerugian atau kerosakan kepada harta yang berkaitan dengan dandang wap atau mana-mana kapal atau peralatan dandang.</li> <li>• liabiliti berkenaan dengan kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ lif penumpang atau eskalator yang dimiliki oleh atau di bawah tanggungjawab peserta.</li> <li>○ kenderaan yang digerakkan secara mekanikal dan mempunyai lesen untuk kegunaan di jalan raya.</li> </ul> </li> <li>• liabiliti profesional; liabiliti kontraktual.</li> <li>• risiko nuklear.</li> <li>• risiko peperangan dan seumpamanya; letupan sonik.</li> </ul>
--------------	--

#### 4. Takaful Indemniti Profesional

Perlindungan Asas	<p>Takaful Indemniti Profesional melindungi seseorang profesional (contohnya, akauntan, jurutera atau doktor), berkenaan dengan liabiliti yang berpunca daripada kecuaiian profesional yang dilakukan oleh beliau, atau pemegang jawatan terdahulu, atau pekerja-pekerjanya. Perlindungan termasuk kos guaman yang ditanggung oleh profesional berkenaan, dengan persetujuan Pengendali Takaful terlebih dahulu.</p>
Pengecualian	<p>Takaful Indemniti Profesional biasanya tidak termasuk tuntutan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kerana fitnah atau tohmahan.</li> <li>• yang timbul daripada ketidakjujuran, penipuan, perbuatan jenayah atau perbuatan khianat atau pengabaian oleh pihak peserta, atau pemegang jawatan terdahulu atau pekerja-pekerjanya.</li> <li>• yang timbul daripada pencemaran radioaktif.</li> <li>• peserta berhak mendapat ganti rugi dari sijil lain.</li> </ul>

#### 5. Takaful Liabiliti Produk

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>Takaful Liabiliti Produk menyediakan perlindungan kepada pengeluar atau penjual produk terhadap liabiliti undang-undang atas kematian atau kecederaan atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh kecacatan pada barang yang dibekalkan atau dijualkan oleh peserta.</p> <p>Contoh produk yang boleh menimbulkan liabiliti produk termasuk peralatan elektrik, mesin, produk farmaseutikal, kosmetik dan barang permainan. Perlindungan termasuk kos guaman yang di persetujui terlebih dahulu oleh Pengendali Takaful.</p>
<p>Pengecualian</p>	<p>Pengecualian yang biasa ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kecederaan kepada pekerja.</li> <li>• liabiliti kontraktual melainkan liabiliti tersebut wujud walaupun ketiadaan sebarang kontrak.</li> <li>• liabiliti yang timbul disebabkan kesilapan formula atau spesifikasi produk.</li> <li>• kerugian atau kerosakan kepada produk yang dibekalkan atau dijualkan selepas kerja pembaikan atau perubahan pada produk.</li> </ul>

#### 6. Liabiliti Pengarah dan Pegawai

Perundangan juga telah membuat pengarah bertanggungjawab ke atas tingkah laku syarikat, dan dengan cara ini, pemegang saham, pemiutang, pelanggan, pekerja dan lain-lain individu kini boleh mengambil tindakan terhadap pengarah syarikat sebagai seorang individu.

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>Liabiliti Pengarah dan Pegawai menyediakan perlindungan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• indemniti kepada syarikat berkenaan dengan kos yang ditanggung untuk membayar pampasan kepada pengarah atas tuntutan pembelaan yang berjaya dipertahankan</li> <li>• indemniti kepada pengarah dalam keadaan di mana bayaran pampasan tidak dibayar oleh syarikat kerana pengarah gagal dalam kesnya di mahkamah.</li> </ul>
--------------------------	---

Pengecualian	Pengecualian termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan bagi kecederaan tubuh badan atau kerosakan.</li> <li>• Tindakan yang diambil terhadap pengarah individu akibat dari ketidakjujuran, penipuan atau berbuatan khianat yang dilakukan oleh pengarah tersebut.</li> <li>• Tuntutan yang timbul kerana bertindak atas kepentingan dan keuntungan atau manfaat peribadi.</li> <li>• Mengingkari kewajipan profesional.</li> </ul>
--------------	--

## B6.4 TAKAFUL PELBAGAI KEMALANGAN

### 1. Takaful Kemalangan Diri

Takaful Kemalangan Diri adalah pelan tahunan yang menyediakan pampasan sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau kecederaan yang disebabkan *semata-mata* berpunca dari kemalangan. Pelan ini boleh disertai secara individu atau secara berkumpulan untuk keluarga, syarikat atau mana-mana kumpulan yang berdaftar. Pelan ini juga disediakan untuk masa jangka pendek, seperti melancong ke luar negara; untuk melindungi sebarang kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan.

Perlindungan untuk Takaful ini biasanya disediakan jika berlaku kemalangan di mana-mana diseluruh dunia, perlindungan 24 jam sehari, tertakluk kepada terma- terma dan syarat-syarat seperti dinyatakan dalam sijil. Syarikat yang melindungi pekerjajanya mungkin mahu mengurangkan bayaran sumbangan dengan menghadkan perlindungan kepada waktu perniagaan serta perjalanan kerana tugas dan aktiviti untuk perniagaan sahaja.

- Skala Manfaat

Skala manfaat merujuk kepada amaun pampasan yang dibayar oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau kecederaan. Manfaat biasa adalah untuk:

- kematian
- hilang upaya kekal
- hilang upaya sementara di mana peserta tidak dapat melaksanakan tugas biasanya, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya

Peserta dinasihatkan untuk mengambil perhatian pada skala manfaat dalam pelan Takaful dan definisi hilang upaya kekal dan sementara, kerana ia berbeza-beza antara Pengendali Takaful.

Skala manfaat merujuk kepada amaun pampasan yang dibayar oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau kecederaan. Peserta

dinasihatkan untuk mengambil perhatian pada skala manfaat dalam plan Takaful ini sebab ia berbeza-beza antara Pengendali Takaful.

- Perlindungan Berganda

Jika seseorang mempunyai lebih daripada satu sijil Takaful Kemalangan Diri, sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya, peserta atau warisnya berhak mendapat pampasan di bawah setiap sijil. Walau bagaimanapun, bagi tuntutan tertentu seperti perbelanjaan perubatan di mana pampasan adalah berasaskan pembayaran balik, peserta hanya akan dibayar sekali sahaja, sehingga had maksimum perbelanjaan sebenar yang ditanggung.

- Pewaris

Peserta dinasihatkan menamakan waris dan memastikan yang pewaris mengetahui kewujudan sijil Takaful Kemalangan Diri tersebut.

<p>Perlindungan Asas</p>	<p>Perlindungan asas Takaful Kemalangan Diri termasuk kematian dan hilang upaya akibat kemalangan. Perlindungan juga boleh meliputi perbelanjaan untuk perubatan, manfaat rawatan hospital, pembedahan pembedahan dan perbelanjaan pengebumian, jika diperlukan.</p> <p>Seseorang boleh memilih sama ada untuk mengambil Takaful Kemalangan Diri untuk dirinya sendiri atau menyertai plan kumpulan bagi keluarganya. Majikan boleh membeli Takaful Kemalangan Diri untuk pekerjaannya dan pembayaran pampasan kepada pekerja adalah mengikut budi bicara majikan, kecuali manfaat Takaful Kemalangan Diri telah disebut secara khusus dalam surat perantikan pekerjaan pekerja.</p> <p>Plan Takaful Kemalangan Diri tertentu menyatakan lingkungan had umur yang boleh dilindungi.</p>
<p>Pengecualian</p>	<p>Takaful Kemalangan Diri biasanya tidak melindungi kemalangan yang berlaku disebabkan oleh perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• risiko peperangan.</li> <li>• bunuh diri dan tidak siuman.</li> <li>• kecederaan diri sendiri yang disengajakan.</li> <li>• dipengaruhi oleh minuman keras, dadah atau narkotik.</li> <li>• AIDS / HIV atau sebarang penyakit kelamin lain.</li> <li>• hasutan membunuh atau serangan.</li> </ul>



	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melahirkan anak, hamil atau keguguran.</li> <li>• penglibatan dalam aktiviti-aktiviti menyalahi undang-undang.</li> <li>• aktiviti sukan berbahaya.</li> <li>• mengendali atau menunggang kenderaan bermotor dua roda.</li> </ul> <p>Di samping itu, perlindungan Takaful Kemalangan Diri juga mengecualikan individu yang bekerja di bawah profesion berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• polis / tentera dan pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang.</li> <li>• penyelam.</li> <li>• juruterbang atau anak kapal.</li> <li>• pelumba kereta.</li> <li>• pelaut dan nelayan laut.</li> <li>• ahli sukan professional.</li> </ul> <p>Nota: Pengecualian di atas mungkin berbeza antara Pengendali Takaful.</p>
--	--

## 2. Takaful Wang

Perlindungan Asas	<p>Takaful Wang menyediakan perlindungan bagi kehilangan wang terhadap semua risiko, tertakluk kepada pengecualian tertentu semasa dalam transit:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• perlindungan menyatakan bahawa transit hanya antara premis peserta dan bank sahaja.</li> <li>• berada di premis peserta pada waktu perniagaan.</li> <li>• berada di dalam peti besi berkunci atau dalam bilik kebal di dalam premis peserta dan di luar waktu perniagaan.</li> <li>• berada di kediaman persendirian milik salah seorang pengarah atau pegawai utama peserta.</li> <li>• situasi lain yang dinyatakan.</li> </ul> <p>Had jumlah wang yang hilang dinyatakan untuk mana-mana situasi yang nyatakan di atas. Istilah "wang" termasuk wang tunai, nota bank dan matawang, cek, wang pos, mata wang, setem pos dan setem hasil milik peserta atau yang mana peserta bertanggungjawab disisi undang-undang.</p>
Pengecualian	<p>Takaful Wang tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang timbul daripada:</p>

	<ul style="list-style-type: none"><li>• pekerja tidak jujur.</li><li>• rampasan, nasionalisasi, rekuisisi atau kemusnahan yang disengajakan oleh sebarang pihak berkuasa kerajaan.</li><li>• jumlah berkurangan akibat kesilapan dan tertinggal.</li><li>• luar had kawasan.</li><li>• peti besi atau bilik kebal dibuka dengan menggunakan kunci.</li><li>• risiko nuklear.</li><li>• susut nilai.</li><li>• rusuhan, mogok, peperangan dan risiko yang berkaitan.</li></ul>
--	---

### 3. Takaful Jaminan Kesetiaan

Jaminan Kesetiaan (FG) adalah kontrak Takaful yang menyediakan perlindungan dalam bentuk jaminan kepada peserta sekiranya berlaku ketidakjujuran atau penyelewengan pekerja yang mengakibatkan kerugian kewangan langsung, Pengendali Takaful akan menanggung kerugian tersebut sebagai majikan seperti yang ditetapkan oleh kontrak.

Terdapat 3 jenis Sijil Jaminan Kesetiaan yang dikeluarkan dan jenis jaminan oleh Pengendali Takaful:

#### 1. Sijil Individu :

Sijil ini melindungi pekerja yang dinamakan untuk jumlah yang dinyatakan atau jawatan yang khusus.

Jenis jaminan : Setiap pekerja/orang

#### 2. Sijil Kolektif :

- Kolektif Bernama

Sijil ini menggabungkan jadual yang mengandungi nama dan tugas individu yang dijamin. Jumlah jaminan ditetapkan terhadap setiap nama pekerja, dan jumlah ini mungkin jumlah individu atau jumlah terapan untuk jadual keseluruhan.

- Kolektif Tidak Bernama

Sijil ini melindungi majikan terhadap kerugian yang disebabkan oleh perbuatan yang tidak jujur atau penipuan yang dilakukan oleh pekerja yang termasuk dalam kategori tertentu, contohnya seperti pengurus, juruwang, penjaga stor dan kerani.

Jenis jaminan :

- Setiap orang dan kejadian.
- Setiap tahun.

3. Sijil Menyeluruh :

Sijil ini melindungi majikan terhadap kerugian yang disebabkan oleh perbuatan yang tidak jujur atau penipuan oleh semua pekerja, tanpa menyatakan nama atau jawatan.

Jenis jaminan :

- Setiap orang dan kejadian.
- Agregat tahunan/setiap sijil.

Pengecualian:

- Sebarang kerugian tidak langsung atau turutan.
- Sebarang kerugian pihak ketiga.
- Kerugian inventori atau sebarang kerugian yang ditemui semasa pengiraan stok barang.
- Kerugian akibat, secara langsung atau tidak langsung dari perang, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera, keadaan undang-undang tentera dan tindakan keganasan.

## BAB B7 : AMALAN TAKAFUL AM – PENILAIAN RISIKO DAN PENGUNDERAITAN

### Objektif Pembelajaran

Memahami proses asas pengunderaitan Takaful Am.

### Hasil Pembelajaran

Boleh memahami proses asas pengunderaitan Takaful Am.

### B7.1 PENGENALAN

Pengunderaitan boleh ditakrifkan sebagai satu cara penilaian atau penelitian cadangan untuk menyertai Takaful. Proses menilai cadangan diputuskan sama ada menerimanya atau menolaknya biasanya dibuat berdasarkan satu set garis panduan atau prosedur yang disediakan.

Proses pengunderaitan menentukan bahaya fizikal, moral, alam sekitar, pasaran dan undang-undang mengenai hal perkara pokok yang dilindungi, termasuk pengalaman kerugian. Proses pengunderaitan akan membantu menegakkan prinsip keadilan atau '*adl*' yang sangat digalakkan dalam Islam. Dengan proses ini, terma dan syarat-syarat yang sesuai serta kelas penarafan untuk perlindungan boleh ditentukan atau sebagai alternatif boleh ditolak.

Dalam sebarang skim Takaful Am, peserta dikehendaki membuat pembayaran yang dikenali sebagai sumbangan ke dalam Dana Takaful Am (juga dikenali sebagai Dana Risiko atau dana *tabarru* ') yang digunakan untuk membayar kerugian yang dialami oleh para ahli yang menyertai skim Takaful. Untuk memastikan bahawa dana yang mencukupi akan tersedia ada untuk membayar tuntutan / kerugian tersebut, Pengendali Takaful mestilah:

#### 1. Mengurus terhadap Anti-Pemilihan (*Anti-Selection*)

Anti-pemilihan berlaku apabila pemohon yang tahu bahawa dia mempunyai risiko yang sangat tinggi yang memungkinkannya berlaku kerugian mengemukakan cadangan untuk Takaful. Apabila anti pemilihan wujud dalam kelas risiko, kerugian sebenar akan menjadi lebih besar daripada kerugian yang dijangka kerana kelas risiko tidak mewakili kumpulan dipilih secara rawak (dirujuk sebagai peraturan bilangan jumlah besar).

Peraturan bilangan jumlah yang besar adalah salah satu premis/ andaian yang paling asas dalam menentu kejayaan skim Takaful. Ringkasnya, premis/ andaian matematik ini mengatakan bahawa semakin besar bilangan kumpulan peserta yang dilindungi yang dipilih secara rawak, lebih tepat ramalan kerugian yang akan terjadi.

Oleh kerana sumbangan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada kerugian yang dijangka daripada kumpulan yang dipilih secara rawak, jumlah yang dikumpul tidak akan mencukupi untuk membayar tuntutan jika anti-pemilihan wujud.

2. Mengenakan Kadar Sumbangan Selaras dengan Risiko yang Dikongsi oleh Peserta

Bagi skim Takaful untuk berfungsi dengan sewajarnya, skim tersebut hendaklah mempunyai satu kumpulan peserta yang agak besar menghadapi risiko yang sama dan membayar jumlah yang sama ke dalam dana kumpulan wang yang sama yang digunakan untuk membayar kerugian yang menimpa segelintir peserta.

Pada hakikatnya, pemohon perlindungan Takaful mempunyai pelbagai kebarangkalian kerugian yang berbeza. Untuk memastikan bahawa sumbangan yang dikumpul dari kelas risiko adalah mencukupi, pengendali perlu mengenakan kadar sumbangan yang setimpal dengan risiko yang akan dikongsi bersama di kalangan peserta.

Dalam erti kata lain, pengendali akan mengenakan kadar sumbangan yang lebih tinggi kepada pemohon yang mempunyai kebarangkalian mengalami kerugian lebih tinggi berbanding dengan peserta biasa. Dari sudut amalan, pengendali, melalui pengunderaitnya, menjalankan satu proses yang dikenali sebagai 'pengunderaitan' untuk memastikan bahawa mereka akan menjauhi anti pemilihan, dan kadar sumbangan yang dikenakan adalah berpatutan dengan risiko yang dikongsi.

3. Membangunkan Senarai atau Jadual Risiko yang Boleh Diterima untuk Memastikan Dana Risiko Boleh Dikekalkan

Pengendali Takaful mungkin telah membangunkan satu perancangan strategik yang selaras dengan portfolio perniagaan dan risiko yang diterima. Pengendali perlu membuat keputusan, sama ada dengan cara konservatif atau cara agresif, untuk memperolehi bahagian perniagaan pasaran masing-masing.

Dalam mencapai matlamat tersebut, Pengendali Takaful dijangka akan mengeluarkan senarai "Risiko yang Boleh Diterima" yang selaras dengan selera risiko mereka. Ini akan memastikan bahawa hanya risiko yang dalam "kemampuan" mereka akan diunderait dan akhirnya diterima.

Risiko lain yang dianggap "tidak boleh diterima" kerana faktor risiko moral dan risiko fizikal dinyatakan dengan jelas sebagai "risiko ditolak". Oleh itu, bukan semua risiko boleh diterima dan juga jika diterima, risiko tersebut tertakluk kepada had tertentu.

4. Menguruskan Program Takaful Semul (Retakaful) Seajar dengan Profil Risiko dan Profil Tuntutan

Program Takaful Semula yang berkesan dapat membantu Pengendali Takaful mengurangkan risiko supaya sekiranya berlaku kerugian disebabkan berlaku bencana, kerugian pengendali sebenarnya berada dalam lingkungan risiko had dana di bawah pengurusan. Ini akan menghalang pengendali daripada menghadapi keadaan kewangan

yang tenat kerana kerugian besar yang mungkin berlaku tanpa diduga.

## **B7.2 PROSES PENGUNDERAITAN**

Salah satu elemen penting dalam proses pengunderaitan ialah peranan ejen. Boleh dikatakan bahawa ejen merupakan bahagian yang paling penting dalam proses pemilihan risiko. Ini adalah disebabkan oleh hakikatnya bahawa ejen berada dalam kedudukan yang sebenarnya untuk berjumpa dan berbincang dengan bakal peserta, untuk bertanya soalan yang terkandung di dalam Borang Cadangan.

Ejen tidak boleh meninggalkan maklumat penting atau mengemukakan maklumat yang tidak tepat untuk memudahkan proses pengeluaran sijil. Oleh itu, kelakuan etika yang tinggi diperlukan daripada ejen. Akhir sekali, jika permohonan bakal peserta untuk perlindungan ditolak, ejen berperanan memberi penjelasan sebab-sebab permohonan tersebut ditolak.

Oleh kerana "pengunderaitan" boleh ditakrifkan sebagai satu proses penilaian dan pemilihan risiko, dan penentuan kadar sumbangan, terma dan syarat, proses pengunderaitan akan melibatkan perkara berikut:

### **1. Proses Pemilihan Risiko**

Proses pemilihan risiko meliputi tugas menilai maklumat untuk menentukan bagaimana risiko akan diklasifikasikan (iaitu sama ada risiko yang standard, substandard, atau ditolak).

Selepas prosedur klasifikasi selesai, risiko ini diberi nilai pengkadaran sumbangan yang bersesuaian, yang perlu dikenakan kepada peserta. Sijil Takaful kemudiannya akan dikeluarkan dan diserahkan kepada peserta oleh ejen.

#### **a. Mengenalpasti dan Menilai Risiko**

Apabila cadangan dikemukakan untuk perlindungan Takaful, pengunderait perlu mengenalpasti dan menilai bahaya fizikal dan bahaya moral yang dikaitkan dengan risiko yang dicadangkan. Maklumat mengenai bahaya tersebut boleh diperolehi daripada borang cadangan yang lengkap diisi terlebih dahulu oleh pencadang.

Walau bagaimanapun, jika maklumat tambahan diperlukan, pengunderait boleh mengambil satu atau lebih tindakan yang berikut:

- permintaan laporan kajian mengenai risiko berkaitan.
- membuat siasatan terus dengan bakal peserta.

Berikut adalah beberapa faktor yang boleh mendedahkan bahaya fizikal dalam pelbagai kelas perniagaan Takaful Am:

i. Takaful Kebakaran

- jenis pembinaan.
- ketinggian bangunan.
- jenis lantai.
- jenis penghunian.
- jenis barangan yang disimpan.
- situasi risiko.

ii. Takaful Motor

- jenis kenderaan.
- kapasiti enjin.
- umur dan keadaan kenderaan.
- penggunaan kenderaan.
- pengubahsuaian kenderaan.
- umur peserta / pemandu.
- pekerjaan peserta / pemandu.

iii. Takaful Kecurian

- jenis stok/barangan.
- situasi risiko.
- jenis pembinaan (premis).
- langkah keselamatan yang diambil.

iv. Takaful Kemalangan Diri

- umur peserta.
- jenis pekerjaan.
- keadaan kesihatan dan fizikal.
- gaya hidup/hobi.

b. Laporan Penyiasatan Bebas (jika berkenaan)

Laporan ini akan memberi maklumat tambahan kepada maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan dan Permohonan.

Maklumat yang disediakan oleh pakar-pakar bebas untuk manfaat pengendali dan peserta. Laporan ini menjadi lebih penting bagi risiko komersial atau risiko khusus yang besar seperti tenaga, penerbangan, perkapalan, dan lain-lain

Sememangnya, maklumat yang disediakan dalam laporan adalah lebih terperinci dan komprehensif, dan akan digunakan sebagai sebahagian daripada

maklumat yang diperlukan atau perlu dibekalkan apabila pengendali menggunakan khidmat Takaful Semula bagi risiko seberat itu.

c. Pemilihan Risiko

Selepas pengunderait mengenalpasti dan menilai bahaya yang dikaitkan dengan risiko yang dicadangkan, pengunderait telah bersedia membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak cadangan tersebut. Jika pengunderait memutuskan risiko tersebut adalah risiko yang standard, cadangan tersebut akan diterima, sementara menunggu pengeluaran sijil.

Dalam sesetengah keadaan, cadangan mungkin ditolak disebabkan oleh bahaya moral yang buruk. Sebagai contoh, apabila kebarangkalian berlaku penipuan disyaki, namun sebanyak mana pun tambahan sumbangan, masih tidak akan mencukupi untuk menampung risiko. Risiko, sebaliknya boleh diurus dengan mengenakan waranti dan syarat-syarat khas. Kebarangkalian tuntutan kecil tetapi kerap boleh dikurangkan dengan mengenakan syarat lebihan (*excess*), *francais* atau mengatur Takaful Bersama atau Takaful Semula.

Dalam sesetengah keadaan, cadangan mungkin ditolak disebabkan oleh bahaya moral yang buruk. Sebagai contoh, apabila wujud penipuan, tiada tambahan dalam sumbangan akan mencukupi untuk menampung risiko. Kecuaian, sebaliknya boleh dikendalikan sebahagiannya dengan mengenakan syarat lebihan (*excess*) dan waranti.

## 2. Penentuan Kadar Sumbangan, Terma Dan Syarat

Bagi majoriti kelas Takaful, sumbangan atau premium yang dikenakan adalah kadar sumbangan setiap unit perlindungan didarab dengan bilangan unit perlindungan yang diperlukan.

Kadar seunit perlindungan boleh dinyatakan sama dalam bentuk RM X peratus (RM X setiap RM100 perlindungan) atau RM X setiap mille (RM X RM1,000 perlindungan).

Unit perlindungan diukur berbeza mengikut jenis Takaful. Dalam menentukan sumbangan untuk setiap risiko, pengunderait akan memastikan bahawa kadar yang dikenakan mencerminkan tahap bahaya, dan jumlah unit perlindungan yang diperlukan mencerminkan nilai risiko yang "dikongsi", jika tidak, sumbangan yang dikenakan tidak akan mencukupi untuk membayar kerugian.

Oleh itu, apabila dua risiko dengan nilai yang sama diserahkan untuk perlindungan Takaful, risiko dengan bahaya biasa akan dikenakan kadar sumbangan biasa atau standard, manakala risiko dengan bahaya yang tidak normal (*abnormal*) atau risiko bahaya yang buruk akan dikenakan kadar sumbangan yang lebih tinggi. Terma dan syarat yang dikenakan akan bergantung kepada risiko yang diterima sama ada sebagai bahaya normal atau tidak normal.



Risiko dengan bahaya biasa diterima atas terma dan syarat standard bagi setiap kelas tertentu Takaful. Risiko dengan bahaya yang tidak normal boleh diterima tertakluk kepada penilaian pengunderaitan berikut:

<b>Pengunderaitan Risiko Bahaya Tidak Normal</b>	<b>Keterangan</b>
Penambahbaikan Risiko	Penambahbaikan risiko memerlukan pencadang mengambil langkah-langkah memperbaiki risiko (contohnya, pemasangan alat penggera kebakaran, sistem pemercik air automatik dan lain-lain) sebelum cadangan boleh diterima.
Waranti	Waranti dikenakan bagi mengawal bahaya dan memastikan bahawa: <ul style="list-style-type: none"> <li>• bahaya baru / tambahan tidak diterima semasa sijil berkuatkuasa;</li> <li>• Cadangan yang dibuat oleh pengendali hendaklah dipatuhi oleh peserta.</li> </ul>
Pengecualian	Klausa pengecualian menghadkan liabiliti pengendali daripada kerugian tertentu yang mana di bawah keadaan biasa, ia akan dilindungi di bawah perlindungan Takaful standard.
Perlindungan Terhadap	Dengan perlindungan terhadap, pencadang ditawarkan perlindungan Takaful yang lebih rendah daripada permohonan asal. Sebagai contoh, di bawah perlindungan Takaful motor, pencadang hanya boleh diberikan perlindungan pihak ketiga walaupun pada asalnya dia memohon perlindungan kopehensif.
Lebihan (excess)	Apabila peruntukan lebihan ( <i>excess</i> ) digunakan, peserta dikehendaki menanggung jumlah tertentu atau bahagian tertentu bagi setiap satu kerugian.
Francais	Sama seperti berlebihan ( <i>excess</i> ), dalam kes francais, peserta tidak boleh menuntut jika jumlah kerugian adalah lebih rendah daripada jumlah francais. Walau bagaimanapun, tidak seperti berlebihan ( <i>excess</i> ), jika jumlah kerugian melebihi jumlah francais, peserta tidak perlu menanggung jumlah francais. Francais jarang digunakan dalam Takaful Am, kecuali dalam Takaful Marin.

### 3. Pengesahan Penerimaan

Jika terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pengendali diterima oleh

pengadang, pengendali akan mengeluarkan nota perlindungan (atau *e-cover* dalam kes Takaful Motor), sebagai bukti perlindungan sementara sehingga sijil dikeluarkan.

### **B7.3 TAKAFUL SEMULA DAN TAKAFUL BERSAMA**

Apabila pengunderait menilai risiko, dia perlu mempertimbangkan saiz risiko yang dicadangkan. Bagi risiko yang besar dan kompleks, mungkin Pengendali Takaful tidak mampu menanggung risiko keseluruhan bersendirian. Oleh itu Pengendali mungkin perlu menimbang untuk menggunakan perkhidmatan Takaful Semula atau Takaful Bersama.


Risiko tersebut terpaksa ditolak jika urusan Takaful Semula atau Takaful Bersama tidak diperolehi. Mujurlah, keadaan sedemikian agak jarang berlaku dan Pengendali Takaful biasanya dapat menguruskannya perlindungan sama ada Takaful Semula atau Takaful Bersama apabila diperlukan.

Takaful Semula ialah satu kaedah di mana Pengendali Takaful "berkongsi" (atau menyerahkan) sebahagian daripada risiko yang ditanggung melebihi had pengekalan kepada Pengendali Takaful lain atau pengendali Takaful Semula. Pengekalan adalah jumlah risiko yang disimpan oleh Pengendali Takaful asal. Takaful Semula boleh diatur secara fakultatif, iaitu peruntukan sekali, atau melalui program perjanjian, iaitu pada dasar yang telah dipersetujui untuk portfolio keseluruhan.

Terdapat dua klasifikasi perjanjian:

1. Perjanjian berkadar.
2. Perjanjian bukan-berkadar.

Berikut adalah satu contoh bagaimana perjanjian berkadar atau peruntukan fakultatif berfungsi:



Rajah 4 : Pembahagian Takaful Semula

Takaful Bersama ialah pengurusan diantara dua atau lebih Pengendali Takaful untuk berkongsi risiko asal dan setiap pengendali adalah bertanggungjawab secara langsung bagi bahagian risiko yang dilindunginya. Oleh itu, dalam jadual seperti di atas, kotak yang mewakili Risiko terkumpul dan Risiko Takaful Semula menunjukkan bahagian masing-masing seimbang dengan risiko yang diterima, sekiranya berlaku tuntutan.

#### B7.4 PENGKADARAN

##### 7.4.1 Jenis-jenis Pengkadaran

Kadar sumbangan yang dikenakan boleh dikategorikan secara meluas sebagai kadar individu, kadar mengikut kelas, dan kadar merit.

No	Jenis Kadar	Penerangan
1	Kadar individu	Apabila pengunderait menentukan kadar yang akan dikenakan ke atas setiap risiko secara berasingan tanpa merujuk kepada formula atau manual yang sedia ada, kadar yang ditetapkan itu dikenali sebagai kadar individu.

2	Kadar Mengikut Kelas	<p>Apabila terdapat banyak risiko yang perlu dilindungi di bawah satu kelas Takaful, risiko- risiko berkenaan boleh diklasifikasikan mengikut ciri-ciri tertentu dalam pelbagai kelas Takaful.</p> <p>Sebagai contoh, dalam Takaful Kebakaran, risiko dikelaskan mengikut tiga ciri utama, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pembinaan bangunan (kayu, batu-bata, konkrit).</li> <li>• kegunaan bangunan (bangunan itu diduduki sebagai sebuah kilang, gudang, pejabat, dan lain-lain).</li> <li>• lokasi bangunan (kawasan bandar atau luar bandar).</li> </ul> <p>Objektif utama adalah untuk mewujudkan kadar sumbangan yang dikenali sebagai "kadar mengikut kelas" untuk risiko tersebut, yang akan menjana jumlah sumbangan yang mencukupi untuk menampung kerugian berpunca daripada kelas risiko tersebut.</p>
3	Kadar Merit	<p>Skim kadar merit adalah gabungan kadar mengikut kelas dan kadar individu. Apabila sesuatu risiko tertakluk kepada kadar merit, pengunderait akan menentukan kadar kelas dan kemudian menyelaraskan kadar dengan menaikkannya atau menurunkannya bergantung kepada merit risiko berkenaan. Merit yang dinilai termasuk (tetapi tidak terhad kepada) pemasangan sistem elektrik, barang berbahaya yang disimpan, sistem pemercik air, dan sebagainya. Kadar merit digunakan dalam kebanyakan kelas Takaful termasuk kebakaran, motor, pampasan pekerja, dan kecurian.</p>

#### 7.4.2 Kadar Sumbangan Kasar

Apabila kadar sumbangan (sama ada kadar individu, kadar mengikut kelas atau kadar merit) dikira berdasarkan kos tuntutan yang dijangka, ia disebut sebagai kadar sumbangan tulen. Oleh kerana Pengendali Takaful menanggung pelbagai perbelanjaan dan membayar komisen serta mengadakan peruntukan bagi variasi kerugian dan mendapat keuntungan yang sedikit dalam menguruskan risiko, kadar sumbangan yang dikenakan adalah kadar sumbangan kasar.

Kadar sumbangan kasar terdiri daripada empat komponen:

1. kadar sumbangan tulen.
2. perbelanjaan dan margin komisen.
3. margin kontingensi (peruntukan bagi variasi kerugian).
4. margin keuntungan.

### **Menentukan Kadar Sumbangan Kasar**

Salah satu kaedah untuk menentukan kadar sumbangan kasar adalah dengan membuat penambahan yang diperlukan untuk menyediakan peruntukan bagi komponen-komponen lain kepada kadar sumbangan tulen. Penambahan yang diperlukan, disebut sebagai bebanan (*loading*), boleh disebut sebagai sebahagian daripada kadar sumbangan tulen. Sebagai contoh, jika bebanan (*loading*) yang diperlukan untuk komponen-komponen lain adalah 40%, kadar sumbangan kasar ditentukan dengan menambah kadar sumbangan tulen sebanyak 40%, iaitu:

$$\text{Kadar Sumbangan Kasar} = (\text{Kadar Sumbang Tulen} \times 140) / 100$$

Perlu diingat bahawa pengendali perlu membuat siasatan lanjut mengenai tahap perbelanjaan, kos modal, pengaruh persaingan dan faktor-faktor lain yang berkaitan, sebelum menetapkan kadar bebanan.

#### **7.4.3 Kadar Tarif**

Kadar sumbangan Takaful Kebakaran, Takaful Motor dan Takaful Pampasan Pekerja dikawal oleh tarif masing-masing di mana asalnya telah digubal oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), di mana Pengendali-Pengendali Takaful diarahkan oleh BNM untuk menerima pakainya. Apabila kadar sumbangan sesuatu kelas Takaful dikawal oleh tarif, kadar yang dikenakan tidak boleh lebih rendah daripada yang ditetapkan untuk kelas risiko berkenaan dan perlindungan yang ditawarkan tidak boleh melebihi daripada apa yang disediakan dalam borang sijil standard dan endosmen.

Objektif utama tarif adalah untuk memastikan bahawa persaingan harga di kalangan pengendali dan syarikat insurans tidak akan sampai ke bawah tahap ekonomi yang merugikan.

Secara umum, tarif yang digubal oleh PIAM memberikan maklumat berikut:

- jadual kadar minimum untuk kelas risiko yang berbeza.
- surcaj untuk bahaya khusus yang berkaitan dengan setiap kelas risiko.
- diskaun untuk pelbagai penambahbaikan pada risiko.
- syarat dan peraturan am mengawal amalan industri insurans/Takaful.
- susunan ayat untuk borang cadangan yang standard, pengendorsan, klausa, waranti, dan lain-lain.
- kadar sumbangan minimum.

Adalah amalan biasa bagi pengendali untuk menetapkan sumbangan minimum yang akan dikenakan kepada peserta kepada setiap sijil Takaful yang dikeluarkan supaya ia dapat menampung kos pentadbiran.

## **B7.5 PEMBAYARAN DAN BAYARAN BALIK**

### **1. Bayaran Sumbangan**

#### **a. Klausa Waranti Sumbangan - Enam Puluh (60) Hari**

Pengendali Takaful yang menjalankan perniagaan Takaful Am perlu menguatkuasakan peraturan Waranti Sumbangan di kebanyakan kelas Takaful kecuali motor, kemalangan diri, pengembara dan marin. Di bawah peraturan ini, peserta dikehendaki membayar sumbangan yang dikenakan untuk perlindungan dalam tempoh 60 hari dari tarikh efektif Takaful.

Jika sumbangan tidak dibayar pada hari ke-60, perlindungan kepada peserta berkenaan akan dibatalkan pada hari ke-61 dan pengendali berhak mendapat sumbangan pro-rata bagi tempoh risiko ditanggung.

Untuk tujuan waranti ini, sebarang bayaran yang diterima oleh ejen hendaklah disifatkan sebagai diterima oleh pengendali. Prinsip umum berkaitan kepada ejen insurans dan Takaful, ia lah bahawa mereka adalah agensi *del credere*, iaitu mereka bertanggungjawab ke atas semua sumbangan yang kena bayar tidak kira sama ada sumbangan telah dibayar atau tidak.

#### **b. Peraturan Tunai Sebelum Lindung (*Cash Before Cover*)**

Peraturan (Penerimaan Risiko dan Kutipan Sumbangan) Takaful 1985 yang dikenali sebagai Peraturan CBC telah dikuatkuasakan pada 2 Januari 2005. Selepas itu, peraturan tersebut telah diperluaskan untuk meliputi perniagaan Talian Peribadi seperti Takaful Kemalangan Diri, Takaful Empunya Rumah/Isi Rumah, dan lain-lain yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2007.

Dalam kes perlindungan motor, undang-undang telah menetapkan bahawa sijil Takaful Motor/insurans motor hanya boleh dikeluarkan oleh Pengendali Takaful/syarikat insurans atau ejen mereka secara 'tunai sebelum lindung' sahaja. Ini bermakna bahawa sumbangan/premium mesti dibayar sebelum nota perlindungan motor atau sijil/polisi boleh dikeluarkan. Keputusan di atas terpakai kepada pengantara, broker, serta Pengendali Takaful dan insurans.

Menurut Seksyen 96 IFSA 2013: Penerimaan Risiko:

*"Tiada pengendali boleh menyebabkan sebarang dana di bawah pengurusannya mengambil alih sebarang risiko berkaitan dengan perniagaan am melainkan jika dan sehingga sumbangan yang kena dibayar diterima oleh pengendali mengikut cara dan masa yang dipersetujui sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank."*

## 2. Bayaran Balik Sumbangan

Sumbangan akan dikembalikan sekiranya sijil dibatalkan atas permintaan pengendali atau peserta. Pengiraan bayaran balik biasanya dikira berdasarkan kaedah pro-rata.

## B7.6 MENGGUNAKAN TARIF

### 1. Tarif Kebakaran

Penentuan kadar sumbangan Takaful Kebakaran adalah sama seperti Tarif Kebakaran insurans konvensional. Pelan pengkadaran yang diperuntukkan di bawah Tarif Kebakaran adalah serupa dengan pelan kadar merit. Oleh itu, apabila satu cadangan untuk perlindungan kebakaran standard dikemukakan, pengunderait akan menentukan klasifikasi risiko yang dicadangkan untuk menentukan kadar kelas dan waranti (jika ada) yang terpakai untuk kelas risiko berkenaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Tarif Kebakaran.

<b>Faktor-Faktor Risiko yang Tidak Memuaskan</b>	<b>Faktor-Faktor Risiko yang Memuaskan</b>
Pendawaian elektrik yang tidak sempurna	Sistem pemercik
Pembakaran terbuka	Sistem Pili
Penyimpanan barangan berbahaya	Alat pemadam api
Kebersihan tidak terjaga	Penggera kebakaran automatik

Jadual 6 : Sumber dari Tarif Kebakaran

Selepas menentukan kadar kelas, langkah seterusnya melibatkan penilaian faktor-faktor fizikal / bahaya (selain daripada pembinaan, lokasi dan kegunaan) yang berkaitan dengan risiko. Proses 'diskriminasi' ini memastikan bahawa risiko dengan faktor-faktor fizikal yang tidak menggalakkan akan dikenakan kadar sumbangan yang lebih tinggi manakala diskaun akan diberi kepada mereka yang mempunyai faktor-faktor fizikal yang menggalakkan.

Kadar sumbangan yang ditentukan oleh langkah-langkah seperti tersebut di atas ialah kadar yang terpakai bagi perlindungan asas di bawah sijil Takaful kebakaran standard. Jika satu atau lebih bahaya khusus diminta untuk dilindungi, kadar sumbangan akan meningkat dengan sewajarnya.

## 2. Tarif Motor

Seperti insurans kebakaran, penentuan kadar insurans motor di Malaysia ditadbir oleh PIAM Tarif Motor. Tarif Motor diklasifikasikan di bawah tiga kategori yang luas, iaitu Tarif Kereta Persendirian, Tarif Motosikal, dan Tarif Kenderaan Perdagangan. Tarif Kereta Persendirian adalah berkaitan dengan kereta jenis persendirian termasuk kereta beroda tiga dan "*station wagons*", yang digunakan untuk tujuan sosial, tujuan domestik dan tujuan keseronokan dan untuk tujuan perniagaan atau profesional (tidak termasuk penggunaan untuk pengangkutan barang-barang, selain daripada sampel) yang dimiliki oleh peserta. Tarif tersebut tidak termasuk penggunaan kereta untuk sewa atau upah atau untuk perlumbaan, pengatur kelajuan, ujian ketahanan, ujian kelajuan atau digunakan untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor.

Tarif motosikal adalah berkaitan dengan motosikal (dengan atau tanpa kereta sisi) termasuk motor skuter dan basikal automatik. Tarif Motosikal seterusnya dibahagikan lagi kepada motosikal persendirian, motosikal komersial, motorsikal yang digunakan untuk sewa dan perniagaan motosikal, bagi maksud pengkadaran dan insurans. Tarif Kenderaan Perdagangan adalah terpakai kepada semua kenderaan (termasuk kenderaan beroda tiga) yang tidak diperuntukkan di bawah Tarif Kereta Persendirian dan Tarif Motosikal. Tarif Kenderaan Perdagangan seterusnya dibahagikan lagi kepada perniagaan motor (risiko jalan raya), kenderaan yang membawa barang-barang, kereta sewa, bus dan kenderaan khas bagi maksud pengkadaran dan insurans/Takaful.

Di bawah setiap kategori yang luas di bawah Tarif Motor, faktor-faktor asas pengkadaran yang perlu dipertimbangkan, umumnya termasuk seperti berikut:

- a. Skop perlindungan insurans yang diperlukan, contohnya Komprehensif, Kebakaran dan Kecurian Pihak Ketiga, Pihak Ketiga sahaja, atau Akta sahaja.
- b. Kapasiti enjin kenderaan.
- c. Anggaran nilai kenderaan.

Apabila perlindungan yang diperlukan tidak termasuk 'kerosakan sendiri', maka perkara (a) dan (b) di atas biasanya digunakan untuk menentukan jumlah sumbangan dalam Tarif. Jika perlindungan yang diperlukan ialah secara komprehensif, maka perkara (a), (b) dan (c) di atas akan digunakan.

### **B7.7 LIBERALISASI INSURANS MOTOR DAN TAKAFUL MOTOR**

Fasa pertama Liberalisasi Motor dan Tarif Kebakaran diperkenalkan pada 1 Julai 2016. Semasa di fasa ini, syarikat insurans dan Pengendali Takaful diberi kelonggaran untuk menawarkan produk motor yang baru dan tambahan perlindungan mengikut harga pasaran.

Berkuatkuasa 1 Julai 2017, harga sumbangan untuk produk-produk Motor Komprehensif, Takaful Kebakaran Pihak Ketiga dan Kecurian diliberalisasikan di mana harga



premium/sumbangan akan ditentukan oleh syarikat insurans atau Pengendali Takaful.

Sumbangan akan mengambil kira faktor-faktor risiko yang lebih meluas yang akan mendorong kepada harga yang lebih adil, produk yang lebih berinovasi berdasarkan keperluan pengguna dengan perkhidmatan yang lebih baik dan perlindungan insurans/Takaful motor dan kebakaran untuk pengguna jangka panjang dengan harga yang kompetitif.

Walaupun, kadar premium/sumbangan untuk produk Motor Pihak Ketiga akan diteruskan berdasarkan kadar tarif.

## BAB B8 : AMALAN TAKAFUL AM : DOKUMEN-DOKUMEN DI DALAM TAKAFUL AM

### Objektif Pembelajaran

Memahami dokumen-dokumen asas di dalam Takaful Am.

### Hasil Pembelajaran

Boleh memberi nasihat dan berkomunikasi dengan berkesan dokumen-dokumen yang terdapat di dalam Takaful Am kepada pelanggan.

### B5.1 BORANG CADANGAN

Kontrak Takaful berkuatkuasa apabila tawaran yang dibuat oleh satu pihak (pencadang) diterima oleh pihak yang lain (Pengendali Takaful). Dalam Takaful, tawaran biasanya dihantar melalui borang cadangan dan Borang Pengisytiharan yang telah dilengkapi dan ditandatangani oleh pencadang. Pengisytiharan dalam borang cadangan adalah 'aqad' dan ia adalah satu ciri yang penting dalam kontrak kewangan Islam.

Borang Cadangan dan Borang Pengisytiharan akan berfungsi sebagai alat yang penting bagi Pengendali Takaful untuk menilai risiko secara praktikal, mesra pelanggan dan secara seragam. Secara sahnyanya, ia sebagai satu bentuk asas kontrak di antara pencadang dan Pengendali Takaful.

Semua soalan-soalan, pernyataan dan pengisytiharan ada di dalam Borang Cadangan dan Pengisytiharan mesti dijawab tepat dan sepenuhnya sejajar dengan Prinsip Penuh Percaya Mutlak (Utmost Good Faith), disebut sebagai Kewajipan Pendedahan (Duty of Disclosure). Sebarang salah nyataan atau penyembunyian fakta di dalam Borang Cadangan dan Pengisytiharan boleh menyebabkan kontrak Takaful tidak sah. Kewajipan Pendedahan (Duty of disclosure) telah diperincikan di dalam Jadual 9 (Seksyen 141) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (*IFSA-Islamic Financial Services Act*).

#### 1. Faedah Borang Cadangan

Borang Cadangan adalah dokumen yang disediakan oleh Pengendali Takaful dalam format soal selidik untuk membantu pengunderait untuk:

- Mengumpul maklumat yang diperlukan untuk menilai risiko yang dicadangkan

- mempertimbangkan permohonan secara cepat dan tepat kerana maklumat tersebut telah dikemukakan secara berstruktur

## 2. Struktur Borang Cadangan

Adalah penting diambil perhatian bahawa soalan-soalan di dalam borang cadangan ini bukanlah menyeluruh dan walaupun jawapan lengkap telah diberi kepada soalan-soalan tersebut, masih terdapat beberapa fakta yang tidak diberitahu, maka pencadang dikehendaki mendedahkan maklumat tersebut. Perkara ini biasanya dilakukan dengan menyertakan maklumat tambahan berkenaan dengan risiko yang dicadangkan.

## 3. Kandungan Borang Cadangan

Borang cadangan pada amnya mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. Satu kenyataan yang berkaitan dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001:-

*"Di mana pengendali dikehendaki mendapatkan dan mengesahkan identiti, pekerjaan atau tujuan perniagaan mengenai bakal peserta apabila mengunderait sebarang cadangan kepada bakal mereka."*

- b. Soalan-soalan umum

Soalan yang biasa ditanya dalam semua borang cadangan:

- i. Nama Pencadang

Nama diperlukan untuk tujuan pengenalan tetapi ia juga boleh menunjukkan satu aspek risiko yang dicadangkan. Sebagai contoh, nama syarikat mungkin menunjukkan jenis perniagaan peserta. Selain itu, nama seseorang yang dikenali umum dikaitkan dengan perangai buruk boleh mendorong pengendali menolak cadangan risiko, atau tertakluk kepada maklumat lanjut/penjelasan, atau pengubahsuaian kepada cadangan tersebut.

- ii. Alamat Pencadang

Alamat diperlukan untuk tujuan surat-menyurat.

- iii. Alamat Risiko

Risiko sering bergantung kepada lokasinya. Maklumat mengenai alamat risiko adalah penting kerana lokasi yang berisiko tinggi akan meningkatkan kemungkinan berlaku kerugian malah tahap kerugian pun mungkin turut

meningkat.

iv. Pekerjaan Pencadang

Pekerjaan adalah faktor risiko yang penting. Pekerjaan atau perniagaan tertentu mempunyai risiko yang lebih tinggi berbanding dengan yang lain. Sebagai contoh, pengeluaran produk plastik dianggap sebagai pekerjaan berisiko tinggi untuk kebakaran.

v. Insurans/ Takaful Terdahulu dan Sekarang

Sejarah insurans / Takaful ini boleh memberikan maklumat yang berguna tentang bahaya moral dan fizikal Pencadang. Pengendali Takaful semasa ingin mengetahui jika terdapat sebarang terma yang khusus yang dikenakan keatas peserta oleh syarikat insurans/Pengendali Takaful terdahulu (jika ada).

vi. Pengalaman Kerugian

Maklumat mengenai pengalaman kerugian memberi petunjuk kepada kualiti risiko yang dicadangkan. Maklumat yang dikehendaki termasuk butir-butir mengenai semua kerugian yang ditanggung oleh pencadang, sama ada dilindungi atau sebaliknya.

vii. Jumlah Perlindungan

Maklumat mengenai jumlah yang dilindungi memberi petunjuk kepada pengendali mengenai jumlah liabiliti dan perolehan sumbangan. Maklumat ini memberikan gambaran kepada pengendali mengenai liabiliti maksimum yang akan ditanggungnya. Faktor ini adalah penting dalam pengiraan kadar sumbangan untuk pelbagai jenis skim Takaful termasuk kebakaran, motor dan kecurian.

viii. Perkara Pokok / Subjek

Ia memberi penerangan tentang perkara pokok/subjek yang perlu dilindungi (harta, aset, dan liabiliti yang akan dilindungi).

c. Soalan Berkaitan Dengan Takaful

Soalan yang diberikan menjurus khusus kepada jenis Takaful dan biasanya bahaya yang sering dikaitkan dengan jenis Takaful yang dicadangkan.

Beberapa contoh adalah seperti berikut:-

i. Takaful Kebakarann

- jenis pembinaan dan penggunaan bangunan.
- sama ada bangunan berasingan atau bersambung.

- jenis kuasa / tenaga yang digunakan.
- barangan/stok disimpan dalam bangunan (mudah terbakar/ berbahaya).
- penghunian bangunan bersebelahan (ke kiri dan kanan).

ii. Takaful Motor

- kapasiti enjin kenderaan.
- tahun pembuatan.
- umur pemandu.
- kesalahan lalu lintas, jika ada.
- jumlah dan jenis perlindungan yang diperlukan.

iii. Takaful Marin Kargo

- kaedah pembungkusan.
- pelabuhan pelepasan.
- nama, umur, kelas, berat kasar kapal.
- perlindungan yang diperlukan.
- nilai barang hantaran atau *limit per bottom*.

d. Pengisytiharan

Kebanyakan borang cadangan yang digunakan oleh Pengendali Takaful Am mengandungi klausa perisytiharan yang memerlukan pencadang memperakui bahawa:

- i. jawapan yang diberi adalah benar.
- ii. bahawa maklumat yang diberi adalah lengkap.
- iii. bersetuju bahawa borang cadangan menjadi asas kepada kontrak.
- iv. menerima bentuk sijil yang biasa/ perlindungan bagi kelas perniagaan yang dipohon.

Klausa perisytiharan mengubah tanggung jawab pencadang disisi undang- undang lazim dari hanya memberitahu semua faktor matan kepada tanggungjawab kontraktual. Ini menjadikan semua pernyataan yang dibuat dalam borang cadangan ditukar menjadi waranti.

Di samping itu, pengisytiharan tersebut menggariskan bagaimana model Takaful berfungsi, menerangkan dasar perkongsian keuntungan atau pulangan lebihan, menyatakan yuran *wakalah* yang akan ditolak dan suatu penyata mengenai derma bersyarat (*tabbaru'*).

e. Tandatangan

Di bawah Klausula Pengisytiharan, terdapat peruntukan untuk tandatangan pencadang dan tarikh. Pencadang mesti menandatangani borang cadangan kerana ia merupakan tawaran dalam kontrak.

## **B8.2 NOTA LINDUNGI**

### 1. Penggunaan dan Batasan Nota Lindung

Setelah borang permohonan yang lengkap diterima oleh pengunderait, nota lindung biasanya dikeluarkan terlebih dahulu sebelum sijil disiapkan.

Nota Lindung :

- adalah sebagai suatu perakuan sementara sijil Takaful dan bukti perlindungan disediakan oleh Pengendali Takaful.
- menyediakan perlindungan biasa yang terdapat dalam setiap sijil standard untuk kelas Takaful yang dipohon dan tertakluk kepada terma dan syarat sijil.
- menentukan bahawa perlindungan adalah tertakluk kepada waranti tarif dan/atau klausula khas sekiranya diperlukan.

### 2. Kandungan Nota Lindung

Isi kandungan yang biasa terdapat dalam nota lindung termasuk:

- Nama dan alamat peserta.
- Masa dan tarikh permulaan perlindungan.
- Tempoh Takaful.
- Penerangan risiko yang dilindungi.
- Jumlah perlindungan.
- Kadar dan sumbangan (jika kadar tidak diketahui, jumlah sumbangan peruntukan akan dipaparkan).
- Sebarang syarat khas.
- Nombor siri nota lindung.
- Tarikh nota lindung dikeluarkan.
- Tandatangan pegawai yang diberi kuasa.
- Terma pembatalan (biasanya 24 jam selepas notis bertulis).
- Satu kenyataan yang menyatakan bahawa peserta dilindungi dalam bentuk sijil biasa Pengendali Takaful untuk risiko yang dicadangkan, tertakluk kepada sebarang syarat khas yang tercatat pada nota lindung.

Nota Lindung ini mempunyai tempoh sah terhad selama tiga puluh (30) hari dan perlu diikuti oleh pengeluaran sijil Takaful yang sebenar.

### 3. E - Lindung

Dalam perniagaan Motor Takaful, pengeluaran nota lindung kertas dan kaedah memperbaharui cukai jalan secara manual tidak lagi digunakan sejak 1 Januari 2005. Proses tersebut kini telah digantikan dengan e-JPJ atau sistem nota lindung elektronik. Sistem nota lindung elektronik merupakan sebahagian daripada inisiatif e-kerajaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Pengangkutan. Ia telah dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat bahawa:

- a. Pengendali Takaful mesti menghantar maklumat Takaful Motor kepada JPJ secara elektronik.
- b. Pemegang sijil akan menerima slip pengesahan daripada Pengendali Takaful/ejen sebagai bukti pembelian Takaful (pengesahan menyertai Takaful).
- c. Setelah penghantaran berjaya disahkan, pemegang sijil akan terus pergi ke JPJ atau pejabat POS Malaysia untuk memperbaharui cukai jalan.

## **B8.3 SIJIL TAKAFUL**

Sijil merupakan perakuan bahawa perlindungan telah dikeluarkan oleh pengendali yang diberi kuasa mengikut kehendak undang-undang berkaitan. Sebagai contoh, suatu perakuan Takaful telah dikeluarkan selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987, dan ia menyediakan bukti Takaful kepada pihak polis dan pihak berkuasa pendaftaran kenderaan motor.

Walau bagaimanapun, sijil Marin Kargo dikeluarkan dengan persetujuan bersama antara peserta dengan Pengendali Takaful. Sijil Marin Kargo biasanya dikeluarkan berdasarkan "Perlindungan Terapung", dan perakuan dikeluarkan semasa atau apabila penghantaran telah diisytiharkan oleh peserta.

### 1. Kandungan di dalam Sijil Takaful

Jadual sijil dibahagikan kepada beberapa bahagian yang berbeza untuk setiap risiko diperincikan di dalam satu bahagian sijil. Struktur jadual sijil adalah seperti berikut:

- **Tajuk** – Bahagian ini menyediakan nama penuh dan alamat berdaftar Pengendali Takaful di bahagian atas halaman depan.
- **Mukadimah atau Klausula Resital** – Klausula ini memperkenalkan pihak-pihak yang terdapat di dalam kontrak – peserta dan Pengendali Takaful. Ia juga merujuk kepada sumbangan Takaful yang telah dibayar atau akan dibayar, dan ia merujuk kepada kesan Borang Cadangan dan Pengisytiharan sebagai asas kontrak Takaful.
- **Klausula Operasi atau Klausula Takaful** – Klausula ini menetapkan inisiatif kontrak. Ia

menentukan bahaya yang dilindungi seperti di dalam sijil dan menerangkan keadaan di mana Pengendali Takaful akan bertanggungjawab untuk membuat bayaran atau yang setarafnya kepada peserta.

- **Pengecualian** – Pengecualian adalah sekatan-sekatan ke atas skop perlindungan Takaful. Pengecualian ini dimasukkan di dalam sijil kerana terdapat beberapa bahaya dan kerugian yang tidak boleh dilindungi oleh Takaful.
- **Jadual** – Bahagian ini mengandungi semua jenis maklumat bertulis bagi kontrak tertentu seperti: nama dan alamat peserta, jumlah perlindungan, sumbangan Takaful, nombor sijil, risiko yang dilindungi dan tempoh Takaful.
- **Akuan atau Klausula Tandatangan** – Klausula ini membuat peruntukan oleh Pengendali Takaful untuk membuktikan akujanji di bawah perakuan itu dan ditandatangani oleh penandatangan yang sah Pengendali Takaful.
- **Syarat-Syarat**

Jenis syarat :

- ❖ **Syarat Tersurat** dicetak pada sijil berfungsi mengawal kontrak Takaful. Sekiranya tiada syarat tersurat, kontrak Takaful akan tertakluk kepada syarat tersirat.
- ❖ **Syarat Tersirat** berkaitan dengan : prinsip penuh percaya mutlak, kewujudan kepentingan boleh insurans, kewujudan perkara pokok/subjek Takaful dan pengenalan perkara pokok/subjek Takaful.

#### **B8.4 ENDOSMEN**

Pengendosanan digunakan untuk mengubahsuai terma sijil serta perubahan kepada sijil yang sedia ada. Pengendosanan ini menjadi sebahagian daripada sijil. Kedua-dua pengendosanan dan sijil merupakan bukti kontrak.

Endosmen juga boleh dikeluarkan ketika dalam tempoh kuatkuasa sijil untuk merekodkan sebarang pindaan kepada kontrak, semasa atau apabila diperlukan.

Contoh-contoh pindaan kepada sijil adalah seperti berikut :

- a. perubahan dalam jumlah yang dilindungi.
- b. perubahan kepentingan Takaful yang dibenarkan dengan cara jualan, gadaian, dan lain-lain.
- c. perluasan perlindungan Takaful untuk memasukkan bahaya tambahan.
- d. perubahan dalam risiko atau pemindahan risiko/harta ke lokasi berlainan.
- e. pemindahan harta ke lokasi lain.



- f. pembatalan perlindungan Takaful .
- g. perubahan nama dan alamat.

### **B8.5 WARANTI**

Waranti adalah suatu keadaan risiko khusus atau keadaan tertentu. Walaupun terdapat beberapa perkataan standard yang digunakan, Pengendali Takaful sering membuat jaminan untuk memenuhi situasi tertentu. Waranti perlu dipatuhi dengan ketat, di mana pelanggaran waranti akan membolehkan Pengendali Takaful untuk tidak membayar tuntutan.

Contoh-contoh waranti adalah seperti berikut :

- Sesuatu boleh dilakukan - contohnya bahan sisa boleh dibuang setiap hari.
- Sesuatu yang tidak boleh dilakukan – contohnya dalam kes tertentu, tiada haba langsung digunakan.
- Terdapat fakta tertentu yang wujud – contohnya system.
- Penggera disimpan dalam keadaan yang baik dan boleh digunapakai.
- Terdapat fakta tertentu yang tidak wujud – contohnya ketiadaan barangan yang mudah terbakar disimpan.

Contoh waranti di dalam skim Takaful Kecurian :

Di dalam waranti sekiranya sistem penggera kecurian dipasang di premis dan di dalam keadaan yang baik dan sentiasa beroperasi apabila premis tidak dihuni.

### **B8.6 NOTIS PEMBAHARUAN DAN PEMBAHARUAN SIJIL**

#### **Notis Pembaharuan**

Pengendali Takaful biasanya mengeluarkan notis pembaharuan satu bulan sebelum tarikh tamat tempoh, mengingatkan peserta bahawa sijil tersebut akan tamat pada tarikh yang tertentu. Notis tersebut merangkumi semua butir berkaitan sijil termasuk nama peserta, nombor sijil, tarikh tamat tempoh sijil, jumlah perlindungan dan sumbangan.

Adalah menjadi amalan pengendali untuk memasukkan nota menasihati peserta mendedahkan sebarang perubahan material dalam risiko sejak bermula kuat kuasa perlindungan (atau tarikh pembaharuan terakhir). Pembaharuan notis yang dikeluarkan oleh pengendali motor juga menasihati peserta untuk menyemak semula jumlah yang dilindungi (iaitu anggaran nilai kenderaan peserta) supaya selaras dengan harga pasaran semasa dan menarik perhatiannya kepada keperluan mematuhi peruntukan statutori bagi "Tunai Sebelum Lindung".

### **Pembaharuan Sijil**

Apabila sijil Takaful diperbaharui untuk tempoh yang lebih lanjut, kontrak baru terbentuk. Jika pembaharuan dibuat atas terma-terma yang sama seperti kontrak asal, pengendali biasanya mengesahkan pembaharuan dengan mengeluarkan dokumen yang dikenali sebagai sijil pembaharuan. Sebaliknya, jika pembaharuan adalah pada terma yang diubah atau berbeza, sijil baru akan dikeluarkan. Sijil pembaharuan mengandungi semua maklumat yang sama seperti yang terdapat dalam jadual sijil. Ia juga menyatakan sebarang perubahan, jika ada, kepada sijil berkenaan.

## **BAB B9 : AMALAN TAKAFUL AM: TUNTUTAN**

### **Objektif Pembelajaran**

Memahami mengenai asas proses tuntutan Takaful Am

### **Hasil Pembelajaran**

Boleh memberi nasihat dan berkomunikasi dengan berkesan mengenai asas proses tuntutan Takaful Am

### **B9.1 PENGENALAN**

Terma ‘tuntutan’ di dalam perniagaan Takaful telah ditakrifkan berasingan sebagai, **‘Tuntutan Takaful’** dan **‘Manfaat Takaful’** masing-masing oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013).

Definisi:

Tuntutan Takaful sebagai “...tuntutan bayaran suatu jumlah yang perlu dibayar di bawah sijil Takaful...”

Manfaat Takaful sebagai “...termasuk apa-apa manfaat, sama ada wang atau bukan, yang perlu dibayar di bawah sijil Takaful...”

Untuk tujuan ini, garis panduan tuntutan yang jelas perlu di wujudkan oleh Pengendali Takaful di mana ianya mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebagai satu rujukan kepada pekerja terutamanya kepada pekerja bahagian tuntutan. Objektif utamanya ialah untuk memastikan semua tuntutan diproses secara tepat pada masanya, cekap dan adil.

### **B9.2 PROSEDUR TUNTUTAN**

Setiap kali berlaku peristiwa yang dilindungi oleh kontrak Takaful, adalah menjadi tanggungjawab peserta/penuntut memberitahu Pengendali Takaful dengan segera akan kejadian tersebut. Sebagai contoh, seorang pengunjung pergi ke kedai dan tergelincir di atas lantai dan mengalami kecederaan di belakangnya. Pada masa kejadian, pemilik kedai tidak tahu sama ada pengunjung tersebut akan menyaman dia atau tidak di atas kecederaan tersebut, tetapi dia perlu melapor kejadian tersebut kepada Pengendali Takaful Liabiliti Awam.

Dalam keadaan normal, pemberitahuan bertulis diperlukan dan seterusnya maklumat terperinci mengenai kerugian dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Di samping itu, peserta tertakluk kepada **tanggungjawab dengan penuh kejujuran** dan bertindak seolah-olah dia tidak dilindungi, termasuk mengambil langkah-langkah yang boleh mengurangkan kerugian.

Sekiranya pengantara terlibat, pengantara hendaklah memaklumkan kepada pengendali tentang kerugian tersebut tanpa berlengah-lengah dan juga memberitahu peserta/penuntut mengenai proses tuntutan pengendali dan dokumentasi bagi penyelesaian segera.

### **9.2.1 Pemberitahuan Kerugian**

ia merupakan syarat utama kepada liabiliti apabila berlaku kerugian, pemberitahuan segera mengenai kerugian kepada Pengendali Takaful. Bergantung kepada keadaan pemberitahuan, notis mungkin secara lisan atau bertulis dan ia mungkin menghendaki peserta atau orang yang dilindungi untuk memberikan butir-butir lengkap bersama dengan borang tuntutan dengan butir-butir kerugian, identiti pihak yang menuntut, dan lain-lain dengan dokumen sokongan sebagai bukti dalam tempoh masa yang ditetapkan yang tertera di dalam sijil, misalnya 7, 14 atau 30 hari.

### **9.2.2 Semakan Perlindungan**

Sebaik sahaja notis pemberitahuan kerugian atau kemalangan diterima, pemeriksaan awal yang dilakukan oleh pegawai tuntutan ialah memastikan bahawa kejadian yang berlaku dilindungi. Pemeriksaan awal melibatkan sama ada:

- a. sijil berkuat kuasa.
- b. sumbangan telah dibayar.
- c. kehilangan atau liabiliti disebabkan oleh bahaya yang dilindungi perkara pokok yang mengalami kerugian adalah sama seperti yang dilindungi di bawah sijil.
- e. notis kerugian diberitahu tanpa berlengah.

Setelah pemeriksaan awal selesai dan disahkan bahawa tuntutan boleh dibuat seperti ternyata dalam sijil, pihak yang menuntut akan diberi Borang Tuntutan atau Borang Laporan Kemalangan. Penuntut juga akan dimaklumkan mengenai prosedur tuntutan, bersama-sama dengan senarai dokumen yang perlu dikemukakan.

Walau bagaimanapun, jika pegawai tuntutan mendapati bahawa peristiwa yang berlaku tidak termasuk dalam skop perlindungan atau sijil liabiliti tidak terlibat, pihak yang menuntut akan dimaklumkan mengenai keputusan dan penyelesaian prosiding tidak akan diteruskan.

### 9.2.3 Daftar Tuntutan

Garis Panduan Amalan Penyelesaian Tuntutan yang dikeluarkan oleh BNM pada tahun 2003, memerlukan setiap Pengendali Takaful mengekalkan daftar terkini bagi semua tuntutan Takaful. Tiada satu pun tuntutan berkenaan boleh dikeluarkan daripada daftar tuntutan selagi tuntutan tersebut tidak diselesaikan. Daftar tuntutan berfungsi sebagai rekod rasmi tuntutan yang diberitahu kepada Pengendali Takaful.

### 9.2.4 Penyiasatan Tuntutan

Apabila borang tuntutan dikeluarkan, ia tidak bermakna bahawa Pengendali Takaful telah mengakui liabiliti. Borang tuntutan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan serta-merta bagi tujuan pendaftaran.

Pengendali Takaful boleh: -

- a. Hanya bergantung pada maklumat yang dikemukakan pada borang tuntutan dan dokumen-dokumen lain untuk meneruskan penyelesaian; atau
- b. Menjalankan siasatan terperinci, sama ada oleh pegawainya sendiri atau melantik penyelaras yang bebas; tahap dan cara penyiasatan akan berbeza mengikut saiz dan kerumitan tuntutan. Tuntutan kecil biasanya dibayar berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut dan diuruskan oleh seorang pegawai tuntutan. Tuntutan yang besar dan rumit akan disiasat dengan lebih terperinci oleh penyelaras kerugian yang bebas.

Apabila borang tuntutan dikeluarkan, ia tidak bermakna bahawa Pengendali Takaful telah mengakui liabiliti. Ia hanya menunjukkan bahawa selepas membuat pemeriksaan awal, Pengendali Takaful tidak menemui sebarang maklumat yang boleh membatalkan tuntutan tersebut. Untuk menentukan sama ada tuntutan pada akhirnya akan dibayar, siasatan rapi perlu dijalankan. Walau bagaimanapun, tahap dan cara penyiasatan akan berbeza mengikut saiz dan kerumitan tuntutan. Tuntutan kecil biasanya dibayar berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut dan diuruskan oleh seorang pegawai tuntutan. Tuntutan yang besar dan rumit akan disiasat dengan lebih terperinci oleh penyelaras kerugian yang bebas.

Secara umum, penyiasatan tuntutan melibatkan pengesahan perkara berikut:

- a. Kesahihan Tuntutan

Perlu memastikan sama ada:

- Peristiwa benar-benar berlaku.
- Peristiwa yang berlaku disebabkan oleh bahaya yang dilindungi.
- Peristiwa yang berlaku tidak termasuk dalam skop pengecualian.

- Perkara pokok/subjek yang berlaku dalam kejadian tersebut adalah sama seperti yang dilindungi di bawah sijil.
- Peristiwa berlaku dalam kawasan geografi yang dinyatakan dalam sijil tersebut.
- Orang yang membuat tuntutan adalah pihak yang sah untuk berbuat demikian.
- Sebarang pelanggaran syarat/ waranti yang boleh membatalkan tuntutan.

b. Jumlah Kerugian atau Potensi Liabiliti

Ini melibatkan proses penentuan jumlah atau kuantum kerugian atau liabiliti yang berpotensi.

Jika harta benda mengalami kerosakan atau musnah, jumlah kerugian ditentukan mengikut bukti nilai setiap barang yang rosak atau nilai anggaran membaikinya atau menggantinya atau memulihkannya semula. Dalam tuntutan liabiliti, potensi liabiliti adalah anggaran kerugian yang ditanggung oleh pihak ketiga dan akan dikurangkan mengikut tahap kecuaiannya mereka yang penyumbang ke arah berlakunya kemalangan.

Para penuntut tidak perlu melantik pihak lain untuk mengemukakan tuntutan, mereka boleh berbuat demikian dengan sendirinya. Berikutan selesainya penyiasatan dan keputusan mengenai polisi liabiliti dan kuantum dicapai, tawaran penyelesaian akan dibuat kepada pihak yang menuntut. Jika tawaran diterima, pihak yang menuntut dikehendaki menandatangani satu surat Penerimaan dan/atau Borang Pelepasan, sebelum pembayaran tuntutan akhir dibuat.

Dalam surat Tawaran Penyelesaian Tuntutan, jika tuntutan melibatkan individu dan jumlah bawah dari RM100,000 Pengendali Takaful dikehendaki menyatakan bahawa sekiranya tawaran tersebut tidak diterima, pihak yang menuntut boleh gunakan perkhidmatan pengantara oleh Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia. Perkhidmatan yang diberi oleh OPK tidak mengambil hak peserta untuk membuat tuntutan melalui mahkamah undang-undang.

c. Menentukan Hak Subrogasi dan Sumbangan

Jika punca kerugian, kerosakan atau kemalangan disebabkan oleh pihak ketiga dan peserta mempunyai hak untuk bertindak terhadap pihak tersebut, Pengendali Takaful selepas menyelesaikan tuntutan tersebut, boleh mengambil langkah tertentu untuk mendapatkan kembali bayaran yang telah dibuat, dari pihak ketiga. Ini dikenali sebagai subrogasi. Sekiranya terdapat beberapa polisi atau sijil yang melindungi perkara yang sama dan kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku disebabkan oleh peristiwa yang sama, maka setiap polisi atau sijil akan berkongsi tuntutan mengikut bahagian nisbah masing-masing.

### **B9.3 DOKUMEN TUNTUTAN**

Di samping borang tuntutan yang lengkap diisi atau borang laporan kemalangan dan laporan penyelaras kerugian, beberapa dokumen tertentu yang lain diperlukan untuk menyokong tuntutan tersebut. Dokumen yang diperlukan mungkin berbeza bergantung kepada jenis dan keadaan tuntutan seperti ringkasan di bawah:

<b>TAKAFUL MOTOR TUNTUTAN KEROSAKAN KENDERAAN SENDIRI</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Laporan polis.</li><li>• Salinan kad pendaftaran kenderaan dan cukai jalan.</li><li>• Salinan lesen memandu dan ad pengenalan yang disahkan.</li></ul>
<b>TAKAFUL KEBAKARAN</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Gambar foto.</li><li>• Laporan juruteknik (sekiranya berkenaan).</li><li>• Invois belian, bil pembaikan, rekod jualan dan lain-lain dokumen berkaitan.</li><li>• Laporan polis (sekiranya berlaku kerosakan serius).</li><li>• Laporan bomba (sekiranya berlaku kerosakan serius).</li></ul>
<b>TAKAFUL PECAH MASUK</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Laporan polis.</li><li>• Invois belian, bil pembaikan, rekod jualan dan lain-lain dokumen berkaitan.</li></ul>
<b>TAKAFUL KEMATIAN KEMALANGAN DIRI</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Laporan bedah siasat.</li><li>• Sijil kematian.</li><li>• Sijil pengkebumian.</li><li>• Laporan polis.</li><li>• Surat pengesahan perkhidmatan.</li></ul>

### **B9.4 BORANG PELEPASAN**

#### **1. Kaedah Penyelesaian Tuntutan**

Tuntutan yang diselesaikan oleh Pengendali Takaful mungkin menggunakan salah satu dari kaedah berikut:

- a. penyelesaian dengan peserta berkenaan dengan kerugian yang dilindungi; atau
- b. penyelesaian dengan pihak ketiga bagi pihak peserta berkenaan dengan liabiliti kerugian yang dialami oleh pihak ketiga.

#### **2. Tujuan Borang Pelepasan**

Dalam kedua-dua kes, Pengendali Takaful memerlukan pihak yang menuntut menandatangani borang pelepasan. Ini adalah untuk mengelakkan kemungkinan berlaku tuntutan berganda ke atas kerugian yang sama, sama ada terhadap Pengendali Takaful atau peserta.

## **B9.5 PENYELESAIAN TUNTUTAN**

Apabila Pengendali Takaful telah berpuas hati bahawa semua dokumen dan proses tuntutan telah mengikut posedur yang ditetapkan, penyelesaian akan dilaksanakan mengikut kaedah berikut:

1. Kaedah Penyelesaian Tuntutan
  - a. Bayaran tunai melalui cek.
  - b. Pembaikan.
  - c. Penggantian.
  - d. Pemulihan semula.
  
2. Bukti Documentasi Diperlukan untuk Menentukan Penuntut yang Berhak

Apabila penyelesaian dibayar melalui cek, adalah penting untuk memastikan bahawa bayaran dibuat kepada pihak yang berhak. Dokumen berkaitan diperlukan untuk pengesahan. Sebagai contoh, dalam kes Takaful Marin, pihak menuntut perlu mengemukakan sijil marin yang telah disahkan memihak kepada beliau. Berdasarkan amalan industri, pihak yang menuntut biasanya perlu membuat pelepasan yang betul di bawah sijil Takaful sebelum pembayaran dibuat oleh Pengendali Takaful.

3. Perjanjian pasaran dalam Penyelesaian Tuntutan

- a. Biro Insurer Motor (*MIB – Motor Insurers’ Bureau*)

Biro Insurer Motor ditakrifkan di bawah Seksyen 89 Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai biro yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perjanjian yang telah ditandatangani dengan Menteri Pengangkutan, untuk mendapatkan pampasan kepada mangsa kemalangan jalan raya (pihak ketiga) dimana hak mereka mendapat pampasan dinafikan kerana ketiadaan insurans atau insurans tidak berkuatkuasa seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 90 Akta yang sama.

Seksyen 89 selanjutnya memperuntukkan takrif berkanun bagi "penanggung insurans yang sah" seperti yang digunakan dalam konteks Bahagian Akta ini:

"Penanggung insurans yang sah" ertinya seseorang yang sah dari segi undang-undang yang menjalankan perniagaan insurans atau Takaful motor di Malaysia dan menjadi ahli Biro Insurer Motor.

Menurut kuasa Akta di atas, dan Akta Takaful 1984 [Seksyen 67 (1) dan (2)], setiap penanggung insurans dan Pengendali Takaful yang menjalankan perniagaan di Malaysia mestilah diberi kuasa dan menjadi ahli Biro Insurer Motor.

Perlu diberi perhatian bahawa Biro Insurer Motor mempunyai kedudukan yang unik, kerana ia telah ditubuhkan berikutan perjanjian antara industri insurans motor dan



Kerajaan.

Dengan menetapkan tahap tertentu dengan mewajib insurans dan Takaful dan dengan menghadkan peluang syarikat insurans/pengendali mengelak dari memikul tanggungjawab liabiliti membayar pampasan, Akta Pengangkutan Jalan terpaksa melalui jalan yang panjang untuk merealisasikan idea berkenaan. Menjadi harapan umum untuk memastikan bahawa mangsa yang tidak bersalah dalam kemalangan jalan raya tidak sepatutnya dinafikan hak untuk mendapat pampasan.

Walau bagaimanapun, jika pemandu mengabaikan keperluan undang-undang untuk perlindungan atau terdapat kecacatan dalam kontrak Takaful yang sedia ada, di mana pengendali boleh mengelak daripada memikul tanggungjawab membayar pampasan di bawah Akta Pengangkutan Jalan, maka beberapa langkah perlindungan selanjutnya perlu diperkenalkan. Disamping itu, pembedaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan bergantung kepada terdapatnya orang yang cuai untuk didakwa telah dikenalpasti atau sebaliknya, sebagai contoh, berlaku kemalangan 'langgar lari'.

Biro Insurer Motor adalah sebuah syarikat terhad dengan jaminan; bermakna bahawa Biro tidak memegang aset untuk menampung potensi liabiliti, tetapi ahli-ahlinya memberi jaminan bahawa mereka akan menanggung liabiliti apabila diperlukan.

b. Pindaan Perjanjian Perlanggaran Berangkai (*KfK – Knock for Knock*)

Pindaan Perjanjian Perlanggaran Berangkai bertarikh 18 Mac 1987 (selepas ini dirujuk sebagai Perjanjian Utama) telah dibuat di kalangan syarikat-syarikat insurans dan Pengendali Takaful yang merupakan penandatanganan, bahawa mereka bersetuju kepada terma-terma, syarat, prosedur dan amalan yang ditetapkan di bawah Seksyen 1, Perjanjian Utama dan dimasukkan ke dalam Tarif Motor Malaysia.

Kebanyakan penanggung insurans dan pengendali Takaful Motor menyertai perjanjian penyelesaian tuntutan Perlanggaran Berangkai di mana setiap penanggung/ pengendali bersetuju menanggung kerugian atau kerosakan kepada kenderaan di mana polisi / sijil dikeluarkan oleh mereka, jika kenderaan tersebut dilindungi secara komprehensif, tidak kira siapa yang bertanggungjawab bagi kemalangan tersebut.

Perjanjian Perlanggaran Berangkai berfungsi atas prinsip di mana setiap penanggung atau pengendali Takaful Motor bersetuju untuk tidak melaksanakan subrogasi terhadap penanggung/pengendali lain. Sekiranya perjanjian ini dilaksanakan dalam jangka masa panjang, tiada penanggung/pengendali yang akan memperolehi keuntungan atau menanggung kerugian dengan menyertai skim ini.

Selain itu, kaedah tersebut membolehkan penanggung insurans/Pengendali Takaful mempercepatkan proses tuntutan dan mengurangkan perbelanjaan undang-undang dan pentadbiran. Perjanjian itu berfungsi melindungi kerosakan kenderaan

yang berkaitan dengan indemniti yang diberikan terhadap kerosakan dan/ atau risiko pihak ketiga:

- akibat pelanggaran atau cuba mengelakkan pelanggaran;
- ketika memuatkan atau memunggah barang dari kenderaan; atau
- akibat barang-barang jatuh dari kenderaan.

Setiap pihak hendaklah menanggung sendiri kerugian, tertakluk kepada had yang telah ditetapkan dalam polisi/ sijil, tanpa mengira liabiliti undang-undang. Peruntukan utama di bawah perjanjian itu adalah:

- penetapan lebihan (*excess*) (jika ada).
- pengecualian daripada kenderaan berikut:
  - sebarang kenderaan yang berlesen atau yang dilindungi insurans/Takaful untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau mendapat upah untuk sewaan.  
Contoh: teksi, bas awam, bas ekspres, bas sekolah dan bas kilang untuk disewa.
  - sebarang kenderaan yang berlesen atau yang dilindungi insurans/Takaful oleh pemilik bagi maksud sewaan termasuk disediakan pemandu.  
Contoh: teksi beserta pemandu, kereta sewa beserta pemandu.
  - tidak melindungi kerugian atau kerosakan dibawah polis/sijil Takaful Kebakaran sahaja.
  - hanya melindungi kemalangan yang mana indemniti diperuntukkan di bawah polisi/sijil yang dikeluarkan di Malaysia, Republik Singapura, dan Brunei Darussalam.

Perjanjian Perlanggaran Berangkai seterusnya disemak semula pada bulan Jun 2001 (Perjanjian Tambahan – Semakan Perjanjian Perlanggaran Berangkai). Peruntukan tambahan menyatakan bahawa sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan peserta dan kenderaan Pihak Ketiga, peserta yang dilindungi di bawah perlindungan Takaful komprehensif, mempunyai pilihan untuk membuat tuntutan bagi kerosakan kepada kenderaan sendiri daripada pengendali sendiri - jika peserta atau pemandu yang diberi kuasa dianggap tidak bersalah dan memilih untuk membuat tuntutan untuk kerosakan kenderaan di bawah Sijil Takaful sendiri dan bukannya membuat tuntutan terhadap syarikat insurans / pengendali Pihak Ketiga. Diskaun Tanpa Tuntutan (*No Claim Discount*) peserta tidak akan terjejas.


c. Motordata Research Consortium Sdn Bhd (MRC)

Dengan sokongan Bank Negara Malaysia, industri insurans dan Takaful telah melaksanakan projek pangkalan data berpusat bagi tujuan membuat anggaran kos pembaikan kenderaan, yang dibangunkan oleh Motordata Research Consortium Sdn Bhd (MRC) pada tahun 2001. Walaupun pangkalan data mempunyai objektif meminimumkan ketidakseragaman dalam anggaran kos membaiki kenderaan, ia juga memberi manfaat nilai tambah dalam meningkatkan ketelusan dalam membuat

anggaran kos tuntutan dan mekanisma anti-penipuan.

Dengan ketelusan yang lebih baik dalam anggaran tuntutan kerosakan kemalangan, kejadian penipuan dan pertikaian antara pemilik kenderaan dan pihak yang membaiki/bengkel pembaikan dapat dikurangkan.

Rajah di bawah menunjukkan maklumat dan aliran kerja dalam memproses tuntutan Takaful Motor.



Rajah 1 : Aliran Kerja Memproses Tuntutan Takaful Motor

#### 4. Pertikaian

Daripada kebanyakan tuntutan yang telah diselesaikan, hanya sebahagian kecil sahaja biasanya berakhir dalam pertikaian. Pertikaian di antara pihak menuntut dan pengendali pada amnya melibatkan salah satu daripada dua isu berikut:

- a. persoalan sama ada pengendali bertanggungjawab; atau
- b. kuantum kerugian, jika pengendali bertanggungjawab.

Apabila berlaku pertikaian, ia boleh diselesaikan melalui saluran berikut:

- a. Rundingan

Apabila berlaku pertikaian, pegawai tuntutan akan cuba menyelesaikan pertikaian tersebut melalui perbincangan dengan pihak yang menuntut. Jika pertikaian tersebut berkaitan dengan tuntutan yang telah ditolak oleh pengendali, pegawai tuntutan akan cuba menjelaskan mengapa tuntutan tersebut ditolak. Sebaliknya, jika pertikaian melibatkan kuantum kerugian, pegawai tuntutan akan cuba berunding untuk mencapai penyelesaian secara baik. Jika masih gagal, pihak yang menuntut boleh membawa perkara tersebut kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

(OPK).

b. Tindakan undang-undang

Apabila tuntutan ditolak atau keputusan yang buat oleh pendamai atau pengantara masih lagi dicabar oleh pihak yang menuntut, penuntut boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pengendali.

Pengendali biasanya menganggap tindakan undang-undang sebagai pilihan terakhir dan akan cuba sedaya upaya menyelesaikan pertikaian tersebut di luar mahkamah melainkan jika tuntutan melibatkan jumlah yang besar atau prinsip undang-undang yang penting.

c. Timbangtara

Berdasarkan amalan industri, sijil Takaful Am mempunyai klausa timbangtara yang memperuntukkan bahawa semua pertikaian (atau pertikaian yang berkaitan dengan kuantum sahaja) perlu dirujuk untuk timbangtara sebelum tindakan mahkamah boleh dipertimbangkan oleh peserta. Secara umumnya, penggunaan perkhidmatan timbangtara adalah lebih baik dipilih berbanding dengan tindakan undang-undang kerana ianya lebih cepat dan menjimatkan kos, dan perbicaraan dibuat secara tertutup dan bukannya di mahkamah terbuka.

d. Perantaraan

Bank Negara Malaysia menetapkan perantaraan oleh Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika pihak yang menuntut tidak berpuashati dengan keputusan Pengendali Takaful sama ada mengenai liabiliti sijil atau kuantum.

Proses perantaraan termasuk penyiasatan aduan melalui pelbagai sumber berdasarkan fakta yang dikemukakan, mengadakan perbincangan secara bersemuka, mengadakan mesyuarat dengan semua pihak yang berkenaan atau menjalankan siasatan, dengan mengambil kira amalan industri, dan merujuk kepada asas / sumber undang-undang sebelum keputusan dibuat.

Walau bagaimanapun, sekiranya kedua-dua pihak tidak dapat mencapai penyelesaian secara baik, Perantara akan membuat keputusan berdasarkan siasatan, amalan industri dan undang-undang yang berkaitan.

5. Garis Panduan Amalan Penyelesaian Tuntutan

Pada 5 Disember 2003, JPIT/GPT 3 – Garis Panduan Amalan Penyelesaian Tuntutan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bertujuan mempertingkatkan lagi proses tuntutan dan kawalan penipuan dan langkah-langkah pengurusan risiko serta peningkatan yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dan industri insurans. Pengendali Takaful perlulah mengadaptasi amalan profesionalisma dan adil di dalam mengendalikan tuntutan Takaful Am dan terus berusaha menyediakan standard perkhidmatan yang berkualiti dan

sebaik mungkin.

Berikut adalah masa yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful di bawah Garis Panduan:

<b>Proses Tuntutan</b>	<b>Garis Masa</b>
1. Pemberitahuan Tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Dalam masa 7 hari</b> dari penerimaan pemberitahuan tuntutan, daftar dan memulakan proses tuntutan</li> </ul>
2. Pengesahan Fakta	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Dalam masa 14 hari</b> dari penerimaan borang tuntutan, memperakui penerimaan secara bertulis</li> </ul>
3. Penilaian Tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Dalam masa 7 hari bekerja</b> dari tarikh penerimaan borang tuntutan yang lengkap dan semua dokumen sokongan yang berkaitan, melantik penyelarar dalaman/berlesen</li> <li>• <b>Dalam masa 14 hari bekerja</b> dari perlantikan, laporan akhir penyelarar mesti diterima oleh Pengendali Takaful</li> <li>• <b>Dalam masa 60 hari bekerja</b> dari tarikh pemberitahuan pertama dan setiap 30 hari bekerja seterusnya, untuk memberitahu pihak yang menuntut kedudukan tuntutan, sehingga tuntutan selesai; dan</li> <li>• Sekiranya disyaki terdapat penipuan, pihak yang menuntut harus dimaklumkan secara bertulis bahawa tuntutan masih di bawah siasatan</li> </ul>
4. Penyelesaian	<p>(a) Tawaran Penyelesaian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Dalam masa 7 hari bekerja</b> dari penerimaan laporan akhir penyelarar, menghantar surat tawaran kepada pihak yang menuntut atau wakil yang diberi kuasa;</li> <li>• Sekiranya tiada pertikaian mengenai liabiliti, menerima cadangan di dalam laporan penyelarar; dan</li> <li>• Sebarang pertikaian mengenai laporan akhir penyelarar harus diselesaikan dengan penyelarar sebelum membuat tawaran penyelesaian kepada pihak yang menuntut</li> </ul> <p>(b) Penolakan Liabiliti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Dalam masa 7 hari bekerja</b> selepas penerimaan laporan akhir penyelarar, menasihati pihak yang menuntut secara bertulis sebab penolakan tuntutan</li> </ul>

5. Bayaran Tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran penuh mesti dilakukan kepada pihak yang menuntut dari tarikh penerimaan tawaran dan/atau Baucar Pelepasan dan semua dokumen yang berkaitan di dalamnya:             <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) <b>14 hari bekerja</b> untuk tuntutan sehingga RM1 Juta; atau</li> <li>(ii) <b>21 hari bekerja</b> untuk tuntutan melebihi RM1 Juta</li> </ul> </li> <li>• Untuk bayaran tuntutan atas dasar pembayaran balik, <b>dalam masa 7 hari bekerja</b> dari tarikh penerimaan bil-bil asal dari pihak yang menuntut.</li> </ul>
---------------------	--

6. Tindakan Selepas Penyelesaian Tuntutan

Apabila tuntutan telah dibayar, pengendali boleh mengambil salah satu daripada tindakan berikut:

- Menamatkan sijil Takaful.
- Mengurangkan jumlah perlindungan (atau menguatkuasakan semula kontrak dengan bayaran sumbangan tambahan).

**B9.6 PENGGUNAAN PURATA DALAM TUNTUTAN**

Apabila jumlah perlindungan ke atas sesuatu aset atau hartanah kurang daripada nilai pasaran dan sijil tertakluk kepada keperluan purata, tuntutan di bawah sijil tersebut hanya akan dibayar sebahagian tertentu sahaja iaitu mengikut jumlah yang dilindungi dan dianggap sebagai nilai penuh hartanah pada masa kehilangan.

Formula yang lazim digunakan untuk menyesuaikan tuntutan adalah seperti berikut:

$$\text{Bayaran Tuntutan} = \frac{\text{Jumlah Perlindungan} \times \text{Kerugian}}{\text{Nilai Pasaran}}$$

**Contoh:**

Seorang peserta melindungi keretanya dengan Takaful Motor sebanyak RM30,000.00. Nilai pasaran adalah sebanyak RM50,000.00. Apabila kereta rosak disebabkan kemalangan, kos pembaikan mencecah RM20,000.00. Jumlah tuntutan adalah seperti berikut;

$$\frac{\text{Jumlah Perlindungan (RM30,000)}}{\text{Nilai Pasaran (RM50,000)}} \times \text{Kerugian (RM20,000)} = \text{RM12,000}$$

Dalam kes ini, Pengendali Takaful akan membayar kepada peserta sebanyak RM12,000.00 sahaja. Jumlah baki terpaksa ditanggung oleh peserta sendiri.

Jadual 7 : Pengiraan Klausa Purata

Apabila nilai harta yang dilindungi berada di bawah nilai sebenarnya, bagi tujuan perlindungan Takaful, sumbangan yang dibayar oleh peserta adalah berdasarkan kepada nilai yang dilindungi bukannya nilai sebenar harta. Ini bermakna peserta telah menyumbang kepada dana Takaful Am (untuk bayaran kerugian) dengan jumlah yang kurang daripada risiko yang dikongsi bersama dengan peserta lain. Prinsip purata digunapakai untuk mendenda peserta yang melindungi hartanya di bawah nilai sebenar. Apabila kerugian tertakluk kepada prinsip purata, peserta akan dianggap sebagai penanggung risiko untuk bahagian yang di bawah nilai sebenar dan sebab itu peserta terpaksa menanggung sendiri sebahagian dari kerugian tersebut.

Adalah menjadi kewajipan ejen untuk mengenalpasti harta di bawah nilai sebenar yang akan dilindungi di bawah sijil Takaful.

Untuk mengelakkan pertikaian yang akan timbul akibat penggunaan prinsip purata, ejen perlu menarik perhatian pelanggan mereka terhadap prinsip purata pada peringkat awal lagi dan memastikan bahawa jumlah yang dicadangkan untuk perlindungan Takaful adalah mencukupi bukan sahaja pada permulaan perlindungan tetapi juga di sepanjang tempoh kuatkuasa sijil.

**B9.7 MENDAPATKAN BAYARAN SEMULA DARI RETAKAFUL, TAKAFUL BERSAMA, SUBROGASI DAN SUMBANGAN**

Proses penyelesaian tuntutan juga melibatkan proses mendapatkan semula bayaran dari Pengendali Retakaful dan/atau Takaful Bersama, dari pihak ketiga di bawah hak subrogasi, dan dari Pengendali Takaful yang lain di bawah hak sumbangan, jika hak tersebut wujud.

### **B9.8 PENOLAKAN LIABILITI**

Tidak semestinya setiap tuntutan yang difailkan oleh peserta berakhir dengan bayaran kerana Pengendali Takaful mungkin mempunyai sebab untuk menolak liabiliti atas alasan:-

1. tiada kerugian atau kerosakan seperti yang dilaporkan.
2. kerugian atau kerosakan yang dituntut bukan akibat bahaya yang dilindungi atau bahaya tersebut dikecualikan dalam sijil.
3. sijil disahkan batal akibat daripada pelanggaran dalam syarat atau waranti.



## BAB B10 : AMALAN TAKAFUL AM: KOD ETIKA DAN TINGKAH LAKU

### Objektif Pembelajaran

Memahami kod etika dan tingkah laku yang diamalkan oleh perantara Takaful Am.

### Hasil Pembelajaran

Mematuhi kod etika dan tingkah laku dan pematuhan keperluan selaku perantara Takaful Am.

### B7.1 KEPENTINGAN PRINSIP ETIKA DAN PENGENDALIAN PERNIAGAAN

Perjanjian Antara Pengendali Takaful (*ITA–InterTakaful Operator*) mengenai Perniagaan Takaful merupakan usaha sama dikalangan pemain industri berkaitan kawal selia diri demi kemakmuran industri. Perjanjian ini telah dibuat di kalangan semua ahli Persatuan Takaful Malaysia (*MTA – Malaysian Takaful Association*) dengan objektif: -

- mempromosi dan melindungi kepentingan industri Takaful, untuk manfaat bersama semua ahli MTA dan orang awam.
- mengawal selia dan mengawal tingkah laku dan aktiviti setiap individu yang melakukan transaksi perniagaan Takaful.
- memantau tarif, komisen dan ganjaran yang berkaitan dengan perniagaan Takaful.

Bagi tujuan mengawal selia dan mengawal tingkah laku dan aktiviti semua ejen yang berdaftar dan untuk memastikan ahli-ahli mematuhi Peraturan yang ditetapkan, sebuah Jawatankuasa telah dilantik oleh Jawatankuasa Pengurusan MTA. Kuasa yang diberi kepada Jawatankuasa antara lain termasuk: -

- menerima dan mempertimbangkan permohonan untuk pendaftaran ejen, untuk atau bagi pihak mana-mana Pengendali Takaful.
- mengeluarkan, memperbaharui atau melanjutkan sijil pendaftaran kepada ejen.
- meluluskan dan mengesahkan pelantikan mana-mana ejen korporat yang dilantik oleh ejen berdaftar.
- memantau dan mengawal tingkah laku dan aktiviti ejen supaya mematuhi Peraturan dan/atau Garis Panduan.
- mencadangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan mengenai perantikan Pendaftar atau mana-mana individu lain bagi pentadbiran fungsi Jawatankuasa.
- memaklumkan kepada Jawatankuasa Pengurusan tentang sebarang pelanggaran atau kemungkinan berlaku pelanggaran Peraturan dan/ atau Garis Panduan yang dilakukan atau akan dilakukan oleh sebarang ejen.

- mempertimbangkan dan meluluskan rayuan pengecualian syarat-syarat dalam Peraturan dan/ atau Garis Panduan.
- mempertimbangkan dan meluluskan pelantikan dan pemecatan pemegang francais kenderaan bermotor dalam Jadual Kedua ITA.

Perjanjian tersebut juga memperuntukkan pembentukan dan pelantikan Pasukan Petugas Pemeriksaan. Pasukan Petugas diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan dan siasatan ke atas kelakuan dan aktiviti mana-mana ahli MTA mengikut tatacara yang diperuntukkan dalam Perjanjian tersebut. Ini termasuk kuasa untuk memasuki mana-mana premis ahli dan memeriksa dokumen di premis tersebut.

Perjanjian ini juga membuat peruntukan bagi prosedur tatatertib, hukuman dan rayuan.

## **B10.2 BERURUSAN DENGAN EJEN**

Berkenaan dengan perkara yang melibatkan ejen, Perjanjian Antara Pengendali Takaful mengenai Perniagaan Takaful Am memperuntukkan perkara berikut:

a. Ejen yang diberi kuasa

Semua ahli MTA hanya dibenarkan, berurusan dan/atau menjalankan perniagaan Takaful Am dengan ejen atau broker berdaftar sahaja.

b. Sekatan ke atas Pembayaran

Komisen hanya boleh dibayar kepada ejen atau broker berdaftar yang terlibat dalam pemerolehan, penjualan, transaksi, berurusan atau perundingan mana-mana perniagaan Takaful Am.

c. Pematuhan Peraturan

Semua ahli MTA hendaklah memastikan bahawa semua ejen mereka mematuhi semua peraturan bagi pendaftaran dan peraturan ejen Takaful Am seperti yang ditetapkan di dalam Perjanjian.

d. Skop Agensi

Ahli-ahli MTA tidak boleh membenar atau memberi kuasa kepada ejen-ejen mereka untuk: -

- mengeluarkan atau menyiapkan sijil Takaful.
- menjalankan kaji selidik kerugian atau membuat penyelarasan kerugian.
- menyelesaikan atau meluluskan tuntutan Takaful.

e. Penggantungan Ejen

Jika Lembaga melalui penyiasatannya mendapati bahawa ejen telah melanggar Peraturan, pendaftaran agen akan digantung dan ejen tidak dibenarkan menjalankan apa-apa perniagaan Takaful. Penggantungan tersebut berkuatkuasa sehingga notis selanjutnya akan diberitahu oleh Jawatankuasa.

f. Pembatalan Sijil Pendaftaran

Ahli MTA hendaklah menamatkan perkhidmatan ejen mereka dalam masa tiga puluh hari dari pemberitahuan jika sijil ejen tersebut telah ditarik balik, dibatalkan atau tidak diperbaharui oleh Jawatankuasa.

Ahli MTA hendaklah: -

- i. menyimpan rekod yang lengkap dan terkini berkenaan semua ejen mereka, termasuk ejen korporat, pengarah, pemegang saham dan penama korporat.
- ii. menyelenggara akaun dengan betul dan tepat yang menunjukkan jumlah komisen yang telah dibayar kepada ejen mereka.
- iii. memberi sebarang maklumat tentang ejen mereka kepada Jawatankuasa, apabila diminta.

### **B10.3 KELAYAKAN KEMASUKAN MINIMUM**

Peperiksaan Asas Takaful (TBE) ialah kelayakan kemasukan kepada semua yang berhasrat untuk menjadi ejen sah Takaful di dalam perkhidmatan kewangan bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan Takaful. Ia adalah kelayakan yang wajib untuk meningkatkan kecekapan dan profesionalisma ejen Takaful.

Pelaksanaan TBE berkuatkuasa pada 1 Januari 2009 dan keperluan individu untuk lulus TBE ditetapkan oleh MTA didalam Perjanjian Antara Pengendali Takaful (Inter-Takaful Operators Agreement (ITA)), di mana setiap pemohon baru yang ingin didaftarkan sebagai ejen (termasuk penama korporat) perlu lulus TBE atau setaraf dengannya yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan (MC). Keperluan ini tidak mengambil kira sama ada pemohon mempunyai sijil Peperiksaan Pra Kontrak (PCE) atau sebarang kelayakan lain. Kelayakan TBE dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Takaful Am dan Takaful Keluarga yang ditadbir oleh Peraturan MTA dan Peraturan Pendaftaran Ejen Takaful.

### **10.4 PENAMA KORPORAT**

Agensi Korporat boleh diwakili oleh Penama Korporat tertakluk kepada kelulusan dan memenuhi kriteria kelayakan berikut:-

- Beliau adalah pegawai utama agensi korporat atau mana-mana pegawai lain yang telah diluluskan.
- Beliau bertugas sepenuh masa di pejabat utama agensi korporat.
- Beliau seorang yang mempunyai karakter yang baik dan berintegriti tinggi.

Apabila Penama Korporat meninggalkan pekerjaan agensi, agensi dikehendaki menggantikan Penama Korporat.

#### 10.5 KOMISEN DALAM YURAN WAKĀLAH DAN PENZAHIRAN MENGENAI KOMISEN

Pengendali Takaful yang cekap dan bertanggungjawab merupakan pengendali yang menjalankan perniagaannya dengan cara yang berhemah termasuk menjalankan kawalan ke atas kutipan sumbangan, perbelanjaan dan strategi pembangunan perniagaannya.

Garis Panduan “Asas Penilaian Liabiliti Perniagaan Takaful Am” yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2011 dan berserta dengan Garis Panduan Rangka Kerja Operasi Takaful, membentuk asas bagi Pengendali Takaful untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang telus dan berhemah. Garis Panduan tersebut juga menyediakan antara lain, perkara mengenai pemberian komisen kasar yang maksimum dan perbelanjaan berkaitan agensi untuk kelas perniagaan Takaful berikut yang diunderait dalam Malaysia yang terhad kepada peratusan dari sumbangan langsung kasar seperti berikut:

No	Kelas	Kadar
1	Marin Kargo, Penerbangan dan Pengangkutan ( <i>MAT</i> )	15%
2	Motor	10%
3	Kebakaran	15%
4	Marin Kapal	15%
5	Kejuruteraan	15%
6	Bon	10%
7	Kelas-kelas perniagaann lain	25%

Jadual 8 : Struktur komisen bagi Perniagaan Takaful Am

Had maksimum digunapakai atas dasar perlindungan untuk perlindungan, daripada tarikh permulaan perlindungan risiko. Berkenaan dengan skim pakej, komisen maksimum yang dibenarkan ialah mengikut perlindungan yang mempunyai bahagian sumbangan terbesar.

Perjanjian Antara Pengendali Takaful berkaitan Perniagaan Takaful Am selanjutnya memperuntukkan bahawa tiada diskaun atau rebat akan diberikan oleh Perantara kepada sebarang peserta atau pemegang sijil atas sebarang komisen yang dibayar atau kena dibayar oleh Pengendali Takaful kepada ejen.

Selain itu, sekiranya pelanggan berurusan terus dengan penanggung insurans atau Pengendali Takaful tanpa melalui ejen atau broker sebagai perantara, penanggung insurans atau Pengendali Takaful boleh membenarkan diskaun tidak melebihi dari amaun yang tertera di dalam Jadual 8 di atas.

Ejen juga perlu mendedahkan komisen yang diterima pada perniagaan yang diuruskan apabila diminta oleh pelanggan/peserta berkaitan.

#### **B10.7 PEMATUHAN TUNAI SEBELUM LINDUNG (*CBC-CASH BEFORE COVER*) UNTUK SIJIL TAKAFUL MOTOR**

Selaras dengan pekeling yang dikeluarkan oleh BNM dan mematuhi Seksyen 96 IFSA2013 dan Peraturan Takaful 1985 (Menanggung Risiko dan Kutipan Sumbangan), mengenai Takaful motor dan “perniagaan individu” yang lain dimana Pengendali Takaful atau ejennya tidak boleh menanggung risiko melainkan sumbangan bagi perlindungan tersebut:

1. telah dibayar kepada pengendali Takaful atau ejennya (tunai sebelum lindung), atau
2. diperolehi melalui jaminan bank yang tidak boleh dibatalkan dan dibayar pada akhir bulan berikutan bulan di mana risiko dilindungi, dan jika gagal tuntutan atas jaminan bank dibuat.

Peraturan ini juga memperuntukkan bahawa jika sumbangan berkenaan sijil motor melindungi kenderaan komersial melebihi daripada RM5,000, Pengendali Takaful boleh menanggung risiko jika jumlah bayaran ke dalam akaunnya sekurang-kurangnya 30% daripada sumbangan tersebut diterima, dengan baki dibayar dalam tempoh 45 hari daripada tarikh menanggung risiko. Selain itu, Peraturan juga memperuntukkan bahawa ejen Takaful yang menerima sumbangan bagi sijil motor hendaklah membayar jumlah tersebut ke dalam akaun Pengendali Takaful dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh menanggung risiko.

Dalam hal ini, seorang ejen hendaklah menyenggara suatu akaun bank atas nama Pengendali Takaful yang mana ejen mewakilinya dan hendaklah mendepositkan ke dalam akaun tersebut semua sumbangan dan/ atau wang yang dipungut bagi pihak prinsipalnya (jumlah kasar sebelum ditolak komisen).

Takrif “pembayaran” telah diperluaskan untuk merangkumi pembayaran melalui kad kredit / debit atau caj dan pemindahan wang cara elektronik dalam pembelian perlindungan Takaful Motor. Peraturan lama yang mengadakan peruntukan bagi pembayaran secara tunai, cek, arahan wang atau pos dan draf bank/ perintah juruwang bank masih dikekalkan.

Dalam kelas perniagaan lain (kecuali marin kargo, marin kapal, bon, sijil semua risiko kontraktor dan sijil semua risiko pembinaan), ejen boleh menawarkan kredit kepada pelanggan untuk tempoh maksimum selama enam puluh (60) hari daripada tarikh permulaan perlindungan tertakluk kepada kelulusan cara bertulis oleh prinsipalnya. Ejen juga perlu memastikan bahawa semua cek atau draf daripada pelanggan/peserta telah dikeluarkan atas

nama prinsipal/Pengendali Takaful.

#### **B10.8 TANGGUNGJAWAB MENDEDAHKAN**

Prinsip penuh percaya mutlak diterapkan dalam amalan perniagaan Takaful dan ini adalah jelas dalam Seksyen 141 *IFSA* 2013, (khusus pada Perenggan 4 hingga 12 Seksyen 141) di mana perkara-perkara berikut dipatuhi:

1. Sebelum kontrak Takaful dikuatkuasakan, pencadang hendaklah mendedahkan kepada Pengendali Takaful perkara berikut:
  - a. diketahui sebagai relevan untuk Pengendali Takaful membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak risiko, dan kadar dan terma yang akan digunapakai, atau
  - b. individu normal dalam keadaan demikian dijangka mengetahui yang fakta tersebut adalah penting dan berkaitan.
2. Tanggungjawab mendedahkan tidak memerlukan pencadang mendedahkan perkara yang
  - a. mengurangkan risiko kepada Pengendali Takaful;
  - b. menjadi pengetahuan umum kepada kedua-dua pencadang dan Pengendali Takaful;
  - c. Pengendali Takaful mengetahui atau dalam keadaan biasa ketika menjalankan perniagaannya sepatutnya tahu perkara berkenaan;
  - d. Pengendali Takaful telah mengecualikan tanggungjawab pendedahan.
3. Jika pencadang gagal menjawab atau memberikan jawapan yang tidak lengkap atau tidak relevan kepada soalan yang dikemukakan dalam borang cadangan atau disoal oleh Pengendali Takaful dan pengendali tidak mengambil tindakan selanjutnya, tanggungjawab pendedahan oleh pencadang dianggap telah kecualikan oleh pengendali.
4. Pengendali Takaful atau ejennya, tidak dibenarkan untuk mendorong seseorang menyertai atau menawar diri untuk menyertai kontrak Takaful dengannya atau melaluinya dengan;
  - a. membuat pernyataan yang mengelirukan, palsu atau memperdayakan, sama ada secara penipuan atau sebaliknya;
  - b. cara penipuan menyembunyikan sesuatu fakta; atau
  - c. ejen menggunakan risalah dan ilustrasi jualan yang tidak diluluskan oleh Pengendali Takaful.
5. Sekiranya seseorang individu dipujuk untuk menyertai kontrak Takaful dengan cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), kontrak tersebut boleh dibatalkan dan individu tersebut berhak membatalkannya.

6. Perubahan berikut mungkin memberi kesan kepada kadar sumbangan ketika sijil diperbaharui:
- a. perubahan dalam ciri-ciri risiko individu yang akan dilindungi; dan/atau
  - b. perubahan menyeluruh dalam kadar sumbangan untuk kelas/portfolio tertentu, sebagai contoh, keadaan risiko keseluruhan kelas perniagaan semakin buruk.





**BUKU TEKS**

**PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL (“TBE”)**

**Bahagian C: Takaful Keluarga dan Takaful  
Berkaitan Pelaburan**

**Edisi  
2018**



## BAB C1 :C1: PENGENALAN TAKAFUL KELUARGA

### Objektif Pembelajaran:

Memahami konsep dan ciri-ciri Pelan Takaful Keluarga.

### Hasil Pembelajaran:

Boleh menerangkan konsep dan ciri-ciri Pelan Takaful Keluarga kepada pelanggan.

### C1.1 PENGENALAN

Takaful Keluarga ialah satu skim Takaful yang memberikan perlindungan dan simpanan jangka panjang kepada peserta. Seorang peserta Pelan Takaful Keluarga bersetuju untuk menyumbang atau mencarum sejumlah wang kepada dana Takaful. Sebahagian daripada caruman itu akan diperuntukkan kepada dana (Dana Risiko Peserta) sebagai *tabarru'* (derma) dan sebahagian yang lain untuk simpanan dan pelaburan (Dana Pelaburan Peserta).




Diagram 1: Pembahagian Caruman Takaful

#### 1.1.1 Dana Pelaburan Peserta

Dana Pelaburan Peserta ialah bahagian pelaburan daripada sumbangan Takaful peserta (caruman) yang akan dikreditkan untuk tujuan simpanan dan pelaburan. Pengendali Takaful akan melabur simpanan peserta dalam dana ini. Keuntungan daripada pelaburan akan diolah seperti yang berikut:

- Di bawah Model *Muḍārabah*

Keuntungan akan dikongsi antara peserta dengan Pengendali Takaful mengikut nisbah

yang dipersetujui terlebih dahulu.

- Di bawah Model *Wakālah*

Keuntungan bersih (selepas ditolak fi *Wakālah*) akan dikreditkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta.

### 1.1.2 Dana Risiko Peserta

Dana Risiko Peserta ialah baki daripada sumbangan Takaful peserta yang dikreditkan sebagai caruman penyertaan (*tabarru'*). Bahagian yang telah diperuntukkan kepada Dana Risiko akan digunakan untuk tujuan membantu sesama peserta takaful, sekiranya mana- mana peserta menghadapi musibah disebabkan oleh kematian atau hilang upaya kekal. Sekiranya peserta tidak menghadapi musibah sehingga pelan mencapai tempoh matang, lebih daripada Dana Risiko Peserta akan diolah seperti yang berikut:

- Di bawah Model *Muḍārabah*

Lebih akan dikongsi antara peserta dengan Pengendali Takaful mengikut nisbah yang telah dipersetujui.

- Di bawah Model *Wakālah*

Lebih bersih (selepas ditolak fi *Wakālah*) akan dikreditkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta.

## C1.2 CIRI-CIRI PELAN TAKAFUL KELUARGA

Ciri-ciri utama Pelan Takaful Keluarga adalah seperti berikut:

Bil	Ciri-Ciri	Penerangan
1	Kontrak Jangka Panjang dengan Kelaziman Caruman Sama Rata	<p>Kontrak Takaful Keluarga ialah kontrak jangka panjang dengan kelaziman caruman sama rata. Caruman dikira berdasarkan banyak faktor.</p> <p>Antara faktor-faktor utama ialah: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kemortalan</li> <li>• perbelanjaan</li> <li>• kadar pulangan pelaburan</li> <li>• cukai</li> </ul> <p>Disebabkan kontrak ini ialah kontrak jangka panjang, Pengendali Takaful perlu menguruskan dana dengan baik untuk memastikan rizab sentiasa mencukupi dan tersedia sekiranya terdapat apa-apa tuntutan.</p>

2	Kontrak Satu Pihak	<p>Takaful Keluarga ialah kontrak satu pihak di mana kedua-dua pihak iaitu Pengendali Takaful dan peserta mempunyai hak serta obligasi tertentu. Peserta membayar caruman sebagai balasan kepada janji bahawa apa-apa tuntutan pada masa depan akan dibayar.</p> <p>Selaras dengan prinsip ini, selagi peserta terus membayar caruman dan tidak melanggar Seksyen 141 IFSA 2013, (iaitu menyekat fakta material) Pengendali Takaful tidak mempunyai hak untuk membatalkan kontrak.</p>
3	Kepentingan Takaful Dibenarkan	<p>Kewujudan Kepentingan Takaful Dibenarkan merupakan prasyarat bagi suatu kontrak Pelan Takaful Keluarga. Peserta yang mengambil bahagian dalam pelan Takaful Keluarga perlu mempunyai kepentingan Takaful Dibenarkan terhadap orang yang dilindungi.</p> <p>Berikut ini akan menghuraikan keadaan apabila wujudnya Kepentingan Takaful Dibenarkan: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap orang dianggap mempunyai kepentingan tidak terhad dalam kehidupannya dan kehidupan pasangannya</li> <li>• Ibu bapa mempunyai kepentingan dalam kehidupan anak-anak di bawah umur akil baligh</li> <li>• Pemiutang mempunyai kepentingan dalam kehidupan seorang penghutang mengikut tahap hutangnya</li> <li>• Seseorang majikan mempunyai kepentingan dalam kehidupan kakitangannya</li> <li>• Seorang rakan kongsi perniagaan mempunyai kepentingan dalam rakan kongsi beliau yang lain, terutamanya jika terdapat perjanjian untuk membeli bahagian pekongsian rakan yang telah meninggal dunia</li> </ul> <p>Kepentingan Takaful Dibenarkan perlu ada pada permulaan dan pada masa kerugian - jika tidak, perjanjian Takaful tersebut tidak sah.</p>
4	Penamatan Kontrak dengan Pembayaran Suatu Tuntutan	<p>Penyelesaian suatu tuntutan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal sepenuhnya akan menghentikan atau menamatkan kontrak Takaful Keluarga. Setelah peserta menerima penyelesaian tuntutan itu, kontrak Takaful Keluarga dianggap tamat.</p>
5	Risiko yang akan Dilindungi Meningkat dengan Masa	<p>Di bawah Takaful Keluarga, risiko yang dilindungi meningkat dengan tempoh kontrak. Semakin lama</p>

		tempoh kontrak, semakin tinggi risiko kematian kerana ia meningkat dengan usia. Lebih tua peserta tersebut, lebih tinggi kemungkinan beliau akan mengidapi penyakit atau kematian.
--	--	--

### C1.3 RISIKO-RISIKO YANG DILINDUNGI OLEH PELAN TAKAFUL KELUARGA

#### 1. Risiko Kematian Awal

Kematian ialah satu perkara yang pasti untuk semua manusia. Walau bagaimanapun, tiada siapa yang tahu bila mereka akan mati. Setiap orang tertakluk kepada risiko kematian awal pada setiap masa. Kesan kewangan daripada kematian awal seorang pencari nafkah boleh menjadi berpanjangan. Oleh itu, banyak keluarga yang menghadapi cabaran kewangan bertahun-tahun selepas kehilangan pencari nafkah keluarga.

Pelan Takaful Keluarga boleh menjadi kaedah yang berkesan untuk menyediakan beberapa langkah keselamatan kewangan dalam keadaan kontingensi tersebut.

#### 2. Risiko Hilang Upaya dan Masalah Kesihatan

Risiko hilang upaya dan masalah kesihatan selalunya dikaitkan dengan:

- Perbelanjaan perubatan yang tinggi

Kos perubatan boleh menjejaskan keseluruhan simpanan sekiranya keperluan perubatan yang berterusan dan dalam tempoh yang lama.

- Kehilangan dan pengurangan kapasiti pendapatan

Seseorang yang ditakdirkan hilang upaya atau menghadapi masalah kesihatan mungkin tidak mendapat pendapatan yang sama seperti dahulunya. Ini mungkin disebabkan keterbatasan dalam pergerakan dan pemikiran yang tidak setajam dahulu. Kebolehan bekerja secara sepenuh masa juga mungkin tidak dapat dilaksanakan disebabkan perlu berulang-alik ke hospital atau pusat perubatan untuk rawatan rutin. Faktor-faktor ini akan mengurangkan potensi pendapatan seseorang.

#### 3. Risiko Usia Tua/Umur Panjang

Risiko utama usia tua atau umur panjang mungkin menyebabkan pendapatan yang diperlukan tidak mencukupi untuk menampung persaraan (contoh : kesihatan dan kos perubatan, kos tempat tinggal dan keperluan masa kecemasan). Sebaliknya, ada sesetengah orang tidak sabar menempuh masa persaraan kerana itulah masa untuk berehat, melancong dan menikmati kehidupan.

Oleh itu, Takaful Keluarga boleh menjadi instrumen jangka panjang untuk merancang keperluan kewangan masa depan.

#### C1.4 MANFAAT TAKAFUL KELUARGA

Manfaat Takaful Keluarga dibahagikan seperti yang berikut:

##### 1. Manfaat Kematian

Jika peserta meninggal dunia sebelum tamat tempoh matang Takaful Keluarga, manfaat kematian akan dibayar kepada waris peserta.

Manfaat Kematian	Jumlah Perlindungan Takaful ditambah bahagian keuntungan daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta
------------------	--

##### 2. Manfaat Kematangan

Jika peserta masih hidup sehingga tarikh tempoh matang, peserta akan layak untuk manfaat tempoh matang.

Manfaat Kematangan	Jumlah dana terkumpul dari Dana Pelaburan Peserta ditambah lebih (sekiranya ada) dari Dana Risiko Peserta akan diberikan kepada peserta.
--------------------	--

##### 3. Nilai Serahan

Jika peserta membuat serahan awal, peserta akan layak untuk nilai serahan (sekiranya ada).

Nilai Serahan	Jumlah dana terkumpul dari Dana Pelaburan Peserta (sekiranya ada) akan diberikan kepada peserta.
---------------	--

## BAB C2 : PELAN TAKAFUL KELUARGA

**Objektif Pembelajaran:**

Memahami jenis-jenis dan manfaat pelan Takaful Keluarga.

**Hasil Pembelajaran:**

Boleh menerangkan jenis-jenis dan manfaat pelan Takaful Keluarga berdasarkan keperluan pelanggan.

### C2.1 PENGENALAN

Risiko kematian, hilang upaya atau penyakit yang berpanjangan dan/atau usia tua boleh menjadi beban kewangan yang berat bagi ahli keluarga individu. Setiap daripada keadaan ini mewujudkan keperluan untuk perlindungan Takaful Keluarga dan Pengendali Takaful akan mencari jalan untuk memenuhi keperluan tersebut terutamanya dengan memperkenalkan pelbagai jenis perlindungan bagi sivil keluarga. Setiap pelan bertujuan untuk memenuhi satu atau lebih daripada keperluan yang disebabkan oleh keperluan yang mendesak ini.

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013) mendefinisikan Pelan Takaful Keluarga sebagai sivil Takaful di mana manfaat Takaful yang kena dibayar ketika kematian atau kehidupan, termasuk manfaat Takaful yang kena dibayar berkenaan dengan kemalangan diri, penyakit atau keuzuran, dan termasuk juga anuiti tetapi tidak termasuk sivil Takaful kemalangan diri.

Di Malaysia pada masa ini, Pelan Gadai Janji mencakupi sebahagian besar daripada perniagaan Takaful Keluarga yang ditawarkan, disusuli pula oleh Pelan Perlindungan Individu. Kontrak Takaful Keluarga asas ialah Takaful Bertempoh, pelan endowmen dan anuiti.

### C2.2 JENIS-JENIS PELAN TAKAFUL KELUARGA

#### 2.2.1 Pelan Takaful Keluarga Individu

Jenis-jenis pelan yang dikategorikan sebagai pelan Takaful Keluarga kebiasaannya adalah simpanan, pendidikan, perumahan, takaful berkaitan pelaburan, kesihatan dan anuiti. Peserta dan waris mereka akan menerima manfaat kewangan yang disebabkan oleh kematian dan hilang upaya kekal, beserta pengumpulan pelaburan termasuk keuntungan, tuntutan, tempoh matang atau serahan awal.

## a. Simpanan

Pelan Takaful Simpanan merangkumi elemen simpanan, memberikan pulangan ke atas pelaburan berserta perlindungan individu. Pelan ini adalah dalam bentuk pelaburan yang berkongsi keuntungan, yang akan diagihkan semula kepada para peserta. Pelan ini bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan ke atas pelaburan kepada peserta. Pelan ini mengandungi elemen penting untuk memenuhi obligasi di bawah Takaful Simpanan:

- i. Perlindungan Bertempoh Sama Rata
- ii. Akaun Pelaburan

## b. Pendidikan

Pelan ini memberikan perlindungan serta simpanan jangka panjang untuk membiayai perbelanjaan pendidikan tinggi anak-anak. Anak-anak akan disediakan dengan manfaat kewangan sekiranya pembayar mengalami kemudaratan yang dilindungi di bawah pelan ini. Pada masa yang sama, anak-anak akan mempunyai dana yang diperlukan untuk pendidikan tinggi apabila sijil telah mencapai tempoh matang.

## c. Gadai Janji

Membeli dan memiliki rumah ialah salah satu pencapaian hidup, yang pada dasarnya memenuhi salah satu keperluan asas manusia untuk tempat berlindung. Walau bagaimanapun, kejadian yang tidak diduga boleh membawa kepada kehilangan pendapatan atau hilang upaya untuk memenuhi obligasi pembiayaan. Sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Kekal (TPD) Sepenuhnya bagi peserta, ahli keluarga peserta yang masih hidup mungkin perlu untuk terus menyambung pembayaran balik pembiayaan tertunggak untuk rumah tersebut.

Melalui Pelan Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (MRTT), beban kewangan yang timbul daripada peristiwa ini (Kematian atau TPD) dilindungi berasaskan jangka masa panjang. MRTT ialah pelan caruman tunggal yang patuh *Shari'ah*. Sekiranya berlaku Kematian atau TPD, pelan ini akan memberi manfaat Takaful berkurang yang dibayar daripada Dana Risiko. Jumlah yang perlu dibayar dijangka sepadan dengan baki tertunggak gadai janji / pembiayaan rumah tersebut.

## d. Rider

Rider Takaful Keluarga ialah perlindungan tambahan di bawah sijil asas Takaful Keluarga yang disertai oleh peserta. Rider ini menyediakan perlindungan bagi kemalangan diri dan hilang upaya, perubatan dan kesihatan dan sebagainya.

Senarai jenis-jenis rider:

- Perlindungan Penyakit Kritikal.
- Manfaat Pembayar untuk Kematian dan Hilang Upaya Kemalangan.

- Manfaat Pengecualian Pembayaran Sumbangan.
- Perlindungan Perubatan.
- Manfaat Hospital.

### 2.2.2 Pelan Takaful Keluarga Berkumpulan

Pelan Takaful Keluarga Berkumpulan (kebiasaannya disertai oleh majikan, kelab, persatuan dan masyarakat) termasuk kumpulan pendidikan, kumpulan perubatan, dan skim persaraan berkumpulan. Bilangan minimum peserta diperlukan untuk kelayakan sebagai 'kumpulan' di bawah pelan ini. Peserta dan/atau waris mereka akan menerima pampasan dalam bentuk manfaat kewangan yang timbul daripada kematian atau hilang upaya kekal para peserta yang mengambil bahagian.

#### a. Skim Manfaat Pekerja

Pelan ini merupakan pelan tahunan boleh diperbaharui yang ditawarkan kepada peserta berkumpulan yang di bawah satu sijil induk. Kelebihan menyertai skim ini untuk majikan atau persatuan ialah: -

- mempamerkan imej majikan/ persatuan yang penyayang
- meningkatkan semangat dan produktiviti pekerja/ ahli
- menarik minat dan mengekalkan pekerja/ ahli
- menikmati pelepasan cukai
- memenuhi permintaan dalam rundingan pekerja

Pelan ini menawarkan perlindungan seperti yang berikut: -

- Manfaat Perlindungan Kemalangan Diri yang memberi pampasan ke atas kecacatan separa/ keseluruhan dan/ atau sementara/ kekal akibat kemalangan.
- Manfaat Hospitalisasi dan Pembedahan yang melindungi perbelanjaan perubatan pesakit dalam dan juga pesakit luar disebabkan kemalangan, kanser atau rawatan dialisis buah pinggang.
- Manfaat Takaful Bertempoh yang memberi perlindungan sekiranya berlaku kematian dan hilang upaya kekal sepenuhnya.

Contoh Pelan Takaful Keluarga Berkumpulan:

#### i. Skim Perubatan dan Kesihatan Berkumpulan

Pelan ini kebiasaannya disertai oleh majikan, dengan pekerja dan keluarga mereka (bergantung pada pelan) dilindungi daripada perbelanjaan yang ditanggung untuk pembedahan dan rawatan di hospital. Majikan menyertai skim ini sebagai satu cara untuk menjaga kebajikan dan perasaan muhibah para pekerja.



## ii. Skim Persaraan Berkumpulan

Pelan ini bertujuan untuk mengurangkan pemilihan risiko dan menyediakan perlindungan Takaful pada asas yang sama bagi kumpulan pekerja (peserta) dengan elemen simpanan untuk tujuan persaraan. Pelan ini adalah digalakkan secara asas seunit berdasarkan nilai yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful.

Sekiranya berlaku kematian peserta atau hilang upaya kekal sepenuhnya, Jumlah Perlindungan ditambah jumlah terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta akan dibayar kepada peserta atau penuntut yang sah.

## iii. Rider untuk Skim Manfaat Pekerja

Rider ialah sesuatu yang ditambah kepada sijil asas untuk memberikan manfaat tambahan - kadang-kadang memerlukan bayaran tambahan. Seseorang peserta juga boleh menggabungkan satu set rider dan menambahnya kepada sijil asas.

Pengendali Takaful juga menawarkan manfaat penyakit kritikal sebagai rider. Sekiranya peserta ditimpa oleh mana-mana penyakit kritikal yang disenaraikan, pampasan akan dibayar. Walau bagaimanapun, apabila tuntutan atas alasan ini telah dibayar, tuntutan tambahan atas alasan yang sama tidak boleh dibuat pada tarikh yang berikutnya.

Rider lain yang ditawarkan ialah manfaat pembedahan utama dan kemasukan ke hospital. Rider untuk manfaat pembedahan utama bergantung pada prosedur pembedahan; manakala rider untuk manfaat kemasukan ke hospital meliputi perbelanjaan yang terlibat dalam rawatan di hospital dengan caj bayaran bilik tertakluk kepada siling tertentu ke atas kedua-dua jumlah dan bilangan hari dalam setahun yang peserta layak mendapat manfaat.

Rider mengatasi apa-apa percanggahan dengan sijil. Dalam erti kata lain, jika terdapat peruntukan dalam rider yang berbeza daripada peruntukan yang sama yang pada asalnya dalam sijil itu, maka rider mengatasinya.

## b. Takaful Kredit Berkumpulan

Skim ini bertujuan untuk memberikan perlindungan bagi membayar kemudahan pembiayaan/hutang terkumpul kepada mana-mana institusi kewangan sekiranya berlaku kematian peserta (yang menjadi pemohon/peminjam) atau berlaku hilang upaya sepenuhnya dan selama-lamanya.

Skim ini agak popular di Malaysia bagi pembiayaan peribadi dan dalam kalangan pemegang kad kredit apabila baki kad kredit akan diselesaikan oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Kekal Sepenuhnya terhadap ahli.

### C2.3 KEPENTINGAN PELAN TAKAFUL KELUARGA

Islam menggalakkan kesejahteraan ekonomi serta pembangunan umat manusia di semua peringkat: individu, keluarga, masyarakat, bangsa dan ummah. Ini bertepatan dengan *Maqasid Shari'ah* atau objektif *Shari'ah* berdasarkan manifestasi kepada tujuan, sebab dan kebajikan yang berlandaskan *Shari'ah* yang membawa kepada keharmonian dan kesejahteraan kepada manusia sejagat.

Kehendak kewangan masa kini menjadikan Takaful Keluarga suatu keperluan. Keperluan menyimpan dan melabur adalah sebahagian daripada perancangan kewangan bertujuan sebagai langkah berjaga-jaga dan persiapan awal sekiranya berlakunya bencana atau kecelakaan dan tindakan ini adalah selaras dengan amalan pengurusan risiko seperti yang disarankan oleh Islam.

Kematian atau hilang upaya seseorang pencari nafkah keluarga boleh membawa kepada pengurangan atau penamatan aliran pendapatan tetap, selain daripada itu kemungkinan pendapatan masa depan juga akan terjejas. Oleh sebab itu, fungsi utama Takaful Keluarga adalah memberi perlindungan kepada keluarga bagi memastikan kesinambungan pendapatan walaupun berlakunya kematian atau hilang upaya pencari nafkah.

Menyediakan tempat perlindungan kepada keluarga merupakan keperluan asas dan ini juga merupakan keperluan utama dari sudut pandangan *Maqasid Shari'ah*. Oleh kerana komitmen yang tinggi dan harga rumah yang mahal, pembelian sesebuah rumah selalunya memerlukan pembiayaan kewangan. Dalam contoh ini, pelan Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (MRTT) adalah keperluan bagi melindungi kepentingan kedua-dua pembiaya dan pemilik rumah sekiranya berlaku kematian atau kecacatan dalam jangka masa pembiayaan.

Manakala bagi keperluan korporat pula, Takaful Keluarga di bawah pelan Takaful Keluarga Berkumpulan menyediakan perlindungan untuk pekerja dengan pelbagai faedah bagi memelihara kesejahteraan kewangan pekerja. Pelan ini adalah tambahan kepada pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan Berkumpulan di mana ia menjadi sebahagian daripada manfaat sampingan yang diberikan kepada pekerja. Ini dapat menjaga kebajikan pekerja dengan lebih baik dan mewujudkan hubungan sihat antara majikan dan pekerja, seterusnya memperbaiki dan menggalakkan semangat pekerja dan menghasilkan peningkatan produktiviti.

## BAB C3 : AMALAN TAKAFUL KELUARGA: PENTADBIRAN SIJIL

### Objektif Pembelajaran

Mengenal pasti asas pentadbiran proses sijil Takaful Keluarga.

### Hasil Pembelajaran

Kebolehan dalam memberi nasihat dan berkomunikasi dengan lebih berkesan mengenai asas pentadbiran proses sijil Takaful Keluarga kepada pelanggan.

### C3.1 KETERANGAN SIJIL TAKAFUL KELUARGA

Takaful Keluarga memberi perlindungan kepada peserta dengan manfaat perlindungan kewangan dan simpanan jangka panjang. Peserta atau waris beliau akan disediakan dengan manfaat kewangan jika peserta mengalami sesuatu tragedi. Pada masa yang sama, peserta akan menikmati simpanan jangka panjang kerana sebahagian besar daripada sumbangan beliau diketepikan untuk simpanan dan pelaburan. Pulangan pelaburan itu akan dikongsi pada nisbah yang telah dipersetujui dengan Pengendali Takaful.

Penting untuk memahami bahawa perkataan "sijil" dan "kontrak" adalah tidak sama pengertiannya. Sijil ialah perantaraan (mungkin dalam bentuk kertas atau sebagainya) di mana perjanjian itu ditulis di atasnya. Sementara kontrak ialah sesuatu yang tidak ketara, iaitu perjanjian yang sah mengikat antara pihak-pihak yang berkenaan.

### C3.2 TRANSAKSI SIJIL

Transaksi Sijil boleh diterangkan di bawah tajuk berikut: -

#### 1. Sijil Pendua

Apabila dokumen sijil yang sah hilang atau salah letak, satu salinan sijil gantian boleh dikeluarkan oleh Pengendali Takaful. Pengendali Takaful biasanya memerlukan daripada peserta dokumen-dokumen berikut sebelum sijil gantian boleh dikeluarkan: -

- a. surat permohonan.
- b. satu akujanji untuk membayar ganti rugi kepada Pengendali Takaful sekiranya timbul sebarang kerugian disebabkan oleh pengeluaran sijil pendua berkenaan.

Sijil gantian akan dicop dengan perkataan "Sijil Pendua", dan menjadi salinan dokumen perundangan yang sah.

## 2. Penyerahan Hak Sijil Takaful Keluarga

Perlu difahami bahawa Seksyen 2 IFSA 2013 mentakrifkan "Peserta Takaful" sebagai orang yang mempunyai hak milik sah kepada sijil Takaful termasuk pemegang serah hak, jika sijil itu telah diserahkan hak.

Penyerahan hak ialah memindahkan hak dan liabiliti oleh seorang kepada seorang yang lain. Dalam Takaful, pemindahan segala hak dan liabiliti peserta kepada orang lain disebut sebagai suatu penyerahan hak sijil. Pemegang serah hak, iaitu orang yang mengambil alih hak-hak yang diserahkan, akan mempunyai hak yang sama seperti yang dinikmati oleh penyerah hak. Oleh itu, hak undang-undang di bawah sijil Takaful Keluarga boleh dipindahkan melalui penyerahan hak.

Penyerahan hak boleh dibuat sama ada secara serah hak mutlak atau bersyarat. Penyerahan hak mutlak ialah sesuatu yang tidak meninggalkan apa-apa hak kepada penyerah hak. Sebaliknya, penyerahan hak bersyarat akan memberikan penyerah hak untuk membatalkan penyerahan hak sekiranya pemegang serah hak itu meninggal dunia sebelum pembayaran manfaat Takaful perlu dibayar atau jika peserta masih hidup sehingga tarikh matang sijil.

### a. Penyerahan Hak Amaun Tuntutan

Dalam Takaful, istilah "penyerahan hak" juga digunakan dalam konteks menyerah hak lebih daripada sijil. Penyerahan hak lebih daripada sijil timbul apabila peserta mengarahkan Pengendali Takaful untuk membayar lebih daripada sijil kepada pihak ketiga.

Sebagai contoh, terdapat penyerahan hak lebih dalam amaun daripada sijil apabila peserta mengarahkan Pengendali Takaful untuk membayar amaun ganti rugi yang menjadi hak peserta kepada pihak lain. Dalam Takaful Keluarga, penyerahan hak amaun lebih daripada sijil berlaku apabila pemilik sijil menamakan benefisiari untuk menerima manfaat kematian di bawah sijil itu. Dalam apa-apa penyerahan hak, peserta kekal sebagai pihak kepada kontrak Takaful dan terus menanggung liabiliti di bawahnya walaupun selepas pembahagian amaun lebih sijil. Semua perolehan sijil bebas untuk diserahkan hak melainkan jika kontrak menyatakan sebaliknya.

Akta tersebut juga memperuntukkan bahawa hanya mereka yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas boleh memasuki kontrak Takaful, dan boleh menamakan seseorang untuk menerima manfaat sijil Takaful apabila beliau meninggal dunia dengan memberitahu Pengendali Takaful secara bertulis butir-butir penama seperti berikut:

- Nama dan tarikh lahir,
- Nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran, dan
- Alamat.

b. Penghantaran Dokumen Sijil

Ejen adalah digalakkan untuk menyerahkan dokumen sijil secara serahan tangan kepada pelanggan masing-masing dan mengambil peluang untuk menjelaskan lagi ciri-ciri utama kontrak kepada pelanggan mereka. Ini akan memastikan pelanggan mereka memahami sepenuhnya tujuan pembelian Takaful mereka, dan sijil Takaful itu memenuhi keperluan kewangan mereka seperti yang dibincangkan sebelum ini. Pelanggan, sebagai pemilik sijil, hendaklah mengesahkan penerimaan dokumen sijil Takaful, untuk mengesahkan kepada Pengendali Takaful bahawa dokumen itu telah dihantar dan diterima dengan sewajarnya.

3. Endosmen/ Pindaan ke atas Sijil

Kontrak Takaful Keluarga secara umumnya ialah kontrak jangka panjang, yang selalunya menjangkau tempoh 10 tahun atau lebih. Terdapat kemungkinan bahawa sepanjang tempoh ini keadaan pemegang sijil Takaful mungkin berubah. Fleksibiliti dalam struktur kontrak disediakan dengan membenarkan beberapa bentuk pindaan terhadap sijil takaful.

Dokumen sijil yang standard sering diendos dengan mengambil kira aspek-aspek yang berbeza dalam keadaan dan keperluan individu. Endosmen boleh dilakukan sama ada:

- a. pada ketika sijil dikeluarkan, atau
- b. selepas sijil dikeluarkan.

4. Endosmen Pada Ketika Sijil Dikeluarkan

Secara amnya, tiga syarat khusus yang berikut perlu kepada endosmen: -

- a. melibatkan sumbangan, atau kekerapan bayaran.
- b. melibatkan jumlah perlindungan, atau cara bayaran.
- c. melibatkan gabungan manfaat istimewa, contohnya pilihan untuk menukar kontrak kepada jenis kontrak yang berbeza.

5. Endosmen Selepas Sijil Dikeluarkan

Endosmen ini memberi kesan terutamanya terhadap pindaan dalam: -

- a. kaedah bayaran sumbangan.
- b. perubahan bentuk kontrak.
- c. mengenakan atau mengecualikan sumbangan tambahan.

## 6. Pindaan Sijil

Bentuk pindaan yang biasa dilakukan ialah:

- a. perubahan alamat.
- b. perubahan nama (pemohon/ peserta adalah individu yang sama).
- c. perubahan kaedah bayaran.
- d. perubahan jumlah perlindungan.
- e. perubahan benefisiari.
- f. perubahan tempoh perlindungan, contohnya dari sepuluh tahun kepada lima tahun.

Setiap Pengendali Takaful hendaklah mempunyai prosedur tersendiri untuk meminda sijil. Biasanya, dokumen sijil dan arahan bertulis peserta perlu dihantar ke pejabat kerana perubahan tersebut akan diendos ke dalam dokumen sijil.

### C3.3 KEISTIMEWAAN DAN SYARAT-SYARAT

Pembayaran jumlah perlindungan adalah tertakluk kepada pemenuhan syarat-syarat tertentu yang dinyatakan dalam sijil Takaful Keluarga. Syarat-syarat dalam sijil Takaful secara umumnya boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan:

- Penambahan kepada manfaat perlindungan yang dikenali sebagai keistimewaan.
- Pengehadan skop perlindungan yang dikenali sebagai syarat-syarat ketat.
- Penerangan tentang ciri-ciri kontrak.

#### 1. Tempoh Tenggang Bayaran Caruman

Tiga puluh hari (atau satu bulan kalendar) biasanya dibenarkan sebagai tempoh tenggang untuk bayaran pembaharuan semula caruman. Perlindungan di bawah sijil terus berkuat kuasa semasa hari-hari tempoh tenggang untuk jumlah nilai penuh, tetapi jika bayaran caruman pembaharuan semula tidak dibayar di dalam hari-hari dalam tempoh tenggang itu, perlindungan sijil Takaful akan ditamatkan, tertakluk kepada sebarang peruntukan tak lucut hak, sekiranya berkenaan.

#### 2. Nilai Serahan

Nilai serahan ialah nilai yang terdapat dalam sijil Takaful Keluarga selepas caruman dibayar untuk tempoh minimum beberapa tahun yang tertentu. Dalam skim Takaful Keluarga, nilai serahan difahami sebagai nilai atau wang tunai yang akan diterima peserta apabila beliau 'menyerahkan' atau menamatkan penyertaannya sebelum tempoh matang sijil. Dalam hal ini, peserta akan dibayar semua baki terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta, tetapi tiada amaun bayaran daripada Dana Risiko Peserta (Dana *tabarru'* atau Dana Risiko) kerana bahagian caruman ini yang telah didermakan.

### 3. Pengeluaran Sebahagian

Peserta dibenarkan untuk mengeluarkan simpanannya sendiri untuk digunakan sekarang, walaupun sepatutnya simpanan itu disimpan dalam dana untuk kegunaan masa hadapan. Setiap pengendali Takaful akan menetapkan garis panduan mereka sendiri tentang jumlah wang yang boleh dikeluarkan, biasanya sehingga 50% daripada baki yang ada dalam Akaun Peserta mereka. Sudah tentu, tiada ada kadar faedah yang boleh dikenakan oleh pengendali ke atas pengeluaran seumpama, kecuali fi kecil yang dikenakan sekali sahaja untuk pentadbiran transaksi tersebut. Peserta boleh memilih untuk membayar balik atau sebaliknya atas jumlah pengeluaran yang dibuat.

### 4. Syarat-syarat Tanpa Bayaran

Syarat-syarat tanpa bayaran merupakan satu keistimewaan kepada peserta yang terlepas pandang untuk membuat bayaran caruman atau tidak dapat memenuhi keperluan pembayaran semasa buat sementara waktu. Peruntukan tanpa bayaran mula berkuat kuasa hanya setelah sijil Takaful telah memperoleh nilai tunai yang tertentu. Ia ialah nilai tunai yang terkumpul dalam Akaun Peserta yang digunakan untuk membiayai manfaat tanpa bayaran.

Kaedah-kaedah berikut biasanya digunakan untuk peruntukan tanpa bayaran:

- Pendahuluan automatik daripada Dana Pelaburan Peserta.
- Takaful Berbayar.
- Takaful Bertempoh Dilanjutkan.

### 5. Syarat-syarat Pembatasan Klausula Bunuh diri

Sekiranya terdapat peserta yang membunuh diri dalam tempoh yang dinyatakan, sijil akan batal dan pengendali Takaful tidak bertanggungjawab untuk membayar tuntutan itu kecuali untuk membayar balik semua caruman yang dibayar daripada Dana Pelaburan Peserta tertakluk kepada terma dan syarat Pengendali Takaful.

### 6. Tempoh Bertenang atau Tempoh Membuat Keputusan

Peserta dibenarkan dalam tempoh 15 hari (dari tarikh penerimaan sijil melalui ejen) untuk membuat keputusan bagi diri mereka sendiri sekiranya sijil yang dikeluarkan itu memenuhi keperluan mereka. Sekiranya mereka merasakan sebaliknya, mereka bebas untuk mengembalikan sijil itu kepada pengendali Takaful untuk bayaran balik penuh. Ini akan memastikan ejen menjalankan tugas mereka secara profesional dalam memenuhi keperluan pelanggan mereka.

### 7. Salah Nyata Umur dan Klausula Tidak Boleh Dipertikai

Klausula tidak boleh dipertikai biasanya dimasukkan ke dalam kebanyakan sijil Takaful,

berdasarkan Jadual 9 (13) Seksyen 141 IFSA 2013, yang menetapkan bahawa tiada sijil Takaful Keluarga akan dipertikaikan oleh Pengendali Takaful atas alasan salah nyata umur peserta.

Begitu juga, sekiranya kenyataan yang dibuat di dalam borang cadangan ini adalah mengelirukan, sijil itu tidak boleh dipersoalkan kecuali Pengendali Takaful boleh membuktikan bahawa pernyataan itu dibuat dengan niat penipuan.

#### 8. Penggantian Sijil Takaful Keluarga

“Penggantian Sijil” ditakrifkan sebagai “mana-mana transaksi yang melibatkan penyertaan sijil Takaful Keluarga sekiranya di dalam tempoh 12 bulan sebelum atau selepas sijil baharu berkuat kuasa, sijil Takaful Keluarga yang sedia ada telah:

- luput atau diserahkan kembali.
- ditukar atau diubahsuai kepada Takaful berbayar, terus sebagai Takaful Bertempoh yang dilanjutkan atau pendahuluan automatik daripada akaun peserta, atau di bawah satu lagi bentuk peruntukan tanpa bayaran.
- ditukar atau diubahsuai kerana untuk mengurangkan jumlah caruman yang dibayar berikutan pengurangan dalam jumlah perlindungan dan / atau dalam tempoh sijil Takaful keluarga yang sedia ada akan terus berkuat kuasa”.

Penggantian sijil menjejaskan kepentingan peserta dan sekiranya dibenarkan untuk terus dilakukan, akan menjejaskan kedudukan jangka panjang Pengendali Takaful dan imej industri Takaful.

#### Langkah-langkah untuk Mengesan Penggantian Sijil

Dalam usaha untuk mengesan dan membendung penggantian sijil, BNM telah menetapkan syarat-syarat berikut:

- mekanisme kawalan yang berkesan, sebaik-baiknya sistem automatik untuk mengesan penggantian sijil secara dalaman yang mana kedua-dua sijil yang sedia ada dan yang baharu telah dikeluarkan oleh Pengendali Takaful yang sama.
- soalan di dalam borang cadangan sama ada cadangan ini adalah untuk menggantikan atau bertujuan untuk menggantikan mana-mana sijil yang sedia ada dengan Pengendali Takaful sekarang atau mana-mana Pengendali Takaful lain.
- pegawai yang khusus di dalam syarikat membuat susulan dan menasihati pemilik sijil secara bertulis tentang kelemahan menggantikan sijil Takaful dan pilihan alternatif yang ada, dalam masa 7 hari daripada tarikh penggantian sijil dikesan.

### C3.4 PENGECUALIAN

Secara amnya, perkara-perkara yang tidak dilindungi oleh sijil Takaful Keluarga disenaraikan seperti berikut: -



1. Kematian, hilang upaya atau perubatan yang disebabkan oleh:
  - a. peperangan, operasi latihan peperangan, mogok, rusuhan, kekecohan awam.
  - b. tidak siuman, bunuh diri atau sebarang cubaan membunuh diri.
  - c. penyakit kelamin, jangkitan atau parasite.
  - d. mabuk disebabkan alkohol atau dadah.
  - e. bersalin melahirkan anak, keguguran atau kehamilan.
  
2. Kematian, hilang upaya atau perubatan yang dialami oleh peserta:
  - a. semasa dalam perjalanan di dalam pesawat sebagai anak kapal.
  - b. semasa melibatkan diri dalam sukan bermotor, berbasikal, memburu, mendaki gunung, bermain polo, lumba kuda, melompat ski-air, aktiviti dalam air, atau mana-mana sukan lasak yang lain.
  - c. semasa melakukan atau cuba untuk melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang.

### C3.4 PERKHIDMATAN SIJIL

1. Penamatan Perlindungan

Sijil Takaful Keluarga dianggap ditamatkan apabila: -

- peserta meninggal dunia.
- tamat tempoh (tempoh masa) perlindungan.
- jumlah manfaat yang dibayar di bawah sijil itu melebihi had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual.

2. Tuntutan Tempoh Matang

Sekiranya peserta berupaya untuk bertahan sehingga tempoh matang sijil, jumlah matang perlu dibayar. Pengendali Takaful biasanya akan memaklumkan kepada pemegang sijil matang tentang tempoh matang sijil tersebut dan akan meminta peserta untuk mematuhi prosedur tuntutan yang tertentu.

Pengendali Takaful akan mengemukakan borang pengenalan diri, borang kemandirian dan baucar pelepasan untuk diisi dengan lengkap oleh peserta dan kemudiannya dikembalikan bersama-sama dengan sijil asal kontrak.

Yang berikut biasanya diperlukan untuk menyelesaikan tuntutan tempoh matang:

di mana peserta adalah **orang yang dilindungi**: -

- a. bukti umur.

- b. bukti kemandirian.
- c. baucar pelepasan yang diisi lengkap oleh peserta.
- d. dokumen sijil / kontrak asal.

di mana peserta **bukan orang yang dilindungi**:-

- a. surat ikatan penyerahan hak atau apa-apa dokumen hak milik lain.
- b. pernyataan ringkas bahawa orang yang dilindungi masih hidup dan tidak dapat atau tidak ada untuk menandatangani sijil kemandirian.

### 3. Pengeluaran Sebahagian

Kebanyakan Pengendali Takaful akan membenarkan peserta untuk membuat pengeluaran sebahagian daripada sijil Takaful Keluarga, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu. Amalan ini agak sama dengan insurans hayat konvensional, tetapi perbezaannya adalah bahawa tiada kadar faedah yang boleh dikenakan ke atas 'pinjaman' yang diambil oleh peserta ini, disebabkan wang tersebut sebenarnya adalah milik mereka juga.

Oleh sebab sumbangan untuk Takaful Keluarga dibahagikan kepada dua dana sebaik sahaja dibayar kepada Pengendali Takaful (Dana Pelaburan Peserta dan Dana Risiko Peserta), pengeluaran sebahagian daripada Dana Pelaburan Peserta dibenarkan, tetapi dari segi amalan tidak lebih daripada 50% daripada akaun ini boleh dikeluarkan.

### 4. Serahan

Sekiranya berlaku **penyerahan** sijil Takaful, peserta itu hendaklah dibayar jumlah keseluruhan terkumpul di dalam Dana Pelaburan Peserta, tetapi tidak daripada Dana Risiko Peserta kerana wang dalam akaun ini telah didermakan.

#### a. Pengiraan Nilai Serahan

Sijil yang mengandungi hak untuk nilai serahan biasanya akan dilampirkan dengan satu jadual untuk nilai yang sedemikian bersama jadual-jadual yang lain. Ini menjadikan satu tugas yang mudah untuk mengira nilai itu, dalam tempoh yang tertentu di mana penyerahan itu berlaku.

Walaupun bagaimanapun, apabila nilai serahan tidak ditetapkan terlebih dahulu, pengiraan nilai itu memerlukan pertimbangan aktuari. Perkara sedemikian adalah di luar skop perbincangan buku ini.

**BAB C4 : AMALAN TAKAFUL KELUARGA: PENGUNDERAITAN**

Kita telah membincangkan mengenai pengunderaitan dalam topik-topik berikut di bawah Bab A11 Pengunderaitan Takaful Perubatan dan Kesihatan.

- Tujuan Pengunderaitan
- Anti Pemilihan
- Kecukupan Sumbangan
- Sumber Maklumat Pengunderaitan
- Proses Pengunderaitan
- Pengeluaran Sijil

## **BAB C5 : AMALAN TAKAFUL KELUARGA: TUNTUTAN DAN PENGELUARAN SEBAHAGIAN**

### **Objektif Pembelajaran**

Memahami operasi asas rangka kerja proses dan prosedur tuntutan Takaful Keluarga.

### **Hasil Pembelajaran**

Boleh menjelaskan operasi asas rangka kerja proses dan prosedur tuntutan Takaful Keluarga kepada pelanggan.

### **C5.1 PENGENALAN**

Penamatan kontrak Takaful Keluarga biasanya disempurnakan dengan penyelesaian tuntutan. Tuntutan boleh disebabkan oleh salah satu daripada situasi berikut: -

1. ketika kematian peserta.
2. ketika sijil Takaful matang.
3. tuntutan manfaat perubatan atau hilang upaya.
4. tuntutan di bawah kontrak tambahan.

Ejen dan Pengendali Takaful bersama-sama diharapkan memberi perkhidmatan yang cekap kepada penuntut supaya tuntutannya dapat diselesaikan dengan segera. Reputasi Pengendali Takaful sering terletak pada berapa cepatnya tuntutan dapat diselesaikan. Oleh itu, adalah penting bagi seseorang ejen itu mahir dengan prosedur dan dokumen- dokumen yang diperlukan agar tuntutan dapat diselesaikan pada kadar segera.

### **C5.2 PEMBERITAHUAN TENTANG TUNTUTAN**

Apabila berlakunya sesuatu kejadian yang boleh membawa kepada tuntutan, waris atau pihak yang menuntut perlu memberitahu Pengendali Takaful dan menyediakan semua maklumat yang berkaitan seperti: -

- Nama dan nombor kad pengenalan peserta;
- Nombor sijil dan alamat peserta;
- Tarikh dan sebab kematian, kecederaan atau sakit, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pengendali kemudiannya akan memberitahu penuntut tentang prosedur yang perlu diikuti dan

dokumentasi yang diperlukan sebagai bukti kepada kejadian tersebut. Oleh sebab Takaful berdasarkan kepada prinsip dan kehendak *Shari'ah*, peserta Islam diingatkan bahawa prosid daripada sijil Takaful mereka (sekiranya tuntutan kematian) perlu undang pewarisan untuk orang Islam). Oleh itu, penamaan seseorang dalam sijil Takaful hanya bertindak sebagai pemegang amanah untuk menerima prosid sijil, yang menjadi sebahagian daripada harta pusaka si mati dan seterusnya mengagihkan kepada pewaris yang sah.

### C5.3 TUNTUTAN KEMATIAN

Pihak yang menuntut atau waris perlu mengemukakan kepada Pengendali Takaful dokumen yang membuktikan sebab-sebab kematian peserta tanpa sebarang kesangsian. Sebagai tambahan kepada tiga dokumen yang dinyatakan di atas, Pengendali Takaful akan menerima mana-mana satu daripada dokumen yang berikut sebagai bukti kematian:-

- sijil kematian.
- laporan bedah siasat.
- perintah mengisytiharkan kematian secara andaian statutori, bagi kes-kes di mana peserta telah hilang lebih daripada 6 tahun.
- sijil mengesahkan kematian pegawai tentera dan kematian dalam peperangan.
- sijil menyatakan kematian telah berlaku di laut.
- sijil perubatan oleh pegawai perubatan yang terakhir merawat peserta.

Pengendali juga akan meminta bukti umur peserta yang meninggal dunia, jika ini tidak dilakukan pada permulaan kontrak. Pengendali Takaful perlu memastikan bahawa perolehan tuntutan kematian dibayar kepada seseorang yang berhak untuk menerimanya.

Jadual 10 Seksyen 142 IFSA 2013, secara khusus menyebut bahawa apa-apa bayaran manfaat boleh dibuat oleh Pengendali Takaful kepada wasi yang sah atau pentadbir harta pusaka si mati.

### C5.4 TUNTUTAN HILANG UPAYA KEKAL

Terdapat dua jenis tuntutan hilang upaya kekal, iaitu yang disebabkan oleh **faktor semula jadi** atau penyakit dan **faktor kemalangan**.

1. Dokumen yang diperlukan untuk tuntutan hilang upaya kekal disebabkan oleh faktor semula jadi ialah:
  - sijil perubatan yang disediakan oleh doktor selepas merawat peserta yang hilang upaya.
  - salinan kad pengenalan peserta yang disahkan.
  - borang tuntutan yang lengkap diisi.
2. Dokumen yang diperlukan untuk tuntutan hilang upaya kekal disebabkan oleh faktor

kemalangan ialah:

- sijil perubatan oleh doktor yang merawat selepas peserta hilang upaya akibat kemalangan.
- salinan kad pengenalan peserta yang disahkan.
- borang tuntutan yang lengkap diisi.
- salinan laporan polis yang disahkan.

#### **C5.5 TUNTUTAN TEMPOH MATANG**

Sekiranya peserta masih hidup sehingga tempoh matang sijil, manfaat tempoh matang akan dibayar kepadanya. Pengendali Takaful biasanya akan memaklumkan kepada pemegang sijil dengan tempoh matang tentang akan berlakunya tempoh matang dan akan meminta peserta untuk mematuhi prosedur tuntutan tertentu.

Pengendali Takaful akan mengemukakan borang pengenalan, borang kemandirian dan baucar pelepasan untuk diisi dengan lengkap dan perlu dikembalikan kepada pengendali Takaful bersama-sama dengan sijil kontrak asal.

Berikut adalah dokumen yang biasanya diperlukan dalam menyelesaikan tuntutan tempoh matang:

1. apabila peserta adalah orang yang dilindungi: -
  - bukti umur.
  - bukti kemandirian.
  - dokumen sijil / kontrak asal.
  - baucar pelepasan yang lengkap diisi oleh peserta.
2. apabila peserta bukan orang yang dilindungi: -
  - surat ikatan penyerahan hak atau mana-mana dokumen hak milik lain.
  - satu pernyataan ringkas bahawa orang yang dilindungi masih hidup dan tidak dapat atau tidak bersedia untuk menandatangani sijil kelangsungan hidup.

#### **C5.6 PENGELUARAN SEBAHAGIAN**

Kebanyakan Pengendali Takaful akan membenarkan peserta untuk membuat pengeluaran sebahagian di bawah sijil Takaful Keluarga, tertakluk kepada terma-terma dan syarat- syarat tertentu.

Oleh sebab caruman untuk Takaful Keluarga dibahagikan kepada dua jenis dana sebaik sahaja dibayar kepada Pengendali Takaful (Dana Pelaburan Peserta dan Dana Risiko Peserta), pengeluaran sebahagian daripada Dana Pelaburan Peserta dibenarkan, tetapi tidak melebihi

dari peratusan yang ditetapkan di dalam dana-dana ini.

Sekiranya sijil Takaful diserahkan, peserta hendaklah dibayar amaun keseluruhan yang terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta, tetapi bukan daripada Dana Risiko Peserta kerana akaun ini telah didermakan oleh peserta.

#### **C5.7 LAIN-LAIN TUNTUTAN**

Untuk sijil kemalangan diri, prinsip sebab hampiran adalah penting, kerana mungkin terdapat lebih daripada satu sebab yang boleh membawa kepada tuntutan. Perlu diketahui bahawa jika Pengendali Takaful berpendapat tuntutan itu adalah disebabkan oleh peril yang dikecualikan, maka Pengendali Takaful mempunyai tanggungjawab untuk membuktikan dakwaan itu.

Pada kelazimannya Pengendali Takaful akan mengeluarkan borang-borang bercetak yang jika diisi dengan betul, akan membekalkan semua maklumat yang diperlukan. Borang-borang ini, di samping memerlukan butir-butir kemalangan atau penyakit, juga mengandungi soalan-soalan lain yang bertujuan untuk menentukan sama ada asas perlindungan asal masih kekal atau telah berubah.

Sekiranya Pengendali Takaful berpuas hati tentang kesahihan semua dokumen yang dikemukakan dan sebarang pertanyaan lain yang telah dijawab sepenuhnya dan tidak melanggar pelbagai syarat-syarat sijil, Pengendali Takaful akan membayar amaun tuntutan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang keraguan atau tertakluk kepada pertimbangan khas, Pengendali Takaful berhak untuk menjalankan siasatan.

#### **C5.8 DAFTAR TUNTUTAN**

Mengikut keperluan undang-undang setiap Pengendali Takaful hendaklah menyelenggarakan satu daftar yang kemas kini tentang semua tuntutan Takaful sebaik sahaja pengendali diberitahu mengenainya. Tiada satu pun daripada notis tuntutan ini boleh ditutup selagi Pengendali Takaful masih bertanggungjawab ke atas tuntutan-tuntutan ini dan tuntutan-tuntutan yang belum diselesaikan.

Daftar tuntutan bertindak sebagai rekod rasmi tuntutan yang dilaporkan kepada Pengendali Takaful. Daftar tuntutan ini boleh disimpan sama ada dalam bentuk kad atau lembaran lejar atau di dalam komputer.

## BAB C6 : PERTIMBANGAN UTAMA DALAM PELABURAN.

### Objektif Pembelajaran

Memahami pertimbangan utama dalam melakukan sesuatu pelaburan.

### Hasil Pembelajaran

Boleh menasihati prospek mengenai pertimbangan utama sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan.

### C6.1 PENGENALAN

Bakal peserta perlu mempertimbangkan pelbagai faktor seperti objektif pelaburan, dana yang ada, risiko, tempoh pelaburan, percukaian dan prestasi pelaburan sebelum membuat keputusan pelaburan. Sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan, mereka perlu melihat keadaan kewangan mereka secara keseluruhan.

### C6.2 PERTIMBANGAN PENTING

Bakal peserta perlu mengkaji dan mempertimbangkan semua aspek penting sebelum membuat sebarang keputusan tentang pelaburan.

Antara pertimbangan utama ialah:

#### 1. Objektif Pelaburan

Langkah pertama untuk berjaya dalam pelaburan ialah memikirkan tentang objektif pelaburan. Walaubagaimanapun, sebelum menentukan objektif pelaburan, pelabur perlu mempertimbangkan apakah objektif pelaburan tersebut.

- a. Mengetahui objektif akan membantu pelabur untuk memilih instrumen pelaburan dan kelas aset yang sesuai kerana pelaburan tertentu akan menjana hasil mengikut tujuan yang dikehendaki. Sebagai contoh, sesetengah orang membeli hartanah kerana untuk menikmati peningkatan modal manakala sesetengah orang pula membeli untuk tujuan pendapatan.
- b. Objektif pelaburan juga boleh berubah mengikut keadaan seseorang. Sebagai contoh dalam pelaburan hartanah; ketika seseorang itu masih muda, mereka membeli hartanah kerana mereka mahu memperoleh pertumbuhan modal. Beberapa tahun selepas itu, katakan pada tahun-tahun persaraan mereka,



pertumbuhan modal kini dibayangi oleh keperluan untuk pendapatan tetap serta sewaan daripada hartanah tersebut, yang kini menjadi objektif.

Berikut adalah beberapa objektif yang lazim dalam pelaburan:

a. Pendapatan

Di bawah kategori ini, pertimbangan utama pelabur adalah untuk memberi tumpuan kepada pendapatan semasa dan pada masa yang sama mengekalkan modal.

b. Keseimbangan

Pertimbangan utama pelabur adalah kepada pendapatan semasa melalui kepelbagaian kelas aset bagi gabungan pendapatan dan pertumbuhan jangka panjang yang terimbang.

c. Pertumbuhan & Pendapatan

Pelabur akan melihat kepada keseimbangan antara peningkatan modal dengan pendapatan semasa dan pertimbangan yang utama ialah modal.

d. Pertumbuhan Jangka Panjang

Fokus utama pelabur di bawah kategori ini ialah peningkatan modal jangka panjang ke atas pelaburan tersebut.

e. Spekulasi

Hasil pulangan maksimum yang melibatkan tahap risiko yang lebih tinggi melalui pelaburan dalam spektrum sekuriti yang luas.

2. Ketersediaan Dana

Melabur walaupun dengan sejumlah wang yang kecil benar-benar boleh memberikan hasil dari semasa ke semasa. Tetapi persoalannya ialah bagaimana untuk mendapatkan wang dan melabur. Menjadi perkara biasa seseorang memberi alasan bahawa mereka tidak mempunyai wang yang lebih pada akhir setiap bulan, sebagai alasan untuk tidak melabur.

Terdapat beberapa jenis sumber dana yang boleh digunakan untuk pelaburan.

a. Pendapatan

Pendapatan boleh datang daripada upah, gaji, keuntungan, bayaran faedah, sewa dan lain-lain bentuk pendapatan yang diterima dalam tempoh masa tertentu.

b. Wang Tambahan

Wang tambahan boleh datang daripada hadiah wang tunai, wang untuk kerja lebih masa, bonus tunai dan bayaran insentif. "Wang durian runtuh" ialah sumber utama modal pelaburan.

c. "Bil" Pelaburan Anda

Anggaplah bahawa akaun pelaburan sebagai satu lagi "bil" yang perlu dibayar pada setiap bulan. Tetapkan matlamat pelaburan bulanan yang realistik, dan gunakan konsep "bayaran untuk diri sendiri" dan simpan wang tersebut pada setiap bulan.

3. Risiko atau Keselamatan

Disebabkan wujudnya perkaitan yang rapat antara risiko dengan pulangan, pelanggan harus memahami tentang toleransi risiko peribadi mereka apabila memilih pelaburan untuk portfolio mereka. Mengambil sedikit risiko adalah harga yang perlu dibayar untuk meraih pulangan; oleh itu, jika pelanggan mahu memperoleh wang, dia tidak boleh mengelak daripada semua risiko. Matlamatnya ialah untuk mencari keseimbangan yang sesuai – iaitu menjana sedikit keuntungan, tetapi pelanggan boleh tidur lena pada waktu malam. Sekiranya pelanggan ingin memperoleh kadar pulangan yang lebih tinggi, dia mesti bersedia untuk mengambil risiko yang lebih tinggi juga.

4. Jangka Masa Pelaburan

Jangka masa pelaburan merujuk kepada panjangnya tempoh masa seseorang pelabur menjangkakan untuk menyimpan sekuriti atau portfolio sehingga dia perlu menjual pelaburannya. Ia digunakan untuk menentukan keperluan pendapatan dan pendedahan risiko pelabur, yang kemudiannya digunakan untuk membantu dalam pemilihan sekuriti. Seorang pelabur yang tidak memerlukan wang mereka selama beberapa dekad boleh memiliki portfolio yang lebih berisiko berbanding dengan seseorang yang memerlukan wang itu pada minggu hadapan. Sedang jangka masa pelaburan meningkat daripada segi tempoh, ekuiti mewakili pulangan-terlaras risiko yang lebih tinggi daripada sekuriti pendapatan tetap dan wang tunai. Dari segi pelaburan untuk jangka masa yang lebih pendek, ekuiti menjadi kelas aset yang lebih berisiko kerana tahap kemudahruapan yang lebih tinggi.




Diagram 2 : Jangka Masa Portfolio Pelaburan

Secara amnya, jangka masa pelaburan dikenali sebagai jangka pendek, sederhana dan panjang.

Tempoh	Penerangan
<b>Jangka Pendek</b>	Tempoh kurang daripada 3 tahun  Dana jangka pendek hendaklah disimpan dalam pelaburan berisiko paling rendah seperti sijil deposit, bon simpanan dan sekuriti Perbendaharaan.
<b>Jangka Sederhana</b>	Tempoh 3-10 tahun  Bon berisiko rendah, jangka sederhana atau campuran pelbagai saham dengan wajaran yang lebih ke arah bon berisiko rendah.
<b>Jangka Panjang</b>	Tempoh melebihi 10 tahun  Satu portfolio saham dana bersama atau ETF, dana dagangan bursa, mengandungi saham mewah, dana bermodal besar, dana bermodal kecil atau sederhana, serta dana antarabangsa.

#### 5. Kaedah Percukaian

Salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pelanggan ialah kaedah percukaian. Ini adalah kerana jenis pelaburan yang berlainan memerlukan kaedah percukaian yang berbeza. Penting untuk pelanggan mengetahui tentang kaedah yang berbeza untuk pelaburan yang berbeza sebelum dia membuat sebarang keputusan tentang pelaburan.

## 6. Prestasi Pelaburan

Prestasi pelaburan ialah pulangan ke atas portfolio pelaburan. Ia diukur dalam tempoh masa yang tertentu dan dalam mata wang tertentu. Pelabur sering membezakan jenis pulangan.

### a. Pulangan bersih berbanding Pulangan Kasar

Pulangan bersih 'tulen' kepada pelabur ialah pulangan ditolak semua fi, perbelanjaan, dan cukai, manakala pulangan kasar 'tulen' ialah pulangan sebelum semua fi, perbelanjaan, dan cukai.

### b. Jumlah Pulangan berbanding Pulangan Harga

Jumlah pulangan mengambil kira akaun pendapatan (keuntungan dan dividen), sedangkan pulangan harga hanya mengambil kira peningkatan dalam akaun modal.

### c. Pulangan Wajaran Wang berbanding Pulangan Wajaran Masa

Pulangan wajaran wang adalah sesuai sekiranya pengurus menentukan tempoh masa untuk aliran masuk atau aliran keluar daripada portfolio, manakala pulangan wajaran masa adalah sesuai apabila pengurus tidak bertanggungjawab untuk tempoh masa aliran tunai masuk ke dalam dan aliran keluar tunai daripada portfolio.

Prestasi pelaburan bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- Keadaan ekonomi negara.
- Keadaan ekonomi serantau dan global.
- Kecekapan dan keupayaan pengurus dana.
- Tahap kos syarikat yang dilaburkan.
- Pencapaian masa lalu.
- Sejarah syarikat yang dilaburkan.
- Kitaran hayat pelaburan.

## 7. Kepelbagaian

Kepelbagaian pelaburan ditakrifkan sebagai proses pelaburan yang mencakupi perkara-perkara yang berikut:

### a. Kelas Aset

Semua saham, *sukuk* dan wang tunai secara amnya tidak mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain. Oleh itu memiliki beberapa unit pelaburan dalam setiap kelas akan membantu anda mempelbagaikan portfolio pelaburan.

b. Industri

Perlu ada kombinasi yang mencukupi daripada industri-industri yang berlainan.

c. Negara

Kebanyakan pelabur cenderung untuk memiliki terlalu banyak ekuiti dari negara asal mereka sekali gus mengurangkan kemampuan untuk mempelbagaikan pelaburan mereka.

Ini juga bermaksud pelabur perlu membuat pelaburan yang tidak tertumpu hanya kepada sebuah syarikat, industri, negara atau kelas aset. Seperti kata pepatah "Jangan letakkan semua telur anda dalam satu bakul".

Prinsip yang sama terpakai kepada pelaburan - meletakkan pelaburan ke dalam bakul yang berbeza. Mempelbagaikan ke dalam kelas aset, industri, negara dan mata wang yang berbeza juga akan membantu melindungi daripada mengalami kerugian besar.

## BAB C7 : PILIHAN JENIS PELABURAN

### Objektif Pembelajaran

Memahami pilihan pelaburan yang ada di pasaran.

### Hasil Pembelajaran

Boleh memberi nasihat dan berkomunikasi dengan berkesan di mana dana boleh dilaburkan di pasaran.

### C7.1 PILIHAN PELABURAN

Perkembangan pesat dalam industri kewangan sejak 15 tahun lalu telah menyaksikan pembangunan dan kemunculan produk baharu dan inovatif terutamanya untuk industri kewangan Islam. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam. Terdapat pelbagai jenis pelaburan untuk dipilih oleh rakyat Malaysia.

#### 1. Wang Tunai dan Deposit

Wang tunai dan deposit merujuk kepada semua jenis instrumen mudah tunai dengan risiko minimum atau tiada risiko kehilangan wang modal. Pelaburan-pelaburan ini termasuk yang berikut:

##### a. Terbitan Pelaburan Kerajaan

Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) merupakan versi Islam instrumen hutang boleh niaga yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memperoleh dana daripada pasaran modal domestik bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan modal kerja Kerajaan. Bank pusat, iaitu Bank Negara Malaysia, memainkan peranan sebagai juru bank dan penasihat kepada Kerajaan, menasihati mengenai butiran penerbitan sekuriti Kerajaan dan melaksanakan terbitan ini melalui pelbagai infrastruktur pasaran yang dimiliki dan dikendalikannya.

GII diterbitkan untuk membolehkan institusi kewangan Islam seperti bank-bank Islam dan Pengendali Takaful untuk memiliki kertas mudah tunai yang memenuhi keperluan mudah tunai berkanun. Penerbitan GII juga membolehkan mereka melabur dana mudah tunai mereka dalam instrumen yang diterbitkan berasaskan prinsip-prinsip *Shari'ah* kerana mereka tidak boleh membeli atau mengurus niaga dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) atau lain-lain instrumen berasaskan kadar faedah.

Ini merupakan jenis pelaburan yang paling selamat dan dianggap sebagai tidak berisiko kecuali sekiranya keadaan politik negara tidak stabil.

b. Akaun Bank Islam

Akaun bank Islam termasuk akaun pelaburan am, akaun semasa, akaun simpanan, akaun pelaburan dan akaun luar pesisir. Kadar keuntungan daripada akaun-akaun ini biasanya rendah lantaran itu tidak melindungi pelaburan daripada kadar inflasi.

i. Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan

Merujuk kepada struktur produk deposit berasaskan kontrak *muḍārabah*. Keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan akan dikongsi antara pemegang akaun dengan bank berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui pada awalnya. Walau bagaimanapun, kerugian (sekiranya ada) akan ditanggung oleh pemegang akaun.

- Akaun Pelaburan Am (GIA)

Ia juga dikenali sebagai Akaun Pelaburan tanpa had. Akaun ini menyediakan budi bicara penuh untuk bank menggunakan/ melabur wang untuk menghasilkan pendapatan aset tanpa sekatan. Keuntungan akan dibayar pada setiap tarikh bayaran keuntungan interim/ pada tarikh matang (yang mana berkenaan). Akaun keuntungan sebenar akan hanya diketahui pada tarikh matang berdasarkan pulangan kasar semasa daripada kontrak nisbah perkongsian keuntungan.

- Akaun Pelaburan Khas (SIA)

SIA atau Akaun Pelaburan Terhad merujuk kepada pelaburan perkongsian keuntungan yang memenuhi mandat pelaburan tertentu yang diberikan oleh pemegang akaun kepada bank Islam bagi menggunakan dana SIA untuk membiayai dan/ atau melabur dalam aset-aset tertentu yang menghasilkan pendapatan.

- Deposit Mata Wang Asing

Satu bentuk pelaburan berdasarkan mata wang. Ini merupakan produk pelaburan pilihan bagi pelanggan yang ingin melabur dalam akaun mata wang asing berasaskan *Shari'ah*.

- Akaun Emas

Akaun ini membolehkan pemegang akaun untuk melabur dan mengurus niaga

dalam komoditi emas dengan mudah. Pemegang akaun boleh melabur tanpa memegang komoditi emas secara fizikal.

- Akaun Semasa

Secara amnya, ini ialah akaun bank "tanpa keuntungan". Akaun ini membolehkan pemegang akaun untuk mengeluarkan bayaran melalui cek berdasarkan jumlah wang yang ada dalam akaun. Akaun ini ditawarkan kepada individu atau syarikat. Bank juga boleh menawarkan overdraf kepada pemegang akaun.

- Akaun Simpanan

Akaun Simpanan ialah satu bentuk deposit bank yang membolehkan pelanggan untuk menyimpan dan mengeluarkan wang mereka. Tidak ada tarikh matang yang dikenakan ke atas deposit ini. Akaun simpanan boleh dibuka sama ada oleh individu atau syarikat.

## 2. *Sukuk*

*Sukuk* merujuk kepada sekuriti, nota, kertas atau sijil dengan ciri-ciri mudah tunai dan boleh diniagakan. *Sukuk* merupakan sijil amanah untuk pemilikan aset, atau sijil dengan manfaatnya.

AAOIFI dalam Piawaian *Shari'ah* - Standard 17 (2) mentakrifkan *sukuk* sebagai:

"*Sukuk* ialah pelaburan dalam sijil-sijil yang mempunyai nilai yang sama yang mewakili pemilikan saham yang tidak bahagikan dalam aset ketara, manfaat dan perkhidmatan (sebagai pemilikan) aset-aset projek tertentu atau aktiviti pelaburan khas, walau bagaimanapun, ini adalah benar selepas penerimaan nilai *sukuk*, pembayaran langganan dan penggunaan dana yang diperoleh bagi tujuan *sukuk* diterbitkan (2008)".

*Sukuk* biasanya dirujuk sebagai bersamaan dengan bon Islam. Walau bagaimanapun, perbezaannya dengan bon konvensional ialah *sukuk* tidak membayar faedah kerana faedah tidak dibenarkan dalam Islam. Sekuriti *sukuk* distrukturkan untuk mematuhi undang-undang dan perinsip pelaburan *Shari'ah*. Aset-aset kewangan yang mematuhi undang-undang *Shari'ah* boleh diklasifikasikan sama ada boleh diniagakan dan tidak boleh diniagakan dalam pasaran sekunder.

Terdapat tiga kelompok utama kontrak *Shari'ah* yang digunakan dalam *sukuk*:



Kelompok	Kontrak
<i>Sukuk</i> Berasaskan Jualan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Bay' Bithaman Ājil</i></li> <li>• <i>Murābahah</i></li> <li>• <i>Bay'Al-Salam</i></li> <li>• <i>Istisna'</i></li> </ul>
<i>Sukuk</i> Berasaskan Pajakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Ijārah</i></li> </ul>
<i>Sukuk</i> Berasaskan Ekuiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mushārahah</i></li> <li>• <i>Muḍārahah</i></li> <li>• <i>Wakālah</i></li> </ul>

*Sukuk* boleh diterbitkan oleh kerajaan serta syarikat. Dalam kes *sukuk* korporat, pulangannya adalah lebih tinggi daripada *sukuk* kerajaan. Walau bagaimanapun, pulangan yang lebih tinggi bermakna risiko yang diambil adalah lebih tinggi.

Dari perspektif *Shari'ah*, sijil hutang tidak boleh diniagakan (walaupun terdapat banyak pandangan yang berbeza di Malaysia).

Kelebihan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Sukuk</i> memberikan pendapatan yang stabil kepada pelabur. Dalam kes <i>sukuk</i> kerajaan, risiko adalah hampir sifar sekali gus menjadikannya pelaburan paling selamat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Walau bagaimanapun, kelemahan <i>sukuk</i> kerajaan ialah pulangannya adalah lebih rendah daripada kadar inflasi sekali gus menghakis hasil pelaburan.</li> </ul>

### 3. Saham dan Pelaburan

Saham, juga dikenali sebagai stok atau ekuiti, merupakan unit pelaburan dalam syarikat-syarikat individu. Saham mempunyai nilai nominal contohnya RM1.00, yang apabila didarabkan dengan jumlah saham yang diterbitkan membentuk modal saham yang diterbitkan. Ekuiti Islam ialah saham syarikat-syarikat yang halal, iaitu sekuriti syarikat yang beroperasi dalam aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di bawah prinsip-prinsip *Shari'ah* dan yang diluluskan dan disemak semula secara berkala oleh ulama *Shari'ah* melalui proses yang dikenali sebagai penyaringan saham Islam.

Bagi syarikat untuk dipertimbangkan sebagai halal, sebahagian besar pendapatan mestilah diperoleh terutamanya daripada aktiviti-aktiviti yang lain daripada perniagaan alkohol, senjata, tembakau, daging babi, pornografi, atau perjudian atau daripada keuntungan yang berkaitan dengan mengenakan faedah ke atas pinjaman.

Dengan stok dan saham, pelabur boleh menjana kekayaan melalui tiga cara yang berbeza:

- Memperoleh pendapatan daripada saham dalam bentuk dividen.
- Mengharapkan pertumbuhan dalam nilai saham dan menjualnya untuk keuntungan.
- Gabungan di atas, yang dikenali sebagai keseimbangan.

Saham menawarkan kepelbagaian kerana terdapat usahawan dan syarikat-syarikat yang cuba untuk membuat keuntungan dalam ekonomi. Terdapat beribu-ribu syarikat dalam pasaran Malaysia daripada yang berisiko tinggi, saham pertumbuhan tinggi sehinggalah saham-saham mewah daripada syarikat-syarikat yang mantap. Saham-saham ditawarkan dalam pelbagai cara yang berbeza: pelabur boleh membeli saham-saham ini dalam syarikat-syarikat individu, pelabur boleh mengumpulkan saham yang berbeza-bebeza dalam satu kelompok dan membina portfolio sendiri atau boleh membeli saham-saham itu melalui skim kolektif seperti dana amanah atau dana pelaburan.

#### a. Saham Biasa

Saham biasa mewakili hak milik dalam sesebuah syarikat. Saham biasa yang boleh memberi banyak manfaat, seperti hak mengundi dan pembayaran dividen. Setiap saham biasa yang dimiliki melayakkan pembeli untuk satu undi mengenai isu-isu tertentu dalam syarikat itu. Lembaga pengarah syarikat akan menentukan jumlah dividen yang akan dibayar, dan jumlah ini akan berbeza dari tahun ke tahun. Pemegang saham biasa adalah yang terakhir dalam giliran untuk mendapat dividen selepas semua penghutang dan pemegang saham keutamaan, ini bererti bahawa mereka akan mendapat wang yang selebihnya selepas semua yang lain telah dibayar.

Kelebihan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang saham biasa mempunyai hak untuk mengundi dan memilih lembaga pengarah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dividen tidak dijamin.</li> </ul>

#### b. Saham Keutamaan

Sama seperti saham biasa, saham keutamaan mewakili sebahagian pemilikan ke atas jumlah saham sesebuah syarikat. Perbezaannya ialah saham keutamaan membayar dividen tetap, sebelum bayaran dibuat kepada pemilik pemegang saham biasa. Kelemahannya ialah saham keutamaan tidak memberi hak mengundi kepada pemilik dan nilainya cenderung untuk menyusut.

Kelebihan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diberi keutamaan dalam pengagihan pendapatan berbanding dengan pemegang saham biasa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang saham keutamaan tidak mempunyai hak untuk mengundi dan memilih lembaga pengarah.</li> </ul>

#### 4. Unit Amanah

Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 mentakrifkan "skim unit amanah" sebagai:

“Apa-apa pengaturan yang dibuat bagi maksud, atau yang mempunyai kesan, menyediakan kemudahan bagi penyertaan orang ramai sebagai benefisiari di bawah suatu amanah dengan memperoleh keuntungan atau pendapatan yang berpunca daripada pemerolehan, pegangan, pengurusan atau pelupusan:

- sekuriti.
- kontrak niaga hadapan.
- apa-apa harta lain.

Unit amanah adalah juga dirujuk sebagai pelaburan ‘bersama’ atau ‘dikumpulkan’. Ia adalah jenis pelaburan yang terdiri daripada pelbagai jenis pelaburan yang dipilih oleh pengurus dana. Unit amanah Islam adalah sama dengan unit amanah konvensional kecuali ia melabur hanya dalam sekuriti berlandaskan *Shari’ah*.

Kontrak yang mengawal pertukaran unit antara pengurus unit amanah dan pelabur biasanya mematuhi prinsip *bay 'al-naqdi* (membeli dan menjual secara tunai). Apabila pelabur membeli unit amanah, pelabur adalah sebenarnya berkongsi secara pro rata dengan pelabur-pelabur lain dalam pemilikan aset yang dipegang oleh amanah itu. Pengurus menerima *fi* pengurusan di bawah konsep *ujrah* (*fi*) untuk menguruskan unit amanah itu.

Sebab-sebab utama untuk melabur dalam dana unit amanah adalah:

- dana unit amanah membantu mengurangkan tahap risiko keseluruhan pelabur.
- dana unit amanah boleh mengurangkan kos pembinaan portfolio yang dipelbagaikan, sekiranya dibuat sendiri.
- dana unit amanah mengurangkan keperluan untuk memilih dan menguruskan pelaburan anda.

Kelebihan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan dana dikendalikan oleh pakar-pakar yang mahir dalam pengurusan dana.</li> <li>• Fleksibiliti untuk memilih daripada pelbagai dana unit amanah dalam pasaran.</li> <li>• Kepelbagaian dana dan risiko. Mengurangkan kos urus niaga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Walau bagaimanapun, terdapat lebih dan pertambahan kos sekiranya dibandingkan dengan kos pelabur yang membuat pelaburan sendiri langsung dalam pasaran.</li> </ul>

## 5. Hartanah

Pelaburan hartanah melibatkan pembelian, pemilikan, pengurusan, sewa dan/ atau penjualan hartanah untuk keuntungan. Pelabur membeli hartanah dengan niat memperoleh pendapatan daripada keuntungan modal sama ada melalui jualan atau pendapatan melalui sewaan. Jenis-jenis biasa hartanah ialah bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, bangunan kediaman, dan lain-lain.

Hartanah ialah satu bentuk aset mudah tunai yang terhad berbanding dengan pelaburan lain, serta berintensif modal dan sangat bergantung kepada aliran wang tunai.

Selain melabur dalam bentuk hartanah sebenar, pelabur juga boleh melabur dalam satu bentuk baharu pelaburan hartanah, iaitu Amanah Pelaburan Harta Tanah (REITs).

### a. Amanah Pelaburan Hartanah Islam (I-REITs)

REIT secara Islam merupakan skim pelaburan kolektif yang ditubuhkan sebagai amanah pelaburan hartanah yang melabur terutamanya dalam menghasilkan pendapatan hartanah dan aset berkaitan hartanah patuh *Shari'ah* dan menggunakan pendapatan daripada hartanah, ditolak perbelanjaan, untuk memberikan pulangan kepada pemegang unit.

I-REITs adalah sama dengan REITs konvensional. Ia biasanya distrukturkan sebagai amanah hartanah kecuali ia mesti memiliki pelaburan yang mematuhi prinsip-prinsip *Shari'ah*. Ia menggunakan pembiayaan pajakan (*ijarah*) sebagai ganti pembelian hartanah secara langsung. Pelaburan adalah terutamanya dalam hartanah fizikal yang sebenar, tetapi ia juga boleh memiliki jenis pelaburan yang lain seperti *sukuk*, syarikat-syarikat swasta yang aset utama mereka ialah hartanah, sekuriti patuh *Shari'ah* syarikat-syarikat hartanah dan bukan hartanah, dan unit-unit lain I-REITs, deposit jangka pendek patuh *Shari'ah*, dan wang tunai.

I-REITs boleh dimiliki secara awam atau persendirian. REITs awam boleh disenaraikan di Bursa Kuala Lumpur yang akan memudahkan pelabur untuk membeli dan menjual seperti ekuiti biasa.

Kelebihan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Suatu pelaburan yang boleh memberi pendapatan yang stabil sepanjang hayat.</li> <li>• Pelabur boleh membeli hartanah tanpa menggunakan wang sendiri. Salah satu cara ialah melalui pembiayaan.</li> <li>• Mempunyai nilai intrinsik tersendiri. Saham yang dibeli oleh pelabur boleh kehilangan 99% daripada nilainya tetapi hampir mustahil untuk membeli hartanah dan kehilangan 99% daripada nilainya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya pelabur membeli hartanah dan tidak boleh membuat bayaran gadai janji, dia boleh kehilangan harta dan menjejaskan reputasi kreditnya.</li> <li>• Pelabur bergantung kepada banyak pihak untuk mendapat pulangan. Sekiranya penyewa hartanah itu tidak membayar sewa, pelabur perlu menggunakan wang sekuriti tersebut dan mencari penyewa baharu dengan cepat atau boleh menghakis keuntungan pelabur.</li> <li>• Kos penyelenggaraan yang tinggi.</li> </ul>

#### 6. Dana Perlindungan Modal

Dana perlindungan modal ditakrifkan sebagai sejenis dana bersama yang menjamin pelabur sekurang-kurangnya pelaburan awal, termasuk sebarang keuntungan modal, jika ia dipegang sepanjang tempoh kontrak.

Terdapat dua jenis produk utama perlindungan modal yang ada di Malaysia.

Ini boleh dihuraikan secara amnya seperti berikut:

No	Produk	Penerangan
1.	Produk Jenis Pasif	<p>Dalam produk seumpama, sebahagian besar jumlah pelaburan digunakan untuk membeli aset berisiko rendah yang dijangka akan menambah nilai sepanjang tempoh produk untuk melindungi nilai penuh modal asal. Jumlah pelaburan yang selebihnya seterusnya digunakan untuk membeli opsyen, yang dijangka berpotensi untuk meningkatkan pulangan produk ini. Walau bagaimanapun, perlu diterangkan pengaruh kadar keuntungan ke atas produk ini.</p> <p>Contoh:</p> <p>Pelabur melabur RM1, 000 untuk produk ini. Sekiranya hasil yang dijangka daripada sukuk tiga tahun ialah 6.4% setahun (berbanding 3% setahun), pengurus kemudiannya hanya perlu melabur</p>

		RM830 dalam aset berisiko rendah, dengan baki RM170 untuk membeli opsyen. Walau bagaimanapun, jika hasil dijangka hanya 3%, maka pelaburan dalam opsyen akan hanya tinggal separuh, iaitu RM85. Oleh itu, ia akan mengurangkan potensi pulangan daripada produk ini.
2.	Produk Jenis Aktif	<p>Dari satu segi, produk ini sama dengan ciri-ciri produk keseimbangan yang ditawarkan sebagai produk pelaburan. Perbezaannya ialah ada jaminan yang diberikan bahawa pulangan akhir produk ini tidak akan menjadi negatif. Sekarang kita akan memperjelaskan setiap kaedah ini.</p> <p>Seperti yang dinyatakan di atas, produk ini sama dengan ciri-ciri dana tradisional keseimbangan. Walau bagaimanapun, daripada cuba untuk mengatasi penanda aras yang ditetapkan, pengurus memberi tumpuan yang lebih untuk memaksimumkan pulangan mutlak. Jaminan pada tempoh matang produk ini ialah pulangannya tidak akan menjadi negatif.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, jaminan mesti datang daripada pihak ketiga dan bukannya daripada pengeluaran produk ini, seperti yang dikehendaki oleh <i>Shari'ah</i>.</p>

#### 7. Dana Komoditi Islam

Dana komoditi Islam ialah dana yang melabur secara langsung dalam komoditi yang mematuhi prinsip-prinsip *Shari'ah*. Sebagai contoh, dana emas yang melabur dalam jongkong emas ialah dana komoditi yang sebenar.

Terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi untuk mematuhi prinsip-prinsip *Shari'ah*:

- Komoditi mesti dimiliki oleh penjual pada masa jualan. Jualan singkat tidak dibenarkan tetapi jualan hadapan dibenarkan di bawah prinsip *Bay'Al-Salam* dan *Istishnā'*.
- Komoditi yang diniagakan mestilah *halal* iaitu yang dibenarkan.
- Penjual mesti mempunyai komoditi fizikal untuk dijual.
- Harga komoditi mesti tetap dan diumumkan kepada pihak-pihak yang terlibat kerana sebarang ketidakpastian akan menyebabkan jualan menjadi tidak sah.

Kelebihan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Bagi pelabur berportfolio ekuiti dan sukuk, kepelbagaian strategi adalah lebih baik, kerana komoditi cenderung untuk mempunyai kaitan yang negatif dengan <i>sukuk</i> dan ekuiti.</li><li>• Melindungi nilai terhadap kenaikan inflasi, kerana ekuiti dan <i>sukuk</i> cenderung untuk mencatat prestasi yang buruk semasa inflasi manakala komoditi cenderung untuk meningkat.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran komoditi sering tidak stabil, dan harga boleh berubah-ubah daripada paras yang terlampau tinggi sehingga kepada paras yang terlampau terendah dalam masa hanya beberapa hari.</li><li>• Bayaran fi untuk dana jenis ini juga boleh menjadi tinggi.</li></ul>

## BAB C8 : PENGENALAN KEPADA PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN

### Objektif Pembelajaran

Memahami perbezaan di antara Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan dan Pelan Takaful Keluarga.

### Hasil Pembelajaran


Boleh menerangkan dengan berkesan perbezaan di antara Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan dengan Pelan Takaful Keluarga kepada pelanggan.

### C8.1 DEFINISI

Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan ialah Pelan Takaful Keluarga yang menggabungkan pelaburan dan perlindungan Takaful.

Sumbangan Takaful akan memberikan peserta:

1. Perlindungan Takaful, termasuk faedah kematian dan faedah hilang upaya, dan
2. Pilihan pelaburan dalam pelbagai dana pelaburan yang diluluskan oleh *Shari'ah*.



Sumber: [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Diagram 3 : Komposisi Takaful Berkaitan Pelaburan



Takaful Berkaitan Pelaburan menyediakan pilihan kepada peserta untuk memilih dana pelaburan pilihannya. Nilai pelaburan yang terkumpul di bawah pelan Takaful Berkaitan Pelaburan berkait dengan harga unit pelaburan ini. Ia harus ditekankan pada awal lagi bahawa setiap saluran dan modal pelaburan mestilah sentiasa patuh *Shari'ah*.

## C8.2 JENIS-JENIS PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN (*ILTP-INVESTMENT-LINKED TAKAFUL PLAN*)

### 1. Pelan Berkaitan Pelaburan dengan Sumbangan Tunggal

Di bawah pelan ini, peserta akan membuat bayaran sumbangan tunggal sekali gus yang akan digunakan untuk membeli unit dalam pelaburan dana yang berkaitan dan menyediakan perlindungan hayat ke tahap tertentu.

Sumbangan	Bayaran tunggal sekali gus.
Jumlah Dilindungi	Biasanya peratusan daripada sumbangan tunggal biasanya 125% daripada sumbangan tunggal dibayar, dan tertakluk kepada jumlah minimum RM5, 000).  <u>Untuk umur substandard &amp; umur lebih tua</u> Jumlah minimum RM5,000 atau 105% daripada sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi.
Manfaat Bila Berlaku Kematian	Jumlah perlindungan atau nilai unit berkaitan pelaburan, yang mana lebih tinggi.

### 2. Pelan Berkaitan Pelaburan dengan Sumbangan Tetap

Pelan sumbangan tetap ialah pelan yang menyediakan pilihan kepada pelabur untuk membayar sumbangan secara tetap berdasarkan pada setiap bulan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan.

Sumbangan	Bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan.
Jumlah Dilindungi	Biasanya berdasarkan gandaan sumbangan tahunan. Berdasarkan garis panduan BNM terkini mengenai dana berkaitan pelaburan, minimum Gandaan Jumlah Perlindungan ( <i>SAM-Sum Assured Multiplier</i> ) bagi pelan sumbangan tetap dan berdasarkan amalan Pengendali Takaful masing-masing.

Manfaat Bila berlaku Kematian

Jumlah yang dilindungi dicampurkan dengan nilai unit berkaitan pelaburan.

### C8.3 CONTOH PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN (ILTP)

#### 1. Pelan Persaraan Individu Berkaitan Pelaburan

Pelan Persaraan Individu Berkaitan Pelaburan ialah pelan Takaful yang direka untuk menyediakan pendapatan persaraan bagi menampung sara hidup dengan kebebasan untuk memaksimumkan pulangan pelaburan. Pelan persaraan biasanya memerlukan peruntukan sumbangan yang tinggi untuk mengumpulkan dana yang mencukupi sehingga mencapai umur persaraan.

#### 2. Pelan Penyakit Kritikal Berkaitan Pelaburan

Pelan Penyakit Kritikal Berkaitan Pelaburan adalah pelan Takaful yang direka untuk menyediakan bayaran sekali gus jika pemilik sijil mengalami sebarang penyakit yang kritikal seperti serangan jantung, strok, pintasan koronari, kegagalan buah pinggang, dan lain-lain.

#### 3. Pelan Pendidikan Berkaitan Pelaburan

Pelan Pendidikan Berkaitan Pelaburan merupakan pelan Takaful yang direka khas sebagai satu dana simpanan untuk menyediakan sejumlah wang apabila anak mencapai umur untuk memasuki kolej (18 tahun ke atas). Dana tersebut boleh digunakan untuk membayar perbelanjaan pendidikan pengajian tinggi. Di bawah pelan ini, kanak-kanak dilindungi dengan perlindungan hayat, manakala ibu bapa atau penjaga adalah pemilik sijil.

### C8.4 CIRI-CIRI PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN (ILTP)

Bil	Ciri-ciri
1	ILTP mempunyai pelbagai tujuan iaitu ia boleh digunakan sama ada sebagai satu pelaburan, simpanan tetap, perlindungan terhadap hilang upaya kekal dan kematian atau kesihatan.
2	ILTP memberi pendedahan terhadap pelaburan ekuiti lebih tinggi berbanding dengan Takaful Keluarga tradisional.
3	Risiko pelaburan ditanggung oleh pemilik sijil tidak seperti produk Takaful Keluarga tradisional di mana risiko pelaburan ditanggung oleh Pengendali Takaful.
4	Nilai Aset Bersih dana adalah tertakluk kepada prestasi pelaburan.

5	Kos Perlindungan dibiayai oleh caj yang jelas yang bergantung kepada umur dan tahap perlindungan dilakukan dengan membatalkan unit pelaburan dalam dana.
6	Nilai Tunai adalah nilai unit yang diperuntukkan kepada pemilik sijil yang dikira pada harga tawaran.

### C8.5 CIRI- CIRI UNIK PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN (ILTP)

Takaful Berkaitan Pelaburan mempunyai ciri-ciri unik berikut:

Bil	Ciri-ciri	Penerangan
1	Fleksibiliti untuk memilih tahap perlindungan dan pelaburan	Takaful Berkaitan Pelaburan menyediakan fleksibiliti untuk memilih nisbah jumlah yang dilindungi dan nisbah jumlah untuk pelaburan dalam sasaran sumbangan tahunan. Ia bergantung kepada keperluan pelanggan. Sebagai contoh, jika keperluan dan objektif beliau adalah lebih ke arah pelaburan, beliau boleh memilih untuk mengurangkan perlindungan dan meningkatkan pelaburan.
2	Pilihan untuk mengubah jumlah sumbangan mengikut keadaan semasa kewangan	Takaful Berkaitan Pelaburan juga menawarkan fleksibiliti peningkatan portfolio pelaburan melalui kaedah tambah nilai bagi mendapatkan peluang pelaburan yang ditawarkan oleh persekitaran luaran atau aliran pendapatan sendiri.
3	Pilihan untuk menukar dana pelaburan semasa kepada jenis dana pelaburan lain	Peserta boleh menukar pelaburannya dari satu sub-dana kepada sub-dana yang lain, dalam payung dana yang sama. Ini memberi peluang kepada pelabur mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran.
4	Pilihan untuk menebus sebahagian daripada unit berkaitan pelaburan pada bila-bila masa	Untuk menangani keadaan yang tidak diduga, pengendali menawarkan manfaat pengeluaran separa. Peserta boleh membuat pengeluaran daripada dana dan mengekalkan hanya jumlah minimum yang ditetapkan.
5	Bebas untuk memilih daripada pelbagai dana pelaburan (ekuiti, <i>sukuk</i> atau instrumen kewangan lain) untuk melabur	Takaful Berkaitan Pelaburan menawarkan pilihan lengkap meliputi pilihan risiko pelaburan yang tinggi, sederhana dan rendah di bawah pelan yang sama. Peserta boleh memilih pilihan yang sesuai mengikut toleransi risiko, ditambah pula dengan peluang untuk bertukar antara dana tanpa sebarang perbelanjaan tambahan untuk bilangan tertentu yang ditukarkan.

### C8.6 PERBANDINGAN DI ANTARA PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN DAN PELAN TAKAFUL KELUARGA BIASA

Ciri-Ciri	Takaful Berkaitan Pelaburan	Takaful Keluarga Biasa
Dana Pelaburan Peserta	Dalam bentuk unit. Dana Pelaburan Peserta akan disimpan dan kekal di dalam bentuk unit-unit.	Dana Pelaburan Peserta di dalam bentuk nilai matawang.
Pilihan Pelaburan	Ya. Peserta boleh memilih dana sendiri selaras dengan strategi pelaburannya.	Tidak. Pelaburan adalah dilakukan sepenuhnya oleh Pengendali Takaful.
Pulangan dan Risiko Pelaburan	Risiko pelaburan adalah lebih tinggi dan sepenuhnya ditanggung oleh peserta. Nilai Dana Pelaburan Peserta berbeza-beza berdasarkan nilai dana pelaburan. Oleh itu, manfaat dan risiko diakru terus kepada peserta. Risiko atau ketidaktentuan pulangan bergantung kepada strategi pelaburan dana.	Pulangan bergantung kepada prestasi keseluruhan pelaburan Pengendali Takaful. Pengendali Takaful biasanya menstabilkan pelaburan dengan menyumbang kepada rizab dalam tahun pelaburan yang baik manakala mengeluarkan dari rizab dalam tahun-tahun pelaburan yang kurang baik. Oleh itu, pulangan pelaburan akan lebih stabil.
Sumbangan Takaful	Flesibel. Peserta dibolehkan menukar bayaran sumbangan, mengambil penangguhan sumbangan (contribution holiday) dan menambah sumbangan dengan kaedah tambah nilai.	Tetap dan kebiasaannya sama sepanjang tempoh Takaful.
Fi dan Caj	Kesemua fi dan caj akan didedahkan sepenuhnya kepada peserta. Pengendali Takaful mungkin mengubah beberapa caj di dalam sijil Takaful sekiranya keadaan masa hadapan menyimpang dari andaian awal. Oleh itu, terdapat penentuan harga awal dan kajian berterusan dengan membandingkan pengalaman sebenar dengan andaian.	Fi dan caj adalah tetap sepanjang tempoh Takaful.

Manfaat Kematian	Berubah, berdasarkan prestasi akaun pelaburan tetapi terdapat amaun minimum manfaat kematian yang dibayar sekiranya berlaku kematian ke atas nyawa yang dilindungi.	Tetap dan selaras.
Pilihan Manfaat Kematian	Ya, kebiasaanya terdapat dua pilihan : Pilihan 1 : Dana Pelaburan Peserta + Jumlah Penyertaan; atau Pilihan 2 : Dana Pelaburan Peserta atau Jumlah Penyertaan, yang mana lebih tinggi.	Tiada pilihan.
Nilai Tunai	Bergantung kepada prestasi dana pelaburan. Nilai tunai bergantung kepada bilangan unit yang ada di dalam Dana Pelaburan Peserta dan harga unit.	Bergantung kepada simpanan terkumpul di dalam Dana Pelaburan Peserta termasuk pelaburan.
Pengeluaran Separa	Kebanyakan Takaful Berkaitan Pelaburan membolehkan peserta membuat pengeluaran separa. Terdapat dua pilihan : 1) secara amaun; 2) secara bilangan unit.	Terdapat juga produk yang membolehkan peserta membuat pengeluaran separa. Pengeluaran dibuat secara peratusan/amaun.
Sumbangan Tambah Nilai	Terdapat secara tetap dan tambah nilai tunggal.	Tiada.
Risiko Luput	Terdapat potensi risiko untuk luput sekiranya nilai Dana Pelaburan Peserta tidak mencukupi untuk membayar <i>tabarru'</i> (caj risiko), walaupun peserta membayar sumbangan mengikut jadual.	Jika sumbangan dibayar mengikut jadual, sijil Takaful tidak akan luput.

## C8.7 MANFAAT

Bil	Manfaat	Penerangan
1.	Kepelbagaian Dana	Dana berkaitan pelaburan diuruskan secara aktif dan dilaburkan dalam pelbagai peruntukan aset, di mana para pelabur individu tanpa modal yang cukup tidak dapat berbuat demikian. Dana berkaitan pelaburan, seperti dana amanah saham, boleh dilaburkan dalam portfolio yang pelbagai aset seperti ekuiti, <i>sukuk</i> , mata wang, harta, wang tunai dan deposit dan lain-lain. Ini membolehkan pelabur memegang pelbagai portfolio tanpa mengira jumlah yang dilaburkan di mana pelabur tidak dapat melakukannya jika mahu melabur sendiri.
2.	Kepelbagaian Risiko	Pelaburan yang dibuat dalam portfolio yang dipelbagaikan, risiko melabur secara langsung dalam satu atau dua saham atau instrumen hutang lain akan dapat dikurangkan. Sebarang kerugian dalam syarikat atau sektor tertentu dapat diimbangi oleh keuntungan yang diperolehi dalam syarikat atau sektor lain.
3.	Purata Kos Ringgit	Pelabur boleh melabur secara berkala dengan beberapa sahaja jumlah wang kecil yang ada tanpa perlu bimbang dengan keadaan semasa pasaran. Daripada melabur dalam aset dengan sekali gus, pelabur boleh melabur sedikit demi sedikit pada sepanjang tempoh yang lebih lama. Ini akan mengurangkan kos purata selama beberapa tahun dan memberi perlindungan terhadap perubahan dalam harga pasaran.
4.	Pengurusan Profesional	Pengendali Takaful dikawal selia dengan ketat oleh Bank Negara Malaysia untuk melindungi orang awam yang melabur. Pengurus dana mereka adalah profesional yang ada kepakaran, kemahiran dan mempunyai keupayaan menguruskan wang dan juga kemahiran mengguna alat teknikal dan kerja penyelidikan. Pengendali Takaful juga boleh melantik penasihat pelaburan yang berdaftar untuk pengurusan portfolio pelaburannya.
5.	Kos Transaksi Dikurangkan	Apabila pelabur melabur secara langsung, pelabur perlu menanggung semua kos seperti pembrokeran atau penyelenggaraan sekuriti. Tetapi di bawah dana berkaitan pelaburan, pelabur akan dapat mengurangkan kos kerana dana menikmati "Ekonomi Berskala", sebab dana membayar kos yang kurang disebabkan jumlah besar yang diurusniagakan.

6.	Kecairan atau Mudah Tunai	Dana berkaitan pelaburan seperti dana unit amanah, mempunyai sifat kecairan (mudah tunai). Pelabur boleh mengeluarkan pelaburan mereka pada bila-bila masa. Nilai aset bersih dana berkaitan pelaburan akan dikira dan diumumkan sebaik sahaja pada akhir hari dagangan berdasarkan nilai asas sekuriti portfolio. Biasanya harga nilai aset bersih sehari sebelum hari urus niaga terpakai bagi permohonan pengeluaran yang diterima sebelum waktu tutup urus niaga.
7.	Objektif Pelaburan Lebih Menyeluruh	Pelabur boleh memilih untuk dana pertumbuhan atau dana dividen dari skim yang sama bagi dana berkaitan pelaburan. Jika pelabur bercadang untuk mengumpul kekayaan, pelabur mungkin memilih dana pertumbuhan dan jika pelabur memerlukan pendapatan tetap daripada pelaburan, boleh memilih dana dividen.
8.	Pelbagai Perkhidmatan	<p>Pengendali Takaful biasanya menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penukaran  Peserta boleh menukar pelaburan mereka daripada satu dana kepada dana yang lain bergantung kepada keadaan pasaran atau risiko yang diambil.</li> <li>• Pilihan Tambah Nilai  Peserta mempunyai pilihan untuk menambah nilai pelaburan untuk meningkatkan pelaburannya supaya dapat memberi pulangan lebih banyak.</li> <li>• Mudah Memperoleh Harga Dana melalui Media  Peserta boleh memperoleh harga dana melalui media seperti akhbar harian utama, laman web Pengendali Takaful dan majalah kewangan.</li> </ul>

## C8.8 RISIKO PELABURAN

Bil	Risiko	Penerangan
1.	Risiko Pasaran	<p>Risiko pasaran timbul kerana faktor-faktor yang memberi kesan kepada seluruh pasaran dan biasanya termasuk perubahan dalam peraturan oleh pihak yang berkuasa, politik, teknologi dan ekonomi.</p> <p>Risiko pasaran boleh dikurangkan melalui kepelbagaian pelaburan dana ke dalam pelbagai jenis (ekuiti atau bukan ekuiti dan lain-lain) dan polisi dan strategi pelaburan yang berbeza boleh membantu mengurangkan pendedahan kepada ketidakpastian pasaran.</p>
2.	Risiko Kecairan atau Mudah Tunai	<p>Risiko kecairan atau mudah tunai adalah risiko di mana pelaburan dalam sekuriti/ instrumen tidak dapat dijual dengan mudah dan ditukar kepada wang tunai. Perkara ini boleh berlaku apabila jumlah perdagangan untuk sekuriti tersebut adalah rendah dan/ atau apabila terdapat kekurangan permintaan untuk sekuriti tersebut.</p> <p>Dalam menguruskan risiko kecairan, pengurus dana akan menggunakan analisa kecairan atau jumlah yang diniagakan di pasaran utama dan sekunder untuk semua jenis sekuriti. Jika bersesuaian, pengurus dana akan mengkaji aliran jumlah dagangan bagi sekuriti yang dipersoalkan. Selepas itu, peruntukan aset yang sesuai dibuat bagi setiap sekuriti bagi mengurangkan risiko kecairan ke tahap yang selesa berhubung dengan profil risiko pulangan sekuriti.</p>
3.	Risiko Kadar Keuntungan	<p>Risiko kadar keuntungan timbul daripada keadaan turun naik nilai aset yang membawa keuntungan seperti pembiayaan atau <i>sukuk</i>, disebabkan oleh perubahan dalam kadar keuntungan, yang seterusnya boleh mempengaruhi harga unit dana dengan <i>sukuk</i> sebagai aset sandaran. Secara umum, apabila kadar keuntungan meningkat, harga <i>sukuk</i> akan jatuh.</p> <p>Risiko ini boleh dikurangkan dengan mempelbagaikan tempoh pegangan untuk pelaburan pendapatan Islam.</p>



4.	Risiko Kredit / Mungkir	<p>Risiko kredit / mungkir adalah risiko kerugian akibat dari kegagalan membayar balik pembiayaan atau kemudahan kredit lain (sama ada prinsipal atau keuntungan atau kedua-duanya).</p> <p>Risiko ini dikurangkan dengan melabur dalam sekuriti yang berkualiti tinggi kerana biasanya syarikat demikian mempunyai risiko kredit yang lebih rendah.</p>
5.	Risiko Pelaburan	<p>Ini adalah risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam aset tertentu. Semua aset pelaburan membawa risiko walaupun aset pelaburan yang berbeza mempunyai tahap risiko yang berbeza. Nilai pelaburan bergantung kepada pertumbuhan dan potensi pendapatan, pengurusan yang cekap, dan juga pelbagai faktor lain. Kegagalan untuk mencapai perolehan yang dijangkakan akan menyebabkan penyusutan nilai pelaburan dan seterusnya memberi kesan kepada prestasi dana.</p> <p>Kesan ini boleh dikurangkan dengan mempelbagaikan portfolio dana. Pengurus akan mengambil kira kriteria pemilihan yang ketat untuk menyelidik komponen pelaburan bagi mengurus risiko tersebut.</p>
6.	Risiko Pengkelasan Semula Status <i>Shari'ah</i>	<p>Ini merujuk kepada risiko yang timbul daripada potensi semakan mengenai status sekuriti patuh <i>Shari'ah</i> yang kini dipegang dalam dana ini boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh <i>Shari'ah</i> dalam semakan semula secara berkala terhadap sekuriti tersebut. Sekiranya berlaku demikian, nilai dana mungkin terjejas dengan teruk sebab pengurus akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut mengikut mandat dana yang mematuhi <i>Shari'ah</i>.</p> <p>Risiko ini boleh dikurangkan dengan menjalankan kajian semula secara berkala oleh Jabatan Pematuhan <i>Shari'ah</i> dan Jawatankuasa <i>Shari'ah</i> Pengendali Takaful.</p>
7.	Risiko Ketidapatuhan	<p>Ia merujuk kepada tindakan yang tidak mematuhi peruntukan surat ikatan, prospektus, Garis Panduan, dasar dalaman dan undang-undang berkaitan dengan pengurusan pelaburan.</p> <p>Risiko ini boleh dikurangkan melalui kawalan dalaman dan pemantauan pematuhan.</p>

8.	Risiko Mata Wang	<p>Pergerakan kadar pertukaran mata wang yang ketara boleh mengakibatkan penurunan dalam pulangan keuntungan dan kehilangan modal terutamanya apabila melabur dalam dana unit amanah bukan didenominasi dalam mata wang ringgit.</p> <p>Bagi mengurangkan risiko, pelaburan harus dihadkan di beberapa negara agar risiko mata wang negara tertentu dapat dikurangkan. Di samping itu, perlindungan nilai mata wang boleh digunakan bagi mengurangkan risiko tersebut.</p>
9.	Risiko Negara	<p>Sekiranya dana dilaburkan dalam sebuah negara tertentu, pelaburan mungkin terjejas oleh risiko khusus kepada negara tersebut seperti perubahan dalam asas-asas ekonomi negara, kestabilan sosial dan politik, pergerakan mata wang, dasar pelaburan asing dan lain-lain.</p> <p>Risiko ini boleh dikurangkan dengan menjalankan penyelidikan menyeluruh ke atas pasaran berkenaan, ekonominya, syarikat-syarikat, keadaan sosial dan politik dan juga mengambil tindakan mengurangkan atau mengeluarkan pelaburan daripada pasaran tersebut.</p>

## BAB C9 : STRUKTUR TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN

### Objektif Pembelajaran

Memahami struktur asas Pelan Dana Berkaitan Pelaburan.

### Hasil Pembelajaran

Boleh menerangkan struktur asas Pelan Dana Berkaitan Pelaburan kepada pelanggan.

### C9.1 PENGENALAN

Caruman atau sumbangan yang dibayar oleh peserta akan dilaburkan mengikut arahan bertulisnya.

Dana berkaitan pelaburan boleh dibahagikan kepada dua cara:

1. Pengumpulan unit
2. Pengagihan unit

### C10.2 STRUKTUR DANA BERKAITAN PELABURAN

1. Pengumpulan unit

Di bawah struktur ini, pulangan pelaburan dimasukkan semula dalam dana. Akibatnya nilai aset bersih dana akan meningkat dalam jangka masa panjang.



Diagram 4 : Struktur Pengumpulan Unit dalam Takaful Berkaitan Pelaburan

2. Pengagihan unit

Di bawah struktur ini, pendapatan daripada pelaburan akan digunakan untuk membeli unit tambahan. Kemudian unit tambahan tersebut akan diagihkan kepada pemilik sijil. Pemilik sijil akan mempunyai lebih banyak unit tetapi nilai aset bersih tidak berubah.



Diagram 5 : Struktur Pengagihan Unit dalam Takaful Berkaitan Pelaburan

**C9.3 JENIS-JENIS DANA BERKAITAN PELABURAN**

Untuk portfolio pelaburan, peserta mempunyai pilihan untuk melabur dalam dana bergantung kepada risiko yang peserta sedia hadapi. Melabur dalam Takaful Berkaitan Pelaburan bermakna peserta membeli unit di dalam dana. Nilai unit dikaitkan dengan prestasi dana pelaburan yang boleh berubah-ubah. Semua dana pelaburan mempunyai ciri-ciri yang berbeza dan boleh dibahagikan ke dalam kategori yang dikenali sebagai kelas aset, contohnya, dana pendapatan, dana seimbang, dana pertumbuhan, dana harta dan *sukuk*. Kelas aset yang berbeza mempunyai risiko yang berbeza.

Adalah penting bagi peserta memilih dana pelaburan yang menggambarkan tahap risiko mengikut keselesaannya sebab risiko pelaburan akan ditanggung olehnya.

**1. Dana Tunai**

Objektif	Dana ini bertujuan untuk memberi aliran pendapatan tetap kepada pelabur dan juga mempunyai tahap kecairan yang tinggi bagi memenuhi keperluan aliran tunai sementara mengekalkan pengekalan modal.
Strategi Pelaburan	Dana ini akan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam, termasuk deposit Islam, Instrumen Boleh Niaga Islam dan Bil Penerimaan Islam.

Tahap Risiko	Sangat rendah.
--------------	----------------

## 2. Dana Pendapatan

Objektif	Objektif utama dana ialah untuk menyediakan pendapatan semasa pada tahap yang tinggi selaras dengan pengekalan modal.
Strategi Pelaburan	Dana ini akan melabur dalam pelbagai <i>sukuk</i> , sama ada yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia atau syarikat swasta.
Tahap Risiko	Rendah.

## 3. Dana Seimbang

Objektif	Objektif utama dana ialah pertumbuhan modal dalam masa jangka panjang dan tahap pendapatan yang berpatutan untuk pelabur.
Strategi Pelaburan	Dana ini akan melabur dalam ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.
Tahap Risiko	Sederhana.

## 4. Dana Harta

Objektif	Objektif utama dana ialah untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pelabur dan peningkatan modal dalam masa jangka panjang.
Strategi Pelaburan	Portfolio ini akan melabur dalam sekuriti hartanah dan sekuriti berkaitan hartanah dan boleh mengambil bahagian dalam skim pelaburan kolektif dalam harta yang disenaraikan di bursa saham, sekuriti bukan ekuiti dan aset mudah cair.
Tahap Risiko	Sederhana.

## 5. Dana Terurus

Objektif	Objektif utama dana ialah untuk menawarkan kepada pelabur jumlah pulangan jangka panjang yang sederhana hingga tinggi.
Strategi Pelaburan	Portfolio ini akan melabur dalam pelbagai kelas aset seperti saham, hartanah dan <i>sukuk</i> .
Tahap Risiko	Tinggi.

## 6. Dana Pertumbuhan

Objektif	Objektif utama dana ini adalah pertumbuhan modal masa jangka panjang.
Strategi Pelaburan	Dana akan melabur dalam portfolio yang mempunyai pelbagai aset. Walau bagaimanapun, kerana sifat dana yang agak agresif, dana akan melabur dalam portfolio ekuiti yang mempunyai potensi pertumbuhan untuk mencapai matlamat pertumbuhan modal.
Tahap Risiko	Tinggi.

## 7. Dana Khusus

Objektif	Objektif utama dana ini ialah untuk memberikan pelabur pulangan dengan cara pertumbuhan modal melalui pelaburan dalam industri tertentu atau sektor.
Strategi Pelaburan	Dana akan memberi tumpuan kepada kelas aset yang bukan tradisional yang membolehkan pelabur mengambil bahagian dalam segmen pasaran yang khusus atau metodologi melabur yang sangat khusus.
Tahap Risiko	Sangat tinggi.

### C9.4 NISBAH RISIKO - PULANGAN

Nisbah risiko-pulangan ditakrifkan sebagai prinsip bahawa potensi pulangan meningkat dengan peningkatan risiko. Tahap ketidakpastian yang rendah (berisiko rendah) dikaitkan dengan potensi pulangan yang rendah, manakala tahap ketidakpastian yang tinggi (berisiko tinggi) dikaitkan dengan potensi pulangan yang tinggi. Menurut nisbah risiko-pulangan, wang yang dilabur boleh membuat keuntungan yang lebih tinggi hanya jika ia tertakluk kepada kemungkinan boleh menghadapi kerugian.



Diagram 6 : Nisbah Risiko-Pulangan

### C9.5 PENUKARAN DANA

Penukaran dana ditakrifkan sebagai aktiviti pelaburan di mana unit daripada satu dana yang dijual dan hasil daripada penjualan tersebut dilaburkan semula dalam dana lain. Aktiviti ini berlaku sebab persepsi pelabur berubah mengenai peluang-peluang pelaburan. Ia juga mungkin disebabkan oleh perubahan profil risiko pelabur.

Amalan penukaran dana berbeza antara satu Pengendali Takaful dengan pengendali lain. Terdapat beberapa pilihan yang ditawarkan di pasaran:

1. Pengendali Takaful menawarkan secara percuma bagi mana-mana penukaran unit yang buat pada tahun berkenaan.
2. Pengendali Takaful menawarkan secara percuma penukaran untuk bilangan unit terhad yang dibuat dalam tempoh tertentu. Sebagai contoh, ditawarkan secara percuma untuk penukaran unit kali pertama setiap tahun. Penukaran unit berikutnya akan dikenakan caj atau bayaran.
3. Pengendali Takaful akan dikenakan caj atau bayaran bagi setiap penukaran unit.

## BAB C10 : BAGAIMANA PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN BERFUNGSI

### Objektif Pembelajaran

Memahami bagaimana Takaful Berkaitan Pelaburan berfungsi.

### Hasil Pembelajaran

Boleh memberikan nasihat yang berkesan berkenaan bagaimana Takaful Berkaitan Pelaburan berfungsi kepada pelanggan.

### C10.1 PENGIRAAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN

#### 1. Nilai seunit

Nilai unit akan dikira seperti berikut:

$$\text{Nilai seunit} = \frac{\text{Jumlah Nilai Dana}}{\text{Bilangan Unit}}$$

#### Contoh:

Nilai dana	-	RM10,000,000
Bilangan unit	-	10,000,000
Oleh itu, nilai seunit	-	RM10,000,000/10,000,000 unit
	=	RM1.00

Apa akan berlaku jika nilai dana meningkat dari RM10 juta kepada RM15 juta dengan bilangan unit yang sama?

#### Pengiraan

Nilai dana	-	RM 15,000,000
Bilangan unit	-	10,000,000
Nilai seunit	-	RM15,000,000/10,000,000
	=	RM1.50



## 2. Pelaburan

Sumbangan yang dibuat oleh peserta akan digunakan untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang diuruskan oleh Pengendali Takaful. Pengendali Takaful akan membeli unit pada harga unit yang diisytiharkan.

Bilangan unit yang dibeli akan dikira seperti berikut:

$$\text{Bilangan Unit Dibeli} = \frac{(\text{Sumbangan tolak Caj Sijil})}{\text{Unit Harga}}$$

<b>Contoh:</b>		
Sumbangan bulanan	-	RM200
Harga unit	-	RM1.25
Caj sijil	-	5%
<u>Pengiraan</u>		
Caj sijil	-	RM200 x 5%
	=	RM10
Bilangan unit yang dibeli	-	(RM200 tolak RM10)/RM1.25
	=	152 unit

## 3. Perlindungan

Perlindungan disediakan dengan menyumbang sebahagian dari sumbangan kepada dana *tabarru'* melalui penebusan unit daripada dana pelaburan. *Tabarru'* dijalankan secara 'kaedah titisan'.

<b>Contoh:</b>		
<i>Tabarru'</i> bulanan	-	RM125
Harga unit	-	RM1.25
Bilangan unit yang ditebus	-	RM125/RM1.25
	=	100 unit

## 4. Nilai Tunai

Nilai Tunai dana akan dikira seperti berikut:

$$(\text{Bilangan Unit} \times \text{Harga Seunit}) - (\text{Caj Tabarru}' + \text{Yuran Sijil})$$

**Contoh:**

Bilangan unit	-	10,000
Harga unit	-	RM1
Caj <i>tabarru'</i>	-	1%
Yuran sijil	-	RM 100
Caj <i>tabarru'</i>	-	(10,000 X RM1 X 1%)
	=	RM100
Nilai wang	-	(10,000 X RM1) - (RM100 + RM100)
	=	RM10,000 - RM 200
	=	RM9,800

**C10.2 PENAMBAHAN**

Peserta boleh membuat sumbangan tambahan pada bila-bila masa pada sepanjang tempoh kontrak. Sumbangan tambahan akan digunakan untuk membeli unit tambahan (selepas ditolak yuran tambahan).

Tidak ada peruntukan untuk Dana Risiko Peserta (*tabarru'*).

**C10.3 SIJIL SUMBANGAN TUNGGAL - KAEDAH PENGIRAAN MANFAAT**

Berdasarkan kepada Garis Panduan BNM/RH/GL 010-15 mengenai Perniagaan Takaful Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2010, faedah di bawah sumbangan tunggal ialah:

- RM5,000 atau 125% daripada sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi.
- Untuk usia lebih tua dan untuk kehidupan substandard, tertakluk kepada minimum RM5,000 atau 105% daripada sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi.

#### C10.4 PENANGGUHAN SUMBANGAN (CONTRIBUTION HOLIDAY)

Selepas sijil Takaful Berkaitan Pelaburan berkuatkuasa untuk tempoh tertentu, peserta boleh meminta kemudahan Penangguhan Sumbangan (contribution holiday) di mana peserta tidak perlu membayar sumbangan berkala/ tetap untuk tempoh tertentu bergantung kepada nilai terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta. Penangguhan Sumbangan hanya akan berlaku sekiranya nilai di dalam Dana Pelaburan Peserta mencukupi untuk menanggung *tabarru'* (caj risiko) dan fi juga caj-caj yang lain di bawah sijil Takaful semasa tempoh Penangguhan Sumbangan.

Garis Panduan BNM mengenai perniagaan insurans/ Takaful Berkaitan Pelaburan menetapkan Pengendali Takaful untuk mendapatkan kebenaran peserta sebelum menolak apa-apa caj ke atas rider dari Dana Pelaburan Peserta semasa tempoh Penangguhan Sumbangan. Sebaik sahaja penolakan secara automatik berkuatkuasa, Pengendali Takaful perlu mengingatkan bahawa penolakan rider secara mod automatik di dalam penyata tahunan kepada peserta dan memberitahu akibat yang mungkin berlaku sekiranya penolakan secara berterusan dengan mod tersebut. Pengendali Takaful juga diminta untuk memberi nasihat pilihan yang ada kepada peserta sebagai contoh pengurangan/ membatalkan perlindungan rider.

#### C10.5 MANFAAT PENGELUARAN

Peserta boleh membuat pengeluaran tunai daripada sebahagian pelaburannya pada bila-bila masa sebelum tarikh matang sijilnya. Peserta mempunyai fleksibiliti untuk mengeluarkan pelaburan mereka pada bila-bila masa untuk menampung pelbagai keperluan kewangan mereka pada peringkat kehidupan yang berbeza.

Pengeluaran boleh dibuat berdasarkan bilangan unit atau jumlah wang yang tetap.

##### 1. Bilangan Unit

Jumlah pengeluaran dikira dengan mendarabkan bilangan unit dengan harga seunit.

<b>Contoh:</b>		
Bilangan Unit	-	1,000 unit
Harga Seunit	-	RM1.50
Oleh itu, jumlah pengeluaran adalah		
1,000 unit x RM1.50	=	RM1, 500

## 2. Jumlah Wang yang Tetap

Amaun pengeluaran dikira dengan membahagikan jumlah yang dicadangkan dengan harga seunit.

<b>Contoh:</b>		
Jumlah yang dicadangkan	-	RM2, 000
Harga Seunit	-	RM1.20
Oleh itu, unit yang akan dijual adalah		
<u>RM2, 000</u>	=	RM1, 666
RM1.20		

### C10.6 NILAI SERAHAN

Peserta boleh menyerahkan sijil mereka pada bila-bila masa. Pengiraan nilai serahan adalah sama seperti pengiraan untuk pengeluaran.

### C10.7 NILAI MATANG

Apabila sijil Takaful matang, semua unit Dana Pelaburan Peserta akan ditebus dengan harga bidaan dana yang berkaitan. Kesemua nilai Dana Pelaburan Peserta akan dibayar kepada peserta sebagai manfaat matang.

### C10.8 TEMPOH RUJUKAN PERCUMA/TEMPOH BERTENANG (FREELOOK PERIOD)

Tempoh Rujukan Percuma/Tempoh Bertenang memberi peluang kepada peserta untuk menyemak sijil produk sepenuhnya bagi mengesahkan samada produk berkenaan menepati keperluannya. Ini dapat melindungi peserta dari berlakunya salah laku semasa jualan.

Di dalam 'Garis Panduan Ketelusan dan Pendedahan Produk' yang dikeluarkan oleh BNM, Jadual IV Perenggan 4.2b, menetapkan bahawa pada masa memasuki kontrak, peserta hendaklah dimaklumkan mengenai Tempoh Rujukan Percuma/ Tempoh Bertenang.

'Garis Panduan Insurans/Takaful Berkaitan Pelaburan' tersebut menetapkan:

Sekiranya sijil dibatalkan di dalam tempoh 15 hari di dalam Tempoh Rujukan Percuma/ Tempoh Bertenang, Pengendali Takaful perlu membayar balik:

- a) Sumbangan yang belum diperuntukkan
- b) Nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada), pada harga unit dan penilaian tarikh seterusnya
- c) Sebarang caj Takaful dan fi sijil yang telah ditolak, ditolak perbelanjaan yang mungkin ditanggung pemeriksaan perubatan peserta.

Garis Panduan di atas selari dengan peruntukan IFSA 2013, Jadual 8 Perenggan 2.

### **C10.9 MANFAAT KEMATIAN**

Terdapat 2 jenis manfaat kematian:

1. Nilai Unit ditambah dengan Jumlah yang Dilindungi

Dalam kes tuntutan di bawah jenis manfaat kematian tersebut, peserta akan memperoleh kedua-dua nilai pelaburan dan jumlah yang dilindungi.

2. Nilai Unit atau Perlindungan Kematian (yang mana lebih tinggi)

Di bawah tuntutan tersebut, peserta akan memperoleh sama ada jumlah nilai pelaburan atau jumlah yang dilindungi, yang mana lebih tinggi.

### **C10.10 PENGAGIHAN LEBIHAN**

Pengendali Takaful secara berkala akan melaksanakan penilaian aktuari untuk Dana Risiko Peserta di bawah nasihat aktuari. Sekiranya ada lebihan dari Dana Risiko Peserta, ia akan diagihkan mengikut nisbah yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam sijil.

Perkongsi lebihan akan hanya dibayar sekiranya peserta tidak membuat sebarang tuntutan di dalam tempoh masa Takaful. Lebihan akan digunakan untuk membeli unit Takaful Berkaitan Pelaburan dan dikreditkan di dalam dana sedia ada yang dipilih oleh peserta mengikut peratusan masing-masing. Tiada penolakan caj dikenakan.

### **C10.11 PENYATA DAN LAPORAN PRESTASI DANA KEPADA PESERTA**

Pengendali Takaful dikehendaki untuk memberi laporan prestasi setiap dana berkaitan pelaburan sekurang-kurangnya sekali setahun kepada setiap peserta. Laporan perlu diagihkan di dalam tempoh empat bulan dari tahun berakhir kewangan setiap tahun. Pengendali Takaful, atau tempoh akhir laporan tahunan di mana laporan lebih kerap disediakan. Bagi dana tertutup, Pengendali Takaful boleh menyediakan laporan berdasarkan kepada kewangan dana akhir tahun.

Pengendali Takaful juga dikehendaki menyediakan penyata nilai sijil pelaburan sekurang-

kurangnya sekali dalam setahun kepada setiap peserta. Penyata perlu diagihkan di dalam tempoh dua bulan selepas tahun berakhir kewangan Pengendali Takaful setiap tahun, atau tempoh akhir laporan tahunan di mana penyata lebih kerap disediakan. Setiap transaksi sepanjang tempoh tersebut perlu dilaporkan secara individu, beserta dengan tarikh transaksi individu berlaku.

## **BAB C11 : PERCUKAIAN DAN UNDANG-UNDANG YANG MELIPUTI PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN**

### **Objektif Pembelajaran**

Memahami cukai dan undang-undang berkaitan Takaful Berkaitan Pelaburan.

### **Hasil Pembelajaran**

Mahir serta boleh mengenal cukai dan undang-undang yang mengawal Takaful Berkaitan Pelaburan.

### **C11.1 PENGENALAN**

Cukai merupakan salah satu pertimbangan yang utama bagi bakal pelabur sebelum membuat sebarang keputusan mengenai pelaburan. Peserta juga perlu memahami peruntukan seperti yang dinyatakan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

### **C11.2 PERCUKAIAN DALAM PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN**

Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan dikategorikan sebagai produk Takaful Keluarga. Oleh itu, pengiraan cukai Pelan Takaful tersebut adalah sama cara seperti Takaful Keluarga yang lain.

Pelepasan cukai dibenarkan apabila sijil Takaful adalah: -

1. atas hayat peserta individu.
2. atas hayat isteri kepada peserta individu.
3. atas hayat bersama iaitu peserta individu dan pasangannya.

Jumlah maksimum pelepasan yang dibenarkan untuk Takaful Keluarga biasa adalah RM6,000 setahun ditolak caruman yang dibayar kepada skim faedah persaraan iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Bagi Pelan Perubatan dan Pelan Pendidikan, pelepasan cukai ialah RM3,000 setahun. Oleh itu, sumbangan yang dibayar oleh peserta adalah layak mendapat pelepasan cukai pendapatan.

Tidak seperti unit amanah, Pengendali Takaful tidak dapat pengecualian ke atas keuntungan daripada realisasi pelaburan. Walau bagaimanapun, Pengendali Takaful dicukai pada kadar yang lebih rendah iaitu 8% ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan keuntungan modal yang direalisasi daripada dana Takaful Keluarga. Oleh kerana lebihan yang dijana

daripada pengunderaitan produk Takaful Berkaitan Pelaburan sudah dikenakan cukai di peringkat Pengendali Takaful, hasil yang diagihkan kepada peserta-peserta Takaful Berkaitan Pelaburan dikecualikan daripada cukai.

Apabila sijil matang atau apabila ia dibayar apabila berlaku peristiwa yang dilindungi, ia dianggap sebagai penerimaan modal, bukan pendapatan. Oleh itu, ia tidak dikenakan cukai kerana tidak melibatkan keuntungan modal.

### C11.3 UNDANG-UNDANG YANG MELIPUTI PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN

Di Malaysia, peraturan perniagaan Takaful diperoleh melalui pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Penguatkuasaan Akta adalah di bawah kuasa Gabenor Bank Negara Malaysia.

Tujuan-tujuan utama peraturan termasuk: -

1.	Perlindungan Kepentingan Awam	Memastikan Pengendali Takaful mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mampu memenuhi tanggungjawab kepada pemilik sijil dan pihak yang menuntut.
2.	Mengemukakan Keadilan dan kesaksamaan	Memastikan Pengendali Takaful, broker dan penyelaras (secara kolektif dikenali sebagai pemegang lesen di bawah Akta) adalah adil dan saksama dalam urusan mereka dengan pelanggan dan pihak yang
3.	Memupuk Kewibawaan	Bagi memupuk tahap kecekapan dan integriti profesional yang tinggi di kalangan Pengendali Takaful, broker dan penyelaras.
4.	Memainkan Peranan Pembangunan	Menggalakkan industri Takaful memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan ekonomi negara.

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 memperuntukkan dasar dan piawaian secara menyeluruh, sementara keperluan terperinci ditetapkan oleh peraturan-peraturan atau dinyatakan secara khusus melalui garis panduan, surat pekeliling dan kod amalan perniagaan yang baik.

Garis panduan terkini mengenai Perniagaan Insurans/ Takaful Berkaitan Pelaburan BNM/RH/GL 010-15 telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2010 dan telah berkuat kuasa mulai 12 November 2010.



Berikut adalah bidang berkenaan garis panduan yang berkaitan dengan ejen Takaful:

Bil	Ciri-ciri	Penerangan
1	Had Umur Pemilik Sijil	Peserta Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun. Syarat ini dikenakan bagi perniagaan Takaful berkaitan pelaburan memandangkan keperluan untuk menghadkan penjualan pelan tersebut kepada individu yang cukup matang untuk membuat penilaian terhadap risiko pelaburan yang terlibat dan membuat keputusan pelaburan yang kukuh.
2	Tempoh Rujukan Percuma/Tempoh Bertenang	Peserta diberi tempoh 15 hari kalendar dari tarikh penerimaan sijil untuk meneliti terma dan syarat sijil. Peserta boleh menamatkan kuatkuasa sijil dalam masa 15 hari tempoh bertenang dan Pengendali Takaful hendaklah dengan serta-merta mengembalikan sebarang sumbangan yang dibayar ke atas sijil berkenaan.
3	Manfaat Kematian Minimum	<p>Produk Takaful Berkaitan Pelaburan hendaklah menyediakan manfaat kematian minimum (tidak termasuk <i>rider</i>) seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>untuk sijil sumbangan tunggal - RM5,000 atau 125% daripada sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi; dan</li> <li>untuk sijil sumbangan tetap – RM5,000 atau gandaan sumbangan tahunan, yang mana lebih tinggi.</li> </ol> <p>Pengendali Takaful boleh menawar manfaat kematian yang lebih rendah daripada minimum yang dinyatakan di atas untuk peringkat umur yang lebih tua dan untuk umur substandard, tertakluk kepada minimum RM5,000 atau 105% daripada sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi.</p>
4	Bayaran Sumbangan Minimum	Pelan sumbangan tunggal mesti mempunyai sumbangan minimum sebanyak RM3,000. Ini bagi mencerminkan jumlah pelaburan yang munasabah untuk memberi faedah yang lebih bermakna kepada peserta.

5	Perantaraan	Hanya ejen dan lain-lain pengantara Pengendali Takaful yang telah lulus Peperiksaan Asas Takaful atau yang setaraf dengannya, dibenarkan memasarkan produk Takaful berkaitan pelaburan.
6	Pendedahan Maklumat	<p>a. Bahan Jualan/ Ilustrasi</p> <p>Ilustrasi jualan/ pemasaran mesti memenuhi kandungan minimum dan keperluan pendedahan lain yang dinyatakan di dalam Kod dan Garis Panduan Produk Takaful Keluarga. Di samping itu, ilustrasi jualan/ pemasaran untuk sijil Takaful Berkaitan Pelaburan juga hendaklah mematuhi format yang disediakan di dalam Garis Panduan.</p> <p>b. Penyata kepada Pemilik Sijil</p> <p>Pengendali Takaful hendaklah menyediakan kepada setiap peserta satu kenyataan mengenai nilai sijil peserta sekurang-kurangnya sekali setahun. Penyata tersebut hendaklah diedarkan dalam tempoh dua bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan Pengendali Takaful, atau akhir tempoh yang dilaporkan di mana kenyataan yang lebih kerap disediakan.</p> <p>Penyata yang diedarkan kepada setiap peserta mengenai status sijil Takaful Berkaitan Pelaburan mesti mengandungi, tetapi tidak terhad kepada, maklumat yang ditetapkan dalam format yang disediakan dalam garis panduan.</p> <p>Setiap transaksi dalam tempoh berkenaan perlu dilaporkan secara individu, bersama dengan tarikh di mana urusan niaga individu berlaku.</p>

		<p>c. Laporan Prestasi Dana kepada Pemilik Sijil</p> <p>Pengendali Takaful hendaklah menyediakan laporan mengenai prestasi setiap dana Takaful Berkaitan Pelaburan di mana peserta mempunyai unit sekurang-kurangnya sekali setahun kepada peserta. Laporan tersebut hendaklah diedarkan dalam tempoh empat bulan dari akhir setiap tahun kewangan Pengendali Takaful, atau akhir tempoh yang dilaporkan di mana laporan yang lebih kerap disediakan. Untuk dana tertutup, Pengendali Takaful boleh menyediakan laporan berdasarkan akhir tahun kewangan dana.</p> <p>Laporan prestasi dana, termasuk penyata kewangan yang telah diaudit dan nota-nota kepada akaun, hendaklah mengandungi maklumat yang minimum seperti yang ditetapkan dalam format yang disediakan dalam Garis Panduan.</p>
--	--	---

## BAB C12 : MENGENALPASTI DAN MEWUJUDKAN KEPERLUAN PELANGGAN

### Objektif Pembelajaran

Memahami kepentingan mengenalpasti dan mewujudkan keperluan pelanggan dengan tepat.

### Hasil Pembelajaran

Mampu menjalankan tugas mengenalpasti cadangan yang diperlukan dalam memenuhi keperluan pelanggan.

### C12.1 PENGENALAN

Ejen Takaful menghadapi cabaran-cabaran baharu yang amat berbeza berbanding sebelumnya. Landskap kewangan masa sekarang telah membuat semua orang lebih berhati-hati sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan.

Untuk mengenal pasti dan mewujudkan keperluan pelanggan ejen dikehendaki mempunyai ilmu pengetahuan dan pemahaman mengenai perlindungan dan skop Takaful Keluarga. Ejen itu juga dikehendaki mahir dalam memberi nasihat kewangan untuk memenuhi keperluan tersebut.

Susunan proses memberi khidmat nasihat melibatkan langkah-langkah berikut: -

1. Mewujudkan dan menentukan hubungan pelanggan-ejen;
2. Mengumpul semua data kewangan yang berkaitan, termasuk matlamat;
3. Menganalisa dan menilai status kewangan pelanggan;
4. Merangka dan membenteng cadangan;
5. Melaksanakan cadangan;
6. Memantau keputusan yang telah dibuat.

### C12.2 MEWUJUDKAN DAN MENENTUKAN HUBUNGAN PELANGGAN-EJEN

Asas bagi kejayaan penjualan produk Takaful adalah amanah dan jika prospek tidak percaya kepada ejen, ia akan menjadi sangat sukar untuk ejen membuat jualan. Membina kepercayaan kepada bakal pelanggan merupakan bahagian terpenting untuk melahirkan profesional Takaful yang berjaya dan menguntungkan.

Ejen perlu memulakan proses ini dengan mewujudkan hubungan dengan bakal pelanggan. Mewujudkan hubungan percaya mempercayai akan membantu pelanggan meletakkan

keyakinan kepada ejen dan kemudiannya membincangkan keperluan kewangan mereka.

Ejen perlu meyakinkan pelanggan bahawa dia mampu membantu mereka dalam memenuhi matlamat kewangan mereka. Ini adalah satu langkah yang penting. Ejen perlu bertanya soalan yang betul kepada pelanggan dan mengetahui apa yang mereka kehendaki, keperluan semasa dan masa depan mereka, untuk mendapatkan keyakinan daripada mereka.

Keyakinan yang diperoleh itu akan meletakkan ejen sebagai penasihat yang dipercayai, di mana ejen boleh mengesyorkan kepada pelanggan produk yang sesuai untuk sebab-sebab yang betul. Akhirnya, ejen akan dapat membina sekumpulan prospek yang berkualiti.

### **C12.3 MENGUMPULKAN SEMUA DATA BERKAITAN KEWANGAN TERMASUK MATLAMAT**

Langkah seterusnya ialah tindakan ejen mengumpul semua data yang berkaitan yang akan membantunya dalam menganalisis apa yang diperlukan dalam perancangan kewangan untuk pelanggan. Ejen perlu mengendali secara terperinci sesi “mencari fakta” dan mendapatkan semua data yang berkaitan untuk membolehkan dia bergerak ke langkah seterusnya. Ejen perlu meminta maklumat mengenai kedudukan kewangan, matlamat peribadi dan matlamat kewangan pelanggan, dan memahami tempoh masa pelanggan untuk memperoleh hasil dan membincangkan bagaimana ini boleh dicapai.

Amalan semasa telah mewajibkan ejen mengisi Borang Carian Fakta Pelanggan sebelum mengemukakan cadangan perniagaan baru kepada pengendali Takaful. Borang Carian Fakta Pelanggan adalah satu dokumen penting dan boleh membantu ejen mendapatkan semua maklumat yang berkaitan tentang pelanggan untuk menentukan keadaan kewangan pelanggan dan juga untuk mewujudkan keperluan pelanggan.

Borang Carian Fakta Pelanggan menyetengahkan skop seperti berikut: -

- Maklumat Peribadi dan Tanggungan Pelanggan;
- Keutamaan dan Matlamat Hidup dan Kewangan;
- Profil Risiko;
- Analisa Nilai Bersih;
- Analisa Aliran Tunai;
- Cadangan dan Nasihat.

Maklumat di atas akan memberi gambaran yang jelas tentang keadaan pelanggan dan membantu ejen untuk merangkakan cadangan untuk mencapai matlamat dan objektif kewangan pelanggan. Pengantara juga perlu mengekalkan penyimpanan rekod yang sistematik untuk semua maklumat dan data pelanggan kerana ini adalah kontrak jangka panjang.

#### **C12.4 MERANGKA PELAN DAN STRATEGI UNTUK MENCAPAI MATLAMAT**

Ejen perlu menganalisis maklumat pelanggan untuk menilai keadaan semasa dan menentukan apa yang diperlukan untuk memenuhi matlamat pelanggan. Ejen perlu merangka pelan yang akan membantu pelanggan mencapai matlamatnya. Analisa ini akan memberikan cadangan yang akan memenuhi keperluan pelanggan dalam bidang seperti berikut:

- Perlindungan yang mencukupi;
- Perancangan untuk pendidikan anak-anak;
- Perancangan persaraan;
- Pengumpulan aset;
- Perancangan harta.

Senarai di atas tidak menyeluruh tetapi ini adalah bidang utama yang kebanyakan orang bimbang. Merangka satu pelan yang konstruktif untuk memenuhi keperluan pelanggan adalah penting dan perlu dilakukan dengan secara berhemah.

#### **C12.5 MEMBINCANGKAN CADANGAN**

Apabila cadangan pelan pelaburan telah siap, ejen perlu duduk dan berbincang secara terperinci, dengan pelanggan untuk memperbaiki lagi pelan tersebut. Ejen harus memberi cadangan yang dapat menangani matlamat pelanggan, berdasarkan maklumat yang dikumpulkan. Ejen perlu menerangkan cadangan-cadangan berkenaan untuk memastikan pelanggan memahami dan seterusnya mampu membuat keputusan berdasarkan maklumat. Ejen juga perlu mendengar pendapat pelanggan dan menyemak semula cadangan sekiranya perlu.

Setiap pelanggan adalah berbeza. Sekiranya seseorang ejen menggunakan satu pelan untuk pelbagai pelanggan, maka tindakan tersebut adalah salah. Pelan yang telah dibangunkan adalah unik hanya untuk pelanggan tertentu dan ejen mesti memahami perkara ini.

#### **C12.6 PELAKSANAAN CADANGAN**

Pelanggan dan ejen perlu bersetuju bagaimana cadangan tersebut akan dilaksanakan. Ejen boleh melaksanakan semua cadangan seperti yang dibincangkan dan sebarang perubahan kepada jumlah perlindungan atau jumlah sumbangan perlu dimaklumkan kepada pelanggan terlebih dahulu sebelum cadangan dilaksanakan.

### **C12.7 PEMANTAUAN CADANGAN**

Pemantauan cadangan yang telah dilaksanakan ialah fungsi yang sangat penting dalam skop pekerjaan ejen. Pemantauan berkala perlu dilakukan dan pelanggan perlu diberitahu mengenai kemajuan pelaburan tersebut.

Oleh kerana kita berurusan dengan produk Takaful Berkaitan Pelaburan, Pengendali Takaful dikehendaki menghantar laporan suku tahunan atau tahunan kepada pelanggannya mengenai prestasi dana yang dilaburkan. Ejen perlu memastikan bahawa pelanggan mendapat laporan dan juga membantu pelanggan dengan menjelaskan isi kandung laporan tersebut. Ejen juga mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa pertumbuhan dana adalah sejajar dengan objektif awal yang ditetapkan. Ejen perlu membantu pelanggan untuk membuat penukaran dan pelarasan untuk memastikan bahawa pelanggan mendapat pulangan terbaik dari sijil.

Ejen perlu melakukan kajian semula ke atas sijil pada setiap setengah tahun atau tahunan. Kajian semula secara spontan juga boleh dilakukan jika terdapat keperluan khas dari pelanggan atau jika terdapat perubahan besar yang mungkin telah berlaku kepada akaun pelaburan pelanggan.

Melakukan kajian semula secara kerap adalah digalakkan kerana ini juga akan memberi peluang kepada ejen untuk mendapatkan senarai nama rujukan yang berkualiti dari pelanggan untuk mengembangkan lagi perniagaannya. Ia juga membolehkan ejen untuk menjual produk-produk lain yang berkaitan dengan Takaful sewaktu menjalankan kajian ini.

**BAB C13 : AMALAN TAKAFUL KELUARGA: PEMASARAN DAN PERKHIDMATAN, KOD ETIKA DAN TINGKAH LAKU****Objektif Pembelajaran**

Memahami kepentingan perkhidmatan & pemasaran dan juga etika & kod tingkah laku yang berkaitan dengan ejen Takaful Keluarga.

**Hasil Pembelajaran**

Mampu menjelaskan amalan pemasaran & perkhidmatan dan mematuhi etika & kod tingkah laku untuk ejen Takaful Keluarga.

**C13.1 PENGENALAN**

Isu-isu mengenai etika dan Kod Tingkah laku yang diamalkan oleh ejen telah menjadi keprihatinan berterusan untuk semua pihak yang berkepentingan sejak Pengendali Takaful yang pertama memulakan operasinya pada pertengahan 1980-an. Pertumbuhan industri ini amat mengagumkan, mengatasi insurans konvensional secara konsisten selama sepuluh tahun yang lalu.

Ketika pasaran menjadi lebih berdaya saing kerana kemasukan pemain baru, Pengendali Takaful perlu mencari kaedah dan cara baru untuk meningkatkan kadar penembusan Takaful di Malaysia. Salah satu strategi ialah memperbaiki dan membangunkan kemahiran tenaga agensi melalui latihan intensif dalam aspek pemasaran dan perkhidmatan serta mengamalkan Etika dan Kod Tingkah laku ke tahap yang lebih tinggi. Kesan tenaga agensi yang lebih berkaliber boleh mewujudkan tanggapan jangka panjang yang positif dan dengan demikian menjadikan pemasaran produk dan perkhidmatan Takaful lebih mudah.

**C13.2 PEMASARAN**

Sebagai seorang yang baru berkecimpung dalam industri yang mencabar ini, ejen perlu mempunyai asas dan ilmu mengenai Takaful sebelum mereka boleh memulakan kerjaya sebagai ejen Takaful yang berjaya. Dan maklumat berikut mesti diketahui oleh ejen apabila berhadapan dengan bakal pelanggan mereka:

**1. Pengenalan**

Istilah umum berikut perlu difahami dan ia bermaksud seperti berikut:



- a. Istilah “Takaful Keluarga” yang digunakan dalam Kod Etika & Tingkah laku meliputi semua jenis:
  - Perkhidmatan Perumahan,
  - Keluarga Biasa,
  - Anuiti,
  - Skim Pencen,
  - Takaful Berkaitan Pelaburan,
  - Takaful Kesihatan Kekal.
- b. Kod tersebut diterima pakai oleh semua perantara, iaitu semua orang, termasuk kakitangan Pengendali Takaful yang memasarkan produk Takaful Keluarga. Broker insurans berdaftar dan/ atau broker Takaful dikecualikan secara khusus, kerana mereka tertakluk kepada Kod Tingkah Laku profesional yang berasingan.
- c. Syarikat-syarikat ahli Persatuan Takaful Malaysia dikehendaki menguatkuasakan Kod dan menggunakan usaha yang terbaik mereka untuk memastikan pematuhan terhadap pelbagai peruntukan dalam Kod, oleh semua orang yang terlibat dalam pemasaran sijil Takaful.

Jawatankuasa Audit/ Tatatertib Pengendali Takaful bertanggungjawab memantau pematuhan oleh pengantara Takaful Keluarga. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan suku tahunan kepada Bank Negara Malaysia mengenai sebarang pelanggaran Kod dalam suku tahun berkenaan dan tindakan pembedahan atau hukuman yang telah diambil.

- d. Dalam kes aduan daripada peserta mengenai pengantara yang telah bertindak melanggar Kod, pengantara dikehendaki bekerjasama dengan Pengendali Takaful untuk membantu mengumpulkan fakta- fakta berkaitan.
- e. Kewajipan utama pengantara ialah mesti melaksanakan perniagaan dengan penuh kepercayaan dan berintegriti pada setiap masa.

## 2. Prinsip Asas Penjualan

Seksyen ini dan seksyen yang berikutnya adalah petikkan daripada Kod Etika dan Tingkah Laku dalam usaha mengekalkan semangat dan objektif Kod.

### a. Pengantara hendaklah:

- i. apabila menghubungi bakal pelanggan, ejen perlu memberitahu pelanggan bahawa dia mewakili Pengendali Takaful tertentu dan menunjukkan Kad Kuasa Pengantara Berdaftar.
- ii. memastikan bahawa sijil yang dicadangkan adalah bersesuaian dengan keperluan pelanggan dan tidak di luar kemampuan kewangan beliau.
- iii. memberi nasihat hanya pada perkara-perkara di mana ejen mempunyai ilmu yang mendalam dan mendapatkan atau mengesyorkan nasihat pakar yang lain jika

- perlu.
- iv. memastikan semua maklumat yang dibekalkan oleh bakal pelanggan sebagai rahsia dan sulit.
  - v. apabila membuat perbandingan dengan jenis polisi yang lain, sijil Takaful atau bentuk pelaburan yang lain, jelaskan ciri-ciri yang berbeza pada setiap sijil/pelaburan, tanpa menyebut nama Pengendali Takaful berkaitan.
  - vi. memberikan perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggan.
- b. Pengantara tidak boleh:
- i. membuat kritikan yang tidak tepat atau tidak adil kepada mana-mana Pengendali Takaful.
  - ii. cuba memujuk bakal pelanggan membatalkan mana-mana sijil yang sedia ada melainkan sijil tersebut adalah jelas tidak sesuai untuk keperluan pelanggan.

Semua syarikat yang menjadi ahli Persatuan Takaful Malaysia bersetuju memastikan bahawa semua ejen dan pengantara perlu diberitahu dan menyedari bahawa ialah suatu tindakan yang bertentangan dengan kepentingan peserta untuk mengamalkan kaedah penjualan Penggantian Sijil atau dikenali sebagai "pembelitan" (*twisting*). Syarikat-syarikat ahli juga telah bersetuju bekerjasama untuk menghapuskan amalan tersebut. Sekiranya terbukti berlaku Penggantian Sijil, tindakan sewajarnya boleh diambil terhadap ejen yang terlibat.

### 3. Definisi Penggantian Sijil (*Replacement of Certificate*)

Penggantian Sijil ditakrifkan sebagai pembatalan sijil atau menjadikan sijil berkenaan sebagai jelas dibayar dan kemudian mengeluarkan sijil yang baru dengan Pengendali Takaful yang lain atau Pengendali Takaful yang sama.

Kerugian kepada pelanggan akibat daripada Penggantian Sijil adalah:

- a. Setiap kali peserta menukar perlindungan asas dari satu Pengendali Takaful ke Pengendali yang lain, peserta terpaksa memulakan semula tempoh kelayakan (biasanya dua atau tiga tahun) sebelum kontrak baru layak mendapatkan nilai serahan dan masuk di bawah fasal tidak lucut hak.
- b. Sumbangan tahunan di bawah sijil yang sedia ada mungkin lebih rendah daripada sijil yang baru dengan manfaat yang sama. Sebarang penggantian sijil jenis yang sama biasanya kadar sumbangan yang dibayar adalah lebih tinggi berdasarkan umur peserta pada masa itu.
- c. Oleh sebab kos awal sijil Takaful Keluarga yang dikenakan terhadap nilai tunai pada tahun-tahun sebelumnya, penggantian sijil lama dengan yang baru menyebabkan peserta terpaksa menanggung beban kos dua kali ganda.
- d. Klausula bunuh diri dan klausula yang tidak boleh dicabar (jika ada) akan bermula semula dengan sijil baru, yang sepatutnya boleh dibayar/ layak di bawah sijil lama yang telah

digantikan.

#### 4. Penjelasan mengenai Kontrak

##### a. Pengantara hendaklah:

- i. menjelaskan semua peruntukan penting dalam kontrak kepada prospek;
- ii. menarik perhatian peserta kepada sebarang sekatan yang ada termasuk pengecualian di bawah sijil;
- iii. menarik perhatian peserta kepada sifat jangka panjang sijil dan kepada akibat daripada penamatan awal sijil dan / atau penyerahan sijil.

##### b. Sekiranya sijil menawarkan perkongsian keuntungan, pengantara perlu menjelaskan kepada pelanggan mengenai perbezaan antara manfaat tetap dan manfaat yang diunjurkan. Dalam kes sijil cagaran di mana perolehan matang adalah bagi penyelesaian pinjaman tetapi bergantung kepada manfaat yang tidak terjamin, ilustrasi jualan harus menyebutkan bahawa “tidak ada jaminan bahawa jumlah pinjaman penuh akan diperolehi apabila sijil matang”.

##### c. Jika terdapat ilustrasi mengenai manfaat yang diunjurkan, ia perlu dijelaskan bahawa ilustrasi tersebut adalah berdasarkan kepada andaian tertentu, dan dengan itu ia tidak dijamin, dan manfaat yang diisytiharkan pada masa akan datang mungkin lebih rendah atau lebih tinggi daripada yang dijangkakan, (prestasi masa lalu tidak semestinya berulang pada masa depan). Dalam kes sijil berkaitan pelaburan, ia perlu dijelaskan bahawa nilai unit mungkin naik atau turun bergantung pada nilai asas pelaburan.

##### d. Apabila pengantara dibekalkan dengan contoh ilustrasi oleh Pengendali Takaful, pengantara tersebut hendaklah menggunakan seluruh ilustrasi apabila berbincang dengan prospek, dan tidak boleh menambah atau memilih hanya aspek yang paling menguntungkan daripada ilustrasi tersebut.

#### 5. Pendedahan Maklumat Pengunderaitan

Pengantara setelah mendapatkan borang cadangan yang lengkap diisi atau sebarang bahan lain hendaklah: -

- a. mengelak daripada mempengaruhi pencadang dan menjelaskan bahawa semua jawapan atau pernyataan yang diberi adalah tanggungjawab pencadang sendiri.
- b. memastikan bahawa akibat yang mungkin timbul sekiranya pencadang tidak menzahirkan fakta dan memberi fakta yang tidak tepat, dengan menarik perhatian pencadang kepada penyata yang berkaitan dalam borang cadangan dan menjelaskan mengenainya.

## 6. Aspek Perakaunan dan Kewangan

Pengantara hendaklah: -

- a. mengakui penerimaan dan menyelenggarakan akaun yang sempurna segala wang yang diterima berkaitan dengan sijil Takaful dan hendaklah membezakan sumbangan yang sedemikian daripada lain-lain bayaran.
- b. mengemukakan dengan segera sebarang bayaran yang diterima berkaitan perniagaan Takaful kepada Pengendali Takaful.

### **C13.3 GARIS PANDUAN MENGENAI KOD TINGKAH LAKU**

Bahagian ini membincangkan aspek-aspek berikut:

#### 1. Kod Etika (Pernyataan Falsafah)

Garis panduan ini berdasarkan kepada kenyataan falsafah berikut: -

- a. Perniagaan Takaful Keluarga adalah berdasarkan kepada falsafah perkongsian risiko. Oleh itu perniagaan tersebut perlu dikendalikan dan ditadbir dengan tahap integriti dan etika yang tertinggi.
- b. Perniagaan Takaful ialah perniagaan yang berasaskan kepercayaan dan kejujuran, yang memerlukan tahap tanggungjawab dan profesionalisme yang tertinggi.
- c. Keyakinan para peserta dan orang ramai terhadap integriti dan kejujuran Pengendali Takaful perlu dipelihara dan dipertingkatkan.
- d. Pengendali Takaful hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa perniagaan mereka diurus dengan baik untuk memastikan keselamatan wang simpanan peserta dan kredibiliti syarikat mereka.
- e. Pengendali Takaful hendaklah menyenggarakan sistem yang cekap dan menyediakan perkhidmatan yang cepat kepada para peserta dan membantu dan menasihati mereka di mana perlu, dengan tujuan untuk menggalakkan muhibah.

Dalam melaksanakan objektif dan falsafah di atas, industri Takaful telah berusaha untuk membentuk kod etika untuk menyediakan panduan kepada para pekerja dalam industri Takaful untuk menggalakkan dan mengekalkan standard etika yang seragam, dan untuk mendukung kepercayaan dan kebajikan peserta pada setiap masa.

Bahagian-bahagian yang berikut menyediakan ringkasan peraturan kod etika dimana

**kakitangan** Pengendali Takaful dikehendaki mematuhi pada setiap masa.

## 2. Perlindungan

Garis panduan ini merangkumi semua kakitangan Pengendali Takaful yang menjalankan perniagaan di Malaysia. Garis panduan ini menetapkan standard minimum tingkah laku yang perlu diamalkan oleh semua kakitangan Pengendali Takaful. Pengendali Takaful, jika perlu, bebas menggubal satu set peraturan yang lebih menyeluruh untuk mengekalkan standard etika di kalangan pekerja mereka.

## 3. Kaedah Pemantauan

Untuk memastikan pematuhan kepada garis panduan, pengurusan Pengendali Takaful perlu wujudkan prosedur yang minimum seperti berikut: -

- a. memerlukan semua pekerja (yang sedia ada dan yang baru bekerja) menandatangani satu akuan mematuhi garis panduan.
- b. memerlukan semua pengantara (yang sedia ada dan yang baru dilantik) menandatangani satu akuan mematuhi garis panduan.
- c. ketua-ketua jabatan diberi tanggungjawab memastikan garis panduan dipatuhi sepanjang masa dan mengendalikan pertanyaan daripada kakitangan mengenai perkara yang berkaitan dengan kod Tingkah laku.
- d. sebarang pelanggaran kod hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit/Tatatertib yang melaporkan terus kepada Jawatankuasa Pengurusan MTA. Di samping itu, jawatankuasa juga dikehendaki mengemukakan laporan suku tahunan kepada Bank Negara Malaysia, mengenai pelanggaran tersebut dan tindakan yang telah diambil.
- e. mengekalkan rekod berpusat tentang pelanggaran kod.
- f. melaporkan dengan segera sebarang kes penipuan kepada Polis dan Bank Negara Malaysia.

### **C13.4 PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT "CPD")**

Keperluan Minimum Jam CPD

Syarat-syarat Am

Ejen yang berkontrak baru dan pekerja institusi kewangan (tanpa mengira tahap) adalah dikehendaki melengkapkan latihan minimum mandatori selama 20 jam bagi Takaful Keluarga dan 12 jam bagi Takaful Am di dalam tempoh 6 bulan pertama perlantikan.

Untuk Ejen Takaful Keluarga:

Tahap Agensi	Keperluan
Ejen	a. 30 jam CPD setiap tahun b. termasuk 30 jam latihan Program Kepimpinan Pengurusan Agensi (Leadership Agency Management Program "LAMP")
Pengurus Unit	a. 30 jam CPD setiap tahun b. termasuk 30 jam latihan untuk LAMP
Pengurus Agensi	30 jam CPD setiap tahun
Pekerja Institusi Kewangan	30 jam CPD setiap tahun
Pekerja pemasaran institusi kewangan Pelan Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (MRTT) dan produk-produk yang berkaitan kredit	8 jam CPD setiap tahun
Ejen/ Ejen Berkerjaya/ Pengurus Unit/ Pengurus Agensi/ Pekerja institusi kewangan yang mempromosikan Takaful Berkaitan Pelaburan	Minimum 5 jam CPD setiap tahun (akan dikreditkan menjadi sebahagian daripada minimum 30 jam CPD seperti yang diterangkan di dalam keperluan Kad Skor Imbangan (Balanced Score Card "BSC")*)  *BSC sila rujuk kepada Bab A6

### C13.5 ETIKA DAN TINGKAH LAKU

#### 1. Tujuh Prinsip yang Mendasari Garis Panduan

Dokumen mengenai Kod Etika dan Tingkah Laku menerangkan dengan panjang lebar mengenai prinsip-prinsip berikut. Memadai setakat ini penerangan mengenai garis panduan; (Pembaca yang berminat digalakkan merujuk kepada dokumen berkaitan)

- a. Untuk mengelakkan konflik kepentingan.
- b. Untuk mengelakkan penyalahgunaan kedudukan/ kuasa.
- c. Untuk mengelakkan penyalahgunaan maklumat.
- d. Untuk memastikan kelengkapan dan ketepatan rekod yang berkaitan.
- e. Untuk memastikan bahawa semua bentuk komunikasi dan urusan niaga antara Pengendali Takaful dengan peserta dan pelanggannya adalah sulit.
- f. Untuk memastikan bahawa layanan yang adil dan saksama diberi kepada semua peserta dan orang lain yang bergantung kepada atau yang dikaitkan dengan Pengendali Takaful.

- g. Untuk menjalankan perniagaan dengan penuh kejujuran dan integriti.

### C13.6 KOMISEN DALAM FI WAKĀLAH DAN PENDEDAHAN KOMISEN

Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Kos Operasi bagi Perniagaan Takaful Keluarga yang dikeluarkan pada bulan Disember 2017, menyatakan tentang had jumlah komisen yang boleh dibayar kepada ejen Takaful Keluarga.

Ia juga menetapkan had komisen agensi ke atas perbelanjaan berkaitan dan perbelanjaan pengurusan yang lain. Malah, garis panduan juga menetapkan Struktur Agensi di mana Pengendali Takaful perlu mengguna pakai terhadap agensi jualan mereka.

Had komisen untuk Ejen Takaful selepas pelaksanaan Kad Skor Imbangan (BSC) bermula 1 Januari 2018 dan seterusnya ditetapkan seperti berikut:

1. Produk-produk Takaful Keluarga Biasa dengan sumbangan berbayar untuk tempoh 20 tahun atau lebih:

Tahun Sijil	Maksimum % Sumbangan Tahunan	
	Komisen Asas untuk Ejen Biasa/Ejen Korporat	Komisen Overriding untuk Ketua Agensi
1	40%	25%
2	30%	10%
3	20%	6%
4	15%	5%
5	10%	-
6	10%	-
<b>Jumlah</b>	<b>125%</b>	<b>46%</b>

2. Peratusan maksimum komisen (termasuk komisen overriding, sekiranya ada) untuk sumbangan tunggal Takaful Keluarga biasa adalah 10% dari sumbangan tunggal.
3. Produk-produk Takaful Berkaitan Pelaburan dengan sumbangan berbayar bagi tempoh 20 tahun atau lebih:

Tahun Sijil	Maksimum % of Sumbangan Tahunan
	Komisen Asas dan Overriding (termasuk bonus Produktiviti dan Konsistensi)
1	40%
2	40%
3	25%
<b>Jumlah</b>	<b>160%</b>

4. Peratusan maksimum komisen (termasuk komisen overriding, bonus produktiviti dan konsistensi) atas sumbangan tunggal untuk produk-produk Takaful Berkaitan Pelaburan dan sumbangan nilai tambah adalah 3.75% atas sumbangan tunggal.
5. Peratusan maksimum komisen (termasuk komisen overriding) untuk produk-produk Takaful anuiti tertanggung adalah 3% dari sumbangan tahunan atau anuiti tunggal.
6. Jadual komisen ini mungkin berbeza mengikut aplikasi dan pelaksanaan BSC oleh Pengendali Takaful masing-masing.

### **C13.7 AMALAN TAKAFUL KELUARGA**

#### **1. Pengenalan**

Tujuan bahagian ini adalah untuk mengurangkan formaliti yang terlibat dalam pengeluaran sijil baru dan pembayaran tuntutan. BNM telah mengeluarkan garis panduan yang dikenali “Amalan Nasihat Wajar bagi Perniagaan Takaful Keluarga” yang berkuat kuasa pada Mac 2004.

Dalam menangani isu ini, garis panduan telah mengenal pasti masalah yang ditimbulkan oleh beberapa pelanggan yang tidak mendedahkan maklumat sepatutnya dan membuat tuntutan yang tidak wajar. Oleh sebab itu dan mungkin sebab-sebab yang lain, Pernyataan Amalan tidak diwajibkan.

#### **2. Tuntutan**

- a. Garis panduan ini menghendaki bahawa Pengendali Takaful tidak boleh menolak tuntutan dengan sewenangnyanya tanpa memberi alasan yang kukuh. Khususnya, Pengendali Takaful tidak boleh menolak tuntutan atas alasan tidak dedahkan maklumat yang diperlukan atau menyatakan sesuatu yang salah yang di luar pengetahuan pencadang. Pengecualian yang diberikan adalah untuk keadaan yang disebut dalam peruntukan sijil atau peruntukan di bawah IFSA 2013, bersama-sama dengan peraturan-peraturan lain yang berkaitan.
- b. Jika terdapat had masa bagi pemberitahuan tuntutan, pihak menuntut tidak boleh diminta melakukan lebih daripada melaporkan tuntutan dan memberitahu perkembangan berikutnya secepat mungkin.
- c. Setelah pihak yang menuntut membuktikan berlakunya kejadian yang dilindungi dan hak untuk menerima tuntutan itu, tuntutan itu hendaklah dibayar tanpa kelewatan, biasanya dalam tempoh 60 hari.
- d. Pengendali Takaful tidak boleh mengenakan sebarang yuran pemprosesan tuntutan daripada peserta atau waris.



### 3. Borang Cadangan

- a. Jika borang cadangan memerlukan pendedahan fakta material, maka kenyataan perlu dimasukkan dalam akuan atau dipamerkan secara jelas di tempat lain di dalam borang atau dalam dokumen yang mana ia menjadi sebahagian dari kontrak: -
  - menarik perhatian peserta kepada akibat kegagalan untuk mendedahkan semua fakta material.
  - amaran bahawa jika prospek ragu-ragu tentang sama ada fakta tertentu merupakan fakta material atau sebaliknya, fakta tersebut perlu didedahkan.
- b. Pengendali Takaful akan memberikan satu salinan borang cadangan yang ditandatangani bersama-sama dengan sijil asal kepada peserta.

### 4. Sijil dan Dokumen yang Disertakan

- a. Pengendali takaful akan terus menyediakan borang cadangan dan dokumen sijil yang lebih jelas dengan mengambil kira keperluan undang-undang kontrak Takaful. Selain borang cadangan, pelanggan/pencadang juga perlu menandatangani "Carian Fakta Pelanggan" semasa memproses pembelian perlindungan Takaful Keluarga. Ini adalah sejajar dengan keperluan Amalan Nasihat Wajar (*PAP-Proper Advice Practice*).
- b. Sijil dan dokumen yang disertakan mesti menunjukkan sama ada terdapat hak memperoleh nilai serahan. Jika sijil tersebut mempunyai hak untuk nilai serahan maka hak tersebut mesti dinyatakan di dalam sijil. Berkenaan dengan cadangan untuk perlindungan bertempoh, atau Takaful endowmen, risalah jualan perlu menerangkan ciri-ciri berikut:
  - i. bahawa ini ialah kontrak jangka panjang.
  - ii. nilai serahan terutamanya pada tahun-tahun awal, biasanya kurang daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.

#### **C13.8 BAHAN PROMOSI / IKLAN**

Pengendali Takaful akan memastikan bahawa maklumat yang terkandung dalam bahan-bahan jualan dan iklan adalah betul dan benar dan dengan itu tidak mengelirukan orang ramai. Ini akan memastikan bahawa perniagaan yang dijalankan akan mematuhi keperluan *Shari'ah* pada setiap masa.



## GLOSARI

BIL	TERMA	DEFINISI
1	Akhlāq	Sifat, Etika, Moral atau Adab (seorang)
2	Ad-Dīn	Kepercayaan/Agama
3	Al-Qur'ān	Wahyu/perkataan Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW oleh Jibril AS dalam bahasa Arab
4	Aqad	Kontrak
5	'Aqidan	Pihak yang berkontrak
6	'Aql	Kewarasan
7	Bay' Al-Naqdi	Jual beli secara tunai
8	Bay' Al-Salam	Jual beli masa hadapan
9	Bay' Bithaman Ājil	Jual beli pembayaran secara tangguh
10	Fatwa	Keputusan yang dibuat oleh agamawan
11	Faraid / Faraidh	Pewarisan
12	Fiqh	Perundangan Islam
13	Gharār	Kesamaran / ketidakjelasan
14	Gharār Fāḥish	Gharār besar atau keterlaluan
15	Gharār Yasīr	Gharār kecil atau sedikit
16	Hadis	Rekod mengenai segala perkataan, perbuatan dan ketetapan dan persetujuan dari Nabi Muhammad SAW
17	Hibah	Hadiah
18	'Ibādah	Perbuatan dalam segala yang Allah SWT suka merangkumi kata-kata dan perbuatan, nyata dan tersembunyi
19	Ijāb	Penawaran
20	Ijārah	Pemajakan/penyewaan
21	Ijma'	Kesepakatan pendapat
22	Ijtihad	Penaakulan oleh ulama yang berkelayakan / keputusan undang-undang
23	Istisna'	Jual beli secara tempahan
24	Jinayat	Mana-mana perbuatan yang dilarang yang boleh menyebabkan ancaman kepada agama, jiwa, kewarasan, penghormatan, dan kekayaan seseorang.
25	Hajj	Mengerjakan haji
26	Māl	Harta/Kekayaan
27	Maysir	Judi
28	Ma'aqūd 'Alaih	Hal perkara
29	Maqāṣid al-Sharī'ah	Objektif Sharī'ah
30	Mu'āmalāt	Apa-apa bentuk urusan bersama yang diadakan antara manusia untuk menyelesaikan keperluan harian mereka, terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan perdagangan dan perdagangan
31	Muḍārabah (perkongsiian untung rugi)	Perjanjian yang dibuat antara pemberi modal dan pihak lain yang bertindak sebagai usahawan yang membolehkan usahawan menjalankan projek perniagaan dan keuntungan akan diagihkan berdasarkan nisbah perkongsiian untung yang telah dipersetujui. Dalam kes kerugian, ianya akan ditanggung oleh pemberi dana
32	Muḍārib	Usahawan

33	Murābahah	Jualan kos campur keuntungan
34	Mushārahah (usahasama untung dan rugi)	Perkongsi atau usahasama untuk perniagaan tertentu, di mana pengagihan keuntungan akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui. Sekiranya berlaku kerugian, kedua-dua pihak akan berkongsi kerugian berdasarkan penyertaan ekuiti mereka
35	Nafs	Nyawa
36	Nasl	Keturunan
37	Qabūl	Penerimaan
38	Qatl	Pembunuhan
39	Qard	Pinjaman
40	Rabbul māl	Pemberi modal
41	Ribā	Faedah atau penambahan
42	Ribā al-Buyū'	Ribā dalam perdagangan
43	Ribā al-Duyūn	Ribā dalam hutang
44	Ribawi items	Enam bahan (barangan) yang dijual mengikut berat dan ukuran, iaitu: emas, perak, kurma, gandum, garam dan barli
45	Salāh	Sembahyang
46	Saum	Puasa
47	Sarīqah	Mencuri
48	Sharī'ah	Keseluruhan pengajaran dan sistem Islam, yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang terdapat di dalam Al-Quran dan tradisi kenabian Nabi Muhammad SAW
49	Sighah	Lafaz ijab dan qabul
50	Sunnah	Cara perundangan, perintah, ibadat dan pernyataan Nabi Muhammad SAW yang merupakan contoh dan model yang harus diikuti oleh umat Islam
51	Ta'awun	Bantu-membantu
52	Tabarru' (sumbangan)	Pemberian/sumbangan secara sukarela
53	Takaful	Suatu skim yang bercirikan semangat bantu- membantu dan tolong-menolong dengan menyediakan bantuan kewangan kepada pesertapeserta jika diperlukan dan semua peserta sama-sama bersetuju untuk memberikan sumbangan bagi tujuan tersebut
54	Ujrah	Yuran
55	Wakālah (agensi)	Seseorang mewakilkan orang lain untuk bertindak bagi pihaknya
56	Zakāh	Zakat
57	Zina	Hubungan seks yang diharamkan